

SEMINANG 2022

PROSIDING

SEMINAR ANTARABANGSA KEBUDAYAAN ADAT
MINANGKABAU NEGERI KEMBAR 50 KOTO
& NEGERI SEMBILAN

PENGARUH KEPEMIMPINAN ADAT MINANGKABAU
DI ALAM MELAYU

21 APRIL 2022

Anjuran:

- Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA),
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

dengan kerjasama

- Kerajaan Negeri Sembilan, Malaysia
- Lembaga Kerapatan Adat 50 Koto Sumatera Barat (LKAM), Indonesia



SEMINANG

2022

PROSIDING

**Seminar Antarabangsa Kebudayaan Adat
Minangkabau Negeri Kembar 50 Koto &
Negeri Sembilan Ke-2**

21 April 2022

SEMINANG

2022

PROSIDING

**Seminar Antarabangsa Kebudayaan Adat
Minangkabau Negeri Kembar 50 Koto &
Negeri Sembilan Ke-2**

21 April 2022

Editor:

Mohd Rosli Saludin
Ahmad Bazri Mokhtar
Muhamad Shafiq Mohd Ali

Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi, Selangor Darul Ehsan

© Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM.

Reka bentuk kulit : Sri Yanti Mahadzir
Tata letak : Muhamad Shafiq Mohd Ali

Cetakan Pertama, 2022

KANDUNGAN

Kandungan	v
Prakata	vi
1 Mohd Rosli Bin Saludin <i>Falsafah Dan Nilai Institusi Raja Di Negeri Sembilan</i>	1
2 Alis Marajo <i>Sistem Adat Nan Terpakai Di Luak 50 Koto Dan Negeri Sembilan</i>	75
3 Mohd Nasir Saludin <i>Bijaksana Pemimpin Dalam Pengurusan Kepimpinan Adat Di Minangkabau Dan Adat Perpatih Di Negeri Sembilan</i>	82
4 Muhamad Shafiq Mohd Ali <i>Kepimpinan Masyarakat Minangkabau Melalui Perang Padri</i>	91
5 Supyan Hussin <i>Pengaruh Minangkabau Dalam Kearifan Tempatan Di Alam Melayu: Apa Asasnya Kalau Bukan Akal Budi Melayu?</i>	113
6 Abdul Karim Mansor & Suriyani Othman <i>Unsur-Unsur Tasawuf Dalam Adat Perpatih Negeri Sembilan Dan Adat Minangkabau</i>	125
7 Yulfian Azrial <i>Pengaruh Dato' Tumenggung dan Dato' Perpatih di Alam Melayu</i>	138
8 Yunirwan Khatib <i>Tatacara / Prosesi Pernikahan di Luak Limo Puluah (Nagari Payobasung)</i>	148
9 Zulhikmi <i>Prosesi Batagak Pangulu atau Tatacara Lantikan Kepemimpinan Adat di Minangkabau</i>	158
10 Zulkifli <i>Asal Usul Nama Suku di Negeri IV dan Kaitannya dengan Lima Puluh Kota</i>	169
11 Ahmad Bazri Mokhtar & Mohd Rosli Saludin <i>Mendalami Adat Perpatih Berdasarkan Tambo Alam Minangkabau</i>	174
12 Yulizal Yunus <i>Pengaruh Kepimpinan Raja-Raja Di Minangkabau</i>	195

PRAKATA

Hubungan jaringan dan kerjasama pihak Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM dengan pihak Lembaga Kerapatan Adat 50 Koto Sumatera Barat, Indonesia telah bermula sejak penganjuran Wacana ATMA yang bertajuk Persamaan Identiti Antara 50 Koto dan Negeri Sembilan: Sejarah, Budaya dan Warisan anjuran oleh Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama Lembaga Kerapatan Adat 50 Koto Sumatera Barat bertarikh 3 Oktober 2019 Bertempat di Bilik Senat, Bangunan Canselori, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sehubungan itu, cadangan seminar ini diadakan adalah bertujuan untuk meneruskan lagi kesepakatan yang telah terjalin sejak resolusi yang telah dipersetujui bertarikh 3 Oktober 2019. Jalinan itu berterusan apabila pihak Universiti Imam Bonjol dan Lembaga Kerapatan Adat Kabupaten 50 Koto sentiasa bermuzakarah di alam maya dengan Profesor Madya Dato Paduka Dr Mohd Rosli Saludin dari Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM. Buat masa ini telah wujud kajian lapangan dengan bantuan Lembaga Kerapatan Adat Kabupaten 50 Koto yang bertajuk Seni Berbahasa Dalam Teromba. Profesor Yuslizal dari Universiti Imam Bonjol dan Profesor Madya Dato' Paduka Dr telah dijemput oleh Universiti Melaka dalam Wacana secara maya tentang Raja-Raja Melayu. Profesor Dr Suriyadi dari Leiden dan Profesor Madya Dato' Paduka Dr Mohd Rosli Saludin juga telah berwacana secara maya tentang Pengaruh Minangkabau Melalui Manuskrip dan Juga Lapangan. Terbaru, pada 30 Jun 2021, telah dilangsungkan SEMINANG yang pertama dengan julung kalinya secara atas talian.

Justeru, Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia mengadakan bagi kali kedua Seminar Antarabangsa Kebudayaan Adat Minangkabau dengan tema Pengaruh Kepimpinan Adat Minangkabau di alam Melayu. Seminar ini akan mengumpulkan para penyelidik kebudayaan Melayu dan seterusnya melestarikan aktiviti penyelidikan peradaban Melayu walaupun di dalam kekangan pandemik Covid-19. Oleh itu, dengan kerjasama rakan strategik dari Indonesia akan menyemarakkan lagi jaringan dan pembudayaan penyelidikan kebudayaan Melayu secara langsung dan tidak langsung.

Mohd Rosli Saludin

Ketua Editor

April 2022

FALSAFAH DAN NILAI INSTITUSI RAJA DI NEGERI SEMBILAN

MOHD ROSLI BIN SALUDIN
Felo Penyelidik Kanan,
Institut Alam Dan Tamadun Melayu
(ATMA), UKM, Bangi, Selangor

ABSTRAK

Kajian ini ialah tentang, “Falsafah dan Nilai Institusi Raja Di Negeri Sembilan.” Objektifnya untuk mengenalpasti falsafah yang terdapat dalam Institusi Beraja Di Negeri Sembilan, menganalisis nilainya dengan menggunakan Teori Teksdealisme dan mengkaji kesan falsafah dan nilai terhadap pentadbiran pada masa kini. Teori Teksdealisme anjuran Mana Sikana fokus kepada prinsip kehadiran, perlanggaran, pengukuhan dan juga keunggulan atau individualisme. Dapatkan kajian menjelaskan bahawa institusi raja di Negeri Sembilan memang terkait dengan Sumatera Barat terutama zaman awal, zaman Raja Melewar, Raja Hitam dan juga Raja Lenggang. Falsafahnya institusi raja di Negeri Sembilan tidak boleh lari dari pengaruh Minangkabau dan terdapat muafakat dengan orang asal Negeri Sembilan untuk membina pertempatan. Adat ini juga terbahagi kepada Adat Melayu, Adat Perpatih dan juga Adat Temenggung. Tunjang adatnya terdiri dari adat yang sebenar adat, adat yang diadatkan, adat yang teradat dan adat istiadat. Rajanya pula penuh dengan nilai murni dan moral iaitu Raja Lenggang nilai hormat-menghormati, patuh agama, prihatin dan jatidiri yang kukuh dan inilah raja yang banyak mempunyai nilai baik. Raja lain juga ada nilai baiknya tapi zaman Lenggang negeri penuh dengan kebahagiaan. Kajian ini berguna kepada semua pihak untuk kita menilai kebaikan dan kehebatan kepimpinan raja di Negeri Sembilan.

Kata Kunci: Falsafah, Nilai, Institusi Beraja Di Negeri Sembilan

PENGENALAN

Negeri Sembilan merupakan negeri Melayu pertama yang bentuknya mirip persekutuan sebelum terbentuknya Negeri-Negeri Melayu Bersekutu melalui Perjanjian Persekutuan 1896 oleh British. Negeri Sembilan mengamalkan sistem pemerintahan berdasarkan Adat Perpatih, iaitu kedaulatan berada di tangan rakyat. Namun begitu sekitar tahun 1600 sudahpun wujud sistem Tiang Balai yang mana semuanya berpaksi kepada Penghulu dan Ketua Penghulu. Sistem beraja wujud sekitar 1722 dan selepas itu wujud pesaka Lembaga dan muafakat mengadakan raja. Teromba berikut menyatakan:

*Anak Buah menjadikan Buapak
Buapak menjadikan Penghulu
Penghulu menjadikan Ketua Penghulu
Ketua Penghulu menjadikan Raja*

Ini menunjukkan bahawa sistem pemilihan pemimpin di Negeri Sembilan mempunyai unsur demokrasi. Sistem pemerintahannya telah melahirkan peraturan hidup seperti kepentingan bersama, semangat bergotong-royong, permuafakatan dan sikap saling menghormati antara satu sama lain. Sistem ini lebih mementingkan permuafakatan dan semangat kerjasama antara suku semasa memilih pemimpin. (Ramlah Adam et al., 2004: 87).

Pelantikan pemimpin dibuat daripada peringkat paling bawah, iaitu Anak Buah, diikuti oleh Buapak, Lembaga, Penghulu dan Undang yang kemudiannya melantik Yang Di-Pertuan Besar. Walaupun Yang di-Pertuan Besar merupakan pemerintah tertinggi tetapi baginda tidak berhak melantik pembesar. Hal ini disebabkan pelantikan tersebut dibuat oleh Undang, Penghulu, Lembaga, Buapak dan Anak Buah. Setiap keputusan Yang diPertuan Besar adalah berdasarkan perundingan baginda dengan Undang. Negeri Sembilan dibahagikan kepada beberapa daerah atau jajahan yang disebut luak. Empat luak yang utama ialah Sungai Ujong, Jelebu, Johol dan Rembau. Ketua setiap luak utama ialah Undang dan mereka ini dipilih oleh Lembaga dan disahkan oleh Ibu Soko. Undang dipertanggungjawabkan untuk melantik Yang Di-Pertuan Besar. Di bawah Undang ialah Penghulu, Lembaga dan Lembaga ini dilantik oleh Buapak. Lembaga merupakan ketua suku anggota masyarakat. Setiap Lembaga bertanggungjawab terhadap suku masing-masing. Lembaga dan Ibu Soko juga berkuasa untuk memilih individu yang layak untuk menjadi Undang. Buapak pula merupakan Ketua Perut dan setiap anggota Perut dikenali sebagai Anak Buah. Buapak menjadi tempat rujukan bagi setiap masalah, khususnya yang berkaitan dengan adat. Sistem ini tidak mengamalkan kuasa mutlak tetapi mengagihkan kuasa tersebut kepada individu mengikut peringkat. (Ramlah Adam et al., 2004: 87-88).

Pemerintahan beraja di Negeri Sembilan memberi kesan dalam pentadbiran di negeri tersebut hingga kini. Falsafah dalam institusi beraja di Negeri Sembilan juga berlaku secara berperingkat iaitu dari segi susur-galur pemerintahan beraja di negeri tersebut dari raja pertama hingga raja sekarang. Setiap pemerintahan yang dijalankan oleh raja yang memerintah terdapat perwatakan yang berbeza yang menjadikan mereka raja yang disanjung tinggi. Dalam penelitian ini, pengkaji mengupas bagaimana susur-galur dalam pemerintahan beraja di negeri Sembilan dan nilai-nilai yang terdapat pada raja-raja yang menjadi penaung atau pemerintah di negeri tersebut dan akhirnya kesan yang tinggal terhadap masyarakat hasil daripada pemerintahan yang dijalankan sejak berabad lamanya.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Alam Terkembang Menjadi Guru iaitu migrasi kelompok Melayu di Nusantara terutama dari pulau Sumatera yang bernama Alam Minangkabau ke Tanah Semenanjung Melayu yang disebut Ujung Tanah Minangkabau telahpun berlaku semenjak abad XV lagi, bahkan sebelumnya, bertolak dari Luak Nan Tiga melalui Luak Lima Puluh Koto dan Rantau Timur. Dapat dilihat melalui Syekh Makdum, peristiwa sejarah yang dikesan adalah ketibaan seorang Syekh Makdum atau Majnun penyiar Syariat Islam di Tanah Semenanjung bermakam di Kuala Kempas Linggi, dikenal sebagai Keramat Sungai Udang bertarikh 1464.

Namun begitu harus diingat Negeri Sembilan asal ialah suatu kawasan yang cukup luas iaitu Sungai Ujong, Jelebu, Johol, Rembau, Kelang, Naning, Ulu Pahang, Jelai dan Segamat. Tapi selepas kemasukkan penjajah maka persempadanannya telah berubah. Kuasa Ibu Soko tidak ditonjolkan sangat kerana ia boleh mengancam pihak Inggeris dan tambahan pula tanah Negeri Sembilan ini adalah tanah perempuan. Jadi sebenarnya Ibu Soko punya peranan yang cukup besar sekali.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai objektif yang tersendiri. Antaranya ialah:

1. Mengenal pasti falsafah yang terdapat dalam Institusi Beraja di Negeri Sembilan.
2. Menganalisis nilai dalam Institusi Beraja di Negeri Sembilan dengan menggunakan Teori Teksdealisme.
3. Mengkaji kesan Falsafah dan Nilai terhadap pentadbiran pada masa kini.

BATASAN KAJIAN

Batasan kajian ini hanyalah mengenai falsafah dan nilai dalam institusi beraja di Negeri Sembilan. Pengkaji memilih untuk mengkaji tajuk ini kerana pengkaji melihat masih ramai masyarakat pada masa kini lupa sejarah atau susur-galur pemerintahan pada zaman dahulu. Hal ini demikian kerana falsafah dan nilai dalam Institusi Beraja merupakan satu elemen yang penting yang dapat dijadikan pengajaran dan panduan kepada masyarakat pada masa kini.

Dalam adat istiadat dan budaya dalam Sulalatus Salatin merupakan satu elemen yang patut difahami dengan betul terutama untuk dimartabatkan semula. Jika kita mengangkatnya semula bermakna kita telah sama-sama bangga dengan jati diri ini. Inilah keunikan yang ada dalam masyarakat Melayu dan ianya harus dipertahankan, dikupas dan dikaji. Oleh itu, pengkaji melihat kajian ini merupakan satu kajian yang penting dan boleh memberi manfaat kepada pengkaji pada masa yang akan datang supaya akhirnya dapat memperkuuh bangsa Melayu dan warganegara Malaysia keseluruhannya. Kajian ini menggunakan segala bahan yang ada, dari buku, pandangan tokoh, analisis fakta sejarah dan semua yang difikirkan penting. Pengkaji juga turun ke lapangan untuk memastikan sejarah dan bukti yang berlaku. Dalam kajian ini pengkaji melihat bukti-bukti bertulis, internet, jurnal, buku, makam seperti batu menhir, sungai, hutan, rumah lama, senjata, alat muzik, perigi lama, gua, batu penyu, tobek godang, senjata, bahasa, teromba, sawai, makanan tradisi, alat kebesaran dan semua bahan yang boleh dijadikan sebagai sumber cerita.

Batasan Kajian ini bermula dari zaman Raja Melewar (1771-1795) hingga zaman Raja Mukhriz (2008-Kini), akan tetapi pengkaji juga mengkaji sejarah awal Raja-Raja di Minangkabau dan hubungan dengan Negeri Sembilan serta perkaitan dengan Raja-Raja yang tidak mentadbir tetapi mempunyai peristiwa sejarahnya. Contohnya, Tuanku Ahmad Tunggal layak menjadi Yang Di-Pertuan Besar, tetapi keadaan yang menyebabkan baginda terpinggir. Semuanya ini dikaji secara mendalam dan kritis untuk mencari jawapannya. Di samping itu, dimasukkan juga sejarah rajaraja di Negeri Sembilan dan sejarah Negeri Sembilan yang tidak pernah bertulis.

Tegasnya, dengan adanya kajian yang sedemikian, secara tidak langsung ianya akan memberikan pengetahuan serta rujukan kepada pengkaji-pengkaji yang ingin mengkaji tentang falsafah dan nilai dalam institusi beraja. Pengkaji juga akan menelusuri

secara menyeluruh mengenai falsafah melalui susur-galur Institusi Beraja di Negeri Sembilan. Pengkaji juga telah pergi Tanah Minangkabau terutama ke Kabupaten 50 Koto, Tanah Datar, Agam, Padang, Bukit Tinggi dan beberapa kawasan lain untuk dibuat pengesahan dan bandingan. Pengkaji juga sempat menemu ramah

Dr, Alis dan Dato' Tombi serta beberapa orang lagi yang ada di Istana Selindungbulan Pagaruyung. Sudah pasti akan ada kontroversi dengan apa yang ditulis dan diharapkan perkara ini akan menuju jalan kebaikan melalui kupasan buku dan mengeluarkan buku yang lain pula. Kita harus bersikap terbuka untuk institusi raja Negeri Sembilan ini menjadi kukuh dan kuat sepanjang zaman.

KAEDAH KAJIAN

Dalam memastikan kajian yang dibuat oleh pengkaji berjalan dengan lancar, pengkaji telah menggunakan kaedah penyelidikan kepustakaan dan lapangan. Kajian ini dijalankan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan. Bahan-bahan rujukan juga diperoleh melalui buku-buku serta bahan-bahan ilmiah yang lain. Kajian ini adalah terbatas dan hanyalah berbentuk keperpustakaan.

Kajian kepustakaan telah dibuat oleh pengkaji sebagai tempat rujukan untuk mencari definisi dan kajian sebelum ini yang pernah dijalankan oleh pengkaji lain. Kajian masa lalu yang berkaitan dan yang pernah dibuat kajian oleh pengkaji yang lepas amat penting untuk dimuatkan dalam bab sorotan literatur.

Pengkaji juga telah menggunakan kaedah analisis teks dengan membuat koding terhadap teks yang dianalisis bagi mencari fakta yang kukuh berkaitan tajuk yang dikaji. Analisis teks merupakan satu kaedah kajian yang memerlukan penelitian yang rapi kerana analisis ini memerlukan pengkaji membaca teks yang hendak dianalisis berulang kali. Hal ini bertujuan bagi mengurangkan kesilapan semasa analisis dijalankan. Analisis teks ini penting agar dapat membantu pengkaji bagi melihat kembali sejarah susur-galur dalam Institusi Beraja dan nilai yang terdapat pada penaung yang memerintah.

TEORI DAN PENDEKATAN YANG DIGUNAKAN

Pengkaji telah menggunakan analisis pengumpulan data melalui kaedah penyelidikan kepustakaan dan analisis teks sahaja untuk memastikan kajian yang dijalankan berjalan dengan lancar. Ianya juga bertujuan untuk memudahkan pengkaji membuat perancangan awal yang tepat bagi melicinkan kajian yang dijalankan. Dalam memastikan kajian yang dibuat oleh pengkaji berjalan dengan lancar, pengkaji telah menggunakan kaedah penyelidikan kepustakaan. Kajian ini dijalankan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan Falsafah dan Nilai dalam Institusi Beraja di Negeri Sembilan. Bahan-bahan rujukan juga diperoleh melalui buku-buku serta bahan-bahan ilmiah yang lain. Kajian ini adalah terbatas dan hanyalah berbentuk keperpustakaan.

Teori Teksdealisme

Dalam penyelidikan ini pengkaji telah menggunakan teori Teksdealisme untuk melakukan penyelidikan tentang nilai-nilai yang terdapat pada pemerintah sepanjang

pemerintahan beraja di Negeri Sembilan. Kajian ini belum pernah dibuat oleh pengkaji lain dan sudah pasti hasilnya kelak akan memberi faedah terhadap ilmu pengetahuan kepada pengkaji yang akan datang. Teori Teksdealisme lahir daripada pengasasnya (Mana Sikana) pada tahun 1993-1995 yang sentiasa menulis tentang sastera rentetan permintaan Johan Jaafar di Utusan Melayu.

Prinsip-prinsip dalam Teori Teksdealisme

Jaluran pengkajian menjelaskan Teksdealisme merupakan kaedah baharu yang hadir dalam membekalkan penulisan teks dengan kepentingan idealisme atau keunggulan yang memerlukan pembaharuan dalam penciptaan, inovasi, transformasi, modifikasi dan demitefikasi (Mana Sikana, 1996:112). Hakikat Teksdealisme menjelaskan, teks tidak mampu berdiri sendiri tanpa tiang-tiang sistem yang meneguhkan teks tersebut. Mana Sikana dalam teori ini telah menggariskan empat prinsip yang dapat diaplikasikan untuk mengkaji dan menganalisis dari sudut pengarang, teks dan khalayak.

Kerangka Mana Sikana percaya bahawa pengaplikasian keempat-empat prinsip meraihkan keunggulan bukan sahaja bagi pengarang, teks, dan khalayak di samping membolehkan khalayak mengapresiasi dan menilai sesebuah teks mahupun pengarang. Bagi mencapai tahap keunggulan sesebuah teks, Mana Sikana (1996) menjadikan empat prinsip antaranya kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisma atau keperibadian sebagai garis panduan, metode dan mekanisme penciptaan dan penganalisisan sesebuah teks.

Peringkat Kehadiran

Kehadiran adalah prinsip pertama dan sangat penting dalam teori Teksdealisme. Bagi Mana Sikana (2006) kod ini bukan sahaja garis panduan yang menyediakan pengarang dan teks yang unggul tetapi khalayak yang unggul. Kehadiran pengalaman ke dalam ketiga-tiga aspek tersebut akan menentukan tahap keunggulan mereka. Kehadiran pengalaman dalam diri pengarang dan teks perlu dibicarakan secara bersama kerana kedua-dua aspek ini saling berkait rapat. Malahan, kehadiran pengalaman dalam diri pengarang akan dikumpul, dicerna dan diciptakan dalam bentuk teks kreatif. Manakala, kehadiran dalam diri khalayak pula hanya akan berlaku apabila teks tersebut telah siap dan sampai ke tangan pembaca.

Menekuni konsep kehadiran memperlihatkan bagaimana pengarang memilih dan mengangkat bahan-bahan daripada idea dan pengalaman. Sesebuah karya yang kukuh dan berestetika datangnya daripada pengalaman yang mengandungi makna yang kuat dan kukuh. Makna yang kuat bererti karya memiliki dasar permaknaan dan signifikansi yang bermanfaat untuk khalayak. Bererti, sesebuah teks mempunyai hubungan dengan perasaan, pemikiran dan intertekstualisasi khalayak serta sastera yang kuat itu membina makna teks yang disampaikan secara tersurat dan tersirat (Mana Sikana, 2006: 101).

Sesebuah karya sastera yang berestetika Melayu datangnya daripada pengalaman yang berorientasikan pengajaran dan mengandungi teks yang kuat dan kukuh sebagai ujaran bermakna. Pendeknya, bagi Mana Sikana (2008:102) teori ini menekankan

kebijaksanaan pengarang dalam memilih, menggarap dan mengerjakan teks-teksnya supaya menjadi sebuah teks yang mencapai keunggulannya. Diteliti, terdapat dua pecahan prinsip kehadiran dalam diri pengarang dan teks.

Pertama ialah kehadiran adalah suatu proses yang berterusan dan proses pembentukan idea atau sebelum penulisan teks dan ketika proses penulisan sehingga teks siap. Proses kehadiran akan terhenti seketika apabila teks telah siap tetapi akan bermula kembali apabila ia sampai ke tangan khalayak. Maka, kehadiran dalam diri pengarang dapat dilihat melalui lintasan-lintasan idea dalam pemikirannya yang mula membentuk cerita untuk menuju ke penulisan teks. Ketika proses penulisan teks, kehadiran berlaku secara berterusan sehingga teks itu siap ditulis.

Kedua pula merujuk kepada kehadiran pengalaman berlaku secara sengaja juga secara tidak sengaja. Kehadiran secara tidak sengaja berlaku sebelum pembentukan idea atau pun sebelum proses penulisan. Ini dapat dilihat melalui lintasan idea yang bersumberkan pengalaman-pengalaman yang pernah dilalui oleh pengarang. Malahan, kehadiran ini juga boleh berlaku semasa dalam proses penulisan atau selepas pembentukan idea. Penjelasan Mana Sikana (2008), rujukan pengarang untuk kehadiran secara tidak sengaja ialah ‘gedung pengalaman’ pengarang atau pengalaman itu hadir tanpa diusahakan, tetapi dengan cara sendiri.

Kehadiran secara sengaja pula berlaku hanya setelah pembentukan idea dalam pemikiran pengarang. Kehadiran sengaja didatangkan daripada rujukan yang sengaja dibuat iaitu sama ada rujukan langsung melalui buku-buku, televisyen, radio, pemerhatian dan sebagainya ketika dalam proses kreatif atau secara tidak langsung melalui imbasan kembali segala pengalaman yang pernah dilalui dan tersimpan dalam ‘gedung pemikiran’ pengarang. Kehadiran secara sengaja bertujuan untuk memantapkan lagi idea dan pengalaman sedia ada dalam pemikiran pengarang dan akhirnya dihadirkan dalam teks dengan lebih berkesan.

Dalam melakukan kehadiran pengalaman ke dalam teks, terdapat beberapa proses yang perlu dilakukan oleh pengarang iaitu proses pemilihan, kesepadan, dan pemaknaan atau penafsiran semula terhadap pengalaman pengarang. Selain itu, kehadiran turut hadir dalam pelbagai bentuk antaranya struktur, unsur, aliran dan ideologi. Dalam bentuk struktur, dibahagikan kepada pemikiran, plot, watak, bahasa dan latar.

Tuntasnya, Mana Sikana (1998: 66) melalui prinsip kehadiran menjelaskan seperti berikut:

“Sesebuah teks itu selalu menyembunyikan makna, bukan sengaja dilakukan pengarang tetapi bernyawa disebalik kata-kata atau wacana yang digunakan. Sebuah teks adalah himpunan kehadiran dari suatu kehidupan, suatu teks memberi pertanyaan dan juga jawapan kepada teks yang lainnya. Justeru itu, seorang pengkaji pun harus menjadikan dirinya sebagai seorang yang idealistik iaitu mengumpul segala maklumat sehingga tatkala ia membaca sesebuah teks dia mampu menghadirkan segala sumber”

Peringkat Pelanggaran

Teksdealisme meletakkan perlanggaran sebagai suatu kaedah untuk menganalisis sesebuah teks bagi memperlihatkan sifat-sifat keunggulannya. Hasil sastera yang unggul dan mendapat tempat di hati khalayak adalah melalui teks-teks yang melakukan perlanggaran dan pemberontakan. Perlanggaran bertujuan untuk menunjukkan kesedaran jiwa pengarang dalam menghasilkan karya-karya yang unggul.

Mana Sikana (2006: 114) menyatakan prinsip perlanggaran berlaku apabila seseorang pengarang sedar konsep kepengarangannya lantas mencuba melakukan pembaharuan bagi setiap teks yang dihasilkannya. Sifat pembaharuan, eksperimental dan pemantapan merupakan suatu rancangan bagi penghasilan teks-teks moden, eksperimental dan avant-garde. Karya yang unggul lazimnya berada dalam struktur yang unggul. Ini bermakna penganalisisan dilakukan oleh pengarang bagi tujuan pengekalan dan perubahan dalam konvensi sastera, tradisi teks dan berkaitannya.

Di samping itu, Mana Sikana (2006: 90) menyatakan prinsip perlanggaran juga merujuk suatu proses penciptaan demi mencari pembaharuan dalam berkarya. Dalam konteks ini, aspek perlanggaran dapat menampilkan atau menonjolkan apakah yang dikekalkan dan apakah yang diubah sehingga terhasilnya makna yang baharu. Apabila aspek perlanggaran digunakan oleh pengarang, maka akan terlihat perbezaan teks-teks yang pernah dihasilkan. Terdapat beberapa faktor yang menunjukkan pengarang melakukan perlanggaran dalam penghasilan teks yang unggul. Lataran itu, pengarang perlu melakukan perubahan dalam menghasilkan teks-teks yang baharu dengan sering memperbaiki dirinya dan cuba menyaingi penulis-penulis yang lebih mapan.

Kedua, pengarang yang unggul sentiasa memperbaiki mutu dan corak penulisannya. Ketidakpuasan terhadap teks yang pernah dihasilkan menyebabkan pengarang sentiasa berusaha menjadikan teks-teks yang bakal dilahirkan menjadi lebih baik. Akhirnya, dari sudut kejiwaan pengarang, ianya beranggapan bahawa teksnya ditolak daripada dikategorikan unggul lantas mencuba memperbaiki kesilapan dan kekurangan yang dihasilkannya. Demi mendapatkan prinsip perlanggaran, seseorang pengarang itu perlulah mempunyai sifat keberanian. Malahan keberanian itu perlulah disertakan dengan kebijaksaan.

Peringkat Pengukuhan

Mana Sikana (2009: 519) menyatakan “pengarang ialah manusia yang penuh aksi dan tindakan serta cukup prihatin dan conscience terhadap masa silam dan masa depan”. Pernyataan beliau menggambarkan bahawa seseorang pengarang akan terus berusaha untuk melakukan pengukuhan terhadap teks-teks yang pernah dihasilkan sepanjang karier sebagai pengarang. Setiap pengukuhan teks secara tidak langsung membawa implikasi pengukuhan terhadap dirinya.

Berdasarkan teori Teksdealisme, prinsip pengukuhan ditakrifkan sebagai usaha pematangan dan pendewasaan pengarang untuk menghasilkan teks yang unggul. Pengarang akan berusaha dan beriktiar dengan segala kemampuan serta kebolehan yang dimiliki untuk memperbaiki teks yang dihasilkan serta kebolehan menyiatnya sebagai usaha pematangan, pengejapan dan penyempurnaan dalam berkarya.

Pengarang melakukan pelbagai teknik dan kaedah untuk mengukuhkan hasil teksnya. Lantaran itu, pengarang melakukan penyelidikan terhadap teks-teks yang pernah dihasilkannya serta sering melakukan pembetulan demi pembetulan, pengejapan demi pengejapan terhadap teks yang dikerjakan. Sebagai pengarang yang unggul, seseorang itu tidak akan membenarkan dirinya berada terus di bawah teks yang lemah atau bayang-bayang kelemahan orang lain demi pembaharuan yang dinamik. Oleh itu, demi membina jati dirinya, pengarang akan melakukan pengukuhan dari teks ke teks malahan dari subteks ke subteks.

Kaedah pengukuhan pengarang berlaku dalam pelbagai peringkat dan keadaan. Pertama, melalui kesedaran batin pengarang menjadikannya selalu bersikap adil dan sensitif lantas melakukan pengukuhan setiap kali berkarya. Keduanya, pengarang secara penuh kesedaran membuat penyelidikan semula teks-teks yang pernah dihasilkannya dahulu dengan tujuan membaiki kesilapan terdahulu. Proses ini adalah usaha yang berterusan dilakukan oleh pengarang dalam tugas atau kerja kepengarangannya.

Peringkat Individualisme

Merujuk Mana Sikana (2008: 146), individualisme mempunyai hubungan yang sangat erat dengan autentisiti dan originaliti. Meskipun berlaku segala persilangan kehadiran dan segala sistem tanda, tetapi keaslian kepengarangan haruslah dipertahankan. Prinsip individualisme ini merupakan kemuncak perbincangannya terhadap sesebuah teks atau seseorang pengarang. Mana Sikana (1998: 325) menjelaskan;

“Falsafah teori Teksdealisme dalam prinsip keperibadian ini menegaskan bahawa setiap pengarang haruslah berusaha untuk menghasil atau menciptakan sifat keperibadian atau sifat individualism masing-masing”.

Bagai suatu mimpi ngeri membayangi seseorang pengarang apabila dibayangi pengarang lain seperti penulis muda yang menjadikan pengarang mapan sebagai idolanya. Seharusnya, keberlaluan waktu membolehkan mereka cuba untuk mencipta identiti diri dengan keluar daripada kepompong kepengaruan itu dengan mencipta kelainan dari segi bahasa, persoalan, teknik dan sebagainya.

Prinsip keperibadian ini akan menganalisis dan memperlihatkan;

- i. Pertama-Apakah usaha pengarang untuk mencapai tahap keperibadian atau individualisme?
- ii. Kedua-Menjelaskan sifat-sifat keperibadian
- iii. Ketiga-Bagaimanakah prinsip keperibadiannya itu dilakukan pengarang
- iv. Keempat-Membicarakan kedudukan atau posisi kepengarangannya.

Tegasnya, setelah memahami keempat-empat prinsip yang mendokongi teori ini, pengkaji mengharapkan akan dapat mengupas tentang nilai-nilai yang terdapat pada pemerintah setiap perintahan beraja di Negeri Sembilan dahulu hingga kini. Sejarah lama yang telah terpendam sudah pasti dapat digali dengan kehebatan teori Teksdealisme ini.

PRINSIP KEPERIBADIAN

Setelah memilih teori yang sesuai untuk menjalankan kajian ini iaitu Teori Teksdealisme, pengkaji membuat penelitian prinsip yang sesuai untuk menganalisis nilai-nilai murni yang ditonjolkan oleh pemerintah beraja di Negeri Sembilan. Oleh itu, pengkaji telah memilih prinsip keperibadian untuk menganalisis kajian ini kerana ianya bersesuaian dengan aspek yang ingin dikaji.

Definisi dan Konsep Keperibadian

Keperibadian (personaliti) adalah mencakup keseluruhan fikiran, perasaan dan tingkah laku, kesedaran dan ketidaksedaran. Keperibadian merupakan pembimbing manusia untuk menyesuaikan diri dengan lingkungan sosial dan lingkungan fizik. Sejak awal kehidupan, keperibadian adalah kesatuan atau berpontensi membentuk kesatuan. Ketika mengembangkan keperibadian, manusia harus berusaha mempertahankan kesatuan dan harmoni antara semua elemen keperibadian.

Namun begitu, prinsip keperibadian menurut Mana Sikana (2006:97), setiap pengarang haruslah berusaha untuk mencipta sifat keperibadian masing-masing dalam pengkaryaannya. Prinsip ini merupakan kemuncak pencapaian seseorang pengarang. Falsafah teori Teksdealisme dalam prinsip ini menekankan pengarang bahawa setiap pengarang perlulah berusaha untuk menghasilkan keperibadian masing-masing.

Aplikasi Prinsip Keperibadian

Pengkaji telah memilih prinsip keperibadian dalam menganalisis nilai-nilai murni yang ada pada pemerintah zaman beraja di Negeri Sembilan. Hal ini demikian kerana, analisis aspek nilai-nilai murni merupakan satu kaedah dalam melihat keperibadian pemerintah yang secara tidak langsung dapat menjadi pengajaran kepada masyarakat. Prinsip keperibadian ini dianalisis melalui beberapa kaedah iaitu nilai-nilai moral yang ditunjukkan oleh seseorang individu tersebut. Kedua, menjelaskan sifat-sifat keperibadiannya. Ketiga, cara prinsip keperibadiannya itu dilakukan dan keempat membicarakan kedudukan atau posisi seseorang itu. Oleh itu, melalui keperibadian yang ditunjukkan oleh seseorang pemerintah merupakan aspek penting dalam melihat seberapa banyak ciri-ciri nilai yang terdapat pada setiap pemerintah sama ada dari segi tanggungjawab, prihatin, penyayang dan sebagainya.

Ciri yang harus ada bagi seseorang pemerintah ini pernah diungkapkan oleh al-Ghazali dalam kitab Ihya Ulumuddinnya. Baginya pemimpin perlu ada sifat kebijaksanaan (hikmah), keberanian (syaja'ah) dan kesucian diri (iffah). Kebijaksanaan (hikmah) bermaksud seseorang pemimpin itu harus berpendidikan dan berilmu kerana melalui ilmu ia dapat membandingkan antara suatu perkara yang baik dan buruk. Dasar-

dasar agama dan adab sopan perlu ditanamkan bagi melahirkan suatu bangsa yang kuat, berani dan mempunyai semangat kesatuan. Manakala keberanian (syaja'ah) pula dikaitkan dengan pemimpin yang dapat mengawal ruh atau nafsunya. Apabila mereka berjaya mengawal ruh dan nafsunya serta bertakwa kepada Allah maka secara tidak langsung mereka telah dapat menyucikan diri mereka daripada melakukan perkara-perkara mungkar yang lain. Perangai kesucian diri (iffah) akan menerbitkan sifat-sifat tertentu seperti pemurah, malu, sabar, pemaaf, toleransi, wara' dan sebagainya. Justeru, apabila pemimpin itu telah mempunyai ketiga-tiga ciri ini maka ianya akan dapat melahirkan ciri keempat iaitu keadilan (adil). Bagi mereka yang mempunyai kesempurnaan ciri-ciri ini maka ianya berhak menjadi seorang raja yang ditaati dan dicontohi oleh rakyatnya.

PENEMUAN KAJIAN

Negeri Sembilan pada zaman dahulu hanyalah sekeping tanah yang diperintah oleh kerajaan Negeri Johor dan hanya didiami oleh orang-orang Jakun, Sakai dan Temuan. Setelah didatangi orang Melayu Minangkabau, mereka telah membuka tempat tersebut untuk dijadikan sebuah penempatan ataupun sebuah negeri. Dalam menelusuri sejarah lalu, orang Minangkabau dikatakan telah berkahwin dengan perempuan asli iaitu biduanda, manakala keturunan Arab pula berkahwin dengan perempuan asli iaitu waris asal. Orang dari Champa pula berkahwin dengan perempuan asli yang turut merupakan waris asli begitu juga dengan bangsa lain yang turut berkahwin dengan perempuan asli maka lahirlah waris yang asal dan di Johol anak waris asal ini kebanyakannya memeluk agama Islam. Oleh itu, di Negeri Sembilan terdapat pelbagai etnik dan budaya yang berbeza yang terdiri daripada orang asli, waris asal, Minangkabau, Siak, Kampar, Riau, Roa, Pasai dan banyak lagi dan sememangnya Negeri Sembilan terkenal dengan pelbagai etnik.

Walau bagaimanapun, di awal pembukaan Negeri Sembilan berlaku pertelingkahan antara orang Minangkabau dengan orang dari bangsa Bugis yang diketuai oleh Daing Kemboja. Daing Kemboja merupakan anak kepada Raja Bugis yang ingin memerintah negeri tersebut. Namun ditentang oleh orang Melayu Minangkabau kerana mereka merasakan bahawa Daing Kemboja tidak layak untuk memerintah Seri Menanti sehingga tercetusnya pergaduhan di antara orang Melayu Minangkabau dengan Daing Kemboja. Keadaan ini telah memaksa orang Melayu Minangkabau untuk pergi mengadu kepada Maharaja Johor akan tindakan anak raja

Bugis yang ingin menakluki negeri tersebut. Namun amat menduka-citakan apabila Raja Johor tidak dapat membantu orang Melayu Minangkabau ini untuk menyelesaikan masalah mereka dengan Daing Kemboja disebabkan negeri Johor ketika itu berlaku pergelakkan dengan Tuanku Mahkota Alam yang merupakan Raja Aceh. Maka Raja Johor meminta orang Melayu Minangkabau agar pergi menemui Raja di Pagaruyung untuk mengelesaikan masalah ini.

Hasil daripada perbincangan yang diadakan antara ketua-ketua Biduanda, mereka memutuskan untuk menghantar Panglima Bandan Panglima Bandut ke Pagaruyung di Minangkabau. Setelah sampai di Pagaruyung mereka telah memberitahu Raja Pagaruyung tujuan mereka iaitu mereka meminta Raja Pagaruyung untuk menyelesaikan isu pergaduhan antara orang Melayu Minangkabau dengan Daing Kemboja. Lantas, Raja

Pagaruyung menghantar Raja Khatib untuk menyiasat permasalahan yang berlaku. Namun, berlaku pula perkara yang tidak dijangkakan apabila Raja Khatib mengambil kesempatan atas titik amanah yang harus diselesaikan. Apabila sampai di Negeri Sembilan Raja Khatib telah berjumpa dengan Dato'Na'am Penghulu Luak Muar dan berlaku perkara yang tidak dijangkakan apabila Dato'Na'am mengahwini anak perempuannya dengan Raja Khatib. Hal ini telah sampai ke pengetahuan Duli Yang Di-Pertuan Pagaruyung, lantas baginda amat murka dengan tindakan Raja Khatib tersebut.

Duli Yang Di-Pertuan Pagaruyung mengambil keputusan untuk menghantar puteranya yang bernama Raja Melewar bersama beberapa pengiringnya daripada Juak Pengawai hulubalang parajurit yang gagah ke Negeri Sembilan. Maka angkatan Raja Melewar itu berjalan menuju ke Siak. Di Siak, Raja Melewar telah berjumpa dengan Sultan Siak dan baginda Sultan telah bersetuju untuk menyerahkan beberapa orang yang mahir dalam pertikaman kepada Raja Melewar. Perjalanan Raja Melewar di teruskan lagi hingga sampai ke negeri Johor. Di Johor, Raja Melewar telah berjumpa dengan Sultan Abdul Jalil Ibni Datuk Bendahara Tun Habib untuk mendapat perkenan serta memohon Cap Mohor agar Raja Melewar dapat memerintah Negeri Sembilan. Setelah baginda Sultan Johor setuju, Raja Melewar bersama-sama pengiringnya menuju ke Negeri Sembilan melalui Naning.

Di Naning, berlaku percaduhan di antara Raja Melewar dengan Daing Bugis, namun dengan bantuan orang Melayu Minangkabau, Daing Bugis dapat ditewaskan. Maka dari Naning, Raja Melewar meneruskan lagi perjalanan menuju ke Rembau Kampung Penajis dan dari situ langsung ke Sungai Layang Seri Menanti berjumpa dengan Dato'Na'am. Namun amat menduka citakan apabila, Dato' Na'am tidak bersetuju untuk menjadikan Raja Melewar sebagai Raja di Negeri tersebut disebabkan ketika itu menantunya Raja Khatib telah menjadi raja. Sebaliknya, apabila Raja Khatib tahu akan ketibaan Raja Melewar, maka beliau melarikan diri ke Pahang.

Dato'Na'am meninggalkan seorang puteri bernama Cik Sani, lalu Raja Melewar membawa bersamanya ke kampung Pengis Rembau untuk dijadikan isterinya. Cik Sani merupakan suku Batu Hampar Sungai Layang dan merupakan isteri pertama Raja Melewar dan Cik Puan Besar yang pertama di Negeri Sembilan.

Datuk Na'am ini seorang yang hebat dan pintar serta gemar berbahasa Arab. Beliau dilahirkan di kampung Selema, Rembau. Beliau pernah bertapa ilmu kebatinan di Gunung Ledang selama 10 tahun. Ketika pertapaan beliau berumur 25 tahun, nama sebenarnya ialah Malik Bin Haji Muhammad Ali. Haji Muhammad Ali bersama isterinya Tengis telah ke Rembau selama 4 tahun berdakwah di Rembau dan beliau dijemput di sana atas permintaan masyarakat untuk belajar dan mengetahui ilmu agama Islam. Nama isteri Dato' Na'am ialah Aminah dari Suku Batu Rembau. Beliau dilahirkan di Batu Selemat sebelah kampung Batu Rembau pada abad ke-18 lebih kurang tahun 1891. Datuk Na'am dan Aminah dikurniakan tujuh orang anak, empat orang meninggal sewaktu kecil selebihnya tiga orang yang masih hidup. Anak yang pertama ialah Jaafar bin Malik, anak yang kedua ialah Salahuddin bin Malik, anak yang ketiga ialah Muhammad bin Malik.

Daripada keturunan Muhammad bin Malik inilah merupakan Datuk kepada Penghulu Bongkok Malik. Penghulu Bongkok Malik ketika itu adalah penyandang Jawatan Undang Luak Muar ke-lima. Ayah kepada Penghulu Na'am bernama Sheikh Haji Muhammad Ali berasal dari Sumatera Barat, Pagaruyung. Beliau fasih berbahasa Arab keturunan dari Yaman, Hadralmaut, Tanah Arab. Seorang pendakwah dan Ulama Agama Islam. Manakala, ibu kepada Penghulu Na'am dikebumikan di Kg Galau, Seri Menanti (Makam ini wujud lagi, tapi tidak diketahui orang). Ibu bapa Penghulu Na'am berhijrah dari Rembau ke Penarik dan kemudian ke Kampung Galau, Seri Menanti.

Penghulu Na'am adalah orang pertama yang membuka serta melebarkan jajahannya di Kuala Pilah. Beliau juga fasih berbahasa Arab, Penghulu Na'am kemudiannya dilantik sebagai penyandang, Penghulu pada umur 18 tahun oleh Penghulu Sulaiman atau dikenali sebagai Tok Lemau di Rembau ketika itu. Selepas dilantik menjadi penyandang jawatan Penghulu, Tok Lemau merupakan guru kepada Penghulu Na'am berfikir perlu untuk mempunyai ilmu persilatan dan kebatinan. Oleh itu, setelah tamat perguruan Tok Lemau, beliau mengarahkan kepada Penghulu Na'am untuk meningkatkan dan mendalami ilmu kebatinannya di Gunung Ledang pada umur 25 tahun. Beliau bertapa selama 10 tahun di Gunung Ledang.

Seterusnya, penghulu Na'am tamat perguruannya di Gunung Ledang ketika berumur 35 tahun. Setelah tamat Perguruan dan meninggal kampung halamannya selama 10 tahun. Penghulu Na'am berjumpa Tok Sulaiman di Rembau. Sekembalinya Penghulu Na'am ke Rembau, berlakunya huru-hara berpunca dari pergolakan perebutan jajahan kuasa diantara pembesar-pembesar Istana di Rembau. Ketika huruhara berlaku di Istana Rembau, Tok Sulaiman bersama 8 orang sahabatnya, bersepakat mencari sebuah penempatan baru dan mereka menyusuri sungai Ulu Muar (Kuala Pilah) dan kemudian mendarat di Kampung Tanjung Jati, Kuala Pilah. Oleh itu, bermula penempatan pertama di Kuala Pilah serta mendirikan sebuah Istana di Tanjung Jati.

Pada ketika itu, Penghulu Na'am belum lagi diistiharkan sebagai Penghulu kerana Penghulu Sulaiman dan Penghulu Leman masih hidup. Beliau hanya menjalankan tanggungjawab yang diberikan oleh Penghulu Sulaiman kepadanya. Beliau juga memegang jawatan sebagai Penghulu Luak Muar yang pertama pada umur 45 tahun setelah kemangkatan Penghulu Sulaiman. Beliau sering berulang alik dari Kuala Pilah ke Rembau dan beliau sentiasa mengalukan orang-orang Rembau berhijrah ke Kuala Pilah.

Penghulu Na'am juga dilantik oleh Tuanku Antah sebagai Dato Tiang Balai di Dalam Istana yang pertama dan juga merupakan Ketua Adat Istiadat dalam Istana. Beliau juga mengajar ilmu persilatan dan kebatinan di jajahannya Ulu Muar. Jawatan Penghulu Luak Ulu Muar yang disandang oleh Penghulu Na'am merupakan jawatan tertinggi dalam perlantikan Raja Negeri Sembilan. Hal ini demikian kerana, pada ketika itu, jawatan Luak Ulu Muar dan Raja Negeri Sembilan hanya boleh disandang kepada mereka yang menguasai ilmu Syariat, Ilmu Tarekat, Ilmu Hakikat dan Ilmu Makrifat. Oleh itu, tanpa keempat-empat ilmu ini, maka mereka tidak layak menyandang jawatan sebagai Penghulu Luak Muar dan Yamtuan Besar. Jawatan Penghulu Luak Muar

merupakan Ketua kepada semua Luak Tanah Mengandung di dalam pentadbiran dan Institusi Beraja di Negeri Sembilan.

Penghulu Na'am merupakan seorang pemimpin Islam yang unggul menguasai ilmu agama, iaitu Syariat, Tarekat, Hakikat, Makrifat, Ilmu Tasawuf, Ilmu Persilatan dan Kebatinan. Penghulu Na'am seorang pentadbir yang bijaksana yang disenangi oleh seluruh masyarakat ketika itu. Di akhir kemahsyuran Penghulu Na'am, Tuanku Antah yang bersepakat dengan pihak British mengarahkan mencari Penghulu Na'am. Penghulu Na'am ketika itu dituduh sebagai pengkhianat kerana tidak mahu bekerjasama dengan British untuk menghapuskan Tuanku Ahmad Tunggal yang juga merupakan anak kepada Yamtuan Imam ketika perebutan takhta.

Seterusnya, Penghulu Na'am bukan ditangkap oleh British, namun beliau sendiri yang menyerah diri kepada Yamtuan Antah, kerana British mengancam untuk membunuh seluruh keturunan ahli keluarga Penghulu Na'am. Oleh sebab itu, Penghulu Na'am mengorbankan dirinya kepada Antah dan British. Beliau dihukum pancung sebanyak tiga kali. Kali pertama dan kedua dipancung dengan menggunakan senjata tetapi tidak mencederakan atau membunuh Penghulu Na'am. Kemudian, beliau diseksa dan diugut oleh Antah serta British agar menghapuskan seluruh keluarganya. Akhirnya, Penghulu Na'am memberitahu rahsia untuk membunuhnya dengan memisahkan tubuh badan dan kepalanya di seberang sungai.

Di awal perkenalan, mereka adalah sahabat tetapi apabila Antah berpakat dengan penjajah untuk mengambil hasil bumi dan tahu perancangan untuk menghapuskan pesaing Antah iaitu Tuanku Ahmad Tunggal. Maka Penghulu Na'am, Siamang Gagap, Tok Paroi, Dato Kelana Petra Luak Sg. Ujong berpakat meninggalkan Antah dan British. Kemudian menyokong Tuanku Ahmad Tunggal sehingga tercetusnya Perang Bukit Putus. Sejarah dan Perjuangan Penghulu Na'am, Tuanku Ahmad Tunggal, Dato Siamang Gagap, Tok Paroi, Dato Kelana dari Luak Sungai Ujong bersama pengikutnya telah dihapuskan oleh Antah dan British.

FALSAFAH YANG TERDAPAT DALAM INSTITUSI BERAJA DI NEGERI SEMBILAN

Falsafah yang boleh diperolehi ialah Minangkabau dan Negeri Sembilan tetap berasal dari rumpun yang sama. Banyak nilai baik yang boleh kita pelajari dan ketahui. Bila berakhirnya kerajaan Melayu, maka lahirlah zaman bundo kandung dijadikan sebagai pai tampek batanyo, pulang tampek babarito. Pemakaian adat di pegang oleh dua bersaudara, satu ibu berlainan bapa iaitu Datuk Katumanguungan dan Datuk Parpatiah Sebatang. Pada tahun 1343, muncullah seorang dari kerajaan Majapahit yang bernama Adityawarwan yang merupakan keturunan orang Minangkabau.

Kedatangan Adityawarman ke Minangkabau memakai sistem otoriter dan diktator dengan basis kekuatan. Namun orang Minangkabau tidak begitu mempedulikan pada saat itu kerana orang Minangkabau tidak faham dengan ideologi, penguasaan atau politik. Mereka hanya berpaksi dengan pemerintahan adat dengan sebutan “orang Minangkabau takluk pada sepakat (musyawarah)”. Oleh itu, untuk membuktikan

penguasaan tersebut, Adityawarman mendirikan kerajaan kecil di Wilayah rantau minang seperti Sungai Lansek. Setelah mendirikan kerajaan ini, Adityawarman mulai memasuki wilayah pedalaman Minangkabau dengan sebutan Tanah Darek untuk menemui pembesar-pembesar Minangkabau seperti Datuak Katumanguangan dan Datuak Parpatiah Nan Sebatang untuk bermusyawarah dalam rencana mendirikan kerajaan Melayu di Minangkabau. Namun begitu, Datuak Parpatiah Nan Sebatang dengan jelas telah menentangnya disebabkan beliau mengetahui bahawa Minangkabau akan dijadikan daerah kekuasaan raja. Oleh itu, untuk mengelakkan pergaduhan ini maka Minangkabau dibahagikan kepada dua daerah iaitu wilayah Luak dan wilayah rantau.

Kedua-dua wilayah ini sama-sama memakai adat Minangkabau dengan kawasan kedaulatan yang berbeza. Kerajaan Alam Minangkabau yang didirikan oleh Adityawarman bersama Datuak Katumanguangan berpaksi kepada kerajaan pemerintahan adat istiadat yang berkedudukan dalam wilayah luak Tanah Datar dengan rajanya adalah Adityawarman dan mendirikan istana pertama di Tanjung Kumanis Kecamatan Sumpur Kudus. Namun tempat ini tidak begitu lama dihuni oleh kerajaan kerana kurang aman. Contohnya, tempat ini mempunyai perkuburan anak raja. Oleh itu, kerajaan ini berpindah ke wilayah Bunga Setangkai dengan menyusuri arah ulu Batang Sinamar dan berhenti di suatu tempat yang banyak tumbuh-tumbuhan seperti buah-buahan. Mereka kemudian behenti berehat seketika untuk mencari arah daerah Bungo Setangkai dan dengan bekalan buah-buahan yang diambilnya, kemudian tempat itu dinamakan Buo.

Seterusnya, dari Buo, mereka meneruskan perjalanan menuju ke arah sebuah bukit dan melalui pematang bukit, kemudian menuruni lereng bukit tersebut. Kemudian, mereka berjumpa suatu tempat yang baik iaitu Tanjung Bungo yang juga dihuni sebagai pusat kerajaan yang sekarang bernama Pagaruyung. Nama ini berasal dari kata “kerajaan yang istananya berPagaruyung”. Pada saat itu kerajaan Pagaruyung baru terdiri dari seorang raja yang dipanggil dengan panggilan raja Pagaruyung Minangkabau.

Setelah Adityawarman meninggal, sistem pemerintahan mulai diatur kembali dengan susunan tatanan kerajaan yang lengkap sesuai dengan bunyi nama kerajaan iaitu kerajaan adat istiadat oleh Datuak Katumanguangan. Dalam membentuk susunan sistem yang baharu, tatacara perlaksanaanya salah satunya adalah dengan menambah personil kerajaan iaitu mendaulatkan dua kerajaan. Pertama Raja Adat dan Raja Ibadat dan membentuk Basa Ampek Balai yang terdiri dari orang-orang yang cerdik pandai dalam wilayah Luak Nan Tiga serta membentuk personil Nan Tigo sebagai tempat persidangan.

Terjadinya pertentangan antara Datuk Katumanguangan dan Datuk Perpatih Nan Sebatang. Datuk Katumanguangan inginkan Minangkabau dalam kekuasaan seorang raja manakala Datuk Parpatiah Nan sebatang menginginkan Minangkabau dalam kekuasaan penghulu. Maka untuk menyelesaikan masalah ini, diadakan satu musyawarah untuk mencari kata sepakat. Oleh itu, persidangan ini diadakan di tiga tempat, pertama di Tanjung Alam , kedua di Tanjung Sungayang dan ketiga di Tanjung Barulak dengan tiga orang datuk yang berasal dari Tanjung Nan Tiga dan disebut Utusan Lubuak Nan Tiga dan akhirnya memutuskan agar pemerintahan di bahagikan kepada dua iaitu sistem beraja dan sistem penghulu. Hasil keputusan sidang itu juga menetapkan Raja Pagaruyung didaulatkan menjadi tiga orang raja. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa

Raja Melewar yang merupakan raja pertama di Negeri Sembilan sebenarnya merupakan anak daripada Raja Pagaruyung yang dihantar ke Negeri Sembilan untuk dirajakan di sana. Namun sebelum Raja Pagaruyung menghantar anakandanya, baginda menghantar Raja Khatib terlebih dahulu untuk menyiasat permasalahan yang timbul dan menyelesaikan masalah tersebut.

Menurut Buyong Adil (1981) menyatakan bahawa apabila Raja Khatib sampai ke Negeri Sembilan, beliau telah belot kepada Raja Minangkabau. Ianya mengaku dirinya raja yang sebenar yang dihantar oleh Raja Pagaruyung untuk dijadikan raja di Negeri Sembilan. Raja Khatib telah beristerikan Warna Emas, anak Penghulu Na'am, iaitu Penghulu Hulu Muar. Tidak lama setelah Raja Khatib sampai di "Negeri Sembilan", Raja Pagaruyung bersiap sedia menghantar Raja Melewar dengan pengiringnya seramai empat puluh orang ahli pertikaman yang gagah berani bertolak ke Negeri Sembilan.

KAITAN ALAM MINANGKABAU DENGAN NEGERI SEMBILAN

Alam Minangkabau terletak di bahagian barat dan tengah Pulau Sumatera. Tanah Minangkabau ini mengandungi tiga Luak atau jajahan Luak Agam, Tanah Datar dan Luak Lima Puluh Kota, maka pada umumnya adalah Lubuk Sikaping dan Rawa di utara Rukun Taoung Siak, Kampar, Kuantan, Inderagiri, Batang Hari di pantai timur dan Kurinci di selatan. Orang-orang Minangkabau dahulu menyebut negeri mereka itu sebagai Alam Minangkabau. Alam Minangkabau ini mulai masyhur dalam sejarah pada kurun ketiga belas dan terdapat beberapa Kerajaan Hindu telah berdiri di Sumatera. Manakala negeri yang tertua ialah kerajaan yang berhampiran dengan Jambi atau dikenali sebagai Seri Wijaya dan merupakan pemerintahan yang terhebat pada zaman itu.

Sebelum Negeri Sembilan bernama demikian di Melaka sudah berdiri sebuah kerajaan yang terkenal dalam sejarah. Pelabuhan Melaka menjadi pintu gerbang untuk menyusup ke daerah pedalaman tanah semenanjung itu. Maka sebelum berdiri Negeri Sembilan datanglah rombongan demi rombongan dari Minangkabau dan tinggal menetap disana.

Rombongan pertama yang terdiri daripada pimpinan seorang datuk yang bergelar Datuk Raja dengan isterinya Tok Seri. Tetapi kurang jelas dari mana asal mereka di Minangkabau. Mereka dalam perjalanan ke Negeri Sembilan singgah di Siak kemudian meneruskan perjalanan menyeberang Selat Melaka terus ke Johor. Dari Johor mereka pergi ke Naning terus ke Rembau. Dan akhirnya menetap disebuah tempat yang bernama Londar Naga. Sebab disebut demikian karena disana ditemui kesan-kesan alur naga. Sekarang, tempat itu bernama Kampung Galau. Rombongan kedua di bawah pimpinan Datuk Raja yang berasal dari keluarga Datuk Bandaro Penghulu Alam dari Sungai Tarab. Rombongan ini menetap di sebuah tempat yang kemudian terkenal dengan Kampung Sungai Layang. Rombongan ketiga ini datang dari Batu Sangkar juga, keluarga Datuk Makudum Sati di Sumanik. Mereka dua orang bersaudara: Sutan Sumanik dan Johan Kebesaran. Rombongan ini dalam perjalannya singgah juga di Siak, Melaka, dan Rembau. Kemudian membuat sebuah perkampungan yang bernama Tanjung Alam yang kemudian berganti dengan Gunung Pasir.

Seterusnya, rombongan keempat. Rombongan ini datang dari Sarilamak (Paya Kumbuh), diketuai oleh Datuk Putih dan mereka menepat pada Sutan Sumanik yang sudah duluan membuka perkampungan di Negeri Sembilan ini. Datuk Putih terkenal sebagai seorang pawang atau bomoh yang ahli ilmu kebatinan. Beliaulah yang memberi nama Seri Menanti bagi tempat istana raja yang sekarang ini. Kemudian berturut-turut datang lagi rombongan lain-lainnya antaranya yang dicatat oleh sejarah Negeri Sembilan iaitu Rombongan yang bermula mendiami Rembau datangnya dari Batu Hampar (Paya Kumbuh) dengan pengiringnya dari Batu Hampar sendiri dan dari Mungka. Nama beliau ialah Datuk Lelo Balang. Kemudian menyusul lagi adik dari Datuk Lelo Balang bernama Datuk Laut Dalam dari Kampung Tiga Nenek. Walaupun penduduk Negeri Sembilan mengakui ajaran-ajaran Datuk Perpatih Nan Sebatang yang sangat popular di sini tetapi mereka tidak membahagikan persukuan atas 4 bahagian seperti di Minangkabau. Mungkin disebabkan situasi dan perkembangannya sebagai kata pepatah Dekat mencari suku jauh mencari Hindu, maka suku-suku di Negeri Sembilan berasal dari luhak dari negeri asalnya.

Berdasarkan asal kedatangan mereka yang demikian terdapatlah 12 suku di Negeri Sembilan yang masing-masing iaitu:

1. Tanah Datar
2. Batu Hampar
3. Seri Lemak
4. Mungkal
5. Paya Kumbuh
6. Seri Melenggang
7. Tigo Batu
8. Biduanda
9. Tigo Nenek
10. Anak Aceh
11. Batu Belang
12. Anak Melaka

SALASILAH RAJA-RAJA DI NEGERI SEMBILAN

Susur-galur pemerintahan dari Raja Melewar (1773-1795), Raja Hitam (1795-1808), Raja Lenggang (1808-1824), Raja Radin (1824-1861), Yamtuan Imam (1861-1869), Tengku Ampuan Intan (1869-1872) – memangku, Tuanku Antah (1872-1888), Tuanku Muhammad (1888-1933), Tuanku Abdul Rahman (1933-1960), Tuanku Munawir (1960-1967), Tuanku Jaafar (1967-2008), Tuanku Muhriz (2008-kini).

Pada suatu ketika dahulu kerajaan Negeri Sembilan mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Minangkabau. Yang menjadi raja di negeri ini, asal berasal dari keturunan Raja Minangkabau. Istananya bernama Seri Menanti dan adat istiadatnya sama dengan Minangkabau, peraturan-peraturannya sebagiannya menurut undangundang adat di Minangkabau. Mereka juga mempunyai suku-suku seperti orang Minangkabau tetapi berbeza cara pemakaianya.

Raja Melewar

Raja Melewar ialah seorang Putera Raja Pagaruyung, Minangkabau, Sumatera Barat yang telah dijemput oleh Dato-Dato Penghulu (Undang) dan Pembesar Negeri Sembilan untuk menerajui dan memerintah Negeri Sembilan yang ketika itu telah ‘memutus tali ke Johor’. Satu angkatan rombongan diketuai bersama oleh Panglima Bandan dan Panglima Bandut diutus untuk berunding dengan Sultan Munim Syah III. Raja Melewar merupakan raja pertama yang memerintah Negeri Sembilan. Nama asal baginda ialah Raja Mahmud telah ditabalkan di Penajis, Rembau pada (1773) memakai nama ‘Raja Melewar’ sebelum berangkat ke Seri Menanti. Sebelum berjaya memerintah, Raja Melewar terpaksa terlebih dahulu berperang dan mengalahkan Raja Khatib (seorang Putera Raja Pagaruyung yang diutus untuk membuat persediaan keberangkatan Raja Melewar) yang telah mengisyiharkan dirinya sebagai ‘Raja’. Setelah berjaya, Raja Melewar kekal memerintah di Negeri Sembilan.

Menurut catatan daripada Captain Alexander Hamilton, semasa pemerintahan Sultan Mahmud Mangkat Dijulang Laksamana Bentan tidak mati tetapi beliau telah melarikan diri ke Temasik dan lari ke Sungai Muar hingga sampai ke Seri Menanti dan menabalkan Raja Melewar pada tahun 1699. Raja Melewar telah bertolak dari Minangkabau menuju ke Siak. Raja Siak membekalkan pula Raja Melewar dengan empat puluh orang ahli pertikaman yang handal-handal sebagai pengiring. Pada masa itu Raja Siak adalah di bawah jajahan takluk Minangkabau. Dari Siak Raja Melewar pergi ke Johor mengadap Sultan Johor. Sultan Johor telah mengurniakan kepada Raja Melewar sebuah cap mohor dan diberi kuasa penuh memerintah negeri yang kemudiannya dinamakan Negeri Sembilan. Dari Johor, Raja Melewar melalui Naning lalu datang ke Rembau, Negeri Sembilan. Di Penajis, iaitu satu tempat di Rembau Raja Melewar telah ditabalkan sebagai Yamtuan Negeri Sembilan pada tahun 1773.

Pada masa itu, tahulah Raja Melewar akan perbuatan Raja Khatib yang telah menjalankan tipu muslihatnya di Negeri Sembilan lalu Raja Melewar melancarkan perang melawan Raja Khatib yang dibantu oleh ayah mertuanya Panglima Na’am. Pasukan perang Raja Melewar berperang melawan pasukan perang Raja Khatib yang dibantu oleh Penghulu Na’am ditempat yang bernama Kampung Bukit. Dalam peperangan di Kampung Bukit itu pihak Raja Melewar kalah lalu berundur ke tempat yang bernama Sepri. Selepas itu Raja Melewar datang lagi, membawa pasukan perangnya menyerang pihak Raja Khatib di Seri Menanti. Dalam pertempuran ini barulah Raja Melewar dapat mengalahkan Raja Khatib. Raja Melewar terus bersemayam di Seri Menanti sebagai Yamtuan Seri Menanti dan daerah Seri Menanti dinamakan “Tanah Mengandung”, iaitu tanah yang dikandung Yamtuan Seri Menanti. Sejak itu timbulah teromba yang berbunyi:

“*Tanah Kerjan di Penajis, Tanah Mengandung di Seri Menanti.*”(Kerjan ertiinya tabal).

Bukit Tunggal Nadi Permulaan Raja Di Negeri Sembilan

Sebenarnya sejarah keberangkatan Raja Melewar bermula dengan penolakan peminangan Sultan Johor terhadap anak Penghulu Rembau (Orang Kaya Kecil), Seri Banun, dan pembunuhan oleh Sultan Johor anak Penghulu Rembau, Si Amat. Berikutan itu, Penghulu Rembau mendapatkan bantuan Moyang Salleh, Penghulu Jelebu, untuk bertemu Sultan Johor, Sultan Alauddin. Moyang Salleh berlepas ke istana lama Sultan Johor bersama empat orang hulubalangnya yang gagah berani - Tok Bauk, Tok Beruang Hitam, Tok Gagah Perkasa dan Tok Laut Api - yang berakhir dengan suatu peristiwa bersejarah Memutus Tali Ke Johor, di mana Sultan Alauddin membebaskan apa yang disebut ketika itu sebagai Negeri Sebelah Darat (kini Negeri Sembilan) untuk pemerintahan sendiri. Moyang Salleh juga diberi gelaran Mendeka Menteri Akhirul Zaman Sultan Jelebu.

Sultan Alauddin bagaimanapun menyarankan kepada Dato' Moyang Salleh agar negeri di darat mendapatkan seorang pemerintah dari keturunan Raja Pagaruyung, Sumatera. Berikutan itu, Penghulu Yang Sembilan bertemu dan membuat muafakat untuk menghantar wakil iaitu Panglima Bandan, Panglima Bandut dan Dato' Panglima Sutan Karo - ke Pagaruyung untuk mendapatkan seorang anak raja Minangkabau sebagai Yamtuan di Negeri Sembilan. Berikutan itu, Sultan Pagaruyung mengutus Raja Mahmud untuk ke Negeri Sembilan. Raja Mahmudlah yang kemudiannya ditabalkan sebagai Yamtuan Negeri Sembilan dengan gelaran Raja Melewar. Sejarah kedatangan Raja Melewar telah melalui 21 tempat, dimulai dengan Pengkalan Kuala Linggi di Melaka di mana bahtera Raja Mahmud mula mudik sungai Linggi langsung ke sungai Rembau, sebelum di Seri Menanti.

Selain itu, tempat kedua ialah Simpang di mana rombongan Diraja Minangkabau bertembung dengan tentera Bugis. Ini diikuti Pengkalan Sungai Timon (Kampung Sungai Timun) di mana rombongan tersebut berehat. Rombongan Sultan Mahmud kemudian membuat kubu di Kota Pedas untuk menentang kumpulan Raja Khatib, yang terdahulu dihantar oleh Sultan Pagaruyung untuk membuat persediaan menyambut kedatangan Sultan Mahmud. Rombongan dari Pagaruyung itu kemudian berehat di Bangsal Atap - hari ini dikenali Lubuk Cina - untuk mendapatkan bekalan bagi perjalanan selanjutnya. Tempat selanjutnya ialah Sewar Raja (Sawah Raja) dan Danau Sisik Emas yang menjadi tempat mandian Raja Mahmud. Rombongan Raja Mahmud kemudian singgah di Kuala Dadih sebelum ke Bukit Serajin untuk mendirikan kubu menentang musuh-musuh dari penduduk tempatan. Menurut sejarah,

Raja Mahmud kemudian ke Penajoh (hari ini dikenali sebagai Astana Raja) di mana beliau telah ditabalkan. Di sinilah beliau membina istana baginda yang pertama, yang mana replikanya dibina Kerajaan ini sebagai peninggalan sejarah. Dari sini, Raja Mahmud berangkat ke Ulu Penajih di mana baginda mendirikan istana keduanya. Di Ulu Penajih ini jugalah berlaku perperangan antara tentera Raja Mahmud dengan Dato' Bandar yang berakhir dengan kematian orang kanan Raja Mahmud, Tengku Bujang.

Sebelum tiba di Ulu Penajih, Raja Mahmud membuat beberapa persinggahan. Antara di Relong, Mampong, Sungai Layang, Kampung Batu, dan Tok Hijau. Dari sini, Raja Mahmud meneruskan perjalanan ke Seri Menanti melalui Perhentian Petai yang terletak di Bukit Tunggal. Di Perhentian Petai ini berlaku satu lagi peristiwa bersejarah di mana berlakunya penyerahan Raja Mahmud dari Dato' Lembaga Luak Rembau kepada Dato' Lembaga Tanah Datar iaitu Orang Empat Istana (Seri Menanti). Mengiringi penyerahan tersebut ialah sebuah Cendi Diraja yang mengandungi Destar Dendam Tak Sudah, Selempang sekaki Payung dan sebilah Pedang. Adalah diriwayatkan bahawa destar Dendam Tak Sudah yang menjadi destar pakaian rasmi Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan Yang Di-Pertuan Agung hari ini berasal daripada destar yang menjadi pengiring Raja Mahmud berhijrah dari Rembau ke Tanah Datar. Menurut mereka yang mengetahui sejarah destar tersebut destar Dendam Tak Sudah dihasilkan dari perasaan kesetiaan dan kecintaan masyarakat luak Rembau terhadap Raja Mahmud. Dari situ Raja Mahmud meneruskan perjalanannya dan berhenti untuk berehat di Jumbang, sebelum meneruskan perjalanan ke Gunung Pasir dan ke Tanah Datar, di mana baginda ditabalkan sebagai Yamtuan Negeri Sembilan dengan gelaran Raja Melewar. Pertabalan ini berlaku di Istana Barong-Barong, Ampang Rambai. Tapaknya masih ada pada hari ini dan telah ditumbuhki oleh kelapa sawit dan ada terdapat sebatang pokok lanjut yang dipercayai sudah ratusan tahun umurnya. Terdapat juga dua batu hidup dan dipercayai ianya adalah makam Raja Melewar dan juga Raja Hitam. Makam Raja Melewar di Rembau boleh kita persoalkan kerana ia ditemui di dalam mimpi dan ini dianggap sebagai jumpaan yang tidak ilmiah.

Keberangkatan Raja Melewar adalah melalui Bukit Tunggal yang penuh dengan bersejarah ini. Di sini, wujud perkampungan yang telah diasaskan sejak dari kedatangan pemimpin dan orang Minangkabau yang terdiri dari beberapa peringkat. Tokoh awal yang dikatakan berkait sangat dengan Seri Menanti ialah Tok Putih yang bersaudara dengan Tok Pandak atau nama sebenarnya Abdul Rahman. Tok Putih ini yang dikatakan membuka Seri Menanti dan ia jugalah yang membuka perkampungan di Bukit Tunggal ini. Pendapat ini juga boleh dipertikaikan kerana siapakah yang sebenarnya Tok Putih yang berada di Bukit Tunggal itu. Pada pandangan pengkaji, Tok Putih ada berdekatan dengan Tok Pandak. Tok Pandak di Kampung Juar dan Tok Putih yang sebenar berhampiran dengan Tok Pandang ini. Mereka bersaudara sudah pasti tidak akan berjauhan.

Setelah beberapa lama di Tanah Datar, baginda Raja Melewar kembali ke Penajih di mana baginda mangkat dan dikebumikan di Bukit Serajin bersebelahan makam isteri beliau. Makam di Penajih ini tidak dapat dibuktikan secara ilmiah kerana dijumpai berdasarkan kepada mimpi. Pengkaji lebih tegas untuk mengatakan bahawa makam Raja Melewar ada di Istana Barong-Barong Ampang Rambai yang berada di kawasan Tanah Datar. Di situ juga ada dijumpai makam Raja Hitam iaitu Yamtuan Negeri Sembilan yang ke dua. Ada juga yang menyangkal pandangan ini dan ada berpendapat mengatakan makamnya di sekitar Mertang atau Jumbang. Apabila dianalisis secara mendalam Raja Melewar pernah berperang dengan Bugis di Naning dan keturunan Minangkabau termasuk Juara Megat suku Seri Melenggang banyak membantu dan apabila zaman akhirnya baginda telah kembali semula di Naning dan hidup bersama orang-orangnya dan telah mangkat di sana. Perbalahan pandangan seperti ini sangat menarik untuk kita

analisis dan mencari suatu jawapan yang tepat. Ada pendapat mengatakan makam Raja Hitam ada di Perak kerana pada ketika itu ada sedikit krisis yang menyebabkan baginda membawa diri ke Perak.

Mengikut versi ini Raja Melewar telah berada di Rembau di sekitar abad ke-18. Besar kemungkinan Raja Melewar telah mula memerintah pada tahun 1700 Masihi dan kenyataan ini berdasarkan sumber Belanda yang menunjukkan Raja Rembau pada ketika itu tahun 1720-an adalah Raja Melewar. Ini bermakna Raja Melewar telah berada di Rembau lebih awal dari Raja Khatib kerana Raja Khatib telah dihantar oleh Raja Kecil Raja Siak/Johor ke Rembau pada tahun 1727. Tujuan Raja Khatib ke Rembau adalah untuk menggulingkan Raja Melewar yang sememangnya telah ditetapkan sebagai Raja Rembau. Mula-mula Raja Khatib berjaya dan meluaskan pengaruh ke Naning, Seri Menanti, Johol dan Tampin. Tetapi dalam serang balas Raja Melewar Baginda telah kalah. Raja Melewar mangkat sekitar 1740 dan setelah itu datang Raja Adil. Lebih kurang lima pula tahun tidak aman pada ketika itu dan Bugis mula mengancam kembali. Keadaan pulih naik Raja Hitam sebagai Yamtuan Besar iaitu ipar kepada Raja Adil (Khoo Kay Kim, 1990:9).

Dalam jumpaan terkini wujud apa yang dinamakan Anak Air Songsang di Permatang Bukit Kampung Majau sehingga ke Tampin Pus. Airnya menghala ke hulu dan kemudian mengalir ke bawah. Di sini juga terdapat Makam Khatib Akhir itu ayah angkat kepada Penghulu Na'am. Di Anak Air Songsang terdapat dusun durian sangat saka dan di sini ada tapak perkampungan dan di sini juga pernah terbina istana Raja Melewar. Di sini juga Raja Melewar pernah dikerjakan. Sepanjang lereng bukit dari Bukit Sempit hingga ke Jeram Tengkek terdapat banyak makam dari batu menhir. Paling banyak di sekitar Bukit Baginda, Majau dan Tampin Pus. Dahulu di Anak Air Songsang ini ada pincur air yang sangat cantik.

Di bawah batu perkampungan tempat Raja Melewar dikerjakan terdapat sebuah lubuk dalam tempat mandian Raja Melewar dan bersiram. Raja Melewar juga pernah dimandikan di perigi Guntung tempatnya bersuluk yang ada sebuah gua. Di dalam gua ini juga pengkaji terjumpa pinggan tembaga dan tembikar kepunyaan Raja Melewar. Di sebelah atas tempat bersuluk ini ialah Perhentian Petai di bawah jagaan Panglima Hitam Orang Asal yang menjaga Raja Melewar. Di sini juga pengkaji terjumpa tombak kepunyaan Panglima Hitam. Makam Penglima Hitam ini ada di Kampung Danau Rasau berdekatan dengan pokok langsat besar. Di sekelilingnya terdapat makam lain yang banyak dari batu menhir. Di sini juga terdapat Makam Dato Tompong yang agak terkenal.

Di belakang rumah Ocu Razak Danau Rasau adalah Pulau Jelebu yang juga terkenal sebagai Tanjong Hulu. Jika dilihat dari bukit ke bukit di kawasan ini adalah sungai besar yang pernah ada laluan kapal untuk berdagang dan berhubung. Pulau Jelebu adalah perkampungan dagang yang sangat utama di Ulu Jempol. Di sini juga disebut sebagai Bandar Danau Rasau. Di pinggiran bukit di sekitar Anak Air Songsang adalah Bandar Diraja yang ada kaitan dengan Raja Negeri Sembilan. Khatib Akhir di Tampin Pus Anak Air Songsang telah kerjakan Raja Melewar dan kemudian bersemayam di Seri Menanti. Proses ulang alik ke Seri Menanti adalah melalui Perhentian Petai yang dianggap laluan utama pada ketika itu.

Laluan Raja Melewar yang lain ialah Danau Sisik Emas di kebun raja di Ulu Anak Air Jernih. Di kawasan ini juga terdapat banyak emas dan tetapi pada hari ini Ashkar British telah meletakkan tanda di kemuncak kebun raja itu. Bahan-bahan bukti sangat banyak tentang kehebatan sejarah Anak Air Songsang ini yang mengalir dari Kampung Majau ke hulu hingga ke Kampung Tampin Pus dan dari hilir ke hulu berada di balik Bukit Meriam dan Bukit Meriam ini adalah bukit pertahanan yang bersebelahan dengan Bukit Baginda. Di Kampung Tampin Pus juga Ada Anak Air Sompolang dan ada satu makam besar iaitu Makam Tuan Paduka Pandai yang juga dari keturunan Bendahara Tepok Bendahara Melaka terakhir. Makam Bendahara Tepok ini ada di Bandar Perdagangan Bukit Laka di pinggiran Sungai Sering Asal. Sekarang makam ini sedah dialih ke makam Taman Puan Chik.

Tapak Istana ini wujud di dusun durian Dusun Lalang dan digunakan hingga ke zaman Tuanku Ahmad Tunggal. Tempatnya berhampiran dengan kawasan tanah rata di tepi sungai. Suatu ketika dahulu ada dijumpai meriam di bukit ini tetapi sekarang sudah ada pembangunan di situ. Dikelilingnya ada kawasan lapang yang dahulu ada dibuat rumah. Di Dusun Nenas ada juga penempat terdahulu dan juga ada makam yang tidak dikenali dan di sini juga ada kaitan dengan raja-raja terdahulu.

Terdapat juga beberapa dusun lain seperti Dusun Semiat, Dusun Tutur, Dusun Teras, Dusun Bunut dan Dusun Batu. Dusun ini banyak terdapat pokok durian saka yang pasti ditanam oleh orang Melayu asal. Tapi timbul persoalan kenapa ada yang sudah dipunyai oleh orang Asli dan walhal mereka adalah datang dari luar. Ada beberapa keluarga sahaja yang memang orang asal. Walhal sejarah asal terdapat seorang sahaja batin dan bukan dua atau tiga orang seperti hari ini.

Terdapat juga beberapa tempat menarik yang pernah dilintasi oleh raja, undang dan orang luar iaitu tempat sejuk Kubang Palas, Bukit Tinggi. Di situ ada tembok batu dan di situ juga pernah ada Kem British. Pengkaji nampak pada masa lampau terdapat Sungai Besar di sebelah Hulu Jempol dan berhubung dari Bukit Sempit dan ada perhubungan dengan Jalan Penarikan yang ada Sungai Muar, Sungai Jempol dan Sungai Serting. Di Bukit Laka Penarikan sudah ada Bandar pelabuhan dan dari sini berhubung dengan Kampung Abnak Air Penghulu , Majau, Tampin Pus dan Danau Kasau. Terdapat juga Tanjung Hilir dan juga Tanjung Hulu. Pasti ada pusat pentadbiran di Anak Air Songsang dan boleh berhubung dengan Jelebu dan juga Rembau di Perhentian Petai. Semua cabang sungai sangat berfungsi pada ketika itu dan hubungan dagang sangat besar dan aktif pada ketika itu. Sangat berfungsi pada setiap penjuru dan dijumpai beberapa keping duit syiling di Kampung Danau Rasau iaitu tertulis zaman kerajaan Osmaniah dan juga zaman British. Ada laluan dari semua arah dan Tampin Pus dan juga Danau Kasau sebagai pusat pentadbiran besar. Buktinya terdapat ramai orang Acheh, Pasai, Arab dan India datang ke sini dan berkahwin dengan orang asal.

Di Perhentian Petai ada Bukit Momeh satu laluan yang menghala ke Beting Kuala Pilah dan laluan lain ke Bukit Putus. Laluan ini juga adalah laluan darat yang agak rata sampai ke Tanjung Ipoh, Terachi dan Bukit Putus. Perlu diingat pada ketika ini sudah ada Pelabuhan Kuala Pilah dan juga Pelabuhan Juasseh. Pekan Lama Kuala Pilah juga adalah tempat raja dan pembesar bertemu. Di sini juga ada dagangan yang besar.

Sekarang sudah nampak pertalian yang agak besar. Buktinya masih ada peninggalan Istana Yamtuan Antah Tanjung Jati, rumah pembesar dan raja di lereng tepi sungainya. Terdapat juga gua simpanan senjata yang berguna sehingga zaman Inggeris di depan Sains Kuala Pilah. Paling menarik di tebing sungai itu juga ada masjid Tok Muar yang sudah berfungsi ratusan tahun dahulu.

Ulu Jempol ini dilindungi oleh bukit dan ini adalah sangat strategik dari segi pertahanan dan dahulu laluannya adalah di kawasan batu kapur Bukit Sempit. Laluan darat adalah dari Tampin naik ke Bukit Tampin terus ke Gunung Datok Rembau dan kemudian ke Gunung Angsi, langkap dan kalau dari Kuala Pilah ke Beting terus ke Danau Rasau. Laluan darat dari Kuala Pilah di Danau Rasau ada 5km sahaja mengikut tertulis dalam peta. Ulu Jempol pada masa dahulu adalah pusat pendidikan agama, adat, ilmu perang, silat dan pelayaran serta membuat kapal. Hubungan dagang besar ini kerana adanya Jalan Penarikan yang bermula dari Kerajaan Langkasuka lagi.

Tegasnya di sini di Bukit Sempit itu dahulu banyak terdapat rumah tradisi dan di situ juga ada Balai untuk mengutip cukai. Perang Tengkek, Padang Lebar dan Batu Kikir adalah bukti menunjukkan Jempol ini hebat kerana semangat jati diri sudah ditanam sejak dari zaman lampau lagi. Danau Rasau Bandar Tepi Sungai, Anak Air Songsang Bandar Diraja, Bukit Sempit Kubu Perancangan, Bukit Laka Bandar Antarabangsa dan Penarikan Pusat Dagangan Dunia. Apa tidaknya orang Ulu Jempol dan Kuala Jempol sangat mahir dari segi air. Mahir dalam ilmu perkapanan, hingga ke Sungai Pahang dan juga Laut China Selatan. Mereka sering dijadikan sebagai tempat rujukan kepada pedagang yang datang ke sini.

Bukti kegiatan dagang di Jempol sehingga zaman Inggeris masih ada buktinya iaitu Rumah Pasong Kuala Jelai yang masih digunakan untuk menjaga keselamatan. Terdapat juga rumah persinggahan Kuala Jempol. Penarikan ini juga adalah aktiviti perdagangan Melaka ke Pahang dan juga dikenali Londar Siam dan ini juga adalah jalan pilihan ke laut kerana di selatan sangat bahaya daripada angin monsun.

Pengembara Portugis Emmanuel Godinho d'Eredia telah sampai ke pedalaman Ulu Melaka abad ke-17 untuk menyiasat penarikan ini. Pengkalan Penarikan adalah di Bukit Laka. Jadi Ulu Jempol dan Kuala Jempol adalah termasuk dalam kawasan Ulu Melaka. Sejarah Melayu menyatakan kepimpinan Melaka kalah dan telah berundur ke Penarikan. Awi Chakri dari Siam menyerang Melaka juga melalui Penarikan. Pada zaman Sultan Mansor Syah Pahang telah diserang melalui jalan Penarikan.

Sultan Mahmud kalah perang dengan Portugis dan telah undur ke Ulu Muar, Penarikan, Pahang, Bintan dan Mangkat di Kampar pada tahun 1528. Jelaslah Penarikan adalah laluan utama dagangan dan komunikasi sejak zaman Keagungan Kerajaan Langkasuka, Sri Vijaya, Palembang dan telah digunakan hingga ke abad ke20. Tetapi kegemilangan ini telah merosot apabila terbinanya Jalan Keretapi Kuala Pilah Bahau 1931. Penarikan juga adalah tempat laluan Mat Kilau menentang Inggeris. Dato' Panglima Muda Jempol duduk di Tebing Sungai Jempol dan Dato' Maharaja Perba Jelai telah membantu Mat Kilau menentang Inggeris.

Dato' Panglima Muda Jempol telah dimakamkan di kubur tidak bertanda di bawah pokok beringin Kuala Sungai Jempol. Pada tahun 1874 zaman Inggeris Jempol adalah di bawah lindungan Kuala Pilah. Pada zaman ini raja sudah sangat berfungsi di Negeri Sembilan. Tanah Adat zaman awal ini Lembaga atau Undang sebagai pentadbir dan yang mengerjakan tanah adalah sebagai hak pakai sahaja. Tiada cukai tanah dan kalau ada adalah cukai tanah berupa hasil hadiah tanaman kepada ketuanya. Sudah dikanunkan secara teromba pada ketika itu jika memilih suami adalah seperti berikut:

*Sebingkah tanah terbalik
Sehelai akar putus
Sebatang kayu rebah
Pinang yang gayu
Jirat yang panjang
Pandai buat pagar
Parang sentiasa
Selit di pinggang*

Bukti Jempol sebagai pusat ilmu iaitu Sekolah Kebangsaan Jempol telah terbina pada 13.6.1868. Sekolah Padang Lebar pada tahun 1905. Sekolah Kebangsaan Batu Kikir 1906. Sekolah Kebangsaan Tengkek pada tahun 1907 dan Sekolah Kebangsaan Tapak pada tahun 1915. Pusat perkembangan Agama Islam pula melalui Masjid dan Masjid Jamek Batu Kikir terbina 1920 oleh Haji Abdul Malik, Masjid Kuala Jempol oleh Tuan Guru Muhammad 1926 dan juga Masjid Lonek 1926.

Dalam zaman Raja Melewar telah lahir dan datang ramai ulama untuk mengembangkan dan memperkuatkan Islam antaranya ialah Tuan Syeikh Haji Bashir iaitu Tok Sikai, Wali Allah di Makam Gachong iaitu Syeikh Abdullah Sani bin Tajuddin dan berasal dari Sulawesi dan wafat tahun 1824.

Ketika ke Negeri Sembilan Raja Melewar telah diiringi oleh pahlawan yang hebat-hebat dan mereka juga yang akan menjaga dari segi keselamatan kerana itu wujud pergeseran dengan Bugis. Di antara tokoh yang turut sama ialah Tok Talang dari suku Aceh dan setelah itu beliau mohon perkenan membuka suatu tempat yang diberi nama Kampung Talang bersempena nama beliau sendiri. Beliau juga mendapat sokongan dari waris asal untuk buka penempatan. Penempatan ini kekal hingga ke hari ini. Keturunan Tok Talang ini telah beranak pinak dan berkembang, contohnya Tuan Tulis adalah dari keturunan Tok Talang. Lebai Yunus adalah cicit kepada Tok Talang dan Tok Rimau juga keturunan Tok Talang.

Raja Hitam (1795-1808)

Setelah Raja Melewar mangkat pada 1795. Baginda dikebumikan di Rembau, Negeri Sembilan. Tempat baginda digantikan oleh menantunya Raja Hitam. Menurut Mohd Rosli Saludin (2019), Raja Hitam adalah anak raja yang didatangkan dari Pagar Ruyong dan ia dikatakan sebagai pengganti kepada Raja Melewar. Penceritaan tentang Raja Hitam ini agar sukar didapati kerana pengkaji sejarah menganggap zaman baginda adalah zaman aman dan tiada masalah besar yang timbul.

Menurut Samad Idris, beliau menyatakan selama 13 tahun baginda memerintah dikatakan zaman aman dan pemerintahan baginda dikatakan pendek sahaja. Sama seperti zaman pemerintahan Almarhum Tuanku Munawir yang juga memerintah dalam hayat yang pendek. Namun demikian, semasa pemerintahan Raja Melewar, keadaan Institusi raja di Negeri Sembilan belum lagi begitu stabil kerana ancaman dan pengaruh Bugis begitu kuat sekali. Alam Melayu sudah dikuasai oleh Bugis dan tidak mustahil zaman raja Hitam Bugis masih lagi mengancam. Anak-anak Raja Bugis begitu kuat di Rembau, Linggi dan juga Jelebu.

Di dalam pemilihan Raja Hitam dalam menjadi raja di Negeri Sembilan apabila Penghulu di negeri tersebut telah menghantar utusan kepada Raja Pagaruyung di Minangkabau memohon seorang lagi raja untuk dirajakan di Negeri Sembilan menggantikan Almarhum Raja Melewar. Raja Pagaruyung telah menghantar seorang anak raja dari Minangkabau yang bernama Raja Hitam untuk menjadi raja di Negeri Sembilan. Apabila Raja Hitam sampai di Negeri Sembilan, baginda pun ditabalkan di Penajis, Rembau menjadi Yamtuan Seri Menanti dan bersemayam di Seri Menanti.

Dari segi perkahwinan, baginda dikatakan telah berkahwin dengan Tengku Aisyah puteri Almarhum Raja Melewar dengan Cik Seni akan tetapi hasil daripada perkahwinan itu, mereka tidak dikurniakan zuriat. Disebabkan itu, Yamtuan Hitam ini telah berkahwin dengan seorang perempuan yang bernama Cik Jingka. Hasil daripada perkahwinan ini, baginda memperolehi empat orang cahaya mata iaitu Tengku Alang Husin, Tengku Ngah (perempuan), Tengku Ibrahim dan Tengku Awi (lelaki).

Menurut sumber Belanda di dalam Newbold menyatakan bahawa sebelum Raja Hitam sudah ada Raja Adil seorang dari keturunan Bugis yang telah berkuasa di Rembau dan ketika itu ada kompromi dengan keturunan anak raja dari Minangkabau. Ini bermakna Raja Hitam adalah raja ketiga di Negeri Sembilan selepas Raja Ibrahim dan Raja Melewar. Raja Ibrahim anak raja Minangkabau mula kuat di sekitar tahun 1677 dan cuba untuk menghalau Belanda dari Melaka. Baginda cuba untuk menyatukan anak-anak Raja Melayu untuk menghalau penjajah Belanda.

Menurut Mohd Rosli Saludin (2019) di dalam bukunya iaitu penggunaan Teromba dalam Seni Pengucapan Melayu menjelaskan bahawa, beliau telah melakukan penelitian dan analisis terhadap karya pantun untuk dijadikan sebagai bukti sejarah dalam melihat era pemerintahan Raja Hitam. Berdasarkan pantun yang dianalisis, pengarang mendapati bahawa Raja Hitam telah melarikan diri kerana tidak mahu berperang dengan adiknya sendiri dan ini juga adalah atas nasihat bondanya. Hal ini demikian kerana, setelah Raja Melewar mangkat wujud kekosongan jawatan Yamtuan pada ketika itu. Walaupun raja di Negeri Sembilan diimbangi oleh kedudukan Dato' Undang namun bakal muncul kelas anak raja tempatan akibat perkahwinan di antara anak-anak Raja dari Pagaruyung dengan orang tempatan.

Anak raja pada zaman itu sangat mementingkan diri sendiri dan tidak menghiraukan soal persaudaraan hingga boleh menyebabkan pergaduhan demi perebutan takhta dan pangkat. Contohnya, dapat dilihat apabila suatu jawatan penting yang baru dicipta iaitu Yang Di-Pertuan Muda Jelebu yang diserahkan kepada Raja Sabun, saudara

Raja Asil. Kedua-duanya putera Yamtuan Muda Raja Adil. Ibu Raja Asil berasal dari Tampin dan ibu Raja Sabun ialah anak Dato' Penghulu Jelebu. Raja Asil menggantikan ayahandanya sebagai Yamtuan Muda dan kewibawaannya terhad kepada Rembau walaupun pada asalnya Raja dikatakan tidak bernegeri, Tampin diserahkan kepada Raja Asil sebagai pegangannya.

Selain itu, Raja Ideris adik kepada raja hitam (1795-1808) Y.M.M.M. Paduka Sri Tuanku Raja Hitam, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan telah dilantik menjadi Iman Istana, oleh kerana berselisih faham dengan Undang yang Empat, Raja Ideris membawa diri ke Raub. Di Raub beliau membuka Sungai Ruyung, sempena ingatannya kepada Kerajaan Pagaruyung yang ditinggalkan. Kampung Sungai Ruyung ini di seberang Sungai Gali dan sebelah hilir Kampung Sungai Pasu dan bertentangan dengan Kampung Durian Sebatang. Di Sungai Ruyung, Raja Ideris telah membina madrasah dan mengajar tasawuf (Tarekat Naqsybandiah Khalidiah). Beliau telah berkahwin dengan anak perempuan orang Rawa dari Durian Sebatang dan mendapat seorang anak perempuan. Kemudian salasilah ini terus berkembang apabila anak perempuan Raja Ideris ini telah berkahwin dengan orang Rawa dari Gali dan juga telah mendapat seorang anak perempuan dan anak perempuan ini bila dewasa telah berkahwin dengan orang Rawa dari Durian Sebatang dan telah mendapat anak lelaki yang diberi nama Ibrahim. Kemudian Ibrahim ini telah berkahwin dengan anak orang rawa dari Gali dan mendapat anak yang diberi nama Jaafar. Jaafar ini pula bila dewasa, beliau telah berkahwin dengan Mariam iaitu anak kepada Temenang alBanjari (orang banjar) dan mendapat anak seramai lima orang iaitu Ahmad, Abdul Manaf, Munah, Biah dan Serbaini.

Selain itu, Raja Ideris juga merupakan seorang yang menjadi tulang belakang dalam mengembangkan Suluk Terekat Naqsybandiah Khalidiah, namun apabila berlaku tuduhan kudeta sehingga menyebabkan pergaduhan telah menyebabkan saudara-saudara Raja Hitam ini telah menlarikan diri ke Selangor, Perak, Pahang dan Johor disebabkan mereka tidak mahu menderhaka kepada Raja Hitam. Contohnya, Raja Ideris telah menlarikan diri ke Raub manakala Tengku Ombak telah melarikan diri ke Guai dan beliau telah menggelar dirinya sebagai Maharaja Ombak.

Di samping itu, dikatakan Raja Ideris (Ibni Balamban) juga telah mengamalkan Suluk disebabkan ramai pembesar di Seri Menanti cemburu akan Raja Ideris ini disebabkan baginda mempunyai bilangan anak murid yang ramai serta kuat pengaruhnya. Melalui Salasilah Raja Ideris, terdapat beberapa senjata yang diwariskan secara pusaka. Contohnya, sundang telah disimpan oleh adik Raja Ideris. Namun sundang ini mempunyai keunikkan yang tersendiri iaitu sundang ini tidak boleh disimpan di dalam almari, jika ia disimpan di dalam almari sundang ini seakan menari-nari di dalam almari tersebut.

Raja Lenggang (1808-1824)

Menurut Haji Buyong Adil (1981), kisah perajaan Lenggang bermula setelah kemangkatan Yamtuan Hitam pada tahun 1808. Hal ini demikian kerana, setelah Yamtuan Hitam mangkat maka Datuk Undang di Negeri Sembilan telah menghantar utusan lagi kepada Raja Pagaruyung di Minangkabau memohon seorang raja untuk

menggantikan Almarhum Yamtuan Hitam. Raja Pagaruyung telah menghantar seorang lagi raja di Minangkabau bernama Raja Lenggang ke Negeri Sembilan, apabila Raja Lenggang sampai di Negeri Sembilan, ia pun ditabalkan di Penajis dan menjadi Yamtuan Seri Menanti yang ketiga dan bersemayam di Seri Menanti.

Seterusnya, dari segi perkahwinan pula apabila Raja Lenggang dilantik dan menjadi raja di Seri Menanti, baginda pun berkahwin dengan Tengku Ngah digelar Tengku Ampuan Ngah atau Tengku Puan Ngah. Perkahwinan Yamtuan Lenggang dengan Tengku Puan Ngah telah menghasilkan Raja Radin dan Raja Imam atau Tengku Ulin. Pada tahun 1820, Yamtuan Lenggang telah berhubung baik dengan Yamtuan Muda Jelebu, iaitu Tengku Sabun atau Tengku Ahmad Shah. Bagi mengukuhkan perhubungan itu seterusnya, seorang puteri Tengku Sabun telah dikahwinkan dengan Raja Radin putera Yamtuan Lenggang. Manakala dari segi adat bersiram di Negeri Sembilan dimulakan oleh Juara Megat. Juara Megat yang berasal dari Simalanggang telah memulakan adat bersiram dalam zaman Yamtuan Lenggang dan adat ini merupakan adat bersiram yang pertama yang wujud pada zaman itu. (Haji Buyong, 1981).

Selain itu, semasa Yamtuan Lenggang menjadi Yamtuan Seri Menanti baginda telah berikhtiar supaya apabila baginda mangkat kelak putera baginda Raja Radin akan menggantikan baginda. Rancangan baginda itu telah mendapat persetujuan Datuk Penghulu Ulu Muar yang bernama Datuk Bongkok Abdul Malik. Pada 1824, ketika Raja Radin baharu berumur lebih kurang tiga belas tahun dengan tidak disangka-sangka Yamtuan Lenggang mangkat di Seri Menanti. Datuk Bongkok Abdul Malik (Penghulu Ulu Muar) memaklumkan hal ini kepada Datuk Undang Yang Empat dan memohon supaya Raja Radin dijadikan Yamtuan Seri Menanti. Namun tidak mendapat persetujuan kerana yang patut dilantik adalah raja dari Minangkabau.

Datuk Kelana Sungai Ujong telah menghantar pasukan perangnya menyerang dan mengalahkan pihak Datuk Penghulu Ulu Muar (Datuk Bongkok Abdul Malik). Selepas itu barulah Datuk Kelana melantik seorang raja bernama Raja Kerjan memangku jawatan Yamtuan Seri Menanti sementara menantikan seorang raja dari Minangkabau. Dua tahun kemudian, iaitu pada 1826, datanglah raja dari Minangkabau yang bernama Raja Labuh atau Yamtuan Sati. Raja Labuh (Yamtuan Sati) ini datang bersama isterinya anak Raja Asil. Pada masa Yamtuan Sati menjadi Yamtuan Seri Menanti, ia telah bersahabat dengan Raja Kerjan, padahal Raja Kerjan itu tidak disukai oleh rakyat di Negeri Sembilan. Oleh sebab itu, tidaklah dapat Yamtuan Sati membuat persahabatan ke Rembau, Ulu Muar dan Johol (tempat kediaman Raja Radin).

Daripada zaman Yamtuan Lenggang sudah diwujudkan pentadbiran yang licin lagi berpusat yang berpusat buyau di Seri Menanti. Pada ketika ini, aliran suluk begitu kuat dan rakyat begitu cenderung untuk menguatkan diri ke arah keagamaan. Juga seorang raja yang berjiwa rakyat dan suka berdamping rapat dengan rakyat dengan menjelajah ke segala pelusuk sambil mengambil tahu hal-hal rakyat dan terus menyelesaikannya. Tambahan pula, pada ketika itu negara kita baru mencapai kemerdekaan. Oleh itu, baginda mahu semua rakyat berfungsi untuk sama-sama menikmati kemerdekaan dan menjaga perpaduan rakyat.

Baginda juga berdamping rapat dengan tokoh-tokoh agama dan baginda juga seorang raja berjiwa halus kerana telah didik oleh konsep syarat dan adat. Baginda tahu akan kesusahan segala hamba rakyat. Oleh sebab itu, selalu berdamping rapat dan tidak lupa pula membawa anakandanya sekali supaya boleh tahu apa yang berlaku dalam kalangan rakyat. Baginda juga seorang raja yang sangat pemudah dan mudah dihubungi oleh rakyat jelata pada bila-bila masa. Baginda juga seorang raja yang menyukai seni tradisi termasuk juga makanan tradisional Negeri Sembilan. Oleh itu, Negeri Sembilan tidak malu mempunyai seorang raja yang berkaliber seperti itu.

Tambahan lagi, Yamtuan Sati hanya dapat bersahabat dengan Datuk Kelana Sungai Ujong yang melantiknya itu. Empat tahun kemudian, iaitu pada 1830, Yamtuan Sati telah berselisihan faham dengan Datuk Kelana Sungai Ujong (Datuk Kelana Kawal). Punca percaduhan itu ialah seperti berikut: Dalam tahun 1830, Datuk Kelana Kawal telah pergi ke Seri Menanti kerana suatu temasya menyabung ayam. Dalam persabungan itu Datuk Kelana telah menang dan dapat beberapa karung duit tembaga. Pada masa itu timbulah perselisihan faham antara Datuk Kelana dengan Yamtuan Sati kerana Yamtuan Sati mahukan sedikit daripada duit kemenangan itu. Datuk Kelana pun marah kepada Yamtuan Sati. Akhirnya Datuk Kelana memerintahkan Datuk Ulu Muar menyerang dan menurunkan Yamtuan Sati daripada jawatan Yamtuan Seri Menanti. Datuk Ulu Muar terus menyerang dan mengalahkan Yamtuan Sati. Yamtuan Sati pun dipecat daripada jawatan Yamtuan Seri Menanti, lalu lari melindungi dirinya di Melaka. (Buyong Adil, 1981: 49-51).

Raja Radin (1824-1861)

Setelah Yamtuan Sati (Raja Labuh) dipecat, berlakunya pertelingkahan dan perebutan kuasa untuk menduduki tempat Yamtuan di Seri Menanti. Hal ini demikian, kerana raja-raja ini merasakan mereka adalah orang yang layak untuk menduduki tempat tersebut dan memerintah Seri Menanti. Oleh itu, terdapat lima orang raja yang meminta dan menuntut kehendak menjadi Yamtuan Seri Menanti antaranya ialah Raja Radin Puteri Almarhum Yamtuan Lenggang (Yamtuan Seri Menanti yang keempat), Yamtuan Beringi iaitu seorang raja yang menjadi penjaga Raja Radin, Raja Kerjan yang pernah memangku jawatan Yamtuan Seri Menanti dahulu, Yamtuan Sati (Raja Labuh) yang baharu dipecat itu dan Raja Ali (Yamtuan Muda Rembau). Namun begitu, atas persetujuan dan perbincangan di antara Datuk Undang Sungai Ujong dengan disokong oleh Dato Undang Rembau telah bersama-sama bersetuju agar Raja Radin dilantik dan memangku jawatan sebagai Yamtuan Seri menanti iaitu pada tahun 1830.

Pemerintahan Raja Radin boleh dikatakan pemerintahan yang agak lama iaitu Raja Radin telah memerintah Seri Menanti selama tiga puluh tahun bermula dari tahun (1830-1861). Dari aspek keperibadian baginda dikatakan baginda merupakan seorang yang suka memburu bintang liar bersama rakyat dan ketika itu baru baginda mengetahui bahawa rakyat perlukan tanah. Oleh itu, dibukanya banyak penempatan untuk rakyat menjadikan kampung halaman dan menghasilkan pendapatan ekonomi. Baginda merupakan seorang raja yang sangat prihatin akan nasib rakyat dan baginda telah mangkat di Seri Menanti pada tahun 1861 dan baginda telah meninggalkan puteranya bernama Tengku Antah dan Tengku Muda Cik (Buyong Adil, 1981:51).

Yamtuan Imam (1861-1869)

Setelah Yamtuan Radin mangkat pada tahun 1861, Datuk Undang Yang Empat dan penghulu-penghulu di Negeri Sembilan hendak melantik Tengku Antah menjadi Yamtuan Seri Menanti menggantikan ayahnya Almarhum Yamtuan Radin. Tetapi Tengku Antah telah menolak dengan alasan ianya belum dewasa dan ia bersetuju ayah saudaranya Tengku Imam adik Almarhum Yamtuan Radin untuk dilantik menjadi Yamtuan Seri Menanti. Dalam hal yang demikian, tiba-tiba berlaku huru-hara kerana Raja Alang Sohor bin Raja Beringin serta adik-adiknya yang tinggal di Kampung Tengah telah membawa satu pasukan pengikutnya hendak menyerang Istana Besar di Seri Menanti dengan tujuan hendak menuntut supaya jawatan Yamtuan Seri Menanti itu diberikan kepada Raja Alang Sohor.

Di dalam satu perbincangan yang telah diadakan oleh Datuk Undang Yang Empat dengan Penghulu-penghulu di Negeri Sembilan telah bermuafakat melantik Tengku Imam menjadi Yamtuan Seri Menanti yang kelima dengan nama Yamtuan Imam atau Yamtuan Ulin. Namun begitu zaman pemerintahan baginda tidak lama, baginda hanya memerintah di Seri Menanti hanya lapan tahun sahaja dan Tengku Imam telah mangkat di Seri Menanti pada tahun 1869. Yamtuan Imam digelar sebagai “Marhum Janggut” dan baginda juga telah meninggalkan puteranya iaitu Tengku Cindai (perempuan) dan Tengku Ahmad Tunggal. Setelah dewasa, Tengku Cindai bersuamikan Tengku Muda Cik putera Almarhum Yamtuan Radin.

Tunku Ahmad Tunggal sering pulang ke 50 Koto di Sumatera Barat semasa ayahandanya menjadi Yamtuan. Di Koto, Tunku Ahmad Tunggal telah diberi gelaran Tuanku Raja Besar. Ketika baginda berada di sana, baginda sering kali dilindungi oleh Tuanku Nan Garang malah di sana juga baginda amat disayangi oleh rakyat Jelata. Tuanku Ahmad Tunggal terlibat dalam padri antara golongan adat dan agama. Baginda telah tertanggap oleh belanda dan dilepaskan semula oleh dua tunku tadi dan kemudiannya telah dibawa ke Tanah Melayu dan terus ke Negeri Sembilan. Pada zaman itu juga datang seorang Syeikh Abdullah Sani bin Tajudin merupakan seorang wali Allah yang banyak mengembangkan agama di Gachong dan kemudiannya beliau wafat pada tahun 1824.

Penglibatan baginda Yamtuan Imam dalam pergolakan di Luak-Luak dalam Negeri Sembilan juga tidak ada. Lagipun ketika baginda menaiki takhta dikatakan umurnya juga sudah terlalu tua. Baginda mangkat dalam tahun 1869. Ketika ini pergolakan siasah Inggeris di Negeri-negeri Melayu sudah semakin hebat. Perlombongan di Kuala Lumpur sudah mula dibuka dengan meluas. Yap Ah Loy yang pernah menjadi pelombong di Sungai Ujong juga sudah berpindah ke Kuala Lumpur (Abdul Samad Idris, 1987:167).

Tengku Ampuan Intan (1869-1872) – memangku

Tengku Ampuan Intan merupakan isteri kepada Yamtuan Radin yang menjadi pemangku sementara ketika menunggu pemilihan waris yang layak dalam menggantikan tempat Raja Imam. Namun, setelah Yamtuan Imam mangkat berlaku masalah dalam sistem

pentadbiran raja di Negeri Sembilan kerana Yamtuan Imam mangkat akibat diracun di Jelebu. Ketika itu Yamtuan Imam sedang berusaha untuk mengembangkan Islam melalui aktiviti Tasawuf dan Suluk. Namun apabila baginda diracun menyebabkan timbulnya rasa dendam di hati anakandanya iaitu Tuanku Ahmad Tunggal dan akhirnya berlaku pergeseran di dalam Istana dan tidak dapat ditentukan siapa yang akan menjadi Duli Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Hal ini demikian kerana, orang yang seharusnya menentukan dalam pemilihan Duli Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan adalah Tiang Balai atau Tiang Istana yang merupakan Penghulu Luak Ulu Muar. Pada ketika itu juga, Dato Siamang Gagap Bin Mukmin mengambil kesempatan membuat rancangan kerana baginda tidak mahu kuasa Tuanku Ahmad Tunggal ini meluas sehingga menguasai keseluruhan Luhak Tanah Mengandung.

Tuanku Ahmad Tunggal ketika itu telah menguasai Luhak Tanah Mengandung yang terdiri daripada Ulu Muar, Jempol, Luhak Gunung Pasir, Luhak Inas dan Luhak Terachi. Oleh itu, Dato Siamang Gagap merasakan perkara itu harus dikurangkan, maka beliau melantik Tuanku Ampuan Intan sebagai pemangku sementara ketika menunggu pewaris yang layak untuk menyandang jawatan Duli Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Berlaku pergolakan yang begitu hampir tiga tahun dan akhirnya tercusus peperangan antara Tuanku Antah dengan Tuanku Ahmad Tunggal. Ketika perang kali pertama, Tuanku Antah kalah dalam peperangan tersebut menyebabkan baginda mlarikan diri ke Johor dan mengadap Sultan Abu Bakar. Hal ini menyebabkan Sultan Abu Bakar terpaksa memujuk British agar membantu mereka sedangkan ketika itu, British sedang menunggu peluang untuk menguasai Negeri Sembilan kerana Negeri Sembilan pada masa itu kaya dengan bijih timah dan emas. British setuju membantu Tuanku Antah agar baginda dapat kembali ke Seri Menanti. Namun jawatan yang disandang telah dikecilkan kuasa raja dan dijadikan Yang Di-Pertuan Besar Seri Menanti dan Luak-luak lain menjadi bebas.

Keadaan berterusan hingga hampir tiga tahun dan akhirnya Tuanku Antah menaiki takhta dan Yang Di-Pertuan Intan terpaksa turun takhta dan Tuanku Ahmad Tunggal terpaksa mengasingkan diri kerana jawatannya sudah diambil alih oleh Tuanku Antah dan Tuanku Ahmad Tunggal hanya diberi kuasa besar di Seri Menanti dan Tuanku Raja Besar di Minangkabau. Tuanku Ahmad Tunggal merupakan seorang raja yang tegas, berprinsip, kuat pada adat, adab dan syarak. Baginda juga bukan seorang raja yang senang-senang boleh dijual beli oleh Inggeris.

Zaman Tuanku Ampuan Intan adalah zaman Negeri Sembilan berjaya distabilkan untuk merebut tampok pentadbiran institusi beraja. Dato Siamang Gagap adalah watak utama yang mencaturkan supaya Institusi beraja ini diwarisi oleh kelompok yang dikirakannya layak akan tetapi pada ketika itu kedudukan puak lain tidak diambil berat walhal Negeri Sembilan ketika itu perlu berpegang kepada konsep musyawarah dan muafakat. Namun begitu, tidak harus dilupakan peranan Tiang Balai yang ketuai oleh Penghulu Luak Muar tetapi pertelingkahan puak ini sangat merugikan Negeri Sembilan terutama pada ketika itu Inggeris sudah pun bermaharajalela. Oleh itu, Yamtuan Intan cuma sebagai watak yang terpaksa duduk di tampok kuasa untuk menjadikan institusi raja di Negeri Sembilan berada dalam aman dan damai.

Dato Seri Siamang Gagap dan beberapa pembesar istana sudah merancang supaya raja yang tertentu akan mentadbir Negeri Sembilan ketika itu. Hal ini menyebabkan wujudnya masalah dan pergolakan kerana bulat selalu tidak boleh digolekkan dan pipit tidak selalu boleh dilayangkan. Dato Siamang Gagap mahu supaya Almarhum Tunku Radin masih kekal dalam kalangan istana. Oleh itu, selama tiga tahun Yamtuan Intan didampingi oleh watak utama Dato Siamang Gagap dan beberapa pembesar istana pada ketika itu.

Tuanku Antah (1872-1888)

Sejarah Raja-Raja Negeri Sembilan ada kaitan dengan Ulu Jempol yang merupakan tempat yang paling menarik untuk dibongkar sejarah zaman lampau misalnya di Dusun Nenas Tengkek memang wujud perkampungan pada jeram yang terdapat di situ kerana terdapat tembok susunan batu di tepi sungai, kawasan pamahnya lebih kurang dua hektar. Batu yang ada adalah batu putih dan jernih. Bagi yang diisytiharkan sebagai Undang Luak Jelebu akan berkumpul di Pulau Jelebu dan berhadapan dengan Bukit Danau Rasau. Di tepi Jeram Nenas itu ada batu asahan tempat pengikut Undang Luak Jelebu mengasah parang semasa irangi undang di tabal. Bila selesai akan terus ke Bukit Peraja melalui permatang Ulu Jempol dan terus ke permatang Titiwangsa. Bakal Undang akan berehat di Perhentian Teras di Dusun Semiat.

Bermula juga di Anak Air Sempolang kisahnya Tuan Paduka Pandai waris kepada Bendahara Tepok telah membuka kawasan Anak Air Sempolang, meneroka hutan dan membuat perkampungan di sini. Tuan Paduka Pandai telah memelihara harimau saka pewaris dari jurai keturunan Bendahara terakhir kerajaan Melaka iaitu Bendahara Tepok. Sejarah Raja-Raja Negeri Sembilan banyak terungkap di Tengkek dan terdapat satu bukit ketinggian 1060 meter dan dikatakan jika hendak berurus niaga di Jelebu terpaksa melalui bukit ini yang diberi nama Bukit Peraja. Di bukit ini banyak menyimpan sejarah silam Negeri Sembilan terutama sejarah raja-rajanya.

Sepanjang ke Bukit Peraja akan melalui air terjun Ulu Jempol dan di sini terdapat air terjun tujuh tingkat. Di keliling Bukit Peraja ini terdapat dusun durian yang ratusan tahun dahulu wujudnya dan di sinilah terdapat gua di mana Hang Tuah pernah berguru dan sorokkan oleh Bendahara Melaka ketika dijatuhan hukuman oleh Sultan. Terdapat juga makam Khatib Akhir yang bersebelahan dengan Anak Air Songsang. Tidak ketinggalan Makam Tuan Paduka Pandai di Kampung Kasau yang dahulunya diberi nama Danau Rasau. Paling hebat ialah jumpaan duit syiling tahun 1344 telah berada di bumi Ulu Jempol dan ianya ada kaitan dengan pemerintahan Kerajaan Uthamaniyah Turki yang menjadikan Melaka sebagai khalifah di Bumi Nusantara. Perkara ini mesti dibongkar dan adakah sudah ada hubungan dagang pada ketika itu.

Di Bukit Peraja terdapat banyak Batu Peninjau yang digunakan sebagai tempat untuk melindungi tempat tersebut. Panglima atau pengawal akan di letakkan di setiap batu peninjau untuk memberi isyarat jika musuh datang atau terdapat merbahaya. Ada juga Batu Penyu berada di Bukit Danau Rasau yang merupakan batu belah batu bertangkup tempat seorang pemimpin di sumpah kerana tidak menjalankan amanah sebagai seorang pemimpin. Kerja sebagai seorang pemimpin ini penting kerana menggalas amanah yang sangat berat. Di Gua Danau Rasau itu dijumpai sebuah gua

tempat Raja Melewar bertapa atau bersuluk memperkuatkan diri setelah terpaksa keluar dari Rembau kerana ancaman dari pihak Bugis dan di dalam gua ini dijumpai pinggan tembaga kegunaan Raja Melewar untuk makan. Dijumpai juga tembikar. Kedudukan dalam gua ini sesuai untuk bersuluk dan memperkuatkan diri. Di jajaran ini juga dijumpai tombak kepunyaan panglima Raja Melewar yang masih elok lagi. Paling menarik terdapat sebuah perigi Ghuntung yang sudah lama tinggal dan juga pernah digunakan oleh Raja Melewar untuk bersihkan diri dan mengambil air sembahyang. Perigi ini pernah digunakan oleh masyarakat setempat sekitar tahun 1970-an dan sudah terkambus tapi di atas daya usaha Persatuan Anak-Anak Jati Tengkek ia telah digali semula dan diharap boleh diwartakan sebagai tempat bersejarah.

Di atas gua tersebut terdapat kawasan yang sangat rata dan di situ lah dinamakan Perhentian Petai tempat Raja Melewar diserahkan oleh Pemimpin Minangkabau kepada Pemimpin yang berada di Danau Rasau. Ketika ini jugalah dibawa segala alat kebesaran untuk penerusan pentadbiran Minangkabau nanti di Negeri Sembilan. Antara yang dibawa ialah Destar Demdam Tak Sudah, lambang perjuangan yang berterusan dan tiada penghujungnya hingga kepada keturunan raja-raja Negeri Sembilan seterusnya. Di kawasan rata di sini telah dibina istana tempat kediaman Raja Melewar dengan keluarga dan pengikutnya. Kawasan ini dijaga oleh Panglima Hitam Pembesar Raja Melewar. Paling cantik berhampiran dengan perigi Ghuntung ini terdapat tuggul durian tempat Raja Melewar pernah bersandar dan sudah ratusan tahun lamanya dan ada juga sebatang durian saka yang punya buah dan isi terbaik pernah ada semenjak Raja Melewar datang lagi.

Di sini juga terdapat Gua Bukit Meriam berhampiran dengan Anak Air Songsang dan Anak Air Sompolang. Ada juga Makam Tok Batin Rendang peneroka pertama Kampong Tengkek. Paling menarik terdapat juga Makam Tok Nyang Bayan Haji Idris Bin Sheikh Abd Rahman Al Linggi yang mengislamkan Tok Batin Rendang. Sekitar Tampis Pus terdapat banyak makam makam lama yang sudah pasti kepunyaan pejuang dahulu.

Harus diingat bahawa perintis pertama orang Minang yang merantau ke Negeri Sembilan ialah Syeikh Ahmad mengembangkan Islam. Meninggal 1476 Masihi suku Seri Melenggang dan sudah pasti tokoh ini datang dari 50 Koto yang banyak berjasa dengan Negeri Sembilan. Bandar Kembar Negeri Sembilan sudah selayaknya ialah 50 Koto. Tambahan pula, rajanya adalah dari Negeri Sembilan yang ada jurai dari sana dan sejurus dengan Tuanku Ahmad Tunggal seorang raja yang mempunyai prinsip, berpengalaman luas, kuat agama, tegas dalam adat serta kental jati diri Melayunya. Baginda pula bukan raja yang boleh dibeli oleh penjajah pada ketika itu. Syeikh Ahmad ini lahir 1356 Masihi dan meninggal dalam usia 80 tahun. Malahan beliau telah membawa orang Mungkal, Seri Lemak, Tiga Batu, Simalanggang, Batu Belang, Batu Hampar, Paya Kumbuh dari Koto Nan Gadang dan Tanah Datar dari Sumanik. Termasuk juga dibawa masyarakat Tampin yang datang ke Naning dan akhirnya wujud masyarakat Tampin ini membuat pertempatan di Tampin sekarang. Dari sini juga lahirnya aliran Syeikh dan Sayed dan ertinya Tunku Besar Tampin bukannya orang lain dengan orang Negeri Sembilan kerana ia juga dari jalur 50 Koto dan dekat dengan Lubuk Batingkok dan juga Kota Paya kumbuh (Alis Marajo, 2018, 36-37).

Terdapat juga Dusun Nenas yang sangat bersejarah dan di batu besar di air terjunnya terdapat batu bulat dikatakan tempat orang meminjam pinggan dan di situ juga ada tapak kaki Hang Tuah dan di sini juga masih wujud durian saka yang juga kepunyaan generasi Melayu terdahulu. Jika Undang Jelebu yang telah diisytiharkan mesti berkumpul di Pulau Jelebu berhadapan dengan Bukit Danau Rasau dan terus mendaki ke Bukit Peraja terjumpa jeram mengkuang, jeram dua tingkat dan batu asahan. Berhenti mengasah parang di situ dan akan terus mendaki dan pada esok hari baharulah mandi di Masjid Kuala Dulang untuk mandi tabal.

Di Danau Rasau juga dijumpai Tetawak dalam kategori gong dalam usia 250 tahun dan buatannya secara picit tangan yang masih kukuh lagi dan ini juga adalah alat muzik kepunyaan pembesar dan raja pada ketika itu. Kesultanan Melayu Melaka yang terakhir Sultan Mahmud digambarkan begitu buruk dan sebenarnya tidak seperti itu dan yang bersikap buruk itu adalah anaknya dan sikap pembelot pada masa itu yang menyebabkan Melaka Kalah. Oleh sebab itu, pada zaman Raja Melewar ia mencari jejak di Ulu Jempol. Malahan Raja Hitam juga pernah ke Ulu Jempol dan pernah menginap di Bukit Bagindo dan sekitarnya. Gua Raja Melewar di Danau Rasau pun pernah dijelajah oleh Raja Hitam kerana Raja Hitam juga terpaksa turun kerana terdapat masalah dalam pentadbiran terutama dalam soal kuasa. Baginda akhirnya terus ke Perak dan makamnya ada di Beruas. Sepanjang perjalannya baginda menyamar sebagai fakir dan makin memperkuatkan dirinya dengan ilmu tasawuf.

Sehingga zaman Tuanku Ahmad Tunggal yang dinafikan haknya sebagai Yang di-Pertuan Besar di Negeri Sembilan, walhal baginda diterima oleh semua luak tanah Mengandung dan rakyat jelata. Tapi kerana kuasa, apa-apa boleh berlaku dan yang berhak boleh tersingkir dan juga angkara Inggeris yang mahu bolot timah dan emas di Negeri Sembilan. Pemimpin Melayu pula tidak bersatu dan cepat terpengaruh dan kita perlu lihat juga peranan Dato Siamang Gagap dalam hal ini. Sehingga Tunku Muda Cik juga gagal untuk menjadi pentadbir di Negeri Sembilan. Semua sejarah ini ada asas perkaitannya dengan Kerajaan Pagaruyung kerana yang terlibat dalam sejarah tersebut adalah keturunan Pagaruyung itu sendiri.

Setelah Yamtuan Imam mangkat pada tahun 1869, berlakulah pergaduhan di antara putera-putera raja di Negeri Sembilan untuk merebut jawatan Yamtuan Seri Menanti itu. Tunku Ahmad Tunggal putera almarhum Yamtuan Imam telah berkeras menuntut supaya beliau dilantik menjadi Yamtuan Seri Menanti. Ianya mendakwa bahawa dia adalah yang berhak menerima jawatan Yamtuan Seri Menanti kerana baginda putera Yamtuan yang baru mangkat itu. Walau bagaimanapun, Orang Besar-besar dan Penghulu-penghulu Luak di Negeri Sembilan tidak bersetuju kerana kelakuannya tidak baik. Oleh sebab pada masa itu belum dapat ditetapkan orang yang hendak memegang jawatan Yamtuan Seri Menanti, seorang Orang Besar yang berpengaruh di Negeri Sembilan bernama Kahar (gelarannya Datuk Siamang Gagap) telah melantik Tengku Puan Intan, janda Almarhum Yamtuan Radin menjadi pemangku raja sementara Datuk-datuk Penghulu Luak mencari penyelesaian untuk mendapatkan seorang pengganti Yamtuan Seri Menanti.

Seterusnya, apabila sudah genap tiga tahun iaitu pada tahun 1872, Datuk-datuk di Seri Menanti telah berbincang dengan mencadangkan agar Tengku Lintau (Tengku Besar) yang merupakan abang kepada Tengku Antah dilantik sebagai pemangku Yamtuan Seri Menanti. Namun begitu, Tengku Lintau tidak bersetuju dan menolok cadangan tersebut kerana, Tengku Lintau merupakan seorang yang alim dan warak serta tidak suka masuk campur urusan politik dalam negeri kerana beliau lebih suka melakukan perkara-perkara yang lebih dekat dengan Tuhan. Oleh itu, Tengku Lintau dikatakan seorang yang kuat beribadah.

Tambahan lagi, disebabkan tidak ada persetujuan daripada Tengku Lintau dalam menjadi pemangku Yamtuan Seri Menanti, maka pada tahun 1872, Tengku Antah iaitu putera Almarhum Yamtuan Radin telah dilantik menjadi Yamtuan Seri Menanti yang keenam dan Tengku Puan Intan pun meletakkan jawatan pemangku Raja disandangnya dari tahun 1869-1872. Dalam pada itu juga, pada tahun 1872, Datuk Kelana Sendang atau lebih dikenali sebagai Datuk Kelana Sungai Ujong yang sudah mencapai umur 80 tahun telah pun meninggal dunia. Oleh itu, anak saudaranya iaitu Laksama Syed Abdul Rahman dilantik menjadi Datuk Kelana Sungai Ujong dan ayah Syed Abdul Rahman ini merupakan seorang berbangsa Arab.

Di samping itu, dapat dilihat juga apabila Tengku Ahmad Tunggal tidak dapat menjadi Yamtuan Seri Menanti, Seri Menanti, ia pun mengundur diri lalu pergi ke Sungai Ujong merapati Datuk Kelana Syed Abdul Rahman. Syed Abdul Rahman yang baharu menjadi Datuk Kelana Sungai Ujong telah dicabar dan ditentang oleh Datuk Bandar Tunggal (Abdullah bin Ahmad) yang berpusat di Rasah dekat Seremban. Beliau ini seorang kaya yang banyak mempunyai lombong bijih timah. Sejak itu berlaku perusuhan diantara Datuk Kelana Syed Abdul Rahman dengan Datuk Bandar Tunggal. (Buyong Adil, 1981: 53-54).

Seterusnya, Pada 21 April 1874, Sungai Ujong telah menerima Residen British. Hal ini dapat dilihat apabila Datuk Kelana Syed Abdul Rahman bagi pihak Sungai Ujong dengan Datuk Muda Linggi telah membuat surat perjanjian dengan gabenor Sir Andrew Clarke di Singapura bagi pihak kerajaan British. Sejak itu, Datuk Kelana Syed Abdul Rahman telah meletakkan dirinya dan luak Sungai Ujong di bawah lindungan British, terutamanya mengharapkan tentera upahan dan askar bagi melawan musuhnya Datuk Bandar Tunggal Abdullah bin Ahmad. Pada 21 April 1874, Datuk Kelana Sungai Ujong, Syed Abdul Rahman dan Datuk Muda Linggi telah menandatangani perjanjian dengan Sir Andrew Clarke yang mengandungi beberapa peraturan dan perjanjian antara kedua-dua pihak. (Buyong Adil, 1981: 54).

Pada bulan Ogos tahun 1874, Datuk Kelana Syed Abdul Rahman telah meminta pihak British melantik seorang residen di Sungai Ujong. Pada bulan September tahun 1874 bendera Union Jack (Bendera British) telah dikibarkan di puncak tiang berhampiran dengan rumah Datuk Kelana Syed Abdul Rahman di Ampangan diikuti dengan istiadat menembak Meriam 21 das. Pada bulan November tahun 1874, seramai 150 orang askar British lengkap bersenjata telah sampai di Seremban (Sungai Ujong). Pada masa itu, pihak Datuk Kelana Sungai Ujong telah menuduh Yamtuan Antah di Seri Menanti

sebagai pembelot dan dengki terhadap Datuk Kelana Syed Abdul Rahman di Sungai Ujong.

Tambahan lagi, dengan bantuan daripada askar-askar British yang datang ke Sungai Ujong, Datuk Kelana Syed Abdul Rahman telah menyerang pihak Datuk Bandar Tunggal lalu membakar Rahang dan memaksa Datuk Bandar Tunggal pergi ke Singapura untuk menyerah diri kepada gabenor di sana. Oleh itu, pada bulan Disember tahun 1874, Datuk Bandar Tunggal telah mengaku kalah kepada pihak Datuk Kelana Syed Abdul Rahman dan pada awal tahun 1875, residen British yang pertama telah sampai di Sungai Ujong bagi membantu Datuk Kelana Syed Abdul Rahman menjalankan pemerintahannya di Sungai Ujong.

Residen British yang pertama di Sungai Ujong ialah Patrick J.Murray dan beliau telah menetap di Sungai Ujong berhampiran dengan rumah Datuk Kelana Syed Abdul Rahman di Ampangan. Pasukan askar British yang dibawa oleh Patrick J. Murray ke Sungai Ujong itu ditempatkan di Rasah dan dianggarkan dua batu dari tempat kediaman residen British itu. Pasukan itu mengandungi seramai 68 orang polis dan di antara mereka itu 50 orang sahaja yang bersenapang. Malahan terdapat seramai

45 orang askar British diketui oleh seorang rakyat British iaitu Leftenan Hinxman. Hal ini kerana, Datuk Kelana Sungai Ujong (Syed Abdul Rahman) telah membawa orang British masuk ke Sungai Ujong, Datuk-datuk di Negeri Sembilan lebih cenderung menyebelahi Yamtuan Antah di Seri Menanti yang tidak bersetuju akan dasar dan tindakan Datuk Kelana Sungai Ujong itu kerana mereka tidak menyukai akan campur tangan pihak British dalam urusan dan pentadbiran orang Melayu di Seri Menanti.

Satu perbincangan atau mesyawarah telah diadakan di antara Datuk-datuk Undang Jelebu, Rembau dan Johol serta Datuk-datuk lain di seluruh Negeri Sembilan bagi membincangkan akan pertabalan Yamtuan Antah sebagai Yamtuan Seri Menanti. Namun begitu, semasa mesyawarah diadakan, Datuk Kelana Sungai Ujong (Syed Abdul Rahman) tidak hadir dalam mesyuarat tersebut menyebabkan Yamtuan Antah tidak mengiktiraf Datuk Kelana. Dalam bulan Oktober tahun 1875, orang Melayu semakin marah kepada pihak British kerana mencampuri pemerintahan di Negerinegeri Melayu terutama apabila J.W.W Birch, residen British yang pertama di negeri Perak dibunuh oleh orang Melayu perak pada 2 November 1875 di Pasir Salak. Semangat orang Melayu di negeri Perak dan Selangor telah mendorong mereka memberontak melawan British di Negeri Sembilan. Pemberontakan orang Melayu Negeri Sembilan melawan British berlaku lebih kurang setahun kemudian daripada peristiwa yang berlaku di negeri Perak dan Selangor.

Sejarah Kehadiran Dato'Siamang Gagap Sebagai Orang Besar Istana

Dato' Siamang Gagap atau nama sebenarnya ialah Haji Kahar bin Mukmin lahir pada tahun 1817 di kampung Repah Tampin. Beliau dikatakan memiliki keperibadian yang baik sejak kecil lagi. Hal ini kerana, sejak kecil lagi beliau sudah lincah dan pandai dalam semua aspek, namun beliau mempunyai satu kekurangan iaitu sukar untuk bercakap ataupun disebut sebagai gagap. Namun begitu, apabila beliau melangkah ke alam

dewasa, masalah gagapnya sudah tidak ada lagi malahan beliau boleh bertutur seperti orang yang normal.

Dato Siamang Gagap pernah berguru dengan Tok Kali Singa yang merupakan seorang yang mempunyai kepakaran dalam ilmu agama hingga minat dan kegigihan beliau dalam mendalami ilmu agama hingga ke Patani. Di Patani, beliau bukan sahaja mendalami ilmu agama malahan beliau turut mempelajari ilmu persilatan sehingga beliau sanggup menjelajah tanah Minangkabau untuk belajar ilmu persilatan. Apabila pulang dari perantauan, beliau mengajar ilmu agama dan persilatan kepada anak-anak muda di kampungnya. Beliau juga bercita-cita menjadi pembesar istana dan untuk mencapai cita-citanya beliau mengajak ayah dan ibunya berpindah ke Kampung Sungai Layang yang letaknya tidak jauh dari istana Yamtuan Seri Menanti. Sikap Dato Siamang yang rendah diri dan peramah membuatkan dia mudah disenangi dan diterima oleh orang-orang kampung.

Serangan dan gangguan orang-orang Rawa (Rao) yang datang dari Lenggeng telah mengganggu keamanan dan kemakmuran Luak Tanah Mengandung (Seri Menanti). Orang-orang Rawa ini terkenal dengan sifat yang ganas dan tidak berperikemanusiaan. Ketika itu orang-orang Rawa amat terkenal dengan ilmu Rao Rontek dan Bom Kata. Rakyat mengadu kepada pihak istana tetapi Yamtuan Raja Radin tidak dapat berbuat apa-apa kerana bilangan orang-orang Rawa yang ramai. Tambahan pula, baginda khuatir ramai yang akan menjadi mangsa jika berlaku perperangan dengan orang-orang Rawa. Maka Dato Siamang Gagap hadir mengadap Yamtuan menyatakan kesanggupannya menghadapi orang-orang Rawa seorang diri. Pada mulanya, Yamtuan tidak yakin dengan kebolehannya tetapi bila Kahar bersungguh-sungguh menyatakan kesanggupannya akhirnya baginda bersetuju dengan harapan tidak berlaku perperangan. Dato Siamang Gagap menggunakan tipu helahnya untuk memperdayakan orang-orang Rawa. Dia mengadap ketua orang-orang Rawa bernama Temusi lalu mengaku datang dari Minangkabau bersama ramai pahlawan terbilang bertujuan membantu Yamtuan untuk memerangi orang-orang Rawa.

Dato Siamang Gagap juga mengajak mengadu kekuatan seorang lawan seorang untuk menguji kehebatan pahlawan Rawa. Akhirnya, berlakulah pertandingan pencak silat antara Dato Siamang Gagap dengan pahlawan Rawa yang terbilang dan dalam pertandingan itu Dato Siamang Gagap berjaya mengalahkan lawannya. Kemudian Dato Siamang Gagap mengatakan dia cuma orang suruhan sahaja berbanding pahlawan Minangkabau lain yang semuanya lebih handal darinya. Akhirnya orang-orang Rawa merasa takut lalu meninggalkan Seri Menanti.

Sebagai menghargai jasanya berjaya menghalau orang-orang Rawa maka Yamtuan Radin menganugerahkan gelaran Dato Siamang Gagap kepada beliau dan juga dilantik menjadi pembesar istana. Beliau menjadi pembesar Istana bermula dari masa pemerintahan Yamtuan Radin, Yamtuan Imam, Tuanku Ampuan Intan (pemangku) dan Yamtuan Antah.

Dato Siamang Gagap yang merupakan Orang Besar Istana Seri Menanti merupakan seorang yang memainkan peranan penting dalam sejarah Perang Bukit Putus pada tanggal 25-11-1875. Hal ini demikian, kerana, pada awal kehadiran Dato Siamang Gagap dianggap sebagai wira bangsa kerana beliau banyak menyumbang bakti ke arah kebaikan semasa beliau memegang jawatan sebagai Tiang Balai.

Dato Siamang Gagap dianggap wira kerana telah mengetuai angkatan perang Yamtuan Antah yang berperang dengan Angkatan Dato Undang Luak Sungai Ujong yang dibantu oleh Inggeris ketika itu, malah berjaya membuatkan Angkatan Dato Undang yang dibantu oleh Inggeris tersebut berundur ke Paroi. Keperwiraan Dato Siamang Gagap dilihat apabila beliau telah menjadi penentang kepada campur tangan Inggeris.

Dato Siamang Gagap terus memain peranan penting dalam sejarah negeri Sembilan, apabila beliau telah melantik wanita untuk pertama kalinya menjadi seorang Pemangku di Seri Menanti dengan menyandang gelaran Yamtuan Seri Menanti. Beliau menggunakan pengaruhnya sebagai Orang Besar Istana Seri Menanti untuk menaikkan Tuanku Ampuan Intan menjadi Raja (1869-1872) sementara mencari pewaris yang layak dalam mengganti tempat Imam. Namun begitu, tindakan Dato Siamang Gagap ini telah membelakangi adat dan peraturan yang ditetapkan seperti yang telah diperakukan sejak pertabalan Raja Melewar lagi. Keadaan ini mendorong Dato' Undang Sungai Ujong Dato' Kelana Petra Sendeng, imam atau ketua kepada Undang-Undang Luak marah dan mengisyiharkan keluar dari gabungan "Nagari Sembilan", dan tindakan Dato Kelana Petra ini kemudiannya diikuti oleh Dato' Undang Jelebu dan Rembau.

Kemelut bagi perlantikan waris takhta berlaku kerana kebanyakkan orang besar istana tidak mahu mengangkat anakanda Almarhum Yamtuan Imam iaitu Tuanku Ahmad Tunggal ibni Yamtuan Imam sebagai Yamtuan Seri Menanti menggantikan ayahanda baginda yang mangkat kerana didakwa mempunyai kelakuan yang buruk dan zalim. Peranan Dato Siamang Gagap pada masa ini adalah untuk menidakkannya Tuanku Ahmad Tunggal dari menaiki takhta lantas beliau mempengaruhi Orang-Orang Besar Istana menaikkan Tuanku Ampuan Intan (balu Yamtuan Radin) sebagai Pemangku Raja dan pada masa yang sama beliau mahukan agar Tuanku Besar Lintau ibni Raja Radin menaiki takhta. Namun cadangan ini ditolak oleh Tuanku Besar Lintau kerana tidak berminat dengan urusan keduniaan dan mahu menumpukan masa untuk beribadat. Kemudian Dato Siamang Gagap mencadangkan agar Tuanku Laksamana Antah ibni Raja Radin dijadikan Yamtuan dan cadangan ini mendapat persetujuan penghulu-penghulu luak tanah mengandong (Johol, Muar, Jempol, Terachi, Gunung Pasir dan Inas).

Dari segi keperibadian Dato Siamang Gagap, beliau sering mengutamakan keturunan Yamtuan Radin. Hal ini demikian kerana, jawatan Dato Istana yang disandang oleh Dato Siamang Gagap adalah anugerah dari Yamtuan Radin. Oleh sebab itu, semahumunya menidakkannya keturunan Yamtuan Iman dari menaiki takhta. Contohnya dapat dilihat apabila beliau sendiri menaikkan balu Yamtuan Radin Sebagai Pemangku Seri Menanti sehingga tidak mahu mengangkat Tuanku Ahmad Tunggal menjadi Yamtuan Seri Menanti kerana beliau tidak mahu kuasa dan ikatan dari Yamtuan Radin hilang apabila Tuanku Ahmad Tunggal menaiki takhta.

Keadaan Yamtuan Antah Selepas Perang di Bukit Putus

Menurut Haji Buyong Adil (1981), Yamtuan Antah yang telah melarikan diri ke Johor telah berjumpa Maharaja Johor iaitu Maharaja Abu Bakar kemudian bergelar Sultan. Dengan bantuan yang diberikan oleh Maharaja Johor, pada bulan Mei tahun 1876 Yamtuan Antah telah dapat berjumpa dengan berbicara dengan gabenor di Singapura, Sir William Jervois. Kemudian dalam bulan November 1876, Yamtuan Antah bersama empat orang Datuk dari Seri Menanti, Johol dan Inas telah berjumpa dan berbincang dengan gabenor di Singapura.

Sejak itu, kerajaan British telah bersetuju Yamtuan Antah berangkat balik ke Negeri Sembilan. Setiap negeri di Negeri Sembilan mempunyai pemerintahnya daerah yang tersendiri kecuali Sungai Ujong tetap di bawah pemerintahan dan naungan kerajaan British. Pada tahun 1877, baharulah Yamtuan Antah berangkat balik ke Seri Menanti. Dua tahun kemudian iaitu pada tahun 1879, Datuk Kelana Syed Abdul Rahman yang menunaikan haji ke Mekah telah meninggal dunia di sana.

Di samping itu, Yamtuan Antah bersama isterinya iaitu Cik Puan Halimah telah memperolehi zuriat iaitu Tengku Muhamad dan Tengku Burhanudin dan dengan isteri baginda yang bernama Cik Siti yang berputerakan Tengku Sulaiman dan Tengku Kahr. Namun begitu, setelah sepuluh tahun peperangan melawan balik pihak British di Sungai Ujong dan Bukit Berus iaitu setelah enam belas tahun menjadi Yamtuan Seri Menanti lalu Yamtuan Antah pun mangkat di Seri Menanti pada tahun 1888.

Zaman Yamtuan Raja Antah telah wujud penghulu Luak Muar iaitu Penghulu Na'am yang merupakan anak murid kepada Syeikh Ibrahim dan Inggeris yang pernah membakar masjid di Seri Menanti. Syeikh Abdul Karim pernah berjuang bersama penghulu Na'am. Malah ianya pernah hidup dari zaman raja Melewar hingga raja Antah. Penghulu Na'am telah hidup lebih daripada seratus tahun, beliau juga menyandang jawatan sebagai Tiang Balai iaitu orang yang berperanan dalam perlatihan raja. Namun begitu, Penghulu Na'am akhirnya menyokong Tunku Ahmad Tunggal kerana Raja Antah cenderung dengan Inggeris. Akhirnya, zaman raja Antah berakhir apabila baginda bersuluk di Gunung Pasir dan dimakamkan di sana.

Pada 4 Jun 1887 satu lagi perjanjian telah dibuat di antara Yamtuan Antah dengan dato'-dato' Penghulu Luak disatu pihak dengan Gabenor British Sir Frederick. Pada masa perjanjian itu dibuat Yamtuan Antah semakin gering dan butiran empat perjanjian itu menekankan Tuanku Besar Muhammad Ibni Tuanku Antah akan dilantik menjadi Yamtuan. Yamtuan Antah telah diserang penyakit ketumbuhan dan diasingkan di Kampung Padang Biawas dan mangkat pada tahun 1888. Persoalannya kenapa perlu diasingkan walhal sistem perubatan Inggeris sudah agak baik pada ketika itu (Abdul Samad Idris, 1968: 37-39).

Dalam zaman pemerintahan Yamtuan Antah pernah diadakan jawatan ‘Tunku Putra’ dan diberi gelaran ini kepada Tuanku Muhammad dan daripada gelaran itu diangkat pula kepada gelaran Tunku Besar yang akhirnya ada peluang menjadi Yang di-Pertuan Besar. Kemudian Tunku Besar juga boleh memanggil Dato’ Muar, Dato’ Jempol, Dato’ Terachi dan Dato’ Gunung Pasir untuk memilih Yang di-Pertuan. Tunku Putra ini ialah kerabat dan darah raja dan mengambil kedudukan di sebelah bapa dan berkuasa menyelesaikan yang kusut dan menjernihkan yang keruh dan membicarakan segala hal yang ada kaitan dengan alam raja atas kadar tidak melebihi kuasa raja dan tiada terkurang daripada kuasa Undang. Adakalanya Tunku Besar boleh menyelesaikan hal yang bersangkutan Tunku Laksamana kata teromba adat untuknya pasang menyenak dari kuala dan pegangannya ialah pelawan musuh yang melanggar dari luar negeri, Tunku Panglima Besar kata teromba puputan rebut yang turun dari gunung dan pegangannya memadamkan kederhakaan isi negeri kepada raja. Tunku Putra bakal Tunku Besar. Tunku Muda pegangannya menanggung rahsia raja. Tunku Alam pegangannya menanggung rahsia Tunku Besar dan anak-anak putra yang tiada pangkat gelaran iaitu teruntuk padanya boleh menghabiskan tiap-tiap jenis perkara yang seumpama tanggongan undang kerana sama besar keadaan kuasanya (Adat Raja-Raja dan Adat Istana NS, Tanpa Tarikh: Halaman 25).

Raja Melewar puteranya tidak dapat menjadi raja kerana belum diputuskan tali ke Minangkabau. Putera Raja Hitam tidak dijadikan raja pada masa itu kerana masih ada pertalian dengan Minangkabau dan dua Putera Raja Lenggang iaitu Tunku Radin dan Ulin berjaya menjadi Yamtuan kerana sudah diputuskan tali ke Minangkabau.

Tuanku Muhammad (1888-1933)

Setelah Yamtuan Antah mangkat pada tahun 1888, berlakulah perebutan kuasa hendak menjadi Yamtuan Seri Menanti. Adik Almarhum Yamtuan Antah yang bernama Tengku Muda Cik (putera Almarhum Yamtuan Radin, Yamtuan yang keempat) telah menuntut untuk menjadi Yamtuan Seri Menanti menggantikan abangnya Almarhum Yamtuan Antah. Tengku Muda Cik telah berunding dengan Martin Lister yang pada masa itu menjadi Superintenden bagi Negeri Sembilan. Kemudian Martin Lister telah berunding pula dengan seorang Orang Besar yang berpengaruh di Negeri Sembilan bergelar Datuk Siamang Gagap (namanya yang sebenar Kahar). Dalam perundingan itu, Datuk Siamang Gagap menyatakan bahawa ia tidak bersetuju Tengku Muda Cik menjadi Yamtuan Seri Menanti kerana Tengku Muda Cik telah ditetapkan oleh ayahnya Almarhum Yamtuan Radin mewarisi jawatan Yamtuan Muda Jelebu dan ia tidak berhak lagi di Seri Menanti.

Oleh itu, pada tahun 1888 itu juga Penghulu yang keenam, iaitu Penghulu Johol, Ulur Muar, Jempul, Teraci, Gunung Pasir dan Inas pun melantik putera sulung almarhum Yamtuan Antah, Tunku Muhammad (Tunku Besar) menjadi Yamtuan Seri Menanti yang ketujuh. Perlantikan itu telah diisytiharkan oleh Martin Lister. Undang Luak Sungai Ujong, Jelebu dan Rembau tidak berserta dalam perlantikan Tunku Muhammad menjadi Yamtuan Seri Menanti itu (Buyong Adil, 1981: 65).

Pada zaman pemerintahan Yamtuan Muhammad baginda telah mengarah tukang-tukang professional dalam pembinaan istana di Seri Menanti. Kepakaran tukang Kahar dan pembantunya iaitu Tukang Taib dan ramai lagi tukang-tukang yang lain telah berjaya membina istana di Seri Menanti tanpa menggunakan paku. Mereka hanya menggunakan kaedah pasak tanpa paku. Oleh itu, keunikkan ini menjadi istana Seri Menanti merupakan salah satu seni bina yang terangung pada zaman pemerintahan beraja di Negeri Sembilan.

Baginda mahu menguatkan adat perpatih dan menguatkan harta pusaka kepada anak perempuan iaitu mewujudkan geran tanah pusaka kepada anak perempuan. Baginda juga menggalakkan rakyat menanam getah dan membuka kebun getah serta mahu tanah lombong yang dibuka oleh Inggeris pada ketika itu di Parit Tinggi, Beting, Jemapoh dan Jempul ditutup untuk mengelak rakyat berpindah randah. Baginda juga menggalakkan rakyat membuka pelbagai jenis kebun kerana baginda tahu tanah rakyat ditipu. Maka oleh sebab itu, baginda mahu tanah di geran tersebut diletak cop tanah simpanan Melayu, dakwah merah dan tidak boleh dijual kepada bangsa lain. Baginda juga seorang raja yang suka menjelajah di penempatan rakyatnya dan mengambil tahu hal rakyat dan terus menyelesaikannya.

Ketika mudanya baginda sangat suka menunggang kuda, tambahan pula jalan-jalan raya ketika itu belum ada. Ke mana-mana sahaja baginda berangkat adalah dengan menunggang kuda, kadangkala dengan kereta kudanya. Baginda sangat suka bermain sepak raga, gasing, mengadu kerbau dan menyabung ayam. Inilah menjadi kesukaan baginda masa usia mudanya. Selain itu baginda sangat suka bercucuk tanam dan menternak binatang. Terdapat juga binatang-binatang liar yang dipelihara baginda seperti harimau, beruang, rusa, jenis burung-burung dan lain-lain. Ketika hayatnya baginda melarang keras orang ramai menembak atau menganiaya burung-burung balam atau merbuk. Memikat balam adalah kesukaan baginda juga. Dalam pergaulan dengan rakyat baginda tidak memilih atau memandang kepada taraf seseorang. Baginda juga amat peramah dan mudah mesra dengan sesiapa sahaja. Menurut cerita orang tua-tua yang berkawan baik dengan baginda adalah yang gagah perkasa, berani, kacak dan segak perwatakannya. Baginda juga dikatakan mempunyai ilmu kebatinan serta kebal. Baginda tidak lut ditikam atau ditetak dengan senjata tajam. Begitu juga tidak dimakan oleh peluru (Abdul Samad Idris, 1987:172).

Baginda mempunyai jasa yang cukup banyak terhadap Negeri Sembilan dan rakyat Negeri Sembilan sangat terhutang budi kepada Baginda. Baginda telah mangkat pada hari selasa 1 Ogos 1933 bersamaan 9 Rabiu'L-Akhir 13 52, pukul 2.40 petang dan dimakamkan pada hari Khamis 3 Ogos 1933, pukul 5 petang (Sejarah Raja-Raja dan Adat NS, Tanpa Tarikh:2).

Satu perkara adat yang dijalankan pada masa pemerintahan Raja-raja Melayu dahulu adalah adat mempunyai teman atau hamba. Seseorang yang mempunyai harta pada masa itu ada mempunyai teman atau hamba yang boleh disuruh arah dan membuat sebarang pekerjaan apa sahaja yang diperintah. Selain menjadi hamba abdi, mereka dianggap oleh masyarakat bertaraf rendah dan hina. Tidak boleh makan sehidangan, tidak boleh duduk bersama-sama di atas rumah bila diadakan kenduri kendara. Tempatnya pada masa itu ialah di bawah rumah atau di tempat memasak yang dipanggil

pepalas. Kerjanya ialah mengangkut air, mengapak kayu, menjaga kukusan dan sebagainya. Keturunan mereka dilarang berkahwin dengan anak-anak orang lain selain dari mereka sesama keturunan teman sahaja. Adalah diharamkan sama sekali mereka menyandang pusaka, seumpamanya menjadi Buapak, Dato' Lembaga dan sebagainya. Tetapi seperti kata teromba sekali air bah, sekali pasir berubah, sekali raja mangkat, sekali adat beralih. Hak istimewa raja-raja dan memiliki teman yang diamalkan semenjak bertahun-tahun itu telah dihapuskan dengan pengisytiharan yang dibuat oleh Almarhum Tuanku Muhammad Shah pada 8 Mac, 1904. (Abdul Samad Idris, 1987: 156).

Tuanku Abdul Rahman (1933-1960)

Berbulat Undang dan Yamtuan di rumah Tuan Residen Seremban dan semasa Tuan London menjadi Pemangku Residen kemudian datang ke istana dengan tiada bermesyuarat dengan Penghulu-Penghulu Tanah Mengandung dan Orang Empat Istana iaitu tidak mengadakan pilihan di antara putera-putera itu dan hanyalah diangkatnya sahaja dijadikannya Yamtuan Besar Negeri Sembilan pada hal bukannya ia bakal pada masa itu Tunku Abdul Rahman yang tersebut bergelar Tunku Raja Muda Serting (Sejarah Raja-Raja Dan Adat Istana NS. Tanpa Tarikh: Perbadanan Perrpunkaan Aswam Negeri Sembilan).

Setelah Tunku Muhammad mangkat di Seri Menanti pada 1 Ogos 1933, putera Almarhum yang bernama Tuanku Abdul Rahman dilantik menjadi Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Lebih kurang setahun kemudian, iaitu pada 25 April 1934, baginda telah dianugerahi bintang kebesaran K.C.M.G. oleh King George V, Raja England. Pada tahun 1937 Tuanku Abdul Rahman telah berangkat ke England kerana menghadiri istiadat kemahkotaan King George VI, Raja England.

Pada tahun 1951, Tuanku Abdul Rahman telah berangkat lagi ke England kerana beralih angin untuk berehat. Tiga tahun selepas itu, iaitu pada 1954 baginda telah berangkat lagi ke England kerana gering dan berubat di sana. Di persidangan Majlis Raja-Raja Melayu pada 3 Ogos 1957 Tuanku Abdul Rahman telah dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong Malaya yang pertama. Tuanku Abdul Rahman telah mangkat di Istana Negara, Kuala Lumpur pada 1 April 1960. Jenazah almarhum telah dibawa ke Seri Menanti dan dikebumikan di sana pada 5 April 1960. Almarhum Tuanku Abdul Rahman meninggalkan isteri dan beberapa orang putera, iaitu

- i) Tunku Mahrum berputerakan Tunku Munawir.
- ii) Cik Maimunah berputerakan Tunku Aidah, Tunku Jaafar, Tunku Shaelah dan Tunku Abdullah.
- iii) Tunku Khursiah berputerakan Tengku Bahiyah dan Tunku Shahariah. Setelah dewasa, Tunku Bahiyah berkahwin dengan Sultan Abdul Halim Muazzam Syah, Sultan Kedah Yang di-Pertuan Agong Malaysia yang Kelima (Buyong Adil, 1981: 69-70).

Tunku Abdul Rahman giat menubuhkan Sekolah Agama Rakyat dan pada zaman baginda juga ramai yang muncul tokoh-tokoh agama yang terkenal dan oleh kerana aktifnya bidang keagamaan pada zaman baginda terutama ajaran tasawuf dan sufi maka Negeri Sembilan disebut Negeri Sembilan Darul Kursus.

Tuanku Munawir (1960-1967)

Setelah Tuanku Abdul Rahman mangkat, pada hari mengkebumikan jenazah almarhum, iaitu pada 5 April 1960 putera almarhum yang bernama Tuanku Munawir dilantik menjadi Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Bonda Tuanku Munawir ialah Tunku Mahrum. Tuanku Munawir beristerikan Tunku Durah pada tahun 1940, iaitu puteri kepada Tunku Besar Burhanuddin. Tunku Durah dilantik sebagai Tunku Ampuan Negeri Sembilan ketika Tuanku Munawir menjadi Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Tuanku Munawir ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman merupakan Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan yang kesembilan dari 5 April 1960 - 14 April 1967. Baginda merupakan putera sulung kepada Yang di-Pertuan Agong Malaysia yang pertama iaitu Almarhum Tuanku Abdul Rahman dan Tuanku Maharunnisa binti Tunku Membang. Almarhum Tuanku Munawir telah diputerakan pada 29 Mac 1922 di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Baginda merupakan putera sulung daripada 8 beradik. Tuanku Munawir mendapat pendidikan awal di Sekolah Seri Menanti, Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) dan di Sekolah King George V, Seremban. Seterusnya, baginda telah ke luar negara untuk melanjutkan pelajaran di School of Oriental & African Studies (SOAS) di London, UK.

Baginda telah dikurniakan gelaran Yang Amat Mulia Tunku Muda Serting pada 6 Julai 1934 pada usia 12 tahun setelah ayahanda baginda menaiki takhta Negeri Sembilan pada tahun 1933. Seterusnya baginda telah dilantik sebagai Yang Amat Mulia Tunku Laksamana pada 25 April 1937 pada usia 15 tahun. Tuanku Munawir juga pernah menjadi Pemangku Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan sebanyak 2 kali. Pertamanya pada 31 Ogos 1954 hingga November 1954 dimana ayahanda baginda berangkat ke luar negara. Dan kali kedua semasa ayahanda baginda diangkat sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia yang pertama bermula pada tanggal 3 September 1957 hingga 5 April 1960. Baginda seterusnya menaiki takhta sebagai Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan apabila ayahanda baginda mangkat pada 1 April 1960 ketika menjadi Yang di-Pertuan Agong Malaysia yang pertama.

Adinda baginda iaitu Tuanku Ja'afar ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan ke-10 selepas kemangkatan baginda. Ketika kemangkatan baginda, anakanda baginda berusia 18 tahun dan Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Tunku Abdul Rahman mencadangkan agar adinda baginda, Tuanku Ja'afar menaiki takhta dan dengan perkenan muafakat Majlis Undang Yang Empat telah dilantik menjadi Yang di-Pertuan Besar menggantikkannya. Anakanda baginda, Tuanku Muhriz pula merupakan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan yang ke-11 menggantikan Tuanku Ja'afar yang mangkat pada 27 Disember 2008.

Tuanku Jaafar (1967-2008)

Apabila Tuanku Munawir mangkat pada 18 April 1967, adinda almarhum Tuanku Ja'afar dilantik menjadi Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, bergelar Tuanku Ja'afar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman. Tuanku Ja'afar menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu di Seri Menanti, Kuala Pilah dari 1928 hingga 1933. Memandangkan baginda merupakan pelajar yang bijak dan rajin, Tuanku Ja'afar mendapat tempat di

Kolej Melayu Kuala Kangsar. Ketika tujuh tahun di sana, iaitu dari 1933 hingga 1940, baginda menampilkan ketokohan dalam memimpin dan merupakan Ketua Pelajar dari 1939 hingga 1940.

Selepas menamatkan pelajaran di Kolej Melayu, Tuanku Ja'afar memasuki Raffles College di Singapura. Walau bagaimanapun, pembelajaran baginda terganggu akibat tercetusnya Perang Dunia II. Ketika pendudukan tentera Jepun di Tanah Melayu, baginda berkhidmat di Pejabat Tanah di Seremban dan Pegawai Daerah Rembau dari 1946 hingga 1947.

Tuanku Ja'afar akhirnya dianugerahkan biasiswa untuk belajar di luar negara berikutan kesungguhan baginda untuk meneruskan pengajian. Selepas Perang Dunia II, baginda berlepas ke University of Nottingham, United Kingdom untuk meneruskan pembelajaran dalam bidang undang-undang. Sebagai pelajar, Tuanku Ja'afar diketahui sebagai pelajar yang berdisiplin dan bijak. Baginda menerima Ijazah Undang-undang tanpa banyak masalah. Selepas menerima ijazah pertama baginda memasuki Universiti Oxford (Balliol College) bagi Sarjana dalam bidang ekonomi. Pada 1951, Tuanku Ja'afar mengambil Sains Politik dan Bahasa Perancis di London School of Economics and Political Science.

Kerjaya diplomatik baginda bermula pada 1957. Baginda mengambil kursus khas bagi perkhidmatan diplomatik di London untuk setahun. Tugasan pertama baginda adalah sebagai Setiausaha di Washington D.C, Amerika Syarikat diikuti sebagai Setiausaha Pertama dengan Misi Kekal ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, Konsul dan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu di London. Tuanku Ja'afar kemudian dilantik sebagai Duta Malaysia ke Mesir dan kemudian sebagai Pesuruhjaya Tinggi ke Nigeria dan Ghana. Tuanku Ja'afar turut dipanggil berkhidmat sebagai Duta Malaysia ke Jepun tetapi dipanggil pulang oleh Kerajaan Negeri Sembilan berikutan kemangkatan kekanda baginda, Tuanku Munawir, pemerintah Negeri Sembilan. Kesemua empat pembesar Undang dan Tuanku Besar Tampin telah memilih Tuanku Ja'afar sebagai Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan untuk menggantikan Tuanku Munawir. Tuanku Ja'afar menaiki takhta sebagai Pemerintah ke-10 Negeri Sembilan pada 18 April 1967.

Tuanku Ja'afar mengahwini Tunku Najihah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin pada 8 Ogos 1943. Pasangan diraja itu dikurniakan tiga orang putera dan tiga orang puteri. Ketika baginda berkhidmat sebagai pemerintah Negeri Sembilan, Tuanku Ja'afar menumpukan perhatian kepada masalah rakyat dan pentadbiran negeri. Dalam menangani hal ehwal sosio-ekonomi negeri, baginda mengarahkan perhatiannya kepada sektor industri dan perumahan awam supaya dapat meningkatkan mutu hidup rakyat. Kesannya, beberapa kawasan perumahan telah dibangunkan antaranya ialah Taman Tuanku Ja'afar yang merangkumi kawasan perindustrian dan padang golf, Taman Tuanku Ampuan Najihah di Sungai Gadut dan projek perumahan Mambau.

Tuanku Ja'afar menjadi Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia pada 16 April 1976. Tuanku Ja'afar sering menggesa agar ditingkatkan lagi mutu pendidikan di Malaysia. Baginda dianugerahkan Doktor Kehormat Undang-Undang oleh beberapa buah universiti seperti Universiti Filipina (27 Julai 1990), Universiti Nottingham (21

Julai 1995), Universiti Santiago, Chile (28 September 1995) dan Universiti Brunei Darussalam (11 September 1996).

Tuanku Ja'afar dan keluarga diraja Negeri Sembilan turut dikenali sebagai "Keluarga Diraja Sukan". Baginda dan keluarga baginda meminati sukan kriket, tenis, badminton, skuasy, hoki dan golf di dalam dan luar Malaysia. Tuanku Ja'afar juga merupakan Yang di-Pertuan Agong Malaysia ke-10 yang memerintah dari 26 April 1994 hingga 25 April 1999. Baginda mangkat pada 27 Disember 2008 di Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban. (Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan mangkat. (2008, Disember 27). (Utusan Malaysia).

Tuanku Muhriz (2008-kini)

Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir diputerakan pada 14 Januari 1948. Baginda ialah Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan yang ke-11. Baginda merupakan satu-satunya putera daripada enam orang adik-beradik kepada pasangan Tuanku Munawir, Yang di-Pertuan Besar ke-9 dan pasangan baginda, Tunku Ampuan Durah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin. Baginda mendapat pendidikan awal di Sekolah Tuanku Muhammad, Kuala Pilah. Kemudian di Sekolah Menengah Tunku Besar Tampin, Tampin dan Sekolah Menengah King George V di Seremban dan meneruskan pelajaran baginda di Aldenhem School, United Kingdom. Baginda memperoleh Ijazah Undang-undang dari Kolej Universiti Wales, Aberystwyth, Britain. Dari segi kerjaya Baginda menjadi ahli perniagaan serta Pengarah Bangkok Bank Berhad. Pada 25 April 1974, Tuanku Muhriz kemudiannya mengahwini Tengku Datuk Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud dari Terengganu dan memperoleh tiga orang putera, Tunku Besar Seri Menanti Tunku Ali Redhauddin Muhriz, Tunku Zain Al-'Abidin Muhriz, dan Tunku Alif Hussein Saifuddin Al-Amin.

Dilantik sebagai Tunku Besar pada 1960, Tunku Muhriz dipilih oleh Majlis Undang berikutan kemangkatan ayahanda baginda. Perlembagaan Negeri Sembilan menyatakan bahawa penggantian takhta adalah mengikut anakanda lelaki, cucunda lelaki, adinda lelaki dan anak kepada adinda lelaki kepada pemerintah itu. Tunku Muhriz merupakan waris pertama selepas kemangkatan Tuanku Munawir, lalu diikuti oleh Tunku Ja'afar dan Tunku Abdullah. Walau bagaimanapun, baginda tidak dilantik sebagai Yang di-Pertuan Besar ketika itu tetapi ayahanda saudaranya, Tuanku Jaafar yang untuk satu penggal iaitu lima tahun ketika itu seorang diplomat, telah dilantik sebagai Yang di-Pertuan Besar yang ke-10. Pemilihan ini secara tidak langsung dicadangkan sendiri oleh Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Tunku Abdul Rahman, yang meminta supaya Tuanku Muhriz tidak dipilih kerana masih terlalu muda iaitu ketika itu berusia 18 tahun.

Tuanku Muhriz akhirnya dimasyhurkan sebagai Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan pada 29 Disember 2008 di Balairong Seri, Istana Besar Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Istiadat pemasyhuran itu dilakukan oleh Undang Luak Sungai Ujong Datuk Klana Petra Datuk Mubarak Dohak mengikut Adat Perpatih yang dibawa dari Pagaruyung, Sumatera, Indonesia.

Pemilihan pengganti dibuat antara Putera Yang Empat iaitu Tunku Besar Seri Menanti Tunku Mukhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir, Tunku Laxamana Tunku Naquiyuddin Ibni Almarhum Tuanku Ja'afar, Tunku Muda Serting Tunku Imran Ibni Almarhum Tuanku Ja'afar dan Tuanku Panglima Besar Tunku Nazaruddin Ibni Almarhum Tuanku Ja'afar. Tunku Naquiyuddin pernah menjadi pemangku Yang diPertuan Besar Negeri Sembilan. Tunku Imran dan Tunku Nadzaruddin turut dipertimbangkan sebagai calon Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan yang baru. Turut hadir ialah kesemua putera Almarhum Tuanku Ja'afar, Tunku Laxamana Tunku Naquiyuddin Tuanku Ja'afar, Tunku Muda Serting, Tunku Imran Tuanku Ja'afar dan Tunku Panglima Besar, Tunku Nadzaruddin Tuanku Ja'afar, Undang Luak Jelebu, Datuk Musa Wahab: Undang Luak Rembau, Datuk Muhamad Sharip Othman: dan Undang Luak Johol, Datuk Mohd. Jan Abdul Gani. Lain-lain ialah Tunku Besar Tampin, Tunku Syed Razman Tunku Syed Idrus Al Qadri: kerabat diraja Negeri Sembilan, Menteri Besar: Datuk Seri Mohamad Hasan serta pemimpin negeri.

Kesemua Undang Yang Empat bersidang di Dewan Keadilan dan memutuskan pemasuhan Tuanku Muhriz sebagai pengganti Almarhum Tuanku Ja'afar. Kemudian tembakan meriam 32 das dan 21 das lagi menandakan pemasuhan Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan yang baru. Semua Undang Yang Empat menghadap Tuanku Muhriz dan Mubarak menyampaikan persembahan Mas Manah. Seterusnya Mufti negeri, Datuk Murtadza Sheikh Ahmad membacakan doa kesyukuran. Baginda hadir dalam Istiadat Pemakaman Diraja iaitu membawa jenazah Almarhum Tuanku Ja'afar dari Pelambar di Istana Besar Seri Menanti ke Maharaja Diraja Seri Menanti bersebelahan Masjid Tuanku Munawir diiringi 86 das tembakan meriam.

Pemerintahan beraja di Negeri Sembilan bermula dengan kehadiran raja dari Minangkabau. Dalam naskah pengiriman raja-raja, antaranya di hantar ke Rembau, Negeri Sembilan yang bernama Malenggang Alam. Namun begitu, bila pengkaji meninjau sejarah Negeri Sembilan raja Minangkabau yang pertama dihantar ke sana iaitu Raja Mahmud yang bergelar Raja Malewar. Raja Malewar memegang kekuasaan antara tahun 1773-1795. Baginda telah memperolehi dua orang anak Tengku Totok dan puteri bernama Tengku Aisah. Beliau ditabalkan di Penajis, Rembau dan kemudian pindah ke istana Seri Menanti. Sehingga sekarang masih terkenal pepatah yang berbunyi :

*Beraja ke Johor
Bertali ke Siak
Bertuan ke Minangkabau*

Kedatangan beliau ke Negeri Sembilan membawa selembar rambut jika dimasukkan ke dalam sebuah batil atau cerana akan memenuhi batil atau cerana tersebut. Benda pusaka itu masih tetap digunakan apabila ingin menobatkan seorang raja baru. Namun begitu, yang mengherankan kenapa sesudah meninggalnya Raja Melewar dalam tahun 1795 tidak diangkat puteranya menjadi raja melainkan sekali lagi diminta seorang raja dari Minangkabau dan dikirimlah Raja Hitam dan dinobatkan dalam tahun 1795. Raja Hitam berkahwin dengan puteri Raja Malewar yang bernama Tengku Aisyah, namun beliau tidak dikurnia cahaya mata. Kemudiannya, Raja Hitam berkahwin dengan seorang perempuan lain bernama Cik Jingka. Dari isterinya itu beliau mendapat 4 orang cahaya mata iaitu Tengku Alang Husin, Tengku Ngah, Tengku Ibrahim dan Tengku

Alwi. Ketika beliau wafat dalam tahun 1808 menghairankan pula gantinya tidaklah diangkat salah seorang puteranya. Tetapi sekali lagi dikirimkan perutusan ke Pagaruyung untuk meminta seorang raja baru. Maka dikirimlah Raja Lenggang dari Minangkabau dan besar kemungkinan inilah Raja Melenggang Alam yang dikirimkan dari Minangkabau dan tersebut dalam naskah pengiriman raja-raja yang Delapan di Minangkabau.

Raja Lenggang memerintah antara tahun 1808 sampai tahun 1824. Raja Lenggang kawin dengan kedua puteri anak raja Hitam dan mendapat dua orang putera iaitu Tengku Radin dan Tengku Imam. Ketika Raja Lenggang meninggal dinobatkanlah Tengku Radin menggantikan almarhum ayah beliau. Inilah raja pertama Negeri Sembilan yang diangkat oleh Pemegang Adat dan Undang yang lahir di Negeri Sembilan. Keturunan beliaulah yang turun temurun menjadi raja di Negeri Sembilan. Manakala Raja Radin digantikan oleh adiknya Raja Imam (1861-1869). Selanjutnya raja-raja yang memerintah di Negeri Sembilan ialah Tengku Ampuan Intan (Pemangku Pejabat) 1869-1872, Yang di-Pertuan Antah 1872-1888, Tuanku Muhammad 1888-1933, Tuanku Abdul Rahman 3/8/1933-1/4/1960, Tuanku Munawir 5/4/1960-14/4/1967, Tuanku Ja'far dinobatkan 18/4/1967.

UNSUR NILAI-NILAI MURNI MELALUI KEPIMPINAN RAJA MELEWAR

Terdapat beberapa peristiwa yang menunjukkan pemerintah negeri sembilan mempunyai nilai-nilai murni pada seseorang pemimpin berdasarkan kepada prinsip keperibadian dalam teori Teksdealisme.

Nilai Bertanggungjawab

Berdasarkan kepada teori Teksdealisme (2006), pemerintah yang unggul akan bertanggungjawab terhadap terhadap tugas yang diberikan. Mereka akan sentiasa menjalankan tugas dengan penuh amanah dan bertanggungjawab. Tanggungjawab yang dilaksanakan bukan sahaja dalam kalangan para pengikut atau pekerjaannya sahaja tetapi melibatkan ahli keluarganya juga. Contohnya, dapat dilihat pada pemerintah Raja Melewar yang bertanggungjawab ke atas tugas yang diberikan. Apabila ayahandanya meminta Raja Melewar agar pergi ke Negeri Sembilan untuk mencari Raja Khatib yang telah menyamar sebagai Raja Pagaruyung agar dibunuh. Raja Melewar telah bertolak dari Minangkabau menuju ke Siak. Raja Siak membekalkan pula Raja Melewar dengan empat puluh orang ahli pertikaman yang handal-handal sebagai pengiring. Pada masa itu Raja Siak adalah di bawah jajahan takluk Minangkabau. Dari Siak Raja Melewar pergi ke Johor mengadap Sultan Johor. Sultan Johor telah mengurniakan kepada Raja Melewar sebuah cop mohor dan diberi kuasa penuh memerintah negeri yang kemudiannya dinamakan Negeri Sembilan. Dari Johor, Raja Melewar melalui Naning lalu datang ke Rembau, Negeri Sembilan.

Di Naning, berlaku pergaduhan di antara Raja Melewar dengan Daing Bugis, namun dengan bantuan orang Melayu Minangkabau, Daing Bugis dapat ditewaskan. Maka dari Naning Raja Melewar meneruskan lagi perjalanan menuju ke Rembau Kampung Penajis dan dari situ langsung ke Sungai Layang Seri Menanti berjumpa dengan Dato' Na'am. Namun amat mendukacitakan apabila Dato' Na'am tidak bersetuju

untuk menjadikan Raja Melewar sebagai raja di negeri tersebut disebabkan ketika itu menantunya Raja Khatib telah menjadi raja. Sebaliknya, apabila Raja Khatib tahu akan ketibaan Raja Melewar, maka beliau melarikan diri ke Pahang.

Keengganan Dato'Na'am menerima Raja Melewar sebagai raja di Negeri Sembilan menyebabkan Raja Melewar tanpa mempunyai rasa simpati meminta Juak Hulubalangnya agar Dato' Na'am dibunuh dan penggal lehernya.

Nilai tanggungjawab yang diamanahkan oleh ayahandanya iaitu Raja Pagaruyung membuatkan Raja Melewar bersungguh-sungguh untuk menjadi pemerintah Negeri Sembilan. Oleh itu, pada tahun 1773, Raja Melewar akhirnya menjadi Yamtuan di Negeri Sembilan

Nilai Kegigihan

Sebagai seorang pemimpin harus mempunyai nilai kegigihan dalam melakukan apa jua perkara hingga berjaya. Nilai kegigihan adalah kekuatan dan semangat yang ada pada seseorang individu untuk meneruskan perjuangan dalam pekerjaan sehingga berjaya. Hal ini dapat dilihat apabila Raja Melewar gigih dalam merebut kembali kuasa jajahan agar baginda dapat menjadi raja di Seri Menanti. Contohnya, apabila Raja Melewar tahu akan perbuatan Raja Khatib yang telah menjalankan tipu muslihatnya di Negeri Sembilan menyebabkan Raja Melewar melancarkan perang melawan terhadap Raja Khatib. Namun Raja Khatib telah dibantu oleh ayah mertuanya Panglima Na'am. Pasukan perang Raja Melewar berperang melawan pasukan perang Raja Khatib yang dibantu oleh Penghulu Na'am ditempat yang bernama Kampung Bukit. Dalam perperangan di Kampung Bukit itu pihak Raja Melewar kalah lalu berundur ke tempat yang bernama Sepri.

Namun, sikap kepimpinan baginda yang gigih ini menyebabkan baginda datang kembali dan membawa pasukan perangnya untuk menyerang pihak Raja Khatib di Seri Menanti. Dalam pertempuran ini barulah Raja Melewar dapat mengalahkan Raja Khatib. Akhirnya, Raja Melewar terus bersemayam di Seri Menanti sebagai Yamtuan Seri Menanti dan daerah Seri Menanti dinamakan "Tanah Mengandung", iaitu tanah yang dipunyai oleh Yamtuan Seri Menanti. Oleh itu, prinsip keperibadian yang ada pada Raja melewar iaitu nilai tidak berputus asa menunjukkan bahawa Raja Melewar merupakan raja yang agung.

UNSUR NILAI-NILAI MORAL MELALUI KEPIMPINAN RAJA HITAM

Nilai Bertanggungjawab

Raja Hitam dikatakan mempunyai nilai bertanggungjawab. Nilai bertanggungjawab adalah kesanggupan diri seseorang untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna. Nilai ini selari dengan prinsip keperibadian melalui Teori Teksdealisme. Contoh nilai bertanggungjawab dapat dilihat pada kepimpinan yang dijalankan oleh Raja Hitam dalam mentadbir Negeri Sembilan selama 13 tahun. Sepanjang pemerintahannya dikatakan tiada pergolakan atau masalah besar yang timbul

dan merujuk pengkaji sejarah lampau menyatakan bahawa Zaman pemerintahan Raja Hitam dianggarkan sebagai zaman yang aman.

Nilai Baik Hati

Nilai baik hati adalah kepekaan terhadap perasaan dan kebajikan diri sendiri dan orang lain dengan memberikan bantuan dan sokongan moral secara tulus. Contohnya dapat dilihat apabila Raja Hitam sanggup mlarikan diri hanya kerana tidak mahu berlaku pertelingkahan dengan adiknya sendiri maka baginda lebih rela mengundurkan diri. Namun begitu, permasalahan ini dapat diselesaikan apabila adik Raja Hitam iaitu Raja Ideris dilantik menjadi Imam Istana dan Raja Hitam terus menjadi Yamtuan Seri Menanti dan mangkat pada tahun 1808.

Nilai Keprihatinan

Nilai prihatin adalah sikap mengambil berat yang ditunjukkan oleh seseorang terhadap orang lain tanpa mengira umur, jantina dan bangsa. Hal ini dapat dilihat pada sikap Raja Hitam yang sangat prihatin dengan rakyatnya. Contohnya baginda sentiasa menggalakkan rakyat Sumatera datang beramai-ramai ke Negeri Sembilan membuka tanah dan kampung halaman dan mereka berkomunikasi dengan baik dengan orang asli tempatan dan akhirnya wujudkan 12 suku di Negeri Sembilan. Ini menunjukkan sikap prihatinnya terhadap rakyat dan baginda mahukan rakyatnya mempunyai penempatan sendiri di samping, mewujudkan peluang pekerjaan dalam kalangan rakyatnya apabila baginda sentiasa menggalakkan rakyatnya bercucuk tanam agar dapat memperolehi pendapatan sendiri. Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa nilai keprihatinan merupakan satu nilai yang sangat penting yang harus ada dalam diri setiap insan terutama mereka yang bergelar pemimpin atau pemerintah.

UNSUR NILAI-NILAI MURNI MELALUI KEPIMPINAN RAJA LENGGANG

Nilai Hormat-meghormati antara satu sama lain

Setelah pengkaji menganalisis nilai murni yang ada pada Raja Lenggang, pengkaji mendapati bahawa Raja Lenggang merupakan seorang pemerintah yang sangat mementingkan kedamaian dan mempunyai nilai hormat-menghormati yang sangat tinggi. Nilai hormat-menghormati adalah satu sifat mahmudah atau sifat terpuji dalam Islam. Sifat saling hormat-menghormati itu harus ada dalam diri seseorang agar dapat mewujudkan persekitaran yang damai tanpa ada pergaduhan. Contohnya Yamtuan Lenggang telah berhubung baik dengan Yamtuan Muda Jelebu, iaitu Tengku Sabun atau Tengku Ahmad Shah. Bagi mengukuhkan perhubungan itu seterusnya, seorang puteri Tengku Sabun telah dikahwinkan dengan Raja Radin iaitu putera kepada Yamtuan Lenggang (Haji Buyong, 1981). Oleh itu, Yamtuan Lenggang dilihat mempunyai akhlak yang baik dan sentiasa mahukan kedamaian. Inilah yang dikatakan pemerintah baik baik dan merendah diri.

Nilai Kepatuhan kepada agama

Setiap manusia yang hidup di muka bumi ini majoritinya mempunyai pegangan agama mereka sendiri sama ada agama Islam ataupun bukan. Agama adalah pegangan atau ikutan seseorang berkaitan kepercayaan mengenai kewujudan Tuhan dan aktivitiaktiviti yang berkaitan dengan mengagungkan Tuhan. Dalam konsep agama yang dipegang oleh barisan pemerintahan negara kita sejak berabad lamanya adalah ajaran agama Islam. Ajaran agama Islam sebernarnya bermula di Mekah kira-kira 1400 tahun yang lalu dan ianya berasal daripada satu keturunan iaitu Nabi Adam A.S. dan ajaran agama Islam terus dikembangkan hingga ke nusantara yang dibawa oleh golongan Arab melalui perdagangan. Contohnya, pada zaman pemerintahan Raja Lenggang sudah diwujudkan pentadbiran yang licin lagi yang berpusat di Seri Menanti. Pada ketika ini, aliran suluk begitu kuat dan rakyat begitu cenderung untuk menguatkan diri ke arah keagamaan. Baginda sangat menggalakkan rakyat untuk mempelajari agama kerana baginda sendiri merupakan seseorang yang kuat dalam beragama.

Nilai Keprihatinan

Nilai prihatin adalah sikap mengambil berat yang ditunjukkan oleh seseorang terhadap orang lain tanpa mengira umur, jantina dan bangsa. Hal ini dapat dilihat pada sikap Raja Lenggang yang sangat prihatin dengan rakyatnya dan merupakan seorang raja yang berjiwa rakyat serta suka berdamping rapat dengan rakyat dengan menjelajah ke segala pelusuk sambil baginda mengambil tahu hal-hal rakyat dan terus menyelesaikannya. Tambahan pula, pada ketika itu negara kita baru mencapai kemerdekaan. Oleh itu, baginda mahu semua rakyat berfungsi untuk sama-sama menikmati kemerdekaan dan menjaga perpaduan rakyat. Baginda tahu akan kesusahan segala hamba rakyat. Oleh sebab itu, beliau selalu berdamping rapat dengan rakyatnya dan tidak lupa pula membawa anakandanya sekali supaya boleh tahu apa yang berlaku dalam kalangan rakyat.

Nilai Keikhlasan

Nilai keikhlasan adalah sifat ikhlas yang ditonjolkan oleh seseorang individu tanpa mengharap balasan dan ganjaran. Dalam hal ini sifat ikhlas yang ditonjolkan oleh Raja Lenggang apabila baginda ikhlas dalam mentadbir Negeri Sembilan. Contohnya, jika rakyat mempunyai masalah atau berlaku perkara-perkara yang membimbangkan maka rakyat boleh terus berjumpa dengan baginda kerana Raja Lenggang ini dikata seorang yang sangat ikhlas dan sentiasa bersungguh-sungguh dalam membantu rakyatnya. Malahan Baginda juga seorang raja yang sangat pemurah dan mudah dihubungi oleh rakyat jelata pada bila-bila masa.

Nilai Jati Diri yang Utuh

Nilai jati diri yang utuh ialah sifat atau ciri yang unik dan istimewa sama ada dari segi adat, bahasa, budaya dan sebagainya yang menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu ataupun sesebuah bangsa tersebut. Ianya juga mencakupi unsur-unsur kehidupan yang mencerminkan lahiriah individu atau masyarakat. Nilai jati diri yang utuh ini dapat dilihat pada Raja Lenggang. Contohnya Baginda dikatakan seorang raja

yang menyukai seni tradisi termasuk juga makanan tradisional Negeri Sembilan. Ini menunjukkan bahawa baginda mempunyai jati diri yang utuh yang menjadikan dirinya seorang Raja yang disenangi kerana tidak lupa akan dirinya sebagai seorang bangsa Melayu Nusantara. Jati diri yang utuh ini sentiasa tersemai dalam diri baginda kerana baginda telah didik dengan konsep syarak dan adat yang menjadikan baginda seorang raja yang berjiwa halus. Oleh itu, Negeri Sembilan tidak malu mempunyai seorang raja yang berkaliber seperti itu.

UNSUR NILAI-NILAI MORAL MELALUI KEPIMPINAN RAJA RADIN

Nilai Berwawasan

Menurut Tun Dr. Mahathir Mohammad, nilai wawasan yang ada pada seseorang pemimpin itu apabila pemimpin tersebut mampu membentuk sebuah negara yang bersatu-padu serta menyanjung masa hadapan yang dikongsi bersama. Bangsa itu mestilah sejahtera, berintegrasi dalam wilayah-wilayah serta kelompoknya. Nilai berwawasan yang ada pada Raja Radin apabila baginda dikatakan telah memerintah Seri Menanti selama tiga puluh tahun iaitu satu jangka waktu yang sangat panjang.

Nilai Keprihatinan

Nilai prihatin adalah sikap mengambil berat yang ditunjukkan oleh seseorang terhadap orang lain tanpa mengira umur, jantina dan bangsa. Hal ini dapat dilihat pada sikap Raja Radin yang sangat prihatin dengan rakyatnya dan merupakan seorang raja yang berjiwa rakyat serta suka berdamping rapat dengan rakyat dengan menjelajah ke segala pelusuk sambil baginda mengambil tahu hal-hal rakyat dan terus menyelesaiannya. Contohnya, ketika baginda sedang memburu bintang liar bersama rakyat dan ketika itu baru baginda mengetahui bahawa rakyat perlukan tanah. Oleh itu, dibukanya banyak penempatan untuk rakyat menjadikan kampung halaman dan menghasilkan pendapatan ekonomi. Baginda merupakan seorang raja yang sangat prihatin akan nasib rakyat. Ini menunjukkan sikap prihatin baginda kepada rakyat.

UNSUR NILAI-NILAI MORAL MELALUI KEPIMPINAN TUANKU ANTAH

Nilai Rasional

Nilai Rasional ialah nilai yang boleh berfikir berdasarkan alasan dan bukti yang nyata dan mengambil tindakan berdasarkan pertimbangan yang wajar. Contohnya, Yamtuan Antah mempunyai nilai rasional apabila beliau mengambil tindakan dengan mengerahkan pasukan perangnya seramai 4000 orang untuk mengalahkan Dato' Kelana Sungai Ujong dengan Lt. Hinxman. Datuk-datuk dalam wilayah Seri Menanti semuanya memberi pertolongan penuh kepada Yamtuan Antah. Ini menunjukkan tindakan rasional yang diambil oleh Yamtuan Antah demi menyelamatkan kedudukannya dan orang Melayu di Negeri Sembilan dari tindakan kejam Dato' Kelana Sungai Ujong dengan Lt. Hinxman yang merupakan penjajah yang datang ke Tanah Melayu untuk menguasai ekonomi orang Melayu ketika itu.

Nilai Kebijaksanaan

Nilai kebijaksanaan adalah kebijaksanaan seseorang individu dalam melaksanakan tugas dan menyelesaikan masalah atau isu yang timbul. Contoh nilai kebijaksaaan dapat dilihat pada pemerintahan Tuanku Antah yang bijak mengatur strategi dalam perang yang akhirnya pada 2 dan 3 Disember 1875, pasukan Yamtuan Antah seramai 200 orang telah dapat menawan Paroi dan telah membina kekuatan mereka di Paroi.

Seterusnya, nilai kebijaksanaan Tuanku Antah dapat dilihat apabila baginda bijak mengadakan rundingan. Contohnya Yamtuan Antah bijak berunding dengan Maharaja Johor iaitu Maharaja Abu Bakar, dengan bantuan yang diberikan oleh Maharaja Johor pada bulan Mei tahun 1876, kemudian Yamtuan Antah telah dapat berjumpa dengan bercakap dengan gabenor di Singapura, Sir William Jervois. Kemudian dalam bulan November 1876, Yamtuan Antah bersama empat orang datuk dari Seri Menanti, Johol dan Inas telah berjumpa dan berbincang dengan gabenor di Singapura. Akhirnya, hasil daripada perbincangan, British telah bersetuju agar Yamtuan Antah berangkat kembali ke Negeri Sembilan. Oleh itu, pada 1877, baharulah Yamtuan Antah berangkat balik ke Seri Menanti.

Sejak itu, kerajaan British telah bersetuju agar Yamtuan Antah berangkat kembali ke Negeri Sembilan. Setiap negeri di Negeri Sembilan mempunyai pemerintahnya daerah yang tersendiri kecuali Sungai Ujong tetap di bawah pemerintahan dan naungan kerajaan British. Pada tahun 1877, baharulah Yamtuan Antah berangkat balik ke Seri Menanti. Dua tahun kemudian iaitu pada tahun 1879, Datuk Kelana Syed Abdul Rahman yang menunaikan haji ke Mekah telah meninggal dunia di sana. Di samping itu, Yamtuan Antah bersama isterinya iaitu Cik Puan Halimah telah memperolehi zuriat iaitu Tengku Muhamad dan Tengku Burhanudin dan dengan isteri baginda yang bernama Cik Siti yang berputerakan Tengku Sulaiman dan Tengku Kahr. Namun begitu, setelah sepuluh tahun perang melawan balik pihak British di Sungai Ujong dan Bukit Berus iaitu setelah enam belas tahun menjadi Yamtuan Seri Menanti lalu Yamtuan Antah pun mangkat di Seri Menanti pada tahun 1888.

UNSUR NILAI-NILAI MORAL MELALUI KEPIMPINAN TUANKU MUHAMMAD

Nilai Rasional

Nilai rasional ialah apabila seseorang dapat berfikir berdasarkan alasan dan bukti yang nyata serta dapat mengembalikan tindakan berdasarkan pertimbangan yang wajar dan memberi kesan yang baik pada akhirnya. Nilai rasional ini dapat dilihat pada pemerintahan baginda Tunku Muhammad yang bertindak rasional dalam melaksanakan apa jua perkara kerana baginda mahu kesan akhirnya nanti dapat memberi manfaat kepada orang lain. Contohnya, pada zaman pemerintahan Yamtuan Muhammad baginda telah mengarah tukang-tukang profesional dalam pembinaan istana di Seri Menanti. Kepakaran Tukang Kahar dan pembantunya iaitu Tukang Taib dan ramai lagi tukang-tukang yang lain telah berjaya membina istana di Seri Menanti tanpa menggunakan paku. Mereka hanya menggunakan kaedah pasak tanpa paku. Oleh itu, keunikan ini menjadi

Istana Seri Menanti merupakan salah satu seni bina yang teragung pada zaman pemerintahan beraja di Negeri Sembilan. Ini menunjukkan tindakan rasional baginda dalam pemerintahannya.

Nilai Jati Diri yang Utuh

Nilai jati diri yang utuh ialah sifat atau ciri yang unik dan istimewa sama ada dari segi adat, bahasa, budaya dan sebagainya yang menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu ataupun sesuatu bangsa tersebut. Ianya juga mencakupi unsurunsur kehidupan yang mencerminkan lahiriah individu atau masyarakat. Nilai jati diri yang utuh ini dapat dilihat pada Raja Muhammad apabila baginda mahu menguatkan adat perpatih dan menguatkan harta pusaka kepada anak perempuan iaitu mewujudkan geran tanah pusaka kepada anak perempuan. Ini merupakan salah satu jati diri yang ditunjukkan oleh Raja Muhammad kerana baginda mahu rakyat jelata terus hidup dalam adat supaya mereka lebih berdisiplin dalam kehidupan sehari-hari.

Nilai Keprihatinan

Nilai prihatin adalah sikap mengambil berat yang ditunjukkan oleh seseorang terhadap orang lain tanpa mengira umur, jantina dan bangsa. Hal ini dapat dilihat pada sikap Raja Muhammad yang sangat prihatin dengan rakyatnya. Contohnya baginda juga menggalakkan rakyat menanam getah dan membuka kebun getah serta mahu tanah lombong yang dibuka oleh Inggeris pada ketika itu di Parit Tinggi, Beting, Jemapoh dan Jempol ditutup untuk mengelak rakyat berpindah-randah. Baginda juga menggalakkan rakyat membuka pelbagai jenis kebun kerana baginda tahu tanah rakyat ditipu. Maka oleh sebab itu, baginda mahu tanah di geran tersebut diletak cop tanah simpanan Melayu, dakwat merah dan tidak boleh dijual kepada bangsa lain. Baginda juga seorang raja yang suka menjelajah di penempatan rakyatnya dan mengambil tahu hal rakyat dan terus menyelesaikannya. Ini menunjukkan sikap prihatin baginda kepada rakyatnya.

UNSUR NILAI-NILAI MORAL MELALUI KEPIMPINAN TUANKU ABDUL RAHMAN

Nilai Kepatuhan kepada Agama

Setiap manusia yang hidup di muka bumi ini majoritinya mempunyai pegangan agama mereka sendiri sama ada agama Islam ataupun bukan. Agama adalah pegangan atau ikutan seseorang berkaitan kepercayaan mengenai kewujudan Tuhan dan aktivitiaktiviti yang berkaitan dengan mengagungkan Tuhan. Dalam konsep agama yang dipegang oleh barisan pemerintahan negara kita sejak berabad lamanya adalah ajaran agama Islam. Ajaran agama Islam sebenarnya bermula di Mekah kira-kira 1400 tahun yang lalu dan ianya berasal daripada satu keturunan iaitu Nabi Adam A.S. dan ajaran agama Islam terus dikembangkan hingga ke nusantara yang dibawa oleh golongan Arab melalui perdagangan. Contohnya, pada zaman pemerintahan Tunku Abdul Rahman giat menubuhkan Sekolah Agama Rakyat dan pada zaman baginda juga ramai yang muncul tokoh-tokoh agama yang terkenal dan oleh kerana aktifnya bidang keagamaan pada

zaman baginda terutama ajaran tasawuf dan sufi maka Negeri Sembilan disebut Negeri Sembilan Darul Kursus.

UNSUR NILAI-NILAI MORAL MELALUI KEPIMPINAN TUNKU AMPUAN INTAN

Nilai Kepatuhan

Nilai kepatuhan adalah sifat seseorang individu yang patuh atau mengikuti arahan yang diberikan tanpa membantah kembali tindakan yang diarahkan malahan mengikut sepenuhnya. Hal ini dapat dilihat pada Tunku Ampuan Intan iaitu balu kepada Tunku Radin yang diminta oleh Dato' Siamang Gagap untuk menaiki takhta kerajaan Yamtuan Negeri Sembilan, lantas baginda mengikuti permintaan tersebut sebulat suara tanpa menyatakan kembali tindakan yang dibuat oleh Dato' Siamang Gagap ini. Namun begitu, zaman Tunku Ampuan Intan adalah zaman Negeri Sembilan berjaya distabilkan untuk merebut tampok pentadbiran institusi beraja. Dato' Siamang Gagap adalah watak utama yang mencaturkan supaya institusi beraja ini diwarisi oleh kelompok yang difikirkannya layak akan tetapi pada ketika itu kedudukan puak lain tidak diambil berat walhal Negeri Sembilan ketika itu perlu berpegang kepada konsep musyawarah dan muafakat. Namun begitu, tidak harus dilupakan peranan Tiang Balai yang ketuai oleh Penghulu Luak Muar tetapi pertelingkahan puak ini sangat merugikan Negeri Sembilan terutama pada ketika itu Inggeris sudah pun bermaharajalela. Oleh itu, Yamtuan Intan cuma sebagai watak yang terpaksa duduk di tampuk kuasa untuk menjadikan institusi raja di Negeri Sembilan berada dalam aman dan damai.

Dato' Siamang Gagap dan beberapa pembesar istana sudah merancang supaya raja yang tertentu akan mentadbir Negeri Sembilan ketika itu. Hal ini menyebabkan wujudnya masalah dan pergolakan kerana bulat selalu tidak boleh digolekkan dan pipit tidak selalu boleh dilayangkan. Dato' Siamang Gagap mahu supaya Almarhum Tunku Radin masih kekal dalam kalangan istana. Oleh itu, selama tiga tahun Yamtuan Intan didampingi oleh watak utama Dato' Siamang Gagap dan beberapa pembesar istana pada ketika itu.

UNSUR NILAI-NILAI MORAL MELALUI KEPIMPINAN TUANKU JAAFAR

Nilai Kegigihan

Nilai kegigihan yang ditonjolkan oleh Tuanku Jaafar apabila baginda merupakan seorang yang gigih dalam menuntut ilmu. Contohnya Tuanku Ja'afar dikatakan mula menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu di Seri Menanti, Kuala Pilah dari 1928 hingga 1933. Memandangkan baginda merupakan pelajar yang bijak dan rajin, Tuanku Ja'afar mendapat tempat di Kolej Melayu Kuala Kangsar. Ketika tujuh tahun di sana, iaitu dari 1933 hingga 1940, baginda menampilkkan ketekunan dalam memimpin dan merupakan Ketua Pelajar dari 1939 hingga 1940. Selepas menamatkan pelajaran di Kolej Melayu, Tuanku Ja'afar memasuki Raffles College di Singapura. Walau bagaimanapun, pembelajaran baginda terganggu akibat tercetusnya Perang Dunia II. Ketika pendudukan tentera Jepun di Tanah Melayu, baginda berkhidmat di Pejabat Tanah di Seremban dan Pegawai Daerah Rembau dari 1946 hingga 1947.

Tuanku Ja'afar akhirnya dianugerahkan biasiswa untuk belajar di luar negara berikutan kesungguhan baginda untuk meneruskan pengajian. Selepas Perang Dunia II, baginda berlepas ke University of Nottingham, United Kingdom untuk meneruskan pembelajaran dalam bidang undang-undang. Sebagai pelajar, Tuanku Ja'afar diketahui sebagai pelajar yang berdisiplin dan bijak. Baginda menerima Ijazah Undang-undang tanpa banyak masalah. Selepas menerima ijazah pertama baginda memasuki Universiti Oxford (Balliol College) bagi Sarjana dalam bidang ekonomi. Pada 1951, Tuanku Ja'afar mengambil Sains Politik dan Bahasa Perancis di London School of Economics and Political Science. Oleh itu, jelaslah menunjukkan nilai kegigihan yang ditonjolkan oleh Tuanku Jaafar.

Nilai Keprihatinan

Nilai Keprihatinan yang ditonjolkan oleh Tuanku Ja'afar apabila banginda sentiasa menumpukan perhatian kepada masalah rakyat dan pentadbiran negeri. Dalam menangani hal ehwal sosio-ekonomi negeri, baginda mengarahkan perhatiannya kepada sektor industri dan perumahan awam supaya dapat meningkatkan mutu hidup rakyat.

Nilai Berwawasan

Nilai berwawasan yang ditonjolkan oleh Tuanku Ja'far apabila baginda berjaya membangunkan beberapa kawasan perumahan antaranya ialah Taman Tuanku Ja'afar yang merangkumi kawasan perindustrian dan padang golf, Taman Tuanku Ampuan Najihah di Sungai Gadut dan projek perumahan Mambau.

UNSUR NILAI-NILAI MORAL MELALUI KEPIMPINAN TUANKU MUHRIZ

Nilai Kegigihan

Nilai kegigihan yang ditonjolkan oleh Tuanku Muhriz apabila baginda gigih dalam menuntut ilmu. Contohnya, baginda mula mendapat pendidikan awal di Sekolah Tuanku Muhammad, Kuala Pilah. Kemudian di Sekolah Menengah Tunku Besar Tampin, Tampin dan Sekolah Menengah King George V di Seremban dan meneruskan pelajaran baginda di Aldenhem School, United Kingdom. Baginda memperoleh Ijazah Undang-undang dari Kolej Universiti Wales, Aberystwyth, Britain. Dari segi kerjaya Baginda menjadi ahli perniagaan serta Pengarah Bangkok Bank Berhad. Oleh itu, jelaslah menunjukkan kegigihan yang ditonjolkan oleh Tuanku Muhriz.

Nilai Keprihatinan

Nilai Keprihatinan baginda terserlah apabila baginda amat prihatin dengan nasibnasib rakyat jelatanya. Hal ini demikian kerana, pada ucapan baginda 14 Januari yang lalu baginda mengajak masyarakat untuk sama-sama membangunkan negara demi kemakmuran masyarakat di negara kita. Baginda prihatin masalah-masalah yang timbul akibat pentadbiran dahulu. Maka baginda berharap agar masa depan negara akan lebih baik jika dipimpin oleh orang yang ikhlas.

KEWUJUDAN ADAT PERPATIH NEGERI SEMBILAN KESAN DARIPADA SISTEM BERAJA

Negeri Sembilan merupakan negeri Melayu pertama yang bentuknya mirip persekutuan sebelum terbentuknya Negeri-Negeri Melayu Bersekutu melalui Perjanjian Persekutuan 1896 oleh British. Negeri Sembilan mengamalkan sistem pemerintahan berdasarkan Adat Perpatih, iaitu kedaulatan berada di tangan rakyat. Adat Perpatih adalah amalan hidup yang lebih lama daripada Common Law yang hanya bermula sekitar tahun 1066 Masihi. Negeri Sembilan mempunyai adat, kebudayaan, sejarah, tradisi dan sistem politiknya yang agak unik. Menurut sejarah, Adat Perpatih yang berasal dari tanah Minangkabau, Sumatera telah wujud di Tanah Semenanjung sejak kurun ke-14, diasaskan oleh seorang pemimpin Minang bernama Sutan Balun yang bergelar Dato' Perpatih Nan Sebatang. Adat ini adalah amalan dan peraturan hidup yang ditentukan bagi masyarakat Minangkabau yang rata-ratanya adalah petani ketika itu, kekal menjadi adat yang unik di Negeri Sembilan sehingga sekarang. Adat Perpatih yang diwarisi masih dipertahankan oleh orang-orang di Negeri Sembilan kerana adat itu boleh menerima perubahan masa ke semasa. Walaupun Adat Perpatih yang diamalkan oleh masyarakat pedalaman Negeri Sembilan telah melalui proses pengubahsuaian, namun dasar adat ini masih kekal iaitu menjuraikan keturunan berdasarkan sistem nasab ibu atau matrilineal.

Adat Alam Minangkabau telah melalui tiga bentuk perkembangan utama iaitu Undang-undang Nan Tigo, Adat Tarik Baleh dan Adat Tuah Disakato susunan Datuk Perpatih Nan Sebatang kesan perkembangan ini telah mewujudkan dua sistem nasab iaitu nasab bapa (patrilineal) yang dikaitkan dengan Datuk Ketemenggungan dan nasab ibu (matrilineal) yang dikaitkan dengan Datuk Perpatih Nan Sebatang. Oleh itu, dengan kewujudan dua sistem ini, wujud konsep Laras Nan Dua iaitu Bodi-Cianago dan Kota-Piliang di Minangkabau. Melalui permuafakatan antara kedua-dua orang pemimpin ini yang ditandai dengan Batu Batikam dan Batu Baling. Dua sistem nasab ibu dan nasab bapa telah menjadi satu Adat Tuah Disakato. Penggabungan dua sistem menjadi satu yang digunakan sehingga kini dikenali sebagai Adat Alam Minangkabau.

Adat Perpatih merupakan suatu peraturan hidup yang sistematik dengan berteraskan keharmonian hidup masyarakat yang diamalkan oleh orang Negeri Sembilan dan Naning di Melaka. Sebagai satu cara hidup, adat Perpatih mempunyai peraturan asas yang tidak boleh diubah langsung. Perkara asas itu termasuklah hidup bersuku, mengira keturunan daripada nasab ibu, perwarisan tanah pusaka dan lain-lain lagi. Sistem sosial tersebut mengandungi sistem nilai, sistem kekeluargaan, sistem politik dan sistem hukum adat yang lengkap. Oleh itu, disimpulkan bahawa Adat Perpatih Negeri Sembilan dan Naning adalah gabungan tiga sistem kemasyarakatan iaitu Adat Nan Tigo, Adat Elok Baleh dan Adat Tuah Disakato, Sistem Adat Tempatan Siak dan Sistem Adat Tempatan Negeri Sembilan.

INSTITUSI KEPIMPINAN DALAM MASYARAKAT ADAT PERPATIH

Masyarakat Adat Perpatih terbahagi kepada tiga kumpulan utama iaitu Perut, Suku dan Luak. Perut adalah unit sosio-politik yang terkecil di mana anggota sesuatu perut itu adalah berasal daripada moyang (keturunan perempuan) yang sama. Mereka ini sangat

rapat dan lazimnya tinggal di sesuatu perkampungan atau kawasan yang sama. Setiap perut mempunyai seorang ketua yang digelar Buapak. Buapak ini dipilih oleh anak-anak buah di dalam sesuatu perut berkenaan. Kumpulan yang kedua ialah suku. Suku dibentuk oleh beberapa perut yang menjadikan keluarga berkenaan semakin besar. Suku diketuai oleh seorang ketua yang digelar Dato' Lembaga. Kumpulan ketiga ialah Luak. Luak adalah unit kawasan pentadbiran dari segi adat di mana ada empat luak utama iaitu Rembau, Sungai Ujong, Johol dan Jelebu. Setiap luak diketuai oleh seorang Undang. Selain daripada empat luak utama ini ada satu lagi luak yang kelima dipanggil Luak Tanah Mengandung. Luak Tanah Mengandung ini adalah terdiri daripada lima luak kecil di Seri Menanti iaitu Luak Inas, Luak Ulu Muar, Luak Gunung Pasir, Luak Terachi dan Luak Jempol. Setiap luak kecil ini ditadbirkan oleh seorang ketua. Luak adalah unit kawasan pentadbiran dari segi adat di mana ada empat luak utama iaitu Rembau, Sungai Ujong, Johol dan Jelebu. Setiap luak diketuai oleh seorang Undang. Setiap kelompok ini mempunyai pemimpinnya tersendiri:

- I. Kadim iaitu ketua kelompok kekeluargaan rumpun (sublineage)
- II. Besar iaitu ketua kelompok kekeluargaan ruang (lineage)
- III. Buapak - ketua kelompok kekeluargaan perut (subclan)
- IV. Lembaga iaitu ketua kelompok kekeluargaan suku (clan).

Di Malaysia, Adat Perpatih ini masih lagi wujud dan diamalkan oleh masyarakat Melayu di Negeri Sembilan yang majoritinya adalah keturunan Melayu Minangkabau. Mereka itu terbahagi kepada beberapa puak yang dipanggil suku. Perlantikan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan adalah satu-satunya warisan Adat Perpatih. Begitu juga dengan perlantikan Undang Luak yang empat iaitu Rembau, Sungai Ujong, Johol dan Jelebu semuanya adalah berteraskan kepada Adat Perpatih. Pemasyhuran Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dibuat bukan mengikut keturunan dari bapa ke anak tetapi melalui kebulatan (mesyuarat) oleh Undang Luak Yang Empat iaitu Undang Rembau, Undang Sungai Ujong, Undang Johol dan Undang Jelebu. Undang Luak pula dilantik oleh Dato'-Dato' Lembaga di luak (daerah) masing-masing. Dato Lembaga pula adalah pemimpin-pemimpin yang dilantik secara muafakat oleh pemimpin-pemimpin keluarga yang digelar Buapak. Oleh itu, secara keseluruhannya kuasa melantik pemimpin itu sebenarnya berada di tangan rakyat biasa. Inilah satu sistem Adat Perpatih yang ada persamaan dengan sistem demokrasi.

Adat Perpatih lebih mementingkan kaum wanita daripada lelaki. Pada dasarnya, adat ini adalah adat yang terbaik di Negeri Melayu kerana ianya sangat mencakupi segala aspek. Keutamaan wanita di dalam Adat Perpatih sebenarnya lebih kepada mewarisi harta pusaka dan membawa darah keturunan. Berbeza dari kesultanan Melayu yang lain, harta dan darah keturunan diwarisi oleh kaum lelaki. Menurut Adat Perpatih, wanita yang mengandungkan dan melahirkan anak maka wanitalah yang membawa darah keturunan kepada pewaris iaitu anaknya. Dari segi harta pula, hanya harta pusaka iaitu termasuk tanah dan rumah induk diwarisi oleh wanita bertujuan agar kaum wanita tidak terabai sekiranya diceraikan suami.

Persoalan yang sering wujud mengenai Adat Perpatih adalah mengenai pemberian harta pusaka yang memberikan kelebihan kepada perempuan. Inilah satusatunya isu dalam Adat Perpatih yang selalu disalahfahamkan. Sebenarnya, pemberian pesaka yang dimaksudkan dalam adat ini ialah pemberian tanah adat. Tanah adat ini adalah tanah yang turun temurun daripada nenek moyang sesuatu keluarga. Tanah adat ini diberikan kepada perempuan ialah semata-mata untuk menjaga kehormatan dan maruah kaum wanita Adat Perpatih. Ini bermakna seorang wanita Adat Perpatih walau miskin macam mana pun tidak akan merempat atau menjual maruahnya untuk hidup. Jika pulang ke kampungnya dia sudah mempunyai tanah kampung dan sawah untuk dikerjakan sebagai penyambung rezeki. Manakala anak lelaki pula dianggap lebih teguh dan tahu untuk terus berusaha untuk hidup (survival).

Hasil positif daripada pengamalan Adat Perpatih ini, harta pusaka tidak tergadai kerana tidak boleh dijual. Dalam sesebuah kampung, biasanya terdiri daripada saudara-mara kerana tanah pusaka telah dibahagi dari awal keturunan kepada generasi sekarang. Dalam erti kata lain, di dalam sebuah kawasan, biasanya terdiri dari keluarga dari satu keturunan. Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat. Maka sehingga hari ini, suasana itu terbukti apabila daerah Port Dickson bukan merupakan pengamal adat Perpatih, sementara daerah seperti Rembau, Jelebu dan Kuala Pilah dinobat sebagai antara pengikut kuat kepada adat ini. Namun demikian harta sepencarian adalah milik bersama lelaki dan wanita yang dibahagi mengikut hukum Islam. Harta atau tanah yang diperolehi sebagai harta sepencarian maka pembahagiannya adalah menurut hukum faraid (tidak ada kena mengena dengan tanah adat yang hanya untuk perempuan sahaja).

Walaupun Adat Perpatih pada masa kini masih terus diamalkan oleh masyarakat Melayu Negeri Sembilan tetapi Adat Perpatih di Negeri Sembilan hanya diamalkan pada urusan-urusan tertentu sahaja seperti nikah kahwin, pemberian pusaka dan perlantikan pemimpin. Amalannya telah mengalami perubahan mengikut arus zaman iaitu berubah dari segi bentuknya, tetapi isi atau prinsipnya masih kekal sehingga hari ini. Ini jelas dilaksanakan dalam adat perkahwinan dan adat resam semasa. Pelaksanaan adat ini mempunyai kelebihan dan hujahnya sendiri demi kebaikan anggota masyarakat yang mengamalkan adat tersebut.

INSTITUSI RAJA DAN UNDANG KEKAL DITERUSKAN HINGGA KINI DI NEGERI SEMBILAN

Institusi Raja

Negeri Sembilan mempunyai keunikan tersendiri yang kaya dengan adat budayanya. Umum mengetahui, keunikan masyarakat Negeri Sembilan terletak pada Adat Perpatih yang diamalkan sejak berzaman dan diperturunkan secara lisan dari satu generasi ke satu generasi. Tampuk pemerintahan kerajaan Negeri Sembilan diterajui oleh Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Sistem pemerintahan di Negeri Sembilan dibentuk mengikut Adat Perpatih. Pada abad ke-18, orang Minangkabau berhijrah dari Sumatera ke Negeri Sembilan bersama dengan saudara-mara masingmasing. Mereka hidup secara berkumpulan mengikut hubungan kekeluargaan. Perkataan Negeri Sembilan, bermaksud

“Sembilan buah negeri”, tetapi telah dipersejui bahawa gelaran nama ini tidak pernah mengandungi sembilan buah daerah yang khas.

Institusi Undang

Berdasarkan Adat Perpatih, Negeri Sembilan dibahagikan kepada beberapa daerah atau jajahan yang disebut luhak atau luak. Mengikut tradisinya memang sudah lama wujud empat buah daerah besar dengan setiap satu ditadbir oleh seorang pembesar yang bergelar undang Berempat. Empat buah daerah yang asal ialah Sungai Ujong, Rembau, Jelebu dan Johol. Terdapat beberapa orang pembesar rendah daerah separuh bebas yang berkaitan dengan salah satu daripada empat daerah besar ini. Undang Berempat menjadi ketua bagi setiap luak dan ketua bagi luak-luak yang lain dikenali sebagai Penghulu. Para pembesar lain di bawah undang dan Penghulu dikenali sebagai Lembaga, Buapak dan Perut. Lembaga merupakan ketua kepada suku-suku anggota masyarakat. Terdapat lebih kurang 12 suku dengan setiap luak biasanya mempunyai empat suku. Lembaga bertanggungjawab ke atas suku-sukunya dalam aspek-aspek yang berkaitan dengan keselamatan dan keamanan, menyelesaikan perbalahan sesama suku, mengawal dan mengadili pembahagian harta pusaka serta menjadi orang perantaraan antara anggota sukunya dengan Undang.

Suku masyarakat Buapak terdiri daripada kumpulan keluarga yang disebut Perut. Ahli-ahli dalam sesuatu Perut akan memilih seorang ketua yang digelar Buapak. Bilangan Buapak agak ramai dan tugasnya sama dengan Lembaga, tetapi terbatas kepada keluarga yang menjadi anggota sesuatu Perut. Buapak hanya berkuasa dalam kalangan ahli perutnya sahaja. Tugas Buapak ialah menjalankan adat istiadat berkaitan dengan perkahwinan, upacara bercukur rambut, berkhutan dan penceraian. Negeri Sembilan terdiri daripada sembilan buah negeri, iaitu Sungai Ujong, Rembau, Johol, Jelebu, Jempol, Seri Menanti, Inas, Terachi dan Gunung Pasir. Berikut adalah senarai kawasan atau daerah di Negeri Sembilan yang mempunyai pembesar:

1. Sungai Ujong (Dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu kawasan pedalaman yang dikuasai oleh Datuk Kelana dan rantau tengah Sungai Linggi yang dikuasai oleh Dato' Syahbandar.)
2. Sungai Linggi (Daerah kecil yang diambil dari Sungai Ujong, dikuasai oleh Datuk Muda Linggi)
3. Sungai Raya Lukut (Kedua-dua daerah ini dibuka oleh orang Bugis.)
4. Rembau (Mempunyai seorang sahaja pembesar daerah, iaitu Undang)
5. Tampin (sebuah daerah yang diambil dari Rembau dan pembesarnya bergelar Tuanku Besar Tampin).
6. Inas dan Gemenceh (Dua buah daerah kecil yang diambil dari Johol. Datuk Inas dan Datuk Gemencheh mengakui Undang Johol sebagai ketua besar mereka)
7. Jelebu (Mempunyai seorang pembesar daerah yang bergelar Undang)

Antara keistimewaan yang terdapat di Negeri Sembilan adalah wujudnya institusi Undang di dalam sistem pentadbiran negeri. Undang adalah ketua kepada Luak atau unit kawasan pentadbiran dari segi adat yang terbahagi kepada empat luak yang utama iaitu Rembau, Sungai Ujung, Johol dan Jelebu.

SISTEM PENTADBIRAN MODEN DI NEGERI SEMBILAN

Negeri Sembilan pada hari ini dibahagikan kepada dua sistem pentadbiran iaitu pentadbiran politik moden dan pentadbiran adat. Dalam pentadbiran politik moden, Negeri Sembilan mempunyai tujuh buah daerah iaitu Seremban, Jelebu, Port Dickson, Kuala Pilah, Rembau, Jempol, dan Tampin. Dalam pentadbiran adat pula, Negeri Sembilan mempunyai beberapa luak adat iaitu Seri Menanti, Tampin, Sungai Ujong, Jelebu, Johol, Rembau, Ulu Muar, Jempol, Terachi, Gunung Pasir, Inas, Gemenceh, Ayer Kuning dan Linggi. Teraju politik tertinggi di Negeri Sembilan ialah Yang diPertuan Besar Negeri Sembilan.

Yang di-Pertuan Besar

Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dipilih dan dilantik daripada kebulatan muafakat di antara Undang Yang Empat. Yang di- Pertuan Besar berperanan sebagai ketua agama Islam dengan dinasihat oleh Majlis Hal Ehwal Agama Islam. Baginda juga bertanggungjawab dalam adat istiadat negeri dan dinasihat oleh Dewan Keadilan dan Undang. Yang di-Pertuan Besar bersemayam di Seri Menanti yang terletak di dalam Luak Ulu Muar. Baginda tidak campur tangan dalam hal ehwal luak-luak yang lain. Berdasarkan sejarah, sebelum kemasukan British, Yang di-Pertuan Besar dipilih oleh Penghulu Luak Ulu Muar. Apabila British campur tangan di Negeri Sembilan, Yang di-Pertuan Besar dilantik oleh Undang Yang Empat iaitu Undang Luak Sungai Ujong, Undang Luak Jelebu, Undang Luak Rembau dan Undang Luak Johol. Pemilihan Yang di-Pertuan Besar berdasarkan kepada latar belakang keturunan, kebaikan tingkah laku dan calon mestilah mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Yang di-Pertuan Besar yang mangkat mengikut sebelah bapa.

Kesan pemerintahan beraja dahulu kepada pentadbiran masa kini di Malaysia

Kesan Falsafah dan nilai yang diamalkan oleh pemerintahan beraja di setiap negeri termasuk Negeri Sembilan memberi kesan yang besar terhadap pemerintahan dan pentadbiran pada hari ini. Legasi pemerintahan beraja secara monarki diteruskan dan Raja Melayu merupakan ketua agama Islam di setiap negeri. Menurut sistem beraja ini, raja mempunyai kuasa mutlak dalam setiap pemerintahan dan pentadbiran negeri dengan dibantu oleh pembesar-pembesar yang dilantik khususnya sebelum penjajahan Inggeris. Sebelum Perang Dunia Kedua, walaupun berada dalam penjajahan British, sultan-sultan merupakan pemerintah yang berdaulat dan memiliki kuasa penuh di dalam negeri masing-masing.

Namun pada masa yang sama, dalam beberapa perjanjian dengan British, sultan perlu untuk menerima nasihat daripada pegawai British yang dilantik sebagai Residen atau Penasihat British kecuali yang menyentuh tentang agama Islam. Keadaan demikian berlanjut sehingga apabila diperkenalkan Malayan Union pada tahun 1946 di mana Sultan hanya berkuasa dalam adat istiadat Melayu dan agama Islam sahaja dan kuasa pentadbiran negeri dipegang oleh Gabenor. Akibat dari penentangan oleh orang Melayu, Perlembagaan Malayan Union dibubarkan dan digantikan dengan Persekutuan Tanah

Melayu pada tahun 1948. Menerusi perlembagaan baru ini, hak-hak sultan telah dikembalikan semula kepada mereka. Mereka diberi hak untuk mengambil tahu hal-hal berkenaan dengan pembuatan undang-undang.

Institusi ketua negara dalam konteks di Malaysia merujuk kepada jawatan Yang di-Pertuan Agong. Berbeza dengan beberapa negara jiran yang lain, sejarah membuktikan para pejuang kemerdekaan di Tanah Melayu telah memilih untuk mengekalkan kesinambungan sistem beraja. Namun beberapa modifikasi telah diambil untuk menyesuaikannya dengan sistem raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen yang diamalkan oleh Malaysia selepas mencapai kemerdekaan. Yang diPertuan Agong sebagai ketua negara telah diberikan peranan-peranan tertentu seperti yang termaktub di dalam pelbagai peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

Negeri Sembilan merupakan sebuah kerajaan tetapi pemerintahannya berdasarkan Konstitusi iaitu merangkumi Perlembagaan Negeri. Badan Legislatifnya bernama “Dewan Perhimpunan/Perundingan Negeri” yang mempunyai anggota 24 orang. Anggota-anggota ini dipilih oleh rakyat dalam Pemilihan Umum ataupun pilihan raya.

Pelaksanaan pemerintahan dilaksanakan oleh Menteri Besar yang didampingi oleh 8 orang anggotanya iaitu Anggota Majelis Musyawarah Kerajaan Negeri. Gelaran raja ialah Duli Yang Mahamulia Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Dalam tahun 1970 itu yang memerintah ialah Tuanku Ja'far ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman dan beliau ialah keturunan yang kesebelas dari Raja Malewar yang berasal dari Minangkabau dan memerintah antara tahun 1773 - 1795.

Pemerintahan Negeri Sembilan terbahagi atas enam daerah seperti Kabupaten di Indonesia iaitu terdiri daripada Seremban, Kuala Pilah, Port Dickson, Jelebu, Tampin dan Rembau. Ibukotanya ialah Seremban. Istana raja terdapat di ibu kota Seremban ini bernama Istana Seri Menanti. Tetapi arsitekturnya seni bina) tidak lagi dengan cara Minang melainkan sudah berkomposisi antara arsitektur Minang dan Melayu.

Wujud Konsep Demokrasi Berparlimen

Asal kata Yunani. Demo bermaksud rakyat dan masyarakat, ‘Cracy’ bermaksud pemerintahan atau undang-undang .Satu sistem politik yang membolehkan rakyat menentukan sebarang keputusan yang penting tentang polisi awam.

Demokrasi Berparlimen membawa maksud rakyat yang terlibat dalam sistem pemerintahan negara melalui wakil-wakil yang dipilih. Rakyat pula berpeluang membentuk kerajaan, menjalankan pemerintahan dan bebas memilih perwakilan melalui pilihan raya. Dalam masa yang sama, rakyat juga berhak menyokong, mengekalkan atau menukar kerajaan sedia ada melalui pilihan raya bagi mengekalkan kerajaan yang adil, sejahtera dan stabil. Adat Perpatih adalah merupakan perlembagaan yang tidak bertulis yang telah diamalkan di Negeri Sembilan yang menunjukkan adanya unsur demokrasi telah wujud dalam masyarakat Melayu. Amalan Adat Perpatih ini mementingkan permuafakatan dan semangat kerjasama antara suku. Namun, sistem ini

tidak mengamalkan kuasa mutlak tetapi mengagihkan kuasa kepada individu mengikut peringkat.

Malaysia mengamalkan Sistem Demokrasi Berparlimen di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan dengan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara. Perlembagaan negara telah digubal dengan mengadakan syarat-syarat untuk pengalaman sistem ini. Salah satu syarat sistem Demokrasi Berparlimen adalah pembahagian kuasa kepada tiga bahagian di dalam pemerintahan, iaitu Perundangan, Kehakiman dan Pentadbiran atau Eksekutif. Malaysia juga merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berdasarkan kepada sistem persekutuan. Sehubungan dengan itu, ia bermakna negeri-negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Sarawak dan Sabah telah bersetuju dengan konsep penubuhan Negara Malaysia.

Setiap negeri yang terbabit telah menyerahkan sebahagian kuasa masing-masing, seperti kewangan, pertahanan, pelajaran, luar negara dan lain-lain lagi seperti mana yang telah tercatat di dalam Perlembagaan Malaysia yang ditadbir oleh kerajaan pusat. Ada perkara-perkara yang dijadikan kuasa negeri dan negeri akan mentadbirkan kuasa. Sebagai sebuah negara Raja Berperlembagaan, maka diperuntukkan oleh perlembagaan institusi Yang Di-Pertuan Agong, Raja-raja Melayu di sembilan buah negeri dan Majlis Raja-raja. Baginda adalah diberi kuasa untuk memelihara adat istiadat orang Melayu dan Pentadbiran Agama Islam di negeri masing-masing. Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong adalah Ketua Agama Islam bagi negeri-negeri Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, dan Wilayah-wilayah Persekutuan. Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong juga menjadi Kepala Utama Negara dan Baginda adalah Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Negara. Baginda akan menjalankan tugas-tugas di bawah Perlembagaan mengikut nasihat Perdana Menteri atau Jemaah menteri. Raja-raja pula menjadi Ketua Negeri masingmasing dan menjalankan tugas mengikut nasihat Menteri-menteri Besar atau Ketuaketua Menteri.

Wujudnya Konsep Raja Berpelembagaan

Malaysia mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan dengan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara. Perlembagaan Persekutuan telah digubal dengan mengadakan syaratsyarat sedemikian untuk membolehkan pelaksanaan sistem ini. Salah satu kriteria sistem Demokrasi Berparlimen adalah pembahagian kuasa kepada tiga bahagian di dalam pemerintahan iaitu Perundangan, Kehakiman dan Eksekutif (pentadbiran). Malaysia juga merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem Demokrasi berdasarkan kepada sistem Persekutuan. Berdasarkan kepada peruntukan ini negerinegeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak , Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Sarawak dan Sabah telah bersetuju dengan konsep penubuhan Negara Malaysia.

Setiap negeri yang terbabit telah menyerahkan sebahagian kuasa masingmasing seperti kewangan, pertahanan, pelajaran, luar negara dan lain-lain lagi seperti mana yang telah tercatat di dalam Perlembagaan Malaysia untuk ditadbir oleh Kerajaan Pusat. Terdapat beberapa perkara yang diletakkan di bawah kuasa negerinegeri dan setiap

negeri tersebut diberikan hak untuk mentadbir perkara-perkara tersebut. Sebagai sebuah negara Raja Berperlembagaan, maka diperuntukan oleh Perlembagaan, institusi Yang di-Pertuan Agong, Raja-raja Melayu di sembilan buah negeri dan Majlis Raja-raja. Raja-raja Melayu adalah diberi kuasa untuk memelihara adat istiadat orang Melayu dan Pentadbiran Agama Islam di negeri masing-masing. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah Ketua Agama Islam bagi negerinegeri Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah-wilayah Persekutuan. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Negara. Baginda menjalankan tugas-tugas dibawah Perlembagaan mengikut nasihat Perdana Menteri dan Jemaah Menteri. Raja-raja pula menjadi Ketua Negeri dan menjalankan tugas mengikut nasihat Menteri Besar masing-masing.

Dalam masyarakat Melayu tradisi, raja bertanggungjawab memerintah dan mentadbir negara. Raja berada di puncak hierarki pemerintahan serat mempunyai kuasa menggubal dan melaksanakan dasar pemerintahan. Manakala, raja-raja pula berkuasa terhadap kerajaan yang diwarisi atau diasaskannya sendiri. Ini telah menyebabkan raja berkuasa mutlak dan rakyat wajib mematuhi. Tetapi, keadaan berubah apabila British telah menjajah yang menyaksikan kuasa mutlak raja kian terhakis atau hilang dan telah diganti dengan kuasa Residen dan Pesuruhjaya Tinggi. Namun, selepas merdeka kuasa mutlak raja telah dikembalikan tetapi telah diubahsuai berdasarkan amalan demokrasi. Raja Berperlembagaan adalah sistem pemerintahan beraja mengikut peruntukan Perlembagaan Malaysia. Kuasa raja pula diwakilkan kepada kabinet yang diketuai oleh Perdana Menteri. Raja dikehendaki menerima dan bertindak mengikut nasihat kabinet dan menjalankan tugas secara simbolik.

Raja berperlembagaan adalah sejenis kerajaan yang ditubuhkan di bawah sistem berperlembagaan yang mengiktiraf Raja sebagai ketua negara. Raja berperlembagaan yang moden biasanya menggunakan konsep trias politica, atau politik tiga serangkai. Ini bermaksud Raja adalah hanya ketua simbolik di dalam rangkai eksekutif dan kuasanya adalah terhad oleh perlembagaan negara. Apabila seorang Raja mempunyai kuasa pemerintahan yang penuh ianya dipanggil monarki mutlak atau absolute monarchy.

Pada hari ini, raja berperlembagaan lazimnya digabungkan dengan perwakilan demokrasi. Oleh itu, kerajaan masih dibawah kuasa rakyat tetapi raja mempunyai peranan tradisional di dalam sesebuah negara. Pada hakikatnya, Perdana Menteri, iaitu pemimpin yang dipilih oleh rakyat, yang memerintah negara dan bukannya Raja. Namun demikian, terdapat juga Raja yang bergabung dengan kerajaan yang tidak demokratik. Misalnya, sewaktu Perang Dunia II, raja Jepun bergabung dengan kerajaan tentera yang dipimpin seorang diktator. Sesetengah Raja berperlembagaan adalah berlandaskan Sistem Perwarisan atau mewarisi takhta; manakala yang lain, adalah melalui sistem demokratik seperti di Malaysia di mana Yang di-Pertuan Agong adalah dipilih oleh Majlis Raja-Raja setiap lima tahun.

Malaysia mengamalkan pemerintahan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan sejak tahun 1957. Perdana Menteri dan anggota kabinet menjalankan kuasa politik dan pemerintahan negara atas nama Yang di-Pertuan Agong. Di peringkat Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong menjalankan tugas secara simbolik iaitu

berdasarkan perlembagaan dan nasihat Perdana Menteri serta anggota kabinet. Manakala, di peringkat negeri, raja-raja bertindak atas nasihat Menteri Besar dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Ahli perundangan ini akan dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya yang diadakan lima tahun sekali. Parti politik yang memenangi 2/3 kerusi yang dipertandingkan layak membentuk kerajaan dan melantik Perdana Menteri. Selepas itu, Perdana Menteri pula akan melantik ahli kabinet dalam kalangan anggota Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Dewan Rakyat berkuasa memecat Perdana Menteri melalui usul undi tidak percaya yang diluluskan dengan kelebihan undi majoriti yang mudah.

YANG DI-PERTUAN AGONG DITERUSKAN HINGGA KINI

Yang di-Pertuan Agong telah menjadi Ketua Negara dalam struktur pemerintahan Malaysia yang berasaskan sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan. Jawatan ini telah diwujudkan sejak tahun 1957. Jawatan tersebut adalah satu-satunya yang ada di dunia kerana menjawatnya berdasarkan pilihan dan bukan lantikan. Parlimen Persekutuan mengandungi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dan dua Dewan iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Antara kriteria pemilihan Yang di-Pertuan Agong ialah:

- a) Ianya dipilih daripada kalangan Raja-raja Melayu mengikut giliran
- b) Ianya juga mengikut peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia
- c) Semua raja-raja berpeluang menjadi Yang di-Pertuan Agong
- d) Boleh meletakkan jawatan sebelum tamat perkhidmatan
- e) Memegang jawatan selama lima tahun
- f) Dipilih secara sulit dalam Majlis Raja-raja
- g) Boleh dipecat oleh Majlis Raja-raja

Namun, setelah baginda dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong, tugas-tugas sebagai raja di negeri sendiri tidak boleh dilakukan kecuali sebagai ketua agama Islam, berkuasa ke atas perkara yang berkaitan dengan pindaan perlembagaan dan baginda juga mempunyai kuasa melantik Pemangku Raja atau anggota Majlis Pangkuhan Raja.

Bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong mengikut perlembagaan Malaysia ialah:

- a) Mengetuai tiga badan kerajaan, iaitu Badan Perundangan (Legislatif), Badan Pemerintah (Eksekutif) dan Badan Kehakiman (Judisiari).
- b) Berkuasa memanggil dan membubarkan parlimen (Perkara 55, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa hanya Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong sahaja yang boleh memanggil Parlimen untuk bersidang. Baginda juga mempunyai kuasa istimewa untuk memberhenti atau membubarkan Parlimen. Dengan demikian Yang di-Pertuan Agong diperlukan oleh Perlembagaan untuk memanggil Parlimen bermesyuarat dalam masa enam bulan antara persidangan yang akhir dalam satu penggal yang kemudiannya).
- c) Baginda ialah Ketua Tertinggi Angkatan Bersenjata
- d) Memelihara kedudukan dan hak istimewa orang Melayu
- e) Ketua agama Islam bagi negeri yang sendiri dan negeri yang tidak beraja
- f) Melantik Perdana Menteri
- g) Boleh mengisyiharkan undang-undang darurat

- h) Melantik Jemaah Menteri dan hakim
- i) Mempunyai kuasa mentauliah duta

Timbalan Yang di-Pertuan Agong pula juga dipilih oleh Majlis Raja-Raja dan memegang jawatan selama lima tahun. Tempoh jawatan Timbalan Yang di-Pertuan Agong akan tamat serentak dengan tamatnya tempoh perkhidmatan Yang di-Pertuan Agong. Timbalan Yang di-Pertuan Agong akan memangku tugas Yang di-Pertuan Agong jika baginda gering atau melawat ke luar negeri atau negara melebihi 15 hari.

Majlis Raja-Raja Diwujudkan

Majlis Raja-Raja adalah sebuah majlis daripada raja-raja dan Yang Dipertua Negeri bagi negeri-negeri yang tidak beraja. Ia ditubuhkan pada tahun 1897. Peruntukan mengenai Majlis Raja-Raja disebut dalam Perlembagaan Malayan Union (1946) dan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (1948). Kuasa majlis Raja-raja pada masa itu hanya terhad kepada agama Islam dan adat istiadat Melayu. Mesyuarat Majlis Raja-Raja yang pertama diadakan pada 31 Ogos 1948 dan dihadiri oleh ke semua sembilan orang Raja-Raja Melayu.

Majlis Raja-Raja juga sebagai tempat rujukan dalam hal berkaitan :

- a) Pelantikan hakim, ahli Suruhanjaya Pilihan Raya dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
- b) Perubahan sempadan negeri
- c) Penambahan bilangan anggota persekutuan secara menyeluruh
- d) Hukum Syara' dan amalan-amalannya
- e) Rang undang-undang pindaan Perlembagaan
- f) Hal-hal yang menyentuh mengenai kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak

Tugas utama Majlis Raja-Raja adalah :

- a) Memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong tanpa dicampuri atau tanpa campur tangan empat Yang Dipertua Negeri.
- b) Bertanggungjawab tentang hal berkaitan agama Islam dan adat-istiadat Melayu di seluruh Persekutuan kecuali di Sabah dan Sarawak.
- c) Mempersetujui atau tidak mempersetujui supaya apa-apa perbuatan, amalan atau upacara agama diperluas ke Persekutuan secara menyeluruh.
- d) Memperkenankan atau tidak memperkenankan apa-apa undang-undang dan membuat atau memberikan nasihat mengenai apa-apa perlantikan yang di bawah Perlembagaan ini dikehendaki diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja atau dikehendaki dibuat oleh atau selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja;
- e) Melantik anggota Mahkamah Khas di bawah Fasal (1) Perkara 182;
- f) Memberi ampun, tunda hukum dan lega hukum, atau meremitkan, menggantung atau meringankan hukuman, di bawah Fasal (12) Perkara 42 (Perkara 38) (2).
- g) Majlis ini bersidang sebanyak tiga atau empat kali setahun, selama tiga hari.
- h) Raja-raja dan Yang di -Pertua Negeri diiringi oleh Menteri Besar atau Ketua

- Menteri.
- i) Persidangan dipengerusikan oleh raja yang terkanan dan setiausaha ialah Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja.
 - j) Keahlian Majlis Raja-raja: o Semua Raja-Raja dan Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri secara automatik menjadi Ahli Majlis Raja-Raja. o Kehadiran adalah mustahak. Jika atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, seorang ahli tidak dapat berangkat hadir, maka seorang wakil hendaklah dilantik mengikut peruntukan Undang-Undang Negeri/Tubuh bagi sesuatu negeri itu.
 - o Yang di-Pertua Negeri tidak boleh menjadi Ahli Majlis Raja-Raja bagi maksud mesyuarat berhubung dengan pemilihan Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong, melucutkan jawatan Yang di-Pertuan Agong dan membincangkan mengenai keistimewaan Raja-Raja.
 - o Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bukanlah Ahli Majlis Raja-Raja. Baginda berangkat menghadiri mesyuarat pada hari yang kedua sebagai Ketua Negara Malaysia dan diiringi oleh Perdana Menteri sebagai penasihat baginda.
 - o Pengerusi bagi Mesyuarat Majlis Raja-Raja adalah dipegang oleh kesemua sembilan Raja Melayu secara bergilir-gilir.
 - o Kekerapan Mesyuarat:
 - Mesyuarat lazimnya diadakan tiga kali setahun tetapi Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja hendaklah memanggil Mesyuarat Majlis RajaRaja apabila dikehendaki berbuat demikian oleh Yang di-Pertuan Agong atau oleh tidak kurang daripada tiga orang anggota Majlis ataupun tidak lewat daripada empat minggu sebelum habis tempoh jawatan Yang di-Pertuan Agong dan juga bila mana berlaku kekosongan dalam jawatan Yang di-Pertuan Agong atau jawatan Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Penasihat

Semua Menteri-Menteri Besar/Ketua-Ketua Menteri hadir sama selaku penasihat kepada Tuanku dan Yang di-Pertua Negeri.

Setiausaha Mesyuarat

Pegawai yang menjadi Setiausaha kepada Majlis Raja-Raja yang juga dikenali sebagai Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja. Beliau dilantik oleh Majlis Raja-Raja mengikut Seksyen 4 dalam Jadual Ketiga Perlembagaan Persekutuan.

Urusetia

Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Malaysia.

Majlis Raja-Raja memainkan peranan penting dalam memelihara kedudukan Islam peruntukan dalam perkara yang melibatkan Islam dalam perlembagaan seperti dalam Perkara 3, Perkara 8, Perkara 11, Perkara 12 dan Perkara 121 (1A) tidak boleh dipinda, diubah atau dilucutkan tanpa mendapat persetujuan daripada Majlis RajaRaja Melayu. Perkara ini merupakan satu jaminan yang tidak boleh dinafikan lagi. Hal ini nyata termaktub dalam perlembagaan melalui Perkara 159 (5) menjelaskan bahawa sebarang pindaan perlembagaan perlu mendapat sokongan 2/3 setiap dewan dan perkenan Majlis

Raja-Raja yang melibatkan perkara-perkara seperti kedaulatan raja-raja, kedudukan istimewa orang Melayu, bumiputera Sabah dan Sarawak, bahasa kebangsaan dan agama. Peruntukan ini termaktub dalam perlombagaan kerana hubungan antara orang Melayu dan Raja-Raja Melayu itu sangat akrab.

Institusi beraja juga dikaitkan dengan persoalan agama. Ini kerana, mereka adalah ketua agama di negeri masing-masing dan bertanggungjawab menjaga agama Islam serta sebarang pindaan yang ingin dibuat terhadap agama Islam perlu mendapat perkenan raja-raja dahulu. Rasional peranan Majlis Raja-Raja dalam soal ini ialah perlombagaan hanya menekankan persoalan pentadbiran negara. Maka, dalam hal persoalan agama dibiarkan untuk dikendalikan oleh institusi beraja. Ini seperti yang dipersetujui sewaktu menggubal perlombagaan di mana raja-raja membenarkan perisytiharan Islam sebagai agama persekutuan setelah diberi jaminan bahawa ia tidak akan menjelaskan kedudukan mereka sebagai ketua agama di negeri masing-masing (Abdul Aziz Bari, 2005).

Selain itu, di dalam perlombagaan juga tidak menetapkan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua agama bagi seluruh persekutuan, namun perlombagaan menetapkan tanggungjawab ke atas baginda supaya menjaga Islam. Ini dinyatakan dalam sumpah jawatan berkenaan di mana Yang di-Pertuan Agong diberi tanggungjawab oleh perlombagaan untuk memelihara pada setiap masa agama Islam dan berdiri tetap di atas pemerintahan yang adil dan aman di dalam negeri. Walaupun baginda tidak diletakkan sebagai ketua agama bagi seluruh persekutuan, baginda mempunyai tanggungjawab untuk melindungi dan memastikan kedudukan Islam tidak tercemar. Oleh kerana Melayu dan Islam ialah dua entiti yang tidak boleh dipisahkan, maka tugas menjaga hak-hak istimewa orang-orang Melayu juga termasuk menjaga dan melindungi agama Islam. Tanggungjawab ini relevan memandangkan bahawa kerajaan persekutuan tidak semestinya diketuai oleh seorang Melayu dan Islam, seperti yang terdapat dalam perlombagaan negeri-negeri Melayu. Baginda juga adalah ketua agama Islam bagi negeri yang tidak beraja iaitu Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan. Keadaan ini berlaku kerana Gabenor mungkin terdiri dari orang bukan Islam. Peruntukan Islam ini terjamin dalam keadaan mana sekalipun kerana untuk memindanya, ianya perlu kepada sokongan majoriti lebih dua pertiga parlimen dan perkenan Yang di-Pertuan Agong.

Begitu juga pada zaman penjajah melalui perjanjian damai dan persahabatan dengan Raja-Raja Melayu, walaupun mereka berjaya mendapatkan hak untuk memberi nasihat yang bersabit dengan pentadbiran negara, namun agama Islam dikecualikan. Sebagai contoh, Perkara 2 perjanjian di antara Negeri-Negeri Selat dan Pembesar-Pembesar memerintah Negeri Sembilan bertarikh 20 Jun 1895 telah dipersetujui bahawa mereka mengaku janji untuk menurut nasihat Residen British dalam semua hal-ehwal pentadbiran selain daripada soal yang menyentuh agama Islam (Mohd Salleh Abas, 1985).

Ahli Dewan Rakyat Dan Ahli Dewan Negara Diwujudkan

Dewan Rakyat adalah dewan terpenting kerana ahlinya dipilih oleh rakyat dalam pilihanraya umum. Ia mengandungi ahli yang mewakili semua kawasan pilihanraya di

seluruh negara. Tugas utama dewan adalah menggubal dan meluluskan undangundang pada peringkat Dewan Rakyat. Tempoh memegang jawatan adalah selama lima tahun dan tamat apabila Parlimen dibubarkan. Dewan Rakyat mempunyai ahli seramai 222 orang dan setiap ahli mewakili satu kawasan pilihanraya. Kelayakan menjadi ahli ialah:

- a) Warganegara Malaysia
- b) Tidak kurang umur dari 21 tahun
- c) Waras fikiran
- d) Bukan seorang muflis
- e) Tidak mempunyai rekod jenayah
- f) Seorang yang tidak boleh memegang jawatan kedua-dua Dewan Rakyat dan dewan Negara dalam satu-satu masa yang sama

Namun, sebelum seseorang memegang sebarang kerusi di dalam Parlimen, setiap ahli dimestikan atau diharuskan mengangkat sumpah di hadapan Yang diPertua Dewan Rakyat Negara. Ahli tersebut mestilah atau hendaklah bersumpah atau berjanji bahawa mereka akan taat menjalankan tugas-tugas merka sebagai ahli Dewan sebaik yang mungkin dan taat setia kepada Malaysia serta mematuhi, menjaga dan mempertahankan Perlembagaan.

Dewan Negara pula ialah senat bagi Persekutuan Malaysia. Ianya bertindak sebagai dewan perwakilan rakyat yang tertinggi di Malaysia. Seramai 70 ahli Dewan Negara atau senator di mana hanya 26 daripada 70 yang dipilih melalui pengundian oleh negeri dengan 2 senator setiap negeri di Persekutuan and 44 lagi dilantik dan dipilih oleh Yang di-Pertuan Agong. Tugas Dewan Negara ialah mengkaji semula dan meluluskan rang undang-undang yang dibawa naik oleh oleh Dewan Rakyat. Keduadua dewan perlu meluluskan rang undang-undang yang dibuat sebelum akhirnya dihantar kepada Yang di-Pertuan Agong untuk perkenan Baginda. Dewan Negara mempunyai kuasa dan pengaruh yang lebih besar dalam soal suatu Rang Undangundang yang bertujuan membuat pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan.

Dewan Negara mempunyai kuasa untuk menolak dan membatalkan sebarang Rang Undang-undang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan yang memerlukan kelebihan suara atau majoriti 2/3 dalam Dewan Negara dan Dewan Rakyat pada bacaan kali kedua dan kali ketiga. Pindaan Perlembagaan Persekutuan Perlembagan Persekutuan bukan sahaja mesti diluluskan oleh majoriti 2/3 di Dewan Rakyat sahaja tetapi juga mesti diluluskan dengan majoriti 2/3 di Dewan Negara yang berhak menggunakan kuasa vetonya jika Rang undang-undang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan Perlembagaan Persekutuan itu ditolak. Kuasa veto yang dimiliki oleh Dewan Negara berkenaan Rang Undang-undang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan telah diperuntukkan di bawah.

Sistem Pilihanraya Diwujudkan

Pilihan raya merupakan satu proses demokrasi di mana undian digunakan untuk memilih calon yang sesuai untuk mewakili rakyat di Parlimen. Ia merupakan suatu mekanisme demokrasi untuk memilih calon yang sesuai untuk memenuhi jawatanjawatan penggubal undang-undang, eksekutif, perundangan dan kerajaan tempatan. Terdapat dua jenis

pilihan raya iaitu pilihan raya umum atau pilihan raya kecil. Kaedah atau sistem pilihan raya boleh dikategorikan kepada dua iaitu samada perwakilan berkadar (proportional) atau sistem majoriti (majoritarian). Sistem pilihan raya mementingkan pemenang, atau beberapa pemenang menurut pengiraan undi yang diperolehi setiap calon yang bertanding. Pemenang menjadi tumpuan sebab dia akan mewakili rakyat di Parlimen dan terlibat dalam proses penggubalan undangundang. Oleh itu, cara pemilihannya amat penting dan sepatutnya selari dengan kehendak demokrasi. Selain itu pilihan raya biasanya dipantau oleh sebuah badan bebas, misalnya di Malaysia ia dipantau oleh Suruhanjaya Pilihan Raya.

Selain itu, terdapat juga pengasingan kuasa. Doktrin Pengasingan Kuasa adalah satu konsep asas di dalam pemerintahan demokratik moden. Ianya mula dilahirkan oleh seorang pemikir di Perancis. 'Pengasingan Kuasa' bukanlah sama dengan 'Pembahagian Kuasa' walaupun keduanya mungkin ada diperuntukkan dalam perlembagaan Persekutuan dan Negeri-negeri. Doktrin Pengasingan kuasa secara dasar bererti kuasa-kuasa pemerintahan boleh dibahagikan kepada tiga iaitu:-

1. Kuasa Perundangan/Legislatif
2. Kuasa Eksekutif
3. Kuasa Kehakiman

Perkara pokok tentang pengasingan kuasa ialah untuk menentukan supaya orang atau badan yang sama tidak dipertanggungjawabkan untuk mengubal undangundang dan menguatkuasakannya. Bermakna jika konsep ini diikuti sepenuhnya maka tiada siapapun dari ketiga-tiga cabang pemerintahan boleh mengambil bahagian dalam fungsi cawangan lain. Pihak Eksekutif sepatutnya tidak boleh menjadi seorang ahli badan Perundangan (Legislatif) dan Badan Kehakiman semestinya bebas dari campur tangan pihak Eksekutif dan Legislatif. Tidak patut ada dwi-fungsi. Masingmasing hanya menjaga rukun rumah tangga sendiri dan tidak mencampuri hal yang berlaku di dalam bilik orang lain.

Seperkara yang tidak dapat dipisahkan dalam membicarakan topik Doktrin Pengasingan Kuasa ialah Konsep 'Check & Balance' (Kawalan dan Imbangan). Ianya membawa maksud bahawa ketiga-tiga cabangan pemerintahan itu mestilah berdiri sama tinggi duduk sama rendah. Tidak boleh satu pihak menguasai kehendak pihak yang lain. Bak kata Loa Tzu falsafah Taoist 'Kurang pemimpin melakukan atau berkata sesuatu lebih gembiralah rakyatnya; berlebihannya pemimpin bersifat angkuh dan bercakap besar lebih malanglah rakyatnya. 'Petikan itu mungkin benar jika berlaku pemuatan kuasa akibat gagalnya Doktrin Pengasingan Kuasa dan tiada konsep 'Check & Balance' (Kawalan dan Imbangan Kuasa).

Di Malaysia, badan Kehakiman boleh mengistiharkan sesuatu Akta Perlimen bercanggah dengan Perlembagaan. (Perkara 4, Fasal 1). Pada masa yang sama Perlembagaan Persekutuan - Perkara 122B juga memperuntukkan bahawa perlantikan kehakiman ke Mahkamah-Mahkamah Tertinggi adalah dibuat oleh pihak Eksekutif yang menunjukkan ada kawalan tidak langsung terhadap Badan Kehakiman. Pihak Eksekutif pula dikawal oleh Parlimen dan bertanggungjawab kepadanya. Oleh yang demikian, sistem pengasingan kuasa berserta dengan konsep Kawalan dan Imbangan nampak

kepentingan dalam mengelakkan pemuatan kuasa pemerintahan di dalam tangan sesuatu kumpulan tertentu sahaja. Jika doktrin itu diketepikan langsung, penyalahgunaan kuasa adalah suatu kemungkinan (lebih-lebih lagi jika kuasa itu di tangan orang yang tidak beriman dengan hukum-hukum Allah SWT).

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Rumusan terhadap kajian ini dibuat dengan mengambil kira kandungan kajian ini secara keseluruhannya yang meliputi permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, medotologi dan analisis data serta dapatan berdasarkan analisis data yang dilakukan.

Falsafah susur-galur pemerintahan Institusi beraja di Negeri Sembilan

Apabila dikaji tentang Institusi Beraja di Negeri Sembilan, pengkaji telah membahagikan kepada tiga objektif utama, yang pertama mengenai falsafah. Falsafah yang cuba dikaji oleh pengkaji adalah dari segi susur-galur pemerintahan iaitu peralihan kuasa dari satu pemerintahan hingga ke pemerintahan yang baharu. Pengkaji mendapati bahawa bermulanya pemerintahan beraja di Negeri Sembilan disebabkan permohonan orang Minangkabau yang berada di Seri Menanti untuk memohon raja daripada kerajaan Johor. Hal ini disebabkan pada ketika itu terdapat 9 buah kampung terpencar di Tanah Semananjung yang bernaung kepada Raja Johor telah dicerobohi oleh Daeng Kamboja dari bangsa Melayu Bugis. Apabila Sultan Johor tak mampu menaungi kerana jauh, disarankan untuk memohon kepada Raja Alam Melayu Minangkabau di Pagaruyung, maka Penghulu-Penghulu sembilan buah kampung tersebut bersepakat untuk menjemput anak raja ke Istana Besar Pagar ruyung.

Masa itu memerintah di Alam Melayu Minangkabau Pagaruyung ke XXIX YDPS Tuanku Sultan Abdul Jalil Johan berdaulat Raja Alam Muningsyah I (1739-1780).

Seterusnya, ketibaan Raja Melewar. Maka dikirimlah Raja Mahmud Sultan Perak bergelar Raja Malewar pada tahun 1770 iaitu anak YDPS Sultan Arif Badarunsyah Raja Alam Melayu Minangkabau ke XXVIII, baginda dirajakan di Penajis, bertakhta di Seri Menanti tahun 1773-1795. Perkahwinan Raja Malewar dengan Cik Sani (anak penghulu Na'am) melahirkan Tunku Aishah dan Tunku Totok. Seterusnya, Raja Hitam. Tunku Aishah pula berkahwin dengan Raja Hitam yang dijemput kali kedua ke Minangkabau 1795-1808. Raja Hitam adalah anak Raja Lenggang Alam (sepupu Raja Bagewang II Raja Alam Melayu Minangkabau ke XXVI 1795-1819) perkahwinan Raja Hitam dengan Tunku Aishah tak berketurunan lalu berkahwin dengan Cik Jingka memperolehi empat orang anak. Seorang diantaranya Tunku Puan Ngah (Tunku Ampun Ngah) bersuamikan Raja Lenggang. Raja Lenggang adalah jemputan anak Raja kali ketiga (akhir) ke Minangkabau, Pagaruyung (1808-182) ialah anak kandung daripada YDPS Tuanku Sultan Abdul Jalil Johan berdaulat Raja Alam Muning Syah I Raja Alam Melayu Minangkabau ke XXIX (1739-1780). Raja Lenggang telah mangkat tahun 1824 selaku yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan ke III. Perkahwinan Baginda dengan Tuanku Puan Ngah (anak Yamtuan Hitam) berputerakan Raja Radin dan Raja Imam.

Pengkaji mendapati selepas Raja Lenggang tiada lagi anak Raja yang dijemput ke Minangkabau. Waris yang paling kanan ialah kedua Putera Raja Langgang iaitu Raja Radin dan Raja Imam. Maka telah dimasyurkan Raja Radin pengganti Raja Lenggang

oleh Penghulu-Penghulu Tanah Mengandung walau belum dilantik oleh Undang yang empat selaku Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan bersemayam di Istana Besar Seri Menanti. Berawal dari masa ini perjalanan sejarah Negeri Sembilan dan pengamalan Adat Perpatih menempuh jeladeri kesejarahan yang berjalan di dalam masa yang dipengaruhi kondisi dan situasi setempat. Hal yang demikian, adalah hal yang wajar sebagai kehendak alam. Di lain pihak pengaruh politik orang Putih (penjajah British) mulai masuk. Maka berlakulah alam terkembang jadi guru. Negeri Sembilan membentuk dan mengukir sejarah budaya Adat Perpatihnya sendiri dengan punca yang berkait rapat sekali dengan budaya Adat Minangkabau Luak Nan Tiga, Nan Salingkar Gunung Merapi, Setingga Gunung Singgalang dan Seranah Gunung Sago.

Pemerintahan seterusnya diteruskan oleh Yamtuan Imam (1861-1869), Tengku Ampuan Intan (1869-1872) –memangku, Tuanku Antah (1872-1888), Tuanku Muhammad (1888-1933), Tuanku Abdul Rahman (1933-1960), Tuanku Munawir (1960-1967), Tuanku Jaafar (1967-2008), Tuanku Muhriz (2008-kini). Secara keseluruhan, pengkaji melihat pemerintahan beraja yang dijalankan pada mula tidak bersifat monarki ataupun secara waris kerana selepas pemerintahan Raja Melewar, Seri Menanti masih lagi menjemput Raja dari Pagaruyung untuk menaiki takhta disebabkan Seri Menanti ketika itu masih dalam pemerintahan dan pentadbiran yang kurang aman sehingga berlaku pergaduhan dari puak-puak yang berada di Seri Menanti, Namun segalanya berakhir pada pemerintahan Raja Lenggang. Selepas Raja Lenggang pewarisan pemerintahan diteruskan secara monarki ataupun pewarisan dan sistem ini diteruskan hingga kini.

Sepanjang penelitian kajian yang dibuat oleh pengkaji, sememangnya terdapat pergaduhan diantara pembesar-pembesar istana sehingga menyebabkan campur tangan Inggeris dalam sistem pemerintahan beraja. Sikap pembesar seperti Dato' Siamang Gagap yang dianggap tokoh wira sebenarnya orang yang memanipulasikan keadaan sehingga menyebabkan Negeri Sembilan ketika itu dijajah oleh barat dan Tuanku Ahmad Tunggal yang sepatutnya menaiki takhta kerajaan Seri Menanti telah dinafikan haknya sehingga menyebabkan baginda membawa diri merantau ke negeri lain. Pemberontakan yang hadir dalam pemerintahan beraja di sesuatu tahap kerana satu tujuan iaitu perebutan tampok pemerintahan kerana ada pihak yang beranggapan bawa mereka lebih layak menaiki takhta kerajaan di Seri Menanti. Namun pada tanggal 1933 iaitu ketika Tuan Abdul Rahman menjadi Yamtuan Seri Menanti tiada lagi perebutan takhta. Oleh itu dari tahun 1933 hingga kini kerajaan Negeri Sembilan dilihat lebih aman, stabil dan makmur.

Nilai-Nilai Murni pemerintahan beraja di Negeri Sembilan

Manakala di bawah tajuk nilai-nilai murni. Pengkaji melakukan analisis berkaitan nilai-nilai murni yang terdapat pada setiap pemerintah sepanjang pemerintahan beraja di Negeri Sembilan, ternyata pengkaji menemui pelbagai nilai-nilai murni yang ditonjolkan oleh pemerintah. Dalam analisis berkaitan nilai-nilai murni, pengkaji telah menggunakan Teori Teksdealisme iaitu pengkaji menggunakan prinsip keperibadian. Prinsip keperibadian ini banyak membantu pengkaji dalam merungkai nilai-nilai yang ditonjolkan oleh pemerintah. Nilai-nilai murni yang telah dicungkilkan dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada pembaca serta masyarakat, khususnya pelajar universiti dan

pengkaji-pengkaji yang ingin melaksanakan kajian yang lebih lanjut berkaitan nilai-nilai murni yang diri seseorang pemerintah. Selain itu, nilai-nilai murni ini juga mampu memberi pengajaran kepada masyarakat moden pada hari ini yang semakin terkubur dalam arus pemodenan. Pengkaji sedar masyarakat kini harus didedahkan dengan nilai-nilai murni yang baik yang terdapat pada seseorang pemerintah lampau supaya mendorong pembaca menjadi insan yang lebih baik dari segi rohani, mental, jasmani dan fizikal.

Dalam nilai-nilai murni yang ada pada pemerintah beraja di Negeri Sembilan antara ialah nilai bertanggungjawab, nilai wawasan, nilai baik hati, nilai hormat menghormati, nilai wawasan, nilai rasional, nilai kebijaksanaan, nilai kegigihan dan nilai keprihatinan. Ketokohan pemerintah Negeri Sembilan pada zaman Raja Melewar hingga kini tetap terselit nilai-nilai yang baik yang ada dalam diri mereka.

Nilai-nilai murni yang ditonjolkan oleh pemerintah boleh dikatakan semakin meningkat jangka tahun pemerintahan iaitu perubahan waktu pemerintah dilihat semakin menunjukkan akhlak yang baik sehinggalah pemerintahan sekarang iaitu Tuanku Muhriz yang merupakan seorang yang sangat berhati mulia, seorang yang sangat merendah diri serta banyak membantu rakyat-rakyat yang hidup dalam serba kekurangan. Inilah dikatakan pemerintah yang disanjung tinggi.

Secara keseluruhan melalui kajian nilai-nilai murni yang ditonjolkan oleh pemerintah-pemerintah beraja di Negeri Sembilan yang telah dibincangkan ini, diharapkan dapat dicontohi dan menjadi amalan dalam kehidupan seharian memandangkan nilai-nilai murni semakin terhakis kesan daripada pengaruh budaya Barat dan arus permodenan yang menyebabkan masyarakat kita pada hari ini semakin hilang nilai-nilai murni dalam diri mereka.

Kesan pentadbiran pemerintahan beraja terhadap pentadbiran dan kehidupan sosial masyarakat kini.

Melalui kesan yang ditinggalkan yang paling ketara adalah Adat Perpatih. Hal ini demikian kerana, Negeri Sembilan pada mulanya merupakan negeri Melayu pertama yang bentuknya mirip persekutuan sebelum terbentuknya Negeri-Negeri Melayu Bersekutu melalui Perjanjian Persekutuan 1896 oleh British. Negeri Sembilan mengamalkan sistem pemerintahan berdasarkan Adat Perpatih, iaitu kedaulatan berada di tangan rakyat. Adat Perpatih adalah amalan hidup yang lebih lama daripada Common Law yang hanya bermula sekitar tahun 1066 Masihi. Negeri Sembilan mempunyai adat, kebudayaan, sejarah, tradisi dan sistem politiknya yang agak unik.

Pentadbiran dan pegangan hidup masyarakat Negeri Sembilan Darul Kursus ini adalah pada Adat Perpatih iaitu keutamaan diberikan kepada wanita. Namun begitu, terdapat pecahan yang lebih banyak yang telah pengkaji temui dan bincangkan dalam bab yang ke enam. Antaranya ialah sistem pentadbiran moden. Dalam pentadbiran adat pula, Negeri Sembilan mempunyai beberapa luak adat iaitu Seri Menanti, Tampin, Sungai Ujong, Jelebu, Johol, Rembau, Ulu Muar, Jempol, Terachi, Gunung Pasir, Inas, Gemenceh, Ayer Kuning dan Linggi. Teraju politik tertinggi di Negeri Sembilan

ialah Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dipilih dan dilantik daripada kebulatan muafakat di antara Undang Yang Empat. Yang di- Pertuan Besar berperanan sebagai ketua agama Islam dengan dinasihat oleh Majlis Hal Ehwal Agama Islam. Baginda juga bertanggungjawab dalam adat istiadat negeri dan dinasihat oleh Dewan Keadilan dan Undang. Yang di-Pertuan Besar bersemayam di Seri Menanti yang terletak di dalam Luak Ulu Muar. Baginda tidak campur tangan dalam hal ehwal luak-luak yang lain.

Falsafah dalam pemerintahan beraja di Negeri Sembilan telah memberi kesan yang besar terhadap perkembangan dalam pentadbiran negara yang berlaku pada hari ini. Susur-galur pemerintahan yang berlaku daripada pemerintahan Raja Melewar hingga ke Raja Muhriz menampakkan titik perubahan dari satu generasi ke generasi dalam corak yang positif. Pewarisan takhta pemerintahan secara monarki diteruskan hingga ke hari ini. Banyak perubahan yang dilakukan dalam setiap pemerintahan sehingga wujud beberapa pentadbiran yang membolehkan wujudnya kerjasama antara raja-raja di setiap negeri.

Dalam analisis berkaitan nilai-nilai murni pula, pengkaji telah menggunakan Teori Teksdealisme iaitu pengkaji menggunakan prinsip keperibadian. Prinsip keperibadian ini banyak membantu pengkaji dalam merungkai nilai-nilai yang ditonjolkan oleh pemerintah. Nilai-nilai murni yang telah dicungkilkan dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada pembaca serta masyarakat, khususnya pelajar universiti. Selain itu, nilai-nilai murni ini juga mampu memberi pengajaran kepada masyarakat moden pada hari ini yang semakin terkubur dalam arus pemodenan.

Dalam nilai-nilai murni yang ada pada pemerintah beraja di Negeri Sembilan antara ialah nilai bertanggungjawab, nilai tidak berputus asa, nilai baik hati, nilai hormat-menghormati, nilai wawasan, nilai rasional, nilai kebijaksanaan, nilai kegigihan dan nilai keprihatinan. Diharapkan nilai-nilai murni yang ditonjolkan oleh pemerintah-pemerintah beraja di Negeri Sembilan yang telah dibincangkan ini dapat dicontohi dan menjadi amalan dalam kehidupan seharian memandangkan nilai-nilai murni semakin terhakis kesan daripada pengaruh budaya Barat dan arus permodenan yang menyebabkan masyarakat kita pada hari ini semakin hilang nilai-nilai murni dalam diri mereka.

Akhir sekali, kesan daripada pemerintahan melalui yang diamalkan sejak zaman dahulu lagi hingga ke hari ini telah memberi kesan yang besar kepada pemerintahan beraja di negara kita. Pengkaji mendapat bahawa, melalui keutuhan sistem beraja yang diwariskan secara monarki tetap bertahan hingga ke hari ini dan menjadikan negara kita Malaysia sebuah negara yang berdaulat dan agama Islam sebagai agama tertinggi dan Raja Melayu merupakan ketua agama Islam bagi setiap negeri dan konsep raja berperlembagaan tetap diteruskan hingga ke hari ini. Corak pentadbiran yang telah bertukar kepada Perdana Menteri sebagai ketua kerajaan dan raja berfungsi untuk memberi persetujuan dan pandangan terhadap tugas-tugas negera yang bakal dilaksanakan. Secara literalnya, semua perkara yang melibatkan negara yang ingin dilakukan oleh Perdana Menteri haruslah mendapat persetujuan daripada Yang di-Pertuan Agong melalui perbincangan menerusi Majlis Raja-Raja sebelum Yang di-Pertuan Agong memberi persetujuan kepada Perdana Menteri.

Kajian ini dikupas berdasarkan teori Teksdelisme yang mengandungi prinsip kehadiran, perlanggaran, pengukuhan dan individualisme dan telah pun terjawab melalui kupasan di atas. Kemudian dikukuhkan melalui penceritaan dan sokongan bahan yang difikirkan sesuai. Jadi rumusannya adalah berdasarkan sumber-sumber yang diperolehi dan setiap sumber ini telah dianalisis melalui lompong-lompong kosong melalui peristiwa sejarah yang berlaku. Setiap kupasan adalah untuk memperkuatkan lagi Institusi Beraja di Negeri Sembilan dan semua pihak berhak untuk memberi pandangan yang membina.

Cadangan

Dalam bahagian ini, pengkaji ingin mencadangkan berdasarkan keseluruhan penemuan kajian yang pengkaji dapat. Pertama dari segi falsafah iaitu susur-galur pemerintahan, pengkaji mencadangkan agar sistem warisan atau monarki diteruskan. Hal ini demikian kerana, corak pemerintahan warisan ini adalah lebih baik supaya tidak ada pihak yang cuba untuk merebut tampok pemerintahan jika seseorang raja itu sudah mangkat kerana pemerintahan beraja itu pastinya akan diwariskan kepada anak cucunya. Kedua adalah nilai-nilai murni, melalui konsep nilai yang cuba dikaji oleh pengkaji terhadap pemerintah beraja, pengkaji mencadangkan kepada pengkaji yang akan datang untuk membuat penelitian dan perbandingan yang lebih mantap dan jelas dan membuat pengiraan melalui carta bar atau carta pai agar nilai-nilai murni ini dapat dibuat perbandingan yang lebih kukuh dari segi baik buruk pemerintah. Ketiga, hasil penemuan kajian mengenai kesan pentadbiran yang ditenggalkan pengkaji mencadangkan agar sistem Adat Perpatih diteruskan hingga ke generasi-generasi yang akan datang. Hal ini demikian kerana, setelah pengkaji menkaji dari sudut kesan, ternyata Negeri Sembilan merupakan sebuah negeri yang sangat unik dan sangat menarik samada ada dari segi adat, cara perkahwinan, makanan dan sebagainya semuanya hampir mencorak orang Minang dari Sumatera kerana Negeri Sembilan ini kaya dengan kehadiran orang Minangkabau sehingga struktur pembinaan rumah turut bercorak Minangkabau. Pengkaji yang akan datang kelak boleh mengkaji dari segi Adat dan Budaya orang Negeri Sembilan.

Seterusnya, dalam bahagian ini, pengkaji telah memberikan beberapa cadangan untuk diberi perhatian dan sekali gus diamalkan dengan berkesan oleh semua pihak. Salah satu cadangan pengkaji ialah memperbanyak lagi kajian mengenai institusi beraja pada masa yang akan datang. Pengkaji kelak diharap dapat meneruskan kajian mereka sama ada dalam Institusi Beraja di Negeri Sembilan maupun di Negeri-Negeri lain kerana melalui penelitian dan sorotan lepas, pengkaji mendapati bahawa kajian berkaitan Falsafah dan Nilai dalam Institusi Beraja terutama di Negeri Sembilan maupun di negeri lain tidak pernah dijalankan kajian oleh manamana pengkaji lain. Oleh itu, kekurangan bahan-bahan berkaitan sejarah dan salasilah jurai-jurai keturunan pemerintah di Negeri Sembilan menyebabkan pengkaji perlu lebih teliti dalam mencari bahan. Pengkaji mengumpul bahan sedikit demi sedikit melalui pecahan buku-buku yang ada berkaitan pemerintah Negeri Sembilan. Kajian ini mengambil masa yang agak lama kerana bahan-bahan yang pengkaji perolehi ditulis dalam dialek Negeri Sembilan dan menggunakan bahasa Melayu klasik menyebabkan pengkaji perlu membaca bahan berkenaan berulang-ulang kali.

Pengkaji mencadangkan kepada pengkaji yang akan datang agar menjalankan kajian yang lebih mendalam berkaitan Falsafah dan Nilai dalam Institusi Beraja di Negeri Sembilan. Kajian berkaitan tajuk kajian pengkaji ini masih berkurangan malahan tidak ada seorang yang berani menjalankan kajian berkaitan Falsafah dan Nilai dalam Institusi Beraja di Negeri Sembilan sedangkan kajian ini merupakan satu kajian yang penting dan harus dilaksanakan agar peninggalan khazanah warisan berkaitan susur-galur corak pemerintahan yang dijalankan pada zaman dahulu mampu memberi pengajaran kepada seseorang individu, masyarakat dan negara. Nilai-nilai murni yang ditonjolkan merupakan nilai-nilai yang boleh dicontohi dan perkara-perkara zalim yang ditonjolkan oleh pemerintah juga merupakan satu perkara yang penting kerana dapat membuka mata pemimpin pada hari ini kesan yang akan terjadi jika pemimpin bersikap zalim agar sejarah silam tidak berulang lagi.

Seterusnya, pengkaji mencadangkan kepada setiap perpustakaan di seluruh Universiti sama ada kerajaan mahupun bukan kerajaan perlu memasukkan lebih banyak bahan-bahan berkaitan Salasilah Pentadbiran Dan Raja-Raja Di Negeri Sembilan. Hal ini demikian, pengkaji mendapati bahawa bahan-bahan bacaan berkaitan Salasilah Raja-Raja Negeri Sembilan berkurangan dan hampir tidak ada. Namun salasilah berkaitan raja-raja di negeri lain dilihat masih ada sama ada buku-buku yang menceritakan corak pemerintahan beraja. Maka pengkaji mencadangkan agar pihak perpustakaan di Institusi Kerajaan termasuk Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) perlu dan wajib memperbanyakkan bahan-bahan berkaitan Jurai-jurai keturunan raja di Negeri Sembilan di perpustakaan agar memberi peluang kepada pelajar-pelajar dan masyarakat luar membaca dan melihat akan salasilah raja di Negeri Sembilan. Secara tidak langsung juga akan membantu pengkaji yang akan datang untuk mengkaji berkaitan raja-raja di Negeri Sembilan.

Kesimpulan

Kesimpulannya, saranan dan cadangan yang telah dilontarkan oleh pengkaji adalah bertujuan untuk memastikan khazanah dalam mengenali susur-galur pemerintahan dan nilai-nilai murni yang ditonjolkan serta kesan yang berlaku hasil pemerintahan yang dijalankan mampu menjadikan masyarakat pada hari ini lebih memahami akan kepayahan hidup masyarakat dahulu dalam memimpin sesebuah negeri yang sekarang kita duduki ini. Pengorbanan dan air mata mereka lah menyebabkan negara kita masih beraja.

Fungsi beraja kadang kala dilihat masih ada pihak yang cuba untuk mempertikaikan kerana bagi mereka raja sekarang sudah tidak ada kepentingnya lagi, sedangkan konsep raja adalah satu konsep raja berperlembangan yang menjaga kepentingan bangsa Melayu dan kedudukan Islam di negara berdaulat ini. Jika sistem beraja dihapuskan maka negara kita pastinya akan kembali dijajah oleh bangsa luar seperti yang berlaku puluhan tahun yang dulu. Oleh itu, konsep sistem beraja harus dipertahankan oleh generasi-generasi yang akan datang. Sebagai seseorang individu, kita perlu menghormati pemerintah negara kita terutamanya raja-raja kerana mereka ini adalah pemimpin yang melindungi negara kita dari serangan penjajah luar.

Akhir sekali, pengkaji berharap agar kajian ini mampu memberi panduan dan dorongan kepada pengkaji-pengkaji yang akan datang agar mereka lebih berminat untuk meneruskan kajian-kajian baharu yang berkaitan dengan Falsafah dan Nilai di Negeri Sembilan. Pengkaji juga berharap agar kajian ini dapat menjadi rujukan kepada murid-murid, guru, universiti, muzium negara serta istana bagi simpanan koleksi untuk bacaan umum masyarakat hari ini yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang susur-galur pemerintahan dari satu tahap ke tahap yang baharu serta nilai-nilai baik mahupun tidak yang ditonjolkan oleh pemerintah mahupun pembesar-pembesar istana serta tidak lupa juga kesan yang terjadi dan ditnggalkan dari segi pentadbiran yang dijalankan dari dahulu hingga kini. Semua yang dibincangkan oleh pengkaji merupakan satu aset baharu kepada semua pihak yang ingin mengenali Negeri Sembilan yang kaya dengan Adat Perpatih ini kesan daripada pemerintahan beraja sejak dahulu lagi.

RUJUKAN

- Abdul Samad Idris. 1968. Negeri Sembilan dan Sejarahnya. Kuala Lumpur: Utusan Melayu Berhad.
- Abdul Samad Idris. (1987). Takhta Negeri Sembilan. Kuala Lumpur: Utusan Princorp Sdn.Bhd.
- Alis Marajo Dt Sori Marajo. (2018). Lintasan Sejarah dan Falsafah Adat Minangkabau. Kabupaten 50 Koto: Lembaga Kerapatan Adat Minangkabau.
- Buyong Adil. (1981). Sejarah Negeri Sembilan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoo Kay Kim. (1990). Negeri Sembilan: Sejarah Awal dan Sistem Politiknya, dalam Norazit Selat, Negeri Sembilan dahulu dan Sekarang. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Mana Sikana. (1998). Pengenalan Teori. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana (1996). Teori Teksdealisme. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mana Sikana. (2005). Teori Sastera Kontemporari. Bangi. Selangor: Pustaka Karya
- Mohd Rosli Saludin. (2019). Penggunaan Teromba Dalam Seni Pengucapan Melayu. Tanjung Malim: Institut Peradaban Melayu.
- Mohd Rosli Saludin. (2011). Seri Menanti Tanah Beradat Bermula Di Sini. Selangor: Crescent News Sdn. Bhd.
- Mohd. Shah Mohd. Said Al-Haj (2014). Tambo Alam Naning. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlah Adam. (1987). Dato Onn Jaafar: Peranannya di dalam Politik dan Pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu 1895-1962. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House.
- Sejarah Raja-Raja Dan Adat Istana NS. Tanpa Tarikh. Seremban: Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.

SISTEM ADAT NAN TERPAKAI DI LUAK 50 KOTO DAN NEGERI SEMBILAN

**ALIS MARAJO
Datuk Sori Marajo**

PENDAHULUAN

50 Koto dan Negeri Sembilan adalah wilayah pemerintahan dua Negara yang berbeda bentuk dan coraknya. Namun mempunyai akar budaya yang sama. Sehingga sebutan klasik bahwa Negeri Sembilan adalah “perantauan” tua dari Minangkabau awal.

Pemahaman adat bagi orang Minangkabau di Luak 50 Koto umumnya memahami adat sebagai norma dasar kemanusiaan yang telah terbawa dari tanah pangkal, yang disebut Tanah Basa, di daerah Kerala-Niar di Hindia Selatan yang memburu emas ke pulau-pulau di daerah Timur India Selatan. Semakin lama semakin ramai, setelah Raja Iskandar Zulkarnain menguasai daerah India Selatan 356-324 SM.

ADAT NAN DIADATKAN

Adat nan diadatkan adalah bagian empat sistem adat minangkabau, yaitu :

1. Adat nan sabana adat

Adalah sifat bako dari cirri alam secara fisik seperti : adat aia (air) membasahi, adat api menghanguskan. Suatu sifat alam yang tidak mungkin berubah.

2. Adat nan diadatkan

Adalah gagasan datuk ketemenggungan dan datuk perpatih nan sabatang, datuk ketemenggungan menciptakan system adat koto piliang, adat bodi caniago diciptakan oleh datuk perpatih nan sabatang, kemudian adat lareh nan panjang diciptakan oleh datuk suri dirajo, hal ini sampai sekarang tidak berubah digunakan oleh masyarakat adat.

3. Adat istiadat

Adalah metoda aau cara-cara melakukan prosesi adat, baik yang tumbuh dari masyarakat umum atau yang disepakati oleh masing-masing nagari-nagari kedatuan itu.

4. Adat nan teradat

Adalah aturan-aturan yang dibuat oleh datuk-datuk dalam suatu nagari yang pemberlakuan terbatas dalam satu nagari itu.

Adat istiadat dan Adat nan teradat inilah yang menampung pemikiran adagium adat yang menyatakan “adat dipakai baru, kain dipakai usang”, jadi nampak sekilas dasar adat minang tidak radikal. Itulah sebabnya dalam pertemuan ulama dan kaum adat di bukit marapalam dapat menerima “Adat Basandi Syarak, Syarak Basandi Kitabullah (ABS BK)” itu dalam pemahaman hanya agama islam yang dapat memperkokoh adat minang. Sebagai contoh dalam membangun sebuah rumah yang dahulu kala tonggaknya dari kayu, setelah berdiri diatas tanah perumahan, maka tonggaknya itu diperkuat oleh sandi dari batu, dan inilah menjadi pemahaman dan pengertian dasar dari orang minangkabau.

Dizaman Adhitia warman dibuat pula system adat, system adat itu bernama system adat pisang sikalek-kalek hutan, pisang timbatu nan bagatah, koto piliang inyo bukan, bodi chaniago inyo antah. Dalam system adat ini raja itu ada 3 disebut rajo tigo selo, yaitu

1. Rajo Alam
2. Rajo Adat
3. Rajo Ibadat

Sejalan dengan itu pada waktu bersamaan terbentuk daerah tiga luhak dan masing-masing luhak mempunyai alam, Luhak Tanah Datar alamnya adalah alam silauik indropuro, alam surambi sungai pagu, alam tiku pariaman, alam cati nan batigo. Luhak Agam alamnya adalah alam kinali parik batu, alam sontang padang nunang, Luhak 50 koto alamnya adalah alam andiko 44.

NILAI DASAR ADAT MINANG

Melalui sistem matrilineal dalam setiap migrasi lokal, membawa satuan keluarga yang bertali darah menurut garis keibuan. Bertolak dari abad ke 7 dan 8 Masehi, ada dua tokoh dari kerajaan Majapahit yang beralih agama dari agama Hindu ke agama Islam yaitu Prameswara dan raja Indrawarman. Mereka merubah namanya menjadi nama-nama Islam. Hal ini menjadi suatu tekanan tersendiri bagi masyarakat Hindu mendalamai agama Islam agar masyarakat Hindu pindah dari kawasan tempat tinggal semula. Orang Hindu pun beralih masuk Islam untuk melindungi dirinya. Pada saat itulah lahirlah istilah keDatuhan. Wilayah yang dipimpin oleh seorang Datu adalah terdiri dari beberapa keluarga, yang kemudian menjadi cikal bkaal nagari. Otoritas Datu-Datu itulah yang menjadi supremasi kehormatan di tengah masyarakat. Datu-Datu mampu mencantohkan pengalamannya kepada masyarakat, mereka dianggap orang yang berakal. Datu-Datu adalah tokoh masyarakat yang mengenal arah-arah bintang yang disebut sebagai Mualim. Itulah menjadi dasar adat Minang, ada empat dasar, *babudi*, *Baraka*, *bailemu*, dan *tahu mungkin jo patuik*.

PERTEMUAN KAUM ADAT DAN ULAMA ISLAM DI BATU BULEK KAYU TANAM

Sekitar tahun 700-800 Masehi terjadi pertemuan kaum adat dan ulama di Batu Bulek kayu Tanam. Dalam pertemuan itu ulama Islam mengungkapkan empat sumber hukum dalam Islam. Yang pertama Abu Bakar yang berhakikat, yang kedua Umar yang bermakrifat, yang ketiga Ustman yang bersyariat, dan yang keempat Ali yang bertarikat. Dijawab oleh kaum adat, bahwa kami sudah beradat sejak nenek moyang kami para Datu-Datu, yaitu Datu yang berbudi, Monti yang Baraka, Mualim orang yang cadiak cendikio, dan Dubalang yang bermakrifat. Hasil pertemuan ini menghasilkan adagium adat yang tertua, Adat basandi syarak, syarak basandi adat. Tentu umat Islam tidak puas dengan hasil pertemuan tersebut. Tapi mereka sedikit puas melihat agama Hindu dan Budha tidak diterima oleh kaum adat, sebaliknya kaum adat menerima agama Islam.

Ratusan tahun setelah itu, mendekati tahun 700-800 M, berdatanganlah secara bertahap kaum Wahabi. Kaum Wahabi itu tidak sesuai dengan praktek syariat Islam. Begitu kerasnya mereka melakukan eksekusi sendiri, puncaknya adalah pada tahun 1819 kaum Wahabi melakukan pembantaian raja-raja Pagaruyung di kampung Tangah.

Harimau nan salapan tidak senang dengan kaum adat belum mempelajari alquran, masih banyak peristiwa adat yang tidak bersendikan lquran dan hadits. Para pengikut paham ini melakukan aturan-aturan adat di dalam wilayah keDatuan mereka. Puncaknya adalah sekitar tahun 1815, terjadilah pembantaian raja-raja Pagaruyung di Kampung Tangah.

Lalu Sutan alam Bagagarsyah melapor kepada pemerintah (Belanda), akibat pelaporan itu Sutan Alam Bagagarsyah dibuang ke Batavia. Kaum adat dan kaum agama pun menuduh beliau memihak pemerintah. Demikian juga peristiwa yang terjadi pada tahun 680, andiko-andiko dibawah kepemimpinan kedatuannya masing-masing membawa dua laksa berjalan darat ke arah selatan. Akibatnya andiko 44 di Patapanan sebelumnya menganut agama Budha pindah ke agama Hindu. Inilah yang menjadi pengikut agama Budha Tantrayana. Dalam perjalanan itu rombongan terbagi dua, rombongan yang banyak adalah mengikuti rombongan ke Dharmasraya di Batang Hari.

Pada abad ke 11 di Muara Takus didirikan candi stupa Budha. Dalam era kedatuan itu, datuk sibijayo berusaha membawa sri maharaja dirajo mengikuti rombongan yang telah terdahulu. Maka sampai sekarang masih dianggap bahwa sri maharaja dirajo itu menghilang dan tidak tahu dimana wafatnya. Pada saat bersamaan datuk suri dirajo dan datuk bandaro kayo mengukuhkan datuk ketumanggungan di dusun tuo. Diduga sudah muncul perbedaan yang tajam antara dua kedatuan itu. Kedatuan ketumanggungan dan kedatuan perpatiah nan sabatang. Hal ini terlihat dan diyakini masyarakat minang, jejak tikaman batu berlobang itu ada jejak tikaman pedang Jarnawi datuk parpatiah nan sabatang dan jejak hentakan keris siganjo hera milik datuak ketumanggungan. Jadi yang semula ada tiga agama di Minangkabau (Hindu, Budha dan Islam) sekarang menjadi satu agama yaitu Islam. Maka dikirimlah datuk-datuk untuk membentuk kedatuan-kedatuan di wilayah tiga daerah atau tiga luak, ke daerah wilayah Tanah datar terbentuklah 70 kedatuan, di daerah agam terbentuk 64 kedatuan dan daerah lima puluh koto ada 50 kedatuan. Sekarang perkembangannya di Luak Tanah Datar menjadi 80 nagari, 50 koto terdapat 79 kedatuan atau nagari, agam sekitar 70 nagari. Seluruhnya masih memakai sistem adat yang empat sebagaimana dijelaskan sebelumnya.

BATASAN PENGERTIAN ADAT YANG TERPAKAI

Orang minang dalam kehidupan sehari-hari menjelaskan *adat yang terpakai* itu adalah dengan sebutan *adat nan diadatkan*, istilah ini telah diperkenalkan oleh tiga orang Datuk yang merupakan yang dianggap oleh masyarakat minang pencipta system adat minangkabau. Yang pertama adalah *Datuk Suri Dirajo*, yang erat kaitannya di era tahun 1200 an atau era Hindu, atau era Patapanan menuju Pariangan menciptakan system adat *Lareh nan Panjang*. Kedua adalah *Datuk Ketumanggungan*, diperkirakan pada era perkembangan agama Syiwa, sekitar tahun 1400 an, menciptakan system adat *Lareh nan godang* atau system adat *lareh koto piliang*. Ketiga adalah *Datuak perpatiah nan*

sabatang bersamaan dengan masuknya agama Budha tanrayana, sekitar tahun 1400 an, yang disebut dengan system *Lareh nan Bunta* atau *Lareh bodi caniago*.

Sistem ke empat yang dibuat pada zaman pemerintahan raja-raja Pagaruyung, sebelum masuknya dan sesudah masuknya Islam ke daerah minangkabau, dengan sebutan *Barajo tigo selo* dan *ampek bosa*.

Jadi keempat system inilah yang terpakai di seluruh nagari-nagari di minangkabau. Dari persepsi kita migrasi penduduk dari dataran tinggi Yunan ke selatan, dapat disimpulkan masyarakat awal minangkabau belum memanfaatkan jalur itu sebagai jalur dagang, tapi memanfaatkan jalur itu untuk mencari jalur baru untuk pemukiman. Pemukiman baru yang mengelompokkan warganya dalam satu gari keturunan ibu (matrilineal). Inilah yang disebut dengan satuan terkecil *taratak*, kemudian *dusun*, selanjutnya *koto* dan kemudian koto-koto ini menyusun diri menjadi *nagari*.

Jumlah nagari di minangkabau pada awalnya dari 100 nagari menjadi 600 nagari. Pada nagari inilah system adat yang terpakai itu terlihat nyata. Pada awal masuknya Islam, ketiga agama (hindu, budha dan Islam) hidup rukun dan damai. Seperti contoh, di Saruaso Pagaruyung adalah pusat agama Hindu, di sumpur kudus adalah pusat agama Islam, di lima Kaum (istano rajo) adalah pusat agama Budha. Tapi adat yang terpakai, sudah mempunyai batas wilayah yang tegas, tapi tidak ada pertentangan antar agama.

PERANTAUAN KE MALAYSIA

Perantauan ke Malaysia mengikuti jalur yang digunakan oleh nenek moyang sebelumnya. Namun mereka hanya diberikan hak untuk membuat kedatuan atau negeri, tidak bisa mengangkat raja. Hak untuk memberikan kekuasaan sebagai raja adalah hak pemerintahan Johor. Lima puluh enam tahun lamanya pemerintahan Johor tidak bisa memberikan kewenangan akibat pengaruh politik Bugis, Aceh dan lainnya. Akhirnya pemerintahan Johor yang diimpi oleh Sultan Abdul Jalil, memerintahkan untuk menjemput seorang raja dari tanah minangkabau. Hal itu dilakukan sebanyak tiga kali.

Perantauan orang minangkabau ke Malaysia adalah perantauan keluarga. Mereka datang berkelompok-kelompok yang dipimpin oleh seorang Datu. Nama-nama suku mereka diambil dari nama negeri asal awal perantauan. Mereka tinggal dan tersebar dalam Sembilan kedatuan.

Studi klasik oleh *de Josselink de jong Minangkabau and Negeri Sembilan* 1952, menunjukkan bahwa perantau Minangkabau sudah menyeberang ke Semenanjung Melayu sejak awal abad ke 16 dan bahkan jauh sebelumnya.

Studi R.A.Kern (1938) menerangkan bahwa penguasa Portugis di Malaka, Albuquerque (1912) telah menyebut kehadiran orang Minang di kota pelabuhan itu. Sumber local yang lebih tua menyebutkan bahwa migrasi orang Minang telah berlangsung sejak tahun 1388, beberapa tahun setelah meninggalnya raja Adityawarman. Bukti-bukti dalam bentuk inskripsi (batu bersurat) di sebuah makam di Sungai Udang, Linggi (sekitar 23 mil dari Seremban) dihubungkan dengan nama tokoh ulama, Syeikh Ahmad Majnun yang berasal dari Minangkabau.

Meskipun perpindahan orang minang ke Semenanjung Melayu sudah ada sejak abad 11 dan 12, namun baru dapat diidentifikasi pada abad ke 17-18. Orang Minang pertama kali menetap di Pelabuhan Melaka, mereka datang terdiri dari beberapa rombongan dan akhirnya mendirikan Negeri Sembilan.

Rombongan pertama

Dipimpin oleh Datok Raja dan Tok Seri (Toa Seri). Tidak diketahui dari mana asal mereka di Minangkabau. Mereka melewati Siak sebelum singgah ke negeri Sembilan, kemudian menyeberang Selat Melaka menuju Johor, terus ke Naning dan ke Rembau. Akhirnya menetap di Landar Naga atau Kampung Galau.

Rombongan kedua

Berasal dari Tanah Datar, dipimpin oleh seorang Datuk dari keluarga Datuk Bandaro Penghulu Alam dari Sungai Tarab. Kemudian menetap di Kampung sungai Layang.

Rombongan ketiga

Berasal Sumanik, Batusangkar, yaitu keluarga Datuk Makhudum Sati beserta dua orang bersaudara Sutan Sumanik dan Johan Kebesaran. Mereka juga singgah ke Siak, Melaka dan Remban. Kemudian mendirikan kampong yang bernama Tanjung alam yang kemudian berganti dengan Gunung Pasir.

Rombongan keempat

Datang dari Sarilamak (Payakumbuh), dipimpin oleh Datuk Putih dan menepat pada Sutan Sumanik yang sudah lebih awal berada di Negeri Sembilan. Datuk Putih adalah seorang ahli ilmu kebatinan. Beliau memberi nama Seri Menanti bagi istana raja di Negeri Sembilan.

Rombongan kelima

Berangkat dari Batuhampar (Payakumbuh), rombongan berasal dari Batuhampar, Mungka, simalanggang dan nagari lain disekitar Payakumbuh. Rombongan ini dipimpin oleh Datuk Lelo Bolang dari Batuhampar. Mereka mendirikan perkampungan di Rembau. Kemudian disusul oleh rombongan Datuk Laut Dalam adik Datuk Lelo Bolang, mereka mendirikan kampong di Kampung Tigo nenek. Orang Minang pertama yang tiba di Negeri Sembilan menetap di Rembau sekitar tahun 1467.

Jumlah pendatang semakin bertambah, dan mereka mengelompok ke dalam suku-suku. Nama suku diambil dari nama nagari asal mereka masing-masing, seperti suku Batuhampar, suku payakumbuh, suku Mungkal, suku Tiga Nenek, suku Seri Melenggang (Simalanggang), suku Seri Lemak (Sarilamak), suku Batu Belang, dan suku tiga Batu , suku Tanah Datar.

Dapat dilihat bahwa pendatang pertama ke Negeri Sembilan umumnya berasal dari 50 Kota dan Tanah Datar, karena kedua Luhak itulah yang secara tradisional memiliki akses paling langsung ke sungai-sungai yang mengalir ke pantai timur Sumatera, seperti Batang mahat, sinamar, Kampar, Tapung, Siak dan menyeberang ke Selat Melaka.

Negeri Sembilan sudah terbentuk sejak zaman kejayaan Malaka atau sekitar penghujung abad ke 15-16. Pada awalnya perantau minangkabau terdiri dari komunitas komunitas kecil yang kemudian membentuk Sembilan negeri yaitu: *Jelebu, Inas, Jahal, Rembau, Sungai Ujang, Tampin, Jempal, Ulu Muar dan Gunung Pasir*. Federasi negeri-negeri yang Sembilan ini saat itu dipimpin oleh Undang, yakni para datuk yang mengepalai masing-masing negeri. Negeri Sembilan pada penghujung abad ke-18 sudah memiliki raja sendiri yang dikirim dari Minangkabau pada masa kerajaan Johor. Sehingga dalam memori penduduk Negeri Sembilan mengatakan *Beraja ke Johor, Bertali ke Siak, Bertuan ke Minangkabau*. Ungkapan tersebut mengandung makna historical. Bahwa mereka mengaku kedaulatan Johor sebagai “entitas politik” dan mengakui pertalian keluarga dengan Siak, karena Siak merupakan batu loncatan dan sekaligus terminal untuk menyeberang ke Semenanjung. Sedangkan Bertuan ke Minangkabau mengungkapkan tidak lain adalah kembali ke tanah asal Minangkabau. Karena pengaruh perantau Minangkabau yang terus megalir dan menjadi mayoritas disana, maka terjadilah keinginan mengganti Undang-undang Johor dengan hukum adat minangkabau.

Terdapat sebelas orang raja yang menjalankan pemerintahan secara turun temurun di Negeri Sembilan. Raja yang pertama, kedu dan ketiga dikirim dari Minangkabau dan berhasil menerapkan secara resmi hukum adat perpatih ala Minangkabau. Berikut adalah nama raja –raja Negeri Sembilan yang bertakhta di Istana Seri Menanti :

1. Raja Malewar- Yam Tuan Negeri Sembilan I (1773-1795) dikirim dari Minangkabau
2. Raja Hitam-Yam Tuan Negeri Sembilan II (1795-1808), dikirim dari Minangkabau.
3. Raja Lenggang-Yam Tuan Negeri Sembilan III (1808-1824) dikirim dari Minangkabau
4. Yam Tuan Raden- Yam Tuan Negeri Sembilan IV (1824-1861).
5. Yam Tuan Imam- Yam Tuan Negeri Sembilan V (1861-1869).
6. Tengku Ampuan Intan (Janda raja Raden)- sebagai Pemangku Pejabat (1869-1872).
7. Tengku Antah ibni Yam Tuan Negeri Sembilan/ Sri Menati VI (1872-1888)
8. Tuanku Muhammad Shah Ibni Almarhum Tuanku Antah. Yang Di Pertuan Besar VII Sri Menanti/Negeri Sembilan (1888-1933)
9. Tuanku Abdul Rahman ibni almarhum Tuanku Muhammad- Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan VIII (1888-1933) dengan gelar Yang Di Pertuan Agong I.
10. Tuanku Muhammad ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman- Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan IX (1933-1960).

11. Tuanku Ja'afar ibni Imdarhum Tuanku Abdul Rahman – Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan X (1960-2008)
12. Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir – Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan XI (2008-sekarang).

KESIMPULAN

1. Pengaruh agama Hindu, Budha dan Islam sangat kental menyebabkan dinamika perbedaan kadang – kadang tumpul dan kadang-kadang dipertajam oleh agama ini.
2. Terlalu panjangnya waktu yang terpakai didalam memahami alquran sehingga akibatnya umat islam sendiri tertinggal didalam memaknai makna bahwa konsep iman bukanlah ilmu manusia, sehingga tidak terbacakan fungsi manusia diciptakan oleh Tuhan untuk berbuat sebaik-baiknya didunia dan hari akhirat adalah pembalasan akhir yang diterima oleh manusia atas pekerjaannya dibumi, sebagaimana dinyatakan dalam surat Alquran surat Hud ayat 61 yang terjemahannya :

“kepada kaum samud (Kami utus) saudara mereka, Saleh. Dia berkata, “Wahai kaumku! Sembahlah Allah, tidak ada tuhan bagimu selain Dia. Dia telah menciptakanmu dari bumi (tanah) dan menjadikanmu pemakmurnya, karena itu mohonlah ampunan kepada-Nya, kemudian bertobatlah kepada-Nya. Sesungguhnya Tuhanmu sangat dekat (rahmat-Nya) dan memperkenankan (doa hamba-Nya).”

dan juga tentang kehendak Tuhan dalam surat Albaqarah ayat 30 yang menyatakan manusia tugasnya mengurusi bumi, yang terjemahannya :

“Ingin ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi". Mereka berkata: "Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerusakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami senantiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?" Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui"

3. Hal-hal yang berdampak negatif dalam perbedaan dinamika memperjelas kaitan rukun iman yang enam yang sangat serasi dengan undang-undang pokok adat yang sampai sekarang dinagari-negari tua masih tetap berlaku yang disebut dengan 6 undang adat yang isinya 22 Pasal, hal ini harus dilakukan pengkajian-pengkajian mendalam, seperti diskusi dan sminar-seminar seperti ini.
4. Saran kita kepada penda'i-penda'i, untuk menghindarkan ketersinggungan perasaan orang lain seperti juga para ulama mengutip Qulil Haq walau kanamuran, katakanlah yang benar itu benar walaupun itu pahit, tetapi Wa qullu linnasy husnan, berkatalah dengan kata-kata yang benar tidak menyinggung manusia.

BIJAKSANA PEMIMPIN DALAM PENGURUSAN KEPIMPINAN ADAT DI MINANGKABAU DAN ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN

MOHD NASIR SALUDIN
UniMel Melaka

ABSTRAK

Kepemimpinan (leadership) berkenaan dengan seseorang memengaruhi perilaku orang lain untuk suatu tujuan. Dengan kekuasaan, pemimpin dapat memengaruhi perilaku para bawahannya. Kekuasaan dapat dibagi menjadi lima, iaitu: (1) kekuasaan keahlian (expert power); (2) kekuasaan legitimasi (legitimate power); (3) kekuasaan referensi (referent power); (4) kekuasaan penghargaan (reward power); dan (5) kekuasaan paksaan (coercive power). Walaubagaimanapun kertas ini ingin membincangkan tentang konsep pimpinan dan kepimpinan dalam masyarakat Minangkabau di Sumatera dan juga dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan dan Naning. Hasil dapatan kajian dati bahan bertulis didapati konsep dan amalan bijaksana dan pengurusan kepimpinan dalam masyarakat Minangkabau dan Adat Perpatih merupakan satu konsep yang unik dan berbeza dengan konsep pimpinan dan kepimpinan dalam masyarakat di luar sana.

Kata kunci: Kepimpinan; pemimpin; Tigo Tungku Sajarangan;Adat Perpatih

PENDAHULUAN

Sebelum dibincangkan dengan lebih mendalam tentang konsep bijaksana dan pengurusan kepimpinan dalam adat minangkabau dan adat Perpatih, elok dibincangkan sedikit tentang konsep pemimpin dan kepimpinan secara umum. Istilah kepimpinan didefinisikan dengan pelbagai cara oleh para pengkaji ilmu kepimpinan, bergantung kepada tumpuan kajian masing-masing (Yukl 1998; Hughes, Ginnet & Curphy 1999, Winston & Patterson 2006; Lussier & Achua 2007; Northouse 2009). Hal ini menghasilkan kepelbagaiannya maksud kepimpinan. Kajian oleh Winston & Patterson (2006) menunjukkan terdapat lebih 90 pemboleh ubah atau dimensi yang boleh digunakan untuk memahami maksud kepimpinan menurut perspektif pengkaji-pengkaji kepimpinan daripada pelbagai disiplin. Antara dimensi tersebut ialah keupayaan memberi sokongan, mengambil risiko, aktif, sentiasa terkehadapan, membina kebersamaan, berpengaruh, kreatif, berinovasi, berorientasikan matlamat dan berorientasikan kemanusiaan. Meskipun terdapat berbagai-bagai dimensi untuk memahami kepimpinan, terdapat beberapa persamaan yang kerap digunakan oleh para pengkaji bagi mendefinisikan perihal kepimpinan.

Bagi Northouse (2009), beliau mencerakinkan lima dimensi untuk menjelaskan takrif kepimpinan. Pertama, dimensi kepimpinan adalah berkaitan ciri-ciri individu menyokong pernyataan bahawa pemimpin adalah dilahirkan (nature) dan bukannya dibentuk (nurture). Ia merujuk kepada pemimpin yang mempunyai ciri-ciri khusus seperti berkeyakinan tinggi, bijak membuat keputusan, pandai bergaul dan sebagainya. Keduanya, dimensi kepimpinan adalah satu bentuk keupayaan mempunyai persamaan dengan pandangan yang pertama iaitu keupayaan memimpin sebagai bakat semulajadi. Namun, sesetengah pendapat menghujahkan keupayaan memimpin boleh dibangunkan menerusi latihan. Ketiganya, dimensi kepimpinan merupakan satu bentuk kemahiran, di mana kepimpinan dilihat sebagai kompetensi boleh-bina untuk mencapai matlamat

organisasi. Ia membuka peluang kepada lebih ramai orang untuk menjadi pemimpin melalui pembelajaran dan latihan. Keempat, dimensi kepimpinan adalah berkaitan tingkah laku menekankan jenis tingkah laku utama dalam orientasi tugas pemimpin iaitu berorientasikan tugas dan berorientasikan manusia. Kelimanya, dimensi kepimpinan adalah berkaitan perhubungan mentakrifkan kepimpinan daripada sudut komunikasi dua hala, di antara pemimpin dengan pengikutnya. Dalam hal ini, perlakuan pemimpin mempengaruhi pengikutnya dan begitulah pula sebaliknya. Lussier & Achua (2007) pula mendefinisikan kepimpinan mengikut lima dimensi iaitu (i) pengaruh, (ii) objektif organisasi, (iii) hubungan pemimpin-pengikut, (iv) perubahan, dan (v) hubungan dengan orang ramai. Di samping itu, Lussier & Achua (2007) mengemukakan tiga kategori peranan pemimpin dalam menjalankan tanggungjawab kepimpinan. Pertamanya ialah peranan interpersonal. Ia termasuklah peranan ketua organisasi memberi arahan, melatih dan menilai prestasi orang bawahan. Selain itu, peranan interpersonal pemimpin ialah mewakili organisasi ketika acara formal dan bukan formal, mempergerusikan mesyuarat dan peranan sebagai perantara yang melibatkan jaringan pihak luar. Keduanya ialah peranan informasi atau maklumat iaitu penyeliaan dan penapisan sebarang maklumat yang diterima oleh organisasi, penyaluran maklumat kepada orang bawahan organisasi dan jurucakap bagi organisasi pimpinannya. Ketiganya ialah peranan pembuatan keputusan yang memerlukan pemimpin berkemahiran keusahawanan supaya boleh memberikan buah fikiran yang inovatif ke arah perubahan dalam organisasi, pembetul kesilapan dan perunding ketika krisis ataupun konflik dan bijak mengagihkan sumber tenaga dan kewangan organisasinya.

KEPIMPINAN DALAM MASYARAKAT MINANGKABAU

Suku Minangkabau merupakan satu daripada banyak suku yang ada di Indonesia. Selain memiliki keunikan dari garis keturunan, suku Minangkabau juga memiliki model kepemimpinan yang berbeza dari suku lain. Dalam masyarakat Minangkabau bentuk kepimpinan dapat dilihat dalam institusi-institusi adat yang ada. Di Minangkabau pimpinan tertinggi tidak terletak di tangan Raja melainkan ditangan penghulu. Kepimpinan ini adalah berdasarkan Matrilineal menurut tingkatan masing-masing. Di dalam masyarakat Minangkabau konsep kepimpinan di Minangkabau disebut "Tigo Tungku Sajarangan" yang erat kaitannya dengan pengelompokan sistem kepimpinan masyarakat Minangkabau iaitu: Kepimpinan ninik mamak, Kepemimpinan alim ulama dan Kepemimpinan cerdik pandai. Tigo Tungku Sajarangan iaitu konsep kepemimpinan yang memadukan antara kaum ulama, cendikiawan dan mamak/datuak. Konsep Tigo Tungku Sajarangan adalah pemisah kekuasaan dengan tiga pejabat yang mengurus tiga bidang yang berbeza. Penghulu (datuak) mengurus bidang adat, Alim ulama mengurus bidang agama dan cendikiawan (cadiak pandai) mengurus bidang undang-undang. Selain itu yang mempengaruhi karakter masyarakat Minangkabau adalah model kepimpinan yang diterapkan yang dinamakan dengan Togo Tungku Sejarangan itu.

Dalam kajian lepas yang dilakukan oleh Gani (2010), menyatakan bahawa konsep triparti (Tungku nan Tigo Sajarangan, Tali Tigo Sapilin) seperti yang dikenal dalam masyarakat Minangkabau selama ini berkait langsung dan serasi dengan sistem kemasyarakatannya yang egalitarian dan demokratis, dan kerananya mengenal pembahagian kerja dengan tugas yang dibagi-bagi secara fungsional. Sifatnya yang

egaliter dan demokratis itu menyebabkan pengambilan keputusan tidaklah dilakukan oleh orang seorang seperti yang berlaku dalam sistem kemasyarakatan yang bersifat feudal ataupun diktator-totaliterian.

Asas kepimpinan adat Minangkabau adalah adat bersandi syarak, syarak basandi kitabullah, yang bererti, adat bersendi kepada peraturan, peraturan bersendi kepada agama Islam. Menjalankan konsep kepimpinan adat berdasarkan nilai-nilai agama Islam (kitabullah), menjadi fokus dari banyak kajian kepimpinan adat Minangkabau. Jika dikaji dari segi sejarah lalu, ramai sekali tokoh-tokoh bangsa Indonesia berasal dari daerah Mianangkabau. Wakil Presiden Indonesia yang pertama, Bung Hatta (1902) adalah sosok fenomenal yang lahir dan dibesarkan dari tanah minang. Selain itu, ada ulama tersohor Haji Agus Salim (1884) dan haji Abdul Malik karim Amrullah atau yang biasa dipanggil Buya Hamka (1908). Di dunia politik juga ada nama-nama seperti Sutan Syahrir (1909), Tan Malaka (1896), dan M. Yamin (1903) yang berasal dari tanah Minangkabau.

Terdapat nilai-nilai kepimpinan Islam yang diterapkan oleh Togo Tungku Sajarangan di Sumetera Barat. Nilai-nilai tersebut ialah:

Tauhid

Nilai-nilai kepimpinan berdasarkan aspek tauhid adalah seperti:

1. *Agama pimpinan adat yang harus sebagai seorang Muslim:* Kepimpinan dalam adat Minangkabau, memastikan bahawa seluruh garis keturunan suku Minang adalah muslim. Jika ada yang memilih keluar dari ajaran agama Islam (murtad), maka secara adat mereka akan kehilangan kesukuan Minangkabaunya. Secara otomatis, pemimpin adat di Minangkabau sudah tentu beragama Islam dan tidak akan pernah mengangkat pemimpin non muslim, sesuai dengan penjelasan ayat Al-Maidah ayat 51. Terlepas dari perdebatan antara undang-undang negara dengan ajaran Islam, konsep kepimpinan Minangkabau telah mencegah munculnya orang kafir sebagai penentu haluan organisasi ataupun negara.
2. *Organisasi yang mengacu kepada aturan Agama (kitabullah):* Asas organisasi yang digunakan kepimpinan tigo tungku sajarangan adalah adak basandi syarak, syarak basandi kitabullah, yang ertinya adat bersendi undang-undang dan undang-undang bersendi kitabullah. Secara teorinya, konsep kepemimpinan di Minangkabau menggantungkan segala sesuatu hanya kepada Allah. Seluruh peraturan adat akan disesuaikan dengan ajaran agama Islam dan sunnah rasul. Kemudian pimpinan dilantik dengan sumpah menggunakan Al-Quran.
3. *Nilai-nilai spiritualiti terhadap Tuhan:* Konsep tetauhidan pemimpin adat Minangkabau adalah percaya sepenuhnya bahawa Allah Subhanahuwata'la adalah Tuhan Maha Esa dan tidak ada sekutu bagiNya. Kepimpinan adat Minangkabau tidak mengkeramatkan benda-benda atau tempat-tempat tertentu. Namun, benda-benda adat tersebut, hanya dijadikan sebagai lambang dalam kepimpinan adat Minangkabau.
4. *Model pembentukan karakter dan kaderisasi oleh para Alim Ulama:* Kepimpinan adat di Minangkabau tepatnya di daerah Lasi, Sumatera Barat mengedepankan para

Alim Ulama dalam pembentukan karakter generasi muda. Semenjak usia remaja atau akhil baligh, ;pemuda sudah harus menimba ilmu di surau atau masjid.

Musyawarah

Nilai-nilai kepimpinan berdasarkan aspek musyawarah adalah:

1. *Sikap Tawakal*: Forum-forum musyawarah adat Minangkabau, selalu diawali dengan pembacaan ayat suci Al Quran. Sikap ini merupakan wujud dari penyerahan diri kepada Allah sebagai Zat yang Maha menguasai dan Maha Mengetahui.
2. *Pengayoman Pimpinan*: Dalam mengambil keputusan, pemimpin adat berupaya untuk menampung segala pendapat, termasuk pendapat miniroti. Dengan demikian, segala keputusan yang diambil, dapat diterima kerana telah dimesuwarahkan secara bersama dan diterima secara bersama.
3. *Keputusan Berdasarkan Muafakat*: Kerana pemimpinan adat menampung segala aspirasi, maka dilakukan musyawarah dengan tujuan untuk mencapai muafakat. Ertinya dapat diterima oleh semua golongan.
4. *Prinsip demokrasi*: Konsep kepimpinan adat Minangkabau tidak menganut konsep monarki (berdasarkan garis keturunan), akan tetapi berdasarkan siapa yang layak dan disepakati secara bersama oleh masyarakat.

Keadilan

Nilai-nilai kepimpinan berdasarkan aspek musyawarah adalah:

1. Pembahagian harta waris.
2. Peringkat lain pimpinan.

Kebebasan

Nilai-nilai lepemimpinan berdasarkan aspek musyawarah adalah:

1. Syarat menjadi pemimpin: Pemimpin harus mempunyai kualiti, kelayakan atau kapasiti sebagai seorang pemimpin.
2. Peranan Gender
3. Evaluasi pimpinan

KEPIMPINAN DALAM ADAT PERPATIH NEGERI SEMBILAN

Definisi Kemimpinan dalam adat Minangkabau dan adat Perpatih di Negeri Sembilan tidaklah jauh berbeza dengan model-model kepimpinan yang selama ini dilakukan umumnya dalam organisasi moden. Secara definitif istilah kepimpinan itu dikatakan sebagai kepimpinan kepimpinan Profetik iaitu kemampuan seseorang untuk mempengaruhi orang lain bagi mencapai tujuan atau objektif.

Pemimpin, lazimnya disebut “orang yang dituakan”. Dalam masyarakat Adat Perpatih itu ‘dituakan’ oleh anak buahnya yang menganggotai kelompok-kelompok kekeluargaan rumpun, ruang, perut dan suku. “Tua” dalam istilah tersebut secara ringkas

dan dasar membawa maksud mereka tinggi pencapaian dan statusnya daripada orang lain walaupun aktiviti yang sama. Mereka mendapat sambutan secara integratif daripada anak buah. Pemimpin Adat Perpatih harus sedar bahawa beliau tidak dilahirkan secara pemimpin tetapi:

*Tumbuh kerana ditanam
Tinggi kerana disanjung
Besar kerana dipupuk
Mulia kerana dihormati
Bukan mencucur dari langit
Bukan membusut dari bumi*

Oleh sebab itu kewujudan pemimpin itu sedemikian, mereka hendaklah dekat dengan orang yang dipimpin, sebagai tercermin dalam perbilangan berikut:

*Jauh tidak berjarak
Dekat tak berantara*

Perbilangan ini dengan tegasnya menunjukkan bahawa antara pemimpin dengan anak buah jaraknya terlalu minima. Kalaupun berjarak, hanya sekadar “didahulukan selangkah” dan “ditinggikan seranting” untuk memberikan mereka status. Oleh hal yang demikian, pemimpin itu mudah dijangkau atau dicapai dan dihubungi oleh anak buah seperti yang ditegaskan dalam perbilangan:

*Yang didahulukan selangkah,
Yang ditinggikan seranting,
Yang dilebihkan serambut,
Yang dimuliakan sekuku.*

Keadaan ini akan menjalin hubungan yang akrab antara pemimpin dengan anak buah, Keakraban dan kesebatian antara pemimpin dan anak buah ini dituntut oleh adat dan kehendak ini dicerminkan dalam perbilangan:

*Bagai aur dengan tebing,
Bagai isi dengan kuku,
Bagai mata hitam dengan mata putih.*

Dengan demikian pemimpin dalam masyarakat Adat Perpatih ialah individu yang diberikan kepercayaan dan kekuasaan oleh anak buah agar mereka mampu melaksanakan tugas beratnya seperti kata perbilangan:

*Yang diberikan kepercayaan
Yang diberikan kekuasaan
Yang diberikan beban berat,
Yang diberikan tanggungjawab,
Yang diikat janji dan sumpah,
Yang disimpai petua amanah.*

Oleh itu, tentulah seorang pemimpin itu terkemuka dan diutamakan oleh anak buahnya, diberikan penghormatan sesuai menurut alur dan patutnya, sesuai menurut undang-undang dan norma sosial Adat Perpatih atau dalam istilah adat menurut adat nan sebenar adat, adat nan teradat, adat nan diadatkan dan adat istiadat.

Sifat ‘terkemuka’ dan “diutamakan” yang diberikan kepada pemimpin adalah penting bagi menentukan wujudnya keharmonian di kalangan anak buah, menentukan corak kemajuan dan perubahan masyarakat. Masyarakat perlu pemimpin untuk membentuk corak kehidupan serta memandu masyarakat melaksanakan perubahan dan pembangunan selaras dengan peraturan dan hukum.

*Kalau mencari tempat mandi,
Pertama teluk kedua pantai;
Kalau mencari pemimpin negeri,
Pertama elok kedua pandai.*

Adat Perpatih telah mengelompokkan masyarakat pengamalnya kepadankelompok-kelompok kekeluargaan yang diistilahkan sebagai suku. Secara teori terdapat 12 suku tetapi bilangan ini pada praktiknya berbeza antara satu luak dengan luak yang lain. Suku itu pula boleh dipecahkan kepada kelompok yang lebih kecil yang dipanggil perut, yang pula terpecah kepada ruang dan kemjudian kepada kelopok rumpun. Rumpun itu pula mengandungi beberapa buah keluarga asas.

Setiap kelompok kekeluargaan itu mempunyai pimpinan atau ketua tersendiri yang dipanggi Lembaga (suku), Buapak (perut), Besar (ruang) dan Kadim (rumpun) serta dengan tua rumah sebagai ketua keluarga. Tiga kumpulan pemimpin terwala mempunyai gelaran khas. Panggilan kepada ketiga-tiga pemimpin itu juga berbeza iaitu Datuk untuk Lembaga dan Tuk untuk Buapak dan Besar. Kadim dan Tua Rumah tidak mempunyai gelaran adat khusus melainkan gelaran peribadi yang diperolehi berdasarkan perbilangan:

*Kecil bernama,
Besar bergelar,*

Disamping pemimpim-pemimpin kelompok kekeluargaan di atas, di kalangan masyarakat Adat Perpatih wujud beberapa lagi pemimpin yang jarang diperkatakan dan tidak dikenali oleh masyarakat luar Adat Perpatih. Mereka juga berstatus, berperanan dan bertanggungjawab dalam perjalanan politik dan sosial masyarakat walaupun tidak dipenting pepimpin lain. Antara mereka ialah Kepala Waris, Tua Suku, Orang Besar Luak/Undang/Penghulu, Tua Seadat, dan Tua Seresam.

Kualiti Pimpinan Adat

Oleh sebab seorang pemimpin adat mempunyai tanggugjawab dan kewajibab yang lebih dari ahli-ahli yang lain atau anak buah maka beliau harus mempunyai kualiti yang diperlukan sesuai dengan kedudukan dan statusnya sebagai pemimpin. Ada sekurang-

kurangnya sembilan (9) kualiti dasar yang harus ada diamalkan oleh seorang pemimpin adat iaitu:

1. Berakal
2. Kaya
3. Pemurah
4. Berilmu
5. Arif Bijaksana
6. Jujur
7. Lurus dan benar
8. Adil
9. Berfikir

KESIMPULAN

Dari maklumat di atas dapat dibuat beberapa kesimpulan. Pertama, konsep kepimpinan adat Minangkabau memiliki konsep yang unik, iaitu pimpinan organisasi yang terdiri dari tiga unsur yang befrbeza. Unsur tersebut adalah datuak yang mengatur adat-istiadat, cadiak pandai sebagai pengatur undang-undang, dan alim ulama sebagai pengurus bidang agama. Masing-masing telah memiliki tugas yang berbeza dengan kemampuan dan kapasitinya.

Kedua, nilai-nilai kepimpinan Islam yang ada dalam kearifan lokal Minangkabau, berupa aspek tauhid yang mencakup agama pimpinan adat, spiritualiti, asas organisasi, dan kaderisasi serta pembentukan karakter. Aspek musyawarah yang mencakup sikap tawakkal, pengayoman pimpinan, keputusan berdasarkan muafakat, komponen, musyawarah, prinsip demokrasi dan lokaliti musyawarah. Aspek keadilan yang terdiri dari pembahagian harta waris dan peringkat lain pimpinan. Aspek kebebasan yang mencakup syarat menjadi pimpinan dan evaluasi pimpinan. Satu-satunya indikator yang tidak sesuai dengan nilai Islam adalah kesetaraan gender dalam kepimpinan adat Minangkabau.

Manakala konsep pimpinan dan kepimpinan Adat Perpatih pula adalah berlandaskan amalan bahawa pemimpin yang dikehendaki oleh Adat Perpatih ialah individu yang boleh bermuamalah dengan tabiat anak buah dalam melakukan sesuatu yang berkesan terhadap tingkahlaku dan mengarahkan mereka mereka menujunmatlamat yang nyata dengan cara menjamin kekuatan, kepercayaan dan penghormatan. Kepimpinan dalam Adat Perpatih adalah satu proses menggerakkan sekumpulan anak buah menuinke sesuatu arah yang telah ditentukan melalui dorongan yang bukannya paksaan.

Bagi tujuan mencapai matlamat ini Adat Perpatih menganjurkan dua konsep kepimpinan iaitu muafakat dan budi. Kedua-duanya merupakan nilai yang asas dalam Adat Perpatih. Sumbangan budi biasanya menerusi pemberian dalam bentuk material, tenaga, hormat menghormati dan sebagainya. Peranan muafakat pula dapat dilihat melalui pencapaian terhadap sesuatu keputusan. Dengan kata lain, kata putus harus diberi oleh setiap anggota yang menghadiri musyawarah samada dalam adat berkampung atau kerapatan. Dalam musyawarah pula perdebatan harus timbul dan tidak dapat dielakkan.

Perdebatan bukan bertujuan untuk mengakkan ego masing-masing (menegakkan benang basah) tetapi lebih cenderung ke arah melahirkan kesempurnaan dan kebaikan untuk anak buah. Keputusan musyawarah harus diterima oleh semua pihak. Kalau dalam istilah kepinnan moden sama dalam amalan Kepimpinan Berpenyertaan (Participative Management)

PENUTUP

Saya berharap konferensi ini merupakan titik balik untuk memperkuat sistem kepemimpinan daerah dengan langkah-langkah sistematis menuju kepemimpinan yang berwawasan global. Berbicara tentang bentuk kepemimpinan ideal, menurut hemat saya kepemimpinan tungku tigo sajarangan memenuhi kriteria tersebut. Peduli merupakan kata kunci dari rasa memiliki dan kebersamaan sebagai bagian penuh dari suatu komunitas. Berbagai rintihan, keluhan, saran, dan permintaan dari masyarakat haruslah menjadi suatu yang diperhatikan secara penuh oleh pemimpin. Seorang pemimpin yang peduli akan memberikan sesuatu yang terbaik yang ada pada dirinya untuk orang lain. Bantuan tersebut dapat berupa moril atau pun materil bagi keutuhan masyarakatnya. Hal ini tercermin dari sosok seorang ninik mamak di Minangkabau. Kedua, memiliki rasa tanggung jawab yang tinggi. Pemimpin yang bertanggung jawab mampu melakukan akselarasi pemberdayaan masyarakat dengan penuh kesadaran posisinya sebagai sosok yang bisa diteladani dan jadi panutan. Penanaman nilai-nilai spiritual yang membawa kedamaian dalam masyarakat. Menyadari bahwa tanggung jawab tidak hanya kepada masyarakat yang dipimpinnya tetapi yang lebih besar adalah kepada Tuhan Yang Maha Kuasa. Secara umum ini merupakan refleksi dari sikap alim ulama. Ketiga, pemikiran yang progresif dan berorientasi masa depan. Pemimpin harus cerdas, mampu melihat peluang, dan terampil dalam menemukan solusi. Analisis SWOT yang tinggi juga merupakan kompetensi penting seorang pemimpin. Dalam lingkup pergaulan yang lebih kecil pemimpin mampu menempatkan dirinya sebagai seorang pemikir dan desainer program masyarakat, tentunya dengan meminta pertimbangan dari orang lain tentang suatu kebijakan yang hendak diterapkannya. Hal ini merupakan fungsi penting kepemimpinan cadiak pandai. Pelestarian Kepemimpinan “Tungku Tigo Sajarangan” Sebagai Bentuk Sustainable Development dalam Bidang Sosial Budaya Perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi secara tidak langsung membawa perubahan yang signifikan dalam berbagai aspek kehidupan, termasuk tekanan kehidupan sosial masyarakat. Perubahan tersebut mencakup pada pola hubungan dan bentuk kerja sama yang selama ini lebih erat, namun seiring dengan kemajuan teknologi manusia seolah-olah bergantung secara penuh pada teknologi dan kurang memiliki kepedulian pada orang lain di sekitarnya. Sehingga sering kita dengar eksplorasi besar-besaran yang dilakukan oleh manusia demi memenuhi keperluan hidup mereka tanpa menghiraukan kehidupan generasi di masa Tulisan ini dibentangkan dari semua pihak. Adapun yang melatarbelakangi pelatihan ini adalah kurangnya pemahaman generasi muda minangkabau terhadap konsep kepemimpinan tungku tigo sajarangan. Sementara itu pewarisan kepemimpinan budaya musti dilakukan kepada generasi muda agar kelestarian budaya tetap terjaga.

Begitu juga hal yang terjadi dalam kepimpinan Adat perpatih, harus ada kesedaran untuk meneruskan gaya kepimpinan ini untuk generasi akan datang. Dalam tempoh masa lebih kurang 100 tahun ini kesinambungan perjalanan Adat Perpatih itu telah mula meluntur. Di antara awal hingga pertengahan abad ke 20 sistem nilai masyarakat Adat Perpatih secara beransur telah diubah iaitu daripada sistem yang mengutamakan semangat bersepakut, berjiran dan bekerjasama kepada semangat individualisme. Apa yang tinggal ialah rangka dasar sahaja yang dilambangkan oleh perebutan untuk menyandang pusaka dalam suku yang pada hakikatnya tidak memberi apa-apa erti- tuada kuasa dan tidak mendapat sebarang ganjaran. Walaubagaimanpun memang diketahui umum bahawa pemimpin adat masih wujud dalam masyarakat Adat Perpatih. Kehadiran mereka menandakan bahawa Adat Perpatih masih wujud. Tetapi banyak persoalan yang harus dicari jawapan. Perancangan dan pelaksanaan Sustainable Development dalam Adat Perpatih harus diusahakan bersungguh.

RUJUKAN

- Siti Fatimah (1993), Sistem Kepimpinan Tradisional Masyarakat Minangkabau Pada Masa Jepang. IKIP, Padang.
- Hans Mahenta Fadli (2016). Nilai-Nilai Kepimpinan Islam Dalam Kearifan Lokal Adat Minangkabau (Tigo Tungku Sajarangan). Universiti Islam Indonesia, Jakarta.
- Norhalim Hj. Ibrahim,(1993) Adat Perpatih. Kuala Lumpur. Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Norhalim Hj. Ibrahim (1997). Peranan Kepimpinan dalam Adat Perpatih. Warisan Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan. Bil.20:7-42

KEPIMPINAN MASYARAKAT MINANGKABAU MELALUI PERANG PADRI

MUHAMAD SHAFIQ MOHD ALI
Institut Alam & Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Perang Padri merupakan perang saudara yang telah berlaku di Sumatera Barat iaitu di kawasan Minangkabau pada tahun 1803 hingga 1838. Ianya berlaku akibat pertelagahan antara kaum yang memegang Adat dan kaum Padri yang berpegang teguh dengan Islam. Pihak Adat kemudiannya bergabung dengan Belanda untuk menyingkirkan kekuasaan pihak Padri. Apa yang menjadi persoalan adalah mengapakah Belanda mengambil masa yang begitu lama untuk menundukkan perjuangan kaum Padri. Oleh yang demikian, makalah ini akan membincangkan tentang persediaan yang dilakukan oleh kaum Padri bagi mempertahankan tanah airnya daripada dijajah oleh Belanda. Persediaan pejuang Padri adalah daripada sudut strategi peperangan, binaan kubu pertahanan yang kuat dan juga penggunaan persenjataan. Pihak Belanda sendiri mengakui kesukaran untuk mengalahkan pihak Padri sehingga masalah ini sampai kepada raja di Belanda. Boleh dikatakan persediaan yang dilakukan oleh pejuang Padri ini merupakan hasil sebuah kepimpinan yang hebat bagi masyarakat Minang. Kepemimpinan dalam peperangan Padri kurang dibincangkan kerana beberapa pengkaji sebelum ini tidak melihat di sebalik persiapan peperangan ini merupakan suatu bentuk hasil pemikiran pemimpin yang datang daripada masyarakat Minangkabau.

Kata kunci: Perang Padri; Belanda; senjata; kubu pertahanan; strategi peperangan

PENGENALAN

Perang Padri merupakan perang yang terjadi di kawasan Sumatera Barat atau lebih dikenali sebagai kawasan Minangkabau di bawah kekuasaan kerajaan Pagaruyung. Perang ini terjadi antara tahun 1803 hingga 1838 (Muhamad Radjab 2019). Pada awalnya, perang ini adalah perang saudara antara kumpulan agamawan yang dipanggil Padri dan juga kumpulan adat (Sjafnir 2004). Kumpulan Padri mahu menegakkan Islam yang sebenar dalam kawasan Minangkabau (Azyumardi 2004) tetapi tidak disukai oleh

kumpulan adat kerana banyak aktiviti sehari-hari mereka tidak lagi boleh dilakukan seperti judi, menyabung ayam, penggunaan candu, arak, tembakau, sirih, dan juga aspek hukum adat mengenai warisan, serta longgarnya pelaksanaan kewajiban ritual formal agama Islam (Prawoto 2006). Tuanku Kota Tua, seorang ulama sewaktu di awal pergerakan Padri ini berlaku dan tidak bersetuju dengan gerakan ini menyatakan bahawa “apabila perubahan dan kebaikan yang dikehendaki untuk dilaksanakan dengan kekerasan serta bertegas dengan masyarakat Minangkabau yang keras kepala memegang adat dan kebiasaannya, darah akan banyak tertumpah menyiram negeri yang tadinya indah dan makmur (Muhamad Radjab 2019:14).

Pada asalnya, pihak Belanda tidak mahu campur tangan dengan pertelaghanan antara puak Padri dan Adat kerana bagi Belanda, asalkan perdagangan mereka tidak terganggu, mereka tidak akan masuk campur dalam hal masyarakat tempatan. Tetapi daripada pihak Adat yang masih belum ditakluk oleh Padri melalui Tunku Suruaso, telah mendesak Belanda untuk menentang Padri dengan balasannya semua kampung yang masih belum ditakluk oleh Padri akan bernaung di bawah kekuasaan Belanda (Muhamad Radjab 2019:46). Pada 10 Februari 1821 termeterailah perjanjian antara kaum Adat yang diwakili oleh para penghulu bagi pihak Adat dengan Belanda yang diwakili oleh Residen Padang, James du Puy yang menjanjikan kaum Adat dan Belanda akan saling bantu membantu dalam menguasai semula kawasan di Minangkabau yang telah diduduki oleh kaum Padri (Muhamad Radjab 2019:48).

Kebanyakan penulisan berkenaan Perang Padri adalah berkisar tentang peperangan (Muhamad Radjab 2019), strategi peperangan oleh kedua-dua pihak, faktor tercetusnya peperangan (Prawoto 2006; Azyumardi 2004 & Muhamad Radjab 2019) dan juga faktor kekalahan oleh pihak Padri atau pihak Belanda (Muhamad Radjab 2019). Kebijaksanaan masyarakat Minang berkenaan strategi peperangan dan sebarang teknologi yang digunakan sewaktu peperangan ini kurang dibincangkan dengan begitu mendalam selain yang telah dilakukan oleh Muhamad Shafiq (2014a; 2014b; 2015) dan Muhamad Shafiq & Zuliskandar (2014) dengan hanya menyebut secara umum apa yang telah digunakan oleh orang Minang dalam peperangan ini. Oleh yang demikian, makalah ini akan meninjau dan membincangkan pemikiran pemimpin masyarakat Minang dalam

menggunakan teknologi dan menyusun strategi peperangan yang digunakan oleh masyarakat Minang, terutama golongan Padri dalam usaha untuk memerangi pihak Belanda bagi menangkis dan mempertahankan bumi Minang daripada dijajah oleh Belanda.

Terdapat beberapa aspek yang boleh dilihat sebagai penggunaan sebuah teknologi dan juga kepandaian masyarakat Minang yang dikenali sebagai kearifan tempatan dapat dilihat semasa perang Padri. Teknologi yang dinyatakan bukanlah teknologi tinggi seperti apa yang difahami oleh masyarakat kini. Ini kerana secara epitemologinya, teknologi berasal daripada perkataan Inggeris, *technology* (Belanda dan Perancis, *technologi*; ,Portugis dan Sepanyol, *technologia*; Jerman, *technic*) yang terbit daripada perkataan Yunani, *techne + logos*. *Techne* bermaksud membuat sesuatu benda atau bertukang dan sering dikaitkan dengan seni manakala *logos* bererti ilmu atau kajian. Teknologi pada asalnya dalam bahasa Eropah bermaksud pertukangan atau seni (Wan Ramli 2007).

Oleh yang demikian, teknologi peperangan Minang boleh dikatakan hasil seni, pertukangan dan sebarang bahan buatan Minang dalam peperangan ini dalam mempertahankan dirinya terhadap serangan Belanda dan juga serangan yang dilakukan oleh Padri terhadap pihak Belanda. Antara aspek yang boleh diperhatikan adalah seperti strategi peperangan, binaan kubu, pembuatan senjata dan juga peluru serta bahan peledak. Selain itu juga, boleh diperhatikan pada beberapa aspek teknologi yang sedia ada untuk membandingkan teknologi yang telah dicapai oleh masyarakat Minang pada Perang Padri dengan teknologi dari Eropah sama ada ianya sangat ketinggalan atau sudah hampir atau yang lebih mengejutkan adalah melangkaui teknologi Eropah itu sendiri.

Insan yang paling besar pengaruhnya dalam Perang Padri ini sudah semestinya Tuanku Imam Bonjol. Beliau merupakan ahli perang dan panglima yang sangat mengagumkan dan diakui sendiri oleh pihak Belanda. Selain daripada keberanian dan kuatnya beliau berjuang, kepandaian beliau dalam membuat benteng yang begitu sempurna susunan, organisasi dan juga kualitinya diakui sendiri oleh Menteri Jajahan

Belanda. Beliau tahu untuk menggunakan kelebihan yang diberikan oleh alam semula jadi sekitarnya, mempergunakan kawasan bukit bukau, lapangan, batu dan tanah untuk membuat pertahanannya sehingga tidak ada satu pun benda di sekeliling Bonjol yang tidak dijadikan alat pertahanan. Belanda menyatakan bahawa jika beliau tidak sepandai dan sepintar itu untuk memimpin pengikutnya, pasti tidak akan lama perang yang berlaku antara Belanda dan Padri. Walaupun Tuanku Imam tidak mempunyai pengetahuan tentang perang moden seperti yang berlaku di Eropah, tetapi jika beliau tidak kalah senjata dan pejuangnya, pasti bertahun-tahun lagi Bonjol akan ditaklukkan oleh Belanda (Muhamad Radjab 2019:397).

STRATEGI PEPERANGAN

Hampir semua pegawai Belanda yang pernah terlibat dalam perang melawan Padri mengakui bahawa kaum Padri merupakan musuh yang paling sukar untuk dikalahkan. Kesukaran Belanda untuk melawan Padri yang mempunyai ramai pejuang, kuat dan pandai memperkuatkan pertahanannya termasuk kubunya di setiap kampung menyebabkan Belanda sering kali terpaksa meminta bantuan ketenteraan tambahan dan juga persenjataan daripada Betawi (Muhamad Radjab 2019:50). Oleh kerana itulah hampir 15 tahun barulah Bonjol dapat dikuasai oleh Belanda (Muhamad Shafiq 2015). Kesukaran ini menyebabkan terdapatnya beberapa penulisan dibuat oleh bekas pegawai Belanda di Sumatera Barat menerangkan tentang kesukaran yang dihadapi ketika perang melawan Padri, dalam masa yang sama mengakui kehebatan Padri dalam mempertahankan kedaulatan tanah air mereka daripada dijajah oleh Belanda. Pihak Belanda yang dapat menguasai benteng pejuang Padri pula terpaksa meletakkan bala tentera yang ramai orang untuk menjaga benteng tersebut supaya tidak direbutkan kembali oleh pejuang Padri (Muhamad Radjab 2019:54).

Kapten Hendriks merupakan seorang bekas pegawai yang pernah diarahkan oleh Belanda ke Sumatera Barat. Beliau ada menulis tentang pengalamannya dan memberi petunjuk bagaimana untuk berperang di Sumatera Barat. Catatan beliau kemudian dikumpulkan dan dibukukan selepas beliau telah meninggal dunia dan diberi tajuk *Berperang di Sumatera* yang diterbitkan pada 1881. Hendriks telah memberi amaran

terutama kepada para penentang Padri, bahawa jangan diambil ringan dengan musuhnya itu. Ini kerana dalam keadaan paling sukar sekalipun, kaum Padri masih boleh menunjukkan keberanian mereka yang luar biasa. Beliau memberi contoh sewaktu serangan di Lintau, kaum Padri telah bertahan sehingga manusia yang terakhir. Walaupun kaum Padri mempunyai waktu untuk berundur diri melalui sebuah lubang di bahagian belakang kubu, tetapi pejuang ini tetap bertempur dalam benteng sehingga titisan darah yang terakhir. Di Siangit pula, Belanda terpaksa menanggung korban tentera yang besar apabila menerima tentangan yang hebat sehingga pejuang Padri terakhir sebelum dapat menguasai benteng itu (Muhamad Radjab 2019:57).

Selain daripada itu, Hendriks juga menulis tentang teknik serangan gerila yang dilakukan oleh pejuang Padri. Beliau menyatakan pejuang Padri tidak akan menyerang di lapangan terbuka kecuali mereka melihat musuhnya iaitu Belanda sedang dalam keadaan berbaris. Dalam keadaan begini, pejuang Padri telah bersiap sedia bagi setiap sudut untuk menyerang hendap tentera Belanda yang sedang berjalan menuju ke sesebuah kawasan. Perkara ini telah terjadi terhadap beberapa angkatan Belanda seperti Vermeulen Krieger sewaktu berundur dari Pisang pada 11 Januari 1833 akibat perlawanan yang hebat terpaksa ditempuh oleh Belanda sewaktu menyerang Bonjol. Pasukan yang sedang mundur ini juga diserang oleh pejuang Padri di tengah jalan. Kadang-kala pejuang Padri dengan bijak memporak perandakan barisan Belanda dengan membuat kacau sewaktu Belanda sedang dalam barisan. Beberapa pejuang Padri sahaja diperlukan untuk mengganggu barisan Belanda dengan hanya menggunakan klewang dan mengucar kacirkan tentera Belanda terutama pihak kaum Adat yang bersama Belanda menyerang Padri. Kaum Adat yang ketakutan melarikan diri meninggalkan barisan serta meninggalkan barang yang sedang dipikul dan dirampas oleh pejuang Padri.

Selain itu, apabila sudah dapat masuk ke dalam benteng Padri, Belanda akan mengarahkan tentera bantuan daripada kaum Adat untuk mengejar pejuang Padri yang lari dan Belanda akan mengutip hasil barang yang ditinggalkan oleh Padri. Hendriks menyatakan bahawa pejuang Padri ini sewaktu berundur akan berkumpul di belakang

bukit, dalam jurang atau dalam semak belukar untuk melihat pergerakan musuh dan menyusun strategi untuk menyerang balas. Namun sewaktu Belanda sedang leka mengumpulkan barang dan seronok berhibur kerana dapat merebut kubu tersebut, pejuang Padri akan menyerang semula Belanda di dalam kubu Padri yang tertutup dan menyebabkan Belanda tergesa-gesa untuk keluar daripada benteng. Tentera Belanda yang terkepung dalam benteng akan berpusu-pusu ingin keluar melalui pintu benteng yang sempit sehingga ada yang terpijak rakan sendiri. Jika terdapat bantuan kepada Belanda daripada luar, pejuang Padri yang lain akan cuba untuk memutuskan hubungan dengan mengganggu bantuan yang datang dan juga menyerang pos pertahanan Belanda. Pejuang Padri ini mampu bertahan dalam keadaan sebegini berbulan-bulan lamanya kerana semangat yang ada pada mereka.

Hendriks juga menambah bahawa apabila pejuang Padri mengundurkan diri dengan sengaja dan meninggalkan beberapa pejuang mereka di benteng untuk mengumpam Belanda bahawa mereka masih mahu mempertahankan kubu tersebut. Serangan secara bertali arus daripada Belanda sehingga tidak dapat tertanggung oleh pejuang yang tinggal menyebabkan pejuang ini mula berundur. Belanda selalu terpedaya dan mengambil peluang ini untuk menyerang kembali dengan mengejar pejuang Padri yang telah melarikan diri. Pejuang Padri yang telah berundur daripada awal telah bersiap sedia di balik bukit, batu besar, semak belukar atau lembah menyerang secara mengejut Belanda yang mengejar saki baki pejuang Padri. Oleh kerana serangan yang dilakukan secara mengejut, Belanda yang tidak bersedia menerima serangan daripada pelbagai arah telah hilang arah dan cuba melarikan diri ke arah yang mereka rasakan selamat. Inilah sebab utama mengapa banyak kali pihak Belanda tewas dalam tangan pejuang Padri.

Selain pandai menggunakan keadaan sekeliling sebagai benteng pertahanan, pejuang Padri juga pernah menyerang pasukan Belanda dengan jeritan, teriakan, pekikan yang menakutkan, keras serta kuat. Hendriks pernah menyatakan bahawa tentera Belanda berjumlah 2000 orang yang terdiri daripada kaum Adat dan beberapa tentera Belanda pernah dikucar kacirkan oleh 30 orang pejuang Padri akibat daripada suara pejuang Padri yang keras (Seni Perang Minangkabau 2014). Selalu dikatakan oleh pegawai tentera Belanda bahawa kaum Adat yang membantu Belanda selalu melarikan diri apabila

melihat pejuang Padri berteriak dengan keras jika mereka mempunyai peluang. Hendriks pernah menganjurkan strategi untuk melawan pejuang Padri ini adalah agar jangan takut atau cemas. Ini kerana pernah pejuang Minang seramai 60 orang telah menggemparkan dan mengacau bilaukan ribuan tentera Belanda yang diwakili oleh 50 orang Bugis. Ketika tentera Belanda yang lain telah ketakutan dan cuba melarikan diri, 50 orang Bugis tersebut tenang dengan membuat formasi peperangan mereka. Pejuang Padri yang telah nekad menyerang orang Bugis yang tidak lari dengan sebelah tangan cuba menetak dan sebelah tangan lagi akan cuba merampas senjata musuh. Hasil pertahanan orang Bugis ini menyebabkan hanya 10 orang sahaja tentera Belanda yang terkorban.

Selain itu, kaum Padri juga pandai melakukan tipu muslihat sewaktu bertemu dengan pihak Belanda. Antara muslihat yang dapat dinyatakan oleh Hendriks adalah pandainya mereka berpura-pura seakan-akan tiada niat untuk melakukan penyerangan kepada pihak Belanda. Keadaan seperti ini menurut Hendriks pernah dialami oleh van Bervevoorde sewaktu melakukan perjalanan ke Bonjol dari Rao. Sewaktu itu beliau bersama pasukan Belanda seramai 70 orang dan kebanyakannya orang Madura yang mempunyai pengalaman dalam berperang. Sewaktu dalam perjalannya, pihak Belanda tidak mendapat sebarang tentangan daripada masyarakat tempatan. Masyarakat tempatan dilihat sedang mengerjakan tugas masing-masing. Ada yang sedang membuat kerja pertanian, ada yang sedang membuat jalan dan ada juga yang sedang membina rumah. Masyarakat tempatan juga dilihat sangat ramah dengan tentera Belanda yang melalui kawasan mereka. Apabila tentera van Bervevoorde berhenti rehat di sebuah kawasan, mereka mengumpulkan senjata pada satu tempat dan agak berjauhan daripada tempat mereka berehat. Keadaan ini membolehkan pejuang Padri yang berhampiran menyerang pasukan Belanda yang sedang berehat. Serangan ini menyebabkan tentera Belanda tidak sempat untuk mengambil senjata mereka dan melarikan diri dengan segera akibat tidak dapat bertahan dengan serangan pejuang Padri. Menurut Hendriks, seluruh pasukan Belanda tewas dan hanya dua orang sahaja daripada pasukan Belanda yang dapat menyelamatkan diri mereka sendiri. Itupun setelah mereka berenang menyeberangi Sungai Masang.

Selain itu, semangat yang ditunjukkan oleh pejuang Padri juga membantu dalam perperangan melawan Belanda. Bagi kaum Padri, jika ada antara pejuangnya yang mengundurkan diri tanpa ada serangan balas merupakan sebuah kekalahan. Oleh kerana itulah pejuang Padri akan cuba menyerang dan bertahan walaupun hanya tinggal seorang. Semakin ramai rakan seperjuangan mereka yang tewas, semakin bersemangat mereka melancarkan serangan. Oleh kerana itulah kaum Padri sebelum memulakan serangan, mereka akan menghantar perisik untuk menilai sama ada keadaan pertahanan musuh boleh ditembusi dan dikalahkan. Seperti yang telah dinyatakan di atas, serangan secara mengejut pejuang Padri ke atas kaum Adat yang membantu Belanda menyebabkan kaum Adat segera mlarikan diri dan mengacau bilaukan barisan Belanda seperti kekalahan Belanda di Marapalam pada 1824 kerana serangan mengejut pejuang Padri sehingga meriam-meriam berat Belanda yang dibawa oleh kaum Adat berjaya dirampas oleh pejuang Padri.

Di samping itu, pejuang Padri juga pernah mengepung benteng Amerongen yang merupakan antara benteng utama pihak Belanda. Serangan bertali arus daripada pejuang Padri menyebabkan musuh sukar untuk mengawal keadaan. Apa yang menarik adalah kesungguhan pejuang Padri membina benteng pertahanan di sekeliling benteng tersebut dalam masa satu malam sahaja yang menyebabkan Belanda mengalami kesukaran untuk mendapatkan bekalan daripada luar sama ada bekalan makanan dan juga bekalan senjata. Selain itu bantuan daripada pihak Belanda lain juga tidak dapat dihantar menyebabkan Belanda dalam benteng Amerongen tersepit dengan keadaan yang mencengkam (Muhamad Radjab 2019:271). Selain itu, pejuang Padri juga memutuskan saluran air sama ada merosakkan paip air atau anak sungai ke benteng tersebut. Padri juga berjaya mengepung benteng tersebut selama 40 hari dan menyebabkan pihak Belanda menyerah diri (Muhamad Radjab 2019: 282).

Selain daripada strategi yang telah dinyatakan Hendriks, strategi utama yang digunakan oleh pejuang Padri adalah dengan menggunakan alam sekeliling sebagai benteng. Pejuang Padri sangat pandai menggunakan alam sekeliling sebagai bentengnya dengan membuat kubu di balik bukit yang curam, menanam ranjau dan berselindung di balik-balik semak untuk melakukan serang hendap dan juga serangan balas. Selain itu,

pejuang Padri yang sangat mahir dengan selok belok hutan suka membuat pasukan Belanda untuk mengejar mereka ke dalam hutan tersebut dan kemudian mereka akan menyerang balas dalam keadaan pasukan Belanda tidak perasan banyak ranjau dan parit-parit yang telah dibuat oleh pejuang Padri. Selain menggunakan kelebihan dalam hutan, pejuang Padri juga menggunakan air sungai sebagai bentengnya apabila memutuskan perhubungan dengan membakar jambatan dan ini menyukarkan pasukan Belanda hendak melintas sungai. Terdapat satu peristiwa pasukan Belanda yang mahu menyerang melalui sungai yang dalam dan berkelok-kelok serta deras menyebabkan serangan menjadi sukar dan mengorbankan ramai tentera daripada kaum Adat dan juga tentera Belanda. Selain itu, sewaktu penyerangan Belanda ke atas Bonjol, Belanda telah membuat parit-parit perlindungan namun digagalkan usaha ini apabila pejuang Padri telah menukar arah anak air sungai ke arah parit perlindungan Belanda tersebut yang menyebabkan parit perlindungan tersebut dipenuhi dengan air. Walaupun pihak Belanda dan kunconya berusaha untuk menimba air tersebut keluar tetapi ini hanya membazir tenaga dan masa pihak Belanda (Muhamad Radjab 2019:373). Penggunaan alam sekitar dibincang dengan lebih lanjut dalam bahagian kubu pertahanan di bawah.

BINAAN KUBU PERTAHANAN

Kubu pertahanan yang telah dibina oleh kaum Padri merupakan antara kubu yang sukar ditembusi oleh pihak Belanda. Kesukaran Belanda untuk menembusi kubu pertahanan ini menyebabkan Belanda mengambil masa yang lama untuk mengalahkan kaum Padri di Sumatera Barat dan tidak sesukar Belanda sewaktu mengalahkan tentera Diponegoro di kepulauan Jawa. Kepakaran kaum Padri membuat kubu pertahannya diakui oleh Belanda sendiri apabila Kapten Hendriks (1881) ada menulis berkenaan kubu pertahanan kaum Padri yang kukuh yang membolehkan mereka hanya memerlukan beberapa orang pengawal sahaja untuk menjaga kubu dan benteng pertahannya. Letnan Jenderal van den Bosch, seorang Menteri Jajahan Belanda yang pernah bertugas di Sumatera juga telah memuji kehebatan orang Minang dalam membuat kubu dalam surat yang diutuskannya kepada Raja Willhem. Beliau menyatakan bahawa di Eropah, walaupun benteng yang kuat dan disokong oleh meriam yang besar, parit yang sangat dalam serta

dibuat dengan pelbagai kepakaran pun dalam masa yang singkat Belanda masih dapat menguasainya. Tetapi di Sumatera, bentengnya hanya diperbuat daripada tanah, dan disokong oleh hanya senapang biasa dengan sedikit meriam pun Belanda sukar untuk mengalahkannya (Muhamad Radjab 2019:359).

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kaum Padri boleh membuat bentengnya dengan kukuh. Faktor paling utama adalah kerana bantuan daripada alam semula jadi. Kaum Padri banyak menggunakan kelebihan alam sebagai benteng. Kaum Padri menanam ranjau daripada buluh yang sudah diruncingkan sebagai pagar bagi kubunya. Ranjau ini menyukarkan pihak Belanda untuk menggempur secara terus benteng Padri. Selain itu, ranjau ini juga dipasang pada laluan musuh dan apabila serangan secara gerila dilakukan, Belanda akan mengejar kaum Padri dan kaum Padri akan lari ke dalam kawasan yang telah ditanam dengan ranjaun ini. Ini menyukarkan pergerakan Belanda untuk mengejar dan menyerang kerana Padri telah tahu selok belok kawasan tersebut. Ini memudahkan Padri menyerang hendap dan menggunakan teknik serang-lari kepada Belanda.

Satu lagi benteng secara alam yang dibuat oleh Padri adalah dengan menanam buluh berduri dengan rapat di sekitar kawasan kubu pertahanan. Apabila buluh ini sudah menjadi besar, ianya menjadi semak sehingga sukar untuk dilalui. Semak yang sukar dilalui ini menjadi kelebihan utama kepada pihak Padri kerana setiap gerak geri Belanda dapat diperhatikan berdasarkan kepada pergerakan rumpun buluh tersebut. Selain itu, Padri telah menetapkan bahagian yang boleh dilihat di sebalik rumpun itu supaya apabila pergerakan di sebalik buluh itu berlaku, Padri dengan mudah menembak sama ada menggunakan meriam atau senapang dan ada juga menggunakan tombak ke arah buluh tersebut. Rumpun buluh ini apabila sudah mencapai empat tahun akan menjadi hutan berduri yang mustahil untuk ditembusi selain daripada menebasnya sahaja. Untuk menebas hutan buluh ini, akan memakan masa dan mendedahkan pihak Belanda kepada Padri dan serangan sangat mudah dilakukan oleh Padri. Belanda telah menggelarkan hutan berduri ini sebagai *bamboo aur* kerana buluh yang berduri panjang dan sukar ditembusi (Seni Perang Minangkabau 2014).

Terdapat beberapa kubu pertahanan yang berjaya direbut oleh pihak Belanda dan Belanda sangat kagum dengan pembinaannya. Kekalahan Padri mungkin atas faktor beberapa kelemahan yang bukan berpunca daripada kubu pertahanannya. Sebagai contoh, benteng di Kampung Pauh diperbuat daripada batu setebal lima meter dengan ketinggian tiga hingga lima meter bergantung kepada keadaannya. Bagi benteng terpenting bagi kaum Padri iaitu benteng Bonjol, ia pada asalnya hanyalah sebuah benteng berkeluasan 15 tombak persegi yang mempunyai masjid dan hanya mempunyai enam buah kediaman. Oleh kerana Bonjol yang semakin dikenali ramai disebabkan kedamaian dan kemakmuran Tuanku Imam membuat pengubahsuaian dengan melakukan penambahbaikan terhadap benteng ini. Benteng Bonjol yang diperbaharui ini dibuat daripada batu dan pasir daripada sungai berdekatan. Setelah 14 hari bekerja dengan tenaga 15,000 orang (Muhamad Radjab 2019: 30), siaplah benteng Bonjol yang semakin luas dan kukuh. Benteng baharu ini mempunyai keluasan dengan panjang 200 langkah, 100 langkah lebar, 7 hasta tinggi dan 5 hasta tebal dinding. Di dalam benteng ini dibina juga sebuah masjid besar, 40 buah rumah dan juga mempunyai 3 buah gubuk kecil (Muhamad Radjab 2019: 30). Benteng ini telah dilengkapkan dengan meriam dan senjata oleh penduduknya di samping di sekeliling benteng ini ditanam dengan aur duri sebagai pertahanan semua jadinya. (Muhamad Radjab 2019:31). Boelhower yang merupakan seorang ketua tentera Belanda ada menulis sebuah buku yang bertajuk *Kenang-kenangan Sewaktu di Sumatera Barat Tahun 1831-1834* ada menulis tentang pertahanan Bonjol. Beliau menyatakan bahawa;

Bonjol terletak di atas bukit berbentuk segi empat panjang yang dipisahkan oleh sebuah sungai yang mempunyai aliran air yang deras. Tiga sisi Bonjol dikelilingi oleh dinding pertahanan dua lapis setinggi lebih kurang tiga meter. Tembok luar terdiri daripada batu-batu besar yang merupakan tembok benteng yang kukuh dengan teknik pembinaannya hampir sama dengan benteng-benteng di Eropah. Antara lapisan benteng tersebut dibuat parit yang dalam selebar empat meter. Di atas tembok benteng ditanam dengan buluh berduri yang sudah menjadi hutan duri. Hutan duri ini sukar ditembusi kerana duri dan juga

kepadatannya. Orang Minang menggunakan hutan duri ini sebagai benteng dan tempat memerhatikan pergerakan musuh. Mereka menempatkan pengintai dan juga penembak tepat di sebalik hutan duri tersebut. Selain dapat memantau pergerakan musuh, serangan mengejut dapat dilakukan jika musuh mara kerana pergerakan agak terbatas dalam kawasan hutan duri itu.

Dapat dilihat pada beberapa tempat meriam caliber 12 poin dengan pedati beroda kayu tanpa jejari untuk mengangkut meriam tersebut. Berhampiran meriam tersebut dapat dilihat batu-batu bulat yang digunakan untuk menggantikan peluru. Sungguh menghairankan bagaimana orang Minang dapat membawa meriam sebesar itu menaiki bukit sedangkan pihak kami (Belanda) hanya mampu membawa meriam caliber tiga poin, itupun hanya boleh diangkat dengan menggunakan tali beramai-ramai. Di luar Bonjol terdapat masjid berbentuk segi empat yang dibina tanpa menggunakan paku dan besi. Atap masjid ini mempunyai lima lapisan yang semakin kecil pada lapisan atas. Keluasan masjid ini dapat menampung 3000 orang pada satu-satu masa. Orang Minang ini jika mereka mahu, boleh mencapai tahap kemajuan yang sama dengan orang Eropah.

Bagi mengalahkan benteng terkuat pejuang Padri ini, Belanda telah menghantar 1,300 orang tenteranya untuk mengepung benteng Bonjol (Muhamad Radjab 2019:339). Selain itu, bantuan daripada kaum Adat pula seramai lebih daripada 14,000 orang (Muhamad Radjab 2019:312). Kaum Adat memang mahu melihat Padri jatuh daripada Bonjol supaya mereka mendapatkan semula kekuasaan ke atas ranah Minangkabau yang telah dirampas oleh Padri. Namun, walaupun Berjaya mengalahkan Tuanku Imam dan pengikutnya dari Bonjol, Belanda terpaksa berhempas pulas untuk merebutnya kerana perlawanan ini mengambil masa lebih daripada dua tahun iaitu dari 21 April 1835 Belanda mula mengepung Bonjol sehingga Bonjol secara rasminya jatuh pada 16 Ogos 1837. Selain terpaksa melalui perperangan yang lama, Belanda terpaksa berhadapan dengan tenteranya yang mula patah semangat. Ada tentera Belanda yang sudah mula sakit dan lemah kerana terus menerus menderita kesengsaraan, letih bekerja siang dan

malam. Mereka juga lemah dan patah semangat apabila percubaan menyerang yang banyak kali gagal. Selain motivasi diri yang semakin lemah, serangan pejuang Padri secara gerila juga menakutkan pihak Belanda apabila mereka diserang oleh pejuang Padri yang mengamuk di tengah-tengah kubu Belanda di samping sempat dibakarnya gudang senjata Belanda (Muhamad Radjab 2019:339).



Bonjol pada 1839
Sumber: Tweede Jaargang (1839)

Pada 1822, Leftenan Kolonel Raaf telah menghadapi tentangan yang kuat daripada pejuang Padri di Kapau. Kekalahan ini menyebabkan Belanda kehilangan ramai anggota tentera dan juga meriam-meriam besarnya yang berat. Kekalahan ini juga menyebabkan Raaf hampir ditangkap oleh pejuang Padri. Kekalahan di Kapau ini juga adalah disebabkan kekuatan bentengnya kerana Kapau secara semula jadinya sudah menjadi benteng yang kukuh dengan parit serta bukit yang berada di sekelilingnya.

Pada 12 April 1823, Belanda yang diketuai Leftenan Kolonel Raaf sekali lagi telah menyusun strategi untuk menyerang Lintau dengan menyusun meriam untuk menyerang secara serentak. Namun serangan menggunakan meriam ini tetap gagal untuk mengalahkan pejuang Padri. Bentengnya tidak rosak malah pejuang Padri dengan beraninya keluar daripada kubu mereka menyerang secara berhadapan dengan Belanda. Serangan secara berhadapan oleh pejuang Padri tidak dapat ditangkis oleh Belanda dan mereka terpaksa melarikan diri berundur. Raaf ada membuat laporan berkenaan mengapakah pasukannya kalah dalam serangan ini. Raaf menyatakan bahawa keadaan lapangan yang sukar, bukit bukau yang curam dan sukar didaki, binaan parit yang mempunyai ranjau-ranjau tajam dan juga pertahanan musuh yang berlapis-lapis. Lapisan

pertahanan ini sangat merbahaya untuk diserang secara berhadapan kerana Belanda tidak mengetahui apakah yang terdapat di dalam benteng pertahanan tersebut tetapi pejuang Padri yang terdapat dalam benteng dengan mudah dapat melihat gerak geri musuhnya di luar. Tambah Raaf lagi, kubu pertahanan ini semakin kukuh bagi setiap lapisan dan menyebabkan semakin dekat Belanda dengan benteng pertahanan, semakin ramai tentera Belanda yang menjadi korban.

Pejuang Padri juga menggunakan sistem perparitan yang akan mengalirkan air ke lereng-lereng bukit terutama kawasan yang akan didaki oleh pihak musuh. Aliran air di lereng-lereng bukit yang curam menjadikan lereng bukit menjadi licin dan amat sukat untuk dipanjat. Terdapat pendapat daripada beberapa pegawai tinggi Belanda agar menggunakan meriam berkaliber besar untuk menyerang kubu Padri. Penggunaan meriam berkaliber besar memang sangat mudah untuk menyerang kubu Padri tanpa perlu menyerang secara berhadapan tetapi menjadi masalah adalah untuk membawa meriam tersebut dengan keadaan alam sekitar yang berbukit dan curam. Inilah kelebihan yang dipunyai oleh kubu pertahanan Padri. Terdapat satu keadaan di mana sewaktu Belanda sedang mengangkut meriam-meriamnya melalui sebuah kawasan berbukit, pejuang Padri dengan menggunakan serang hendap telah menyerang dan mengucar kacirkan pihak Belanda sehingga mereka terpaksa meninggalkan meriam mereka dan dirampas oleh Padri.

Kehebatan Padri dalam membina kubu pertahanannya membolehkan mereka hanya memerlukan sedikit sahaja orang untuk mempertahankannya dan selainnya bersiap sedia untuk menyerang atau diserang nanti. Banyak benteng pejuang Padri yang tidak ramai penjaga apabila diserang mengakibatkan banyak daripada pihak Belanda yang terkorban. Selain daripada itu, kubu-kubu pertahanan Padri begitu kuat sehingga cubaan Belanda menembak kubu untuk menghancurnyknya menggunakan meriam telah gagal seperti di benteng Bukit Tendikir dan juga di Pandai Sikat (Muhamad Radjab 2019:86). Ada ketikanya Belanda terpaksa menyerang dengan menggunakan serangan secara berdepan apabila serangan menggunakan senjata api gagal. Kubu-kubu ini juga memiliki beberapa tempat masuk yang sempit sehingga sangat sukar untuk ditembusi oleh Belanda seperti di kubu Andalas. Dinding kubu yang curam dan tanahnya yang licin

menyukarkan Belanda untuk mara menyerang. Pintu masuknya mempunyai 3 ke 4 kaki dan sangat sempit. Di kubu Andalas ini 4,000 pejuang Padri hanya menggunakan pedang dan tombak untuk menjaga kubu daripada disergap oleh Belanda. Setiap pintu ini dijaga dengan rapi sehingga setiap tentera Belanda yang melepas pintu masuk ini akan mudah ditembak oleh Padri. Jika Padri mahu meninggalkan kubu mereka, setiap pintu ini mempunyai arah yang berlainan dan menyukarkan Belanda untuk mengejar Padri yang berundur.

PEMBUATAN SENJATA

Antara perkara yang paling penting dalam perang adalah memiliki senjata yang baik. Di samping mempunyai senjata yang baik, sebuah pasukan sangat memerlukan tenteranya menggunakan persenjataan dengan baik untuk menguasai lapangan perang. Sewaktu perang berlangsung, terdapat empat jenis senjata yang telah digunakan oleh pihak Padri untuk melawan Belanda dan juga kaum Adat. Senjata yang digunakan adalah senjata tradisi, senapang, meriam dan juga senjata alam. Di samping mempunyai beberapa jenis senjata yang digunakan, kaum Padri juga dilihat menguasai penggunaan senjata-senjata yang disebutkan.

Bagi senjata tradisi, kaum Padri telah menggunakan pedang, parang, klewang dan juga kerambit. Sudah pastinya, senjata ini merupakan senjata tradisi yang telah dikuasai penggunaannya sejak sekian lama. Selain itu, senjata ini ada yang digunakan sebagai alatan pertanian sehari-hari dan menjadi peneman ke mana saja mereka pergi. Tambahan pula, senjata-senjata ini juga ada yang dibuat dengan menggunakan tangan sendiri. Ini membolehkan pengguna dan senjatanya amat akrab. Pusat pembuatan senjata ini boleh dilihat di setiap kawasan tetapi yang paling besarnya adalah di Selimpau. Ini boleh dilihat apabila Selimpau diserang dan kalah, pihak Belanda bukan sahaja merosakkan dan membakar kampung tersebut, tetapi turut mengambil dan membawa balik barang-barang besi ke Batusangkar bagi menguatkan lagi benteng mereka (Muhamad Radjab 2019:63). Terdapat satu peristiwa di mana pejuang Padri hanya menggunakan klewang untuk mengalahkan Belanda. Ianya berlaku apabila Belanda cuba untuk mendapatkan

kembali meriam yang telah dirampas oleh Padri dan pejuang Padri menyerang Belanda secara berhadapan dan jarak dekat. Pihak Belanda hanya menggunakan bayonet dan juga belakang senapang sebagai penusuk dan penukul manakala pejuang Padri pula menggunakan klewang panjang. Klewang yang digunakan oleh pejuang Padri lebih panjang dan sangat mudah digunakan untuk menyerang. Ini menyebabkan Belanda terpaksa berundur apabila melihat ramai rakan seangkatan mereka tewas.

Selain daripada senjata tradisi yang sangat pakar mereka gunakan sehari-hari, pejuang Padri juga pandai menggunakan senjata semula jadi yang berada di sekeliling mereka. Antara senjata yang digunakan adalah batu dan juga buluh runcing yang dijadikan ranjau. Batu-batu dikumpulkan sama ada daripada sungai atau sekitar mereka. Walaupun penggunaan batu nampak seperti perang primitif, tetapi dengan semangat dan kaedah yang betul, penggunaan batu ini dapat melemahkan musuh dengan mencederakan pihak musuh yang berada berhampiran dengan kubu pertahanan mereka. Selain batu, ranjau juga disediakan untuk menikam musuh yang masuk ke dalam kubu dan dibaling ke arah musuh daripada jauh supaya melambatkan pergerakan musuh yang cedera. Serangan yang dilakukan ini pernah menyebabkan pihak Belanda berundur akibat tidak tahan dengan serangan daripada batu dan ranjau di balik kubu pertahanan Padri seperti yang berlaku kepada Kapten Goffinel yang luka terkena tombak dan ranjau yang dilemparkan ke dadanya oleh seorang perempuan yang berjuang di pihak Padri (Muhamad Radjab 2019:66). Penggunaan ranjau juga dapat menyelamatkan kubu-kubu yang cuba diserang melalui serangan secara berhadapan oleh pihak musuh. Ranjau biasanya dipasang di tepi kampung atau kawasan yang menjadi laluan musuh. Ranjau ini dibuat daripada buluh dan juga ruyung yang dipotong kira-kira 10 cm panjang. Ranjau ini setelah diruncingkan akan ditanam dalam tanah, disengetkan untuk menghadap ke arah musuh. Ranjau ini juga akan disembunyikan di sebalik lalang atau rumput yang tinggi supaya serangan secara mengejut oleh pihak musuh akan mengena ranjau ini dahulu (Muhamad Radjab 2019:53).

Selain itu, kaum Padri juga ada menggunakan senapang dan istinggar untuk menyerang Belanda (Muhamad Radjab 2019:139-140). Terdapat catatan bahawa orang Minang merupakan satu kaum yang mahir menggunakan senapang dan mempunyai

ketepatan dalam menembak dengan jitu (Minangkabau Eksportir Senapan 2014). Senapang yang digunakan adalah buatan sendiri. Ini kerana orang Minang sudah mengeksport senapang dan pelurunya pada abad ke-18 kepada Aceh dan Portugis (Muhamad Shafiq 2015). Selain daripada sudah pandai membuat senapang secara sendiri, masyarakat Minang di Sumatera Barat telah mengubahsuai senapang-senapang yang dibawa masuk dari Turki dan China. Terdapat perbezaan yang ketara antara senapang buatan tempatan dengan senapang yang dibawa dari luar iaitu senapang tempatan mempunyai sumbu khas yang hanya diketahui fungsinya oleh orang Minang sendiri. Senapang Minang ini jelas merupakan senapang buatan tempatan kerana sumbu yang dinyatakan tadi tidak dijumpai dan dapat dilihat dalam mana-mana jenis senapang dari luar termasuklah kerajaan Islam Uthmaniyyah yang pada awalnya mengajar orang Minang membuat senapang melalui wakil yang dihantarnya (Muhamad Shafiq 2015). Rusli (1981) menyatakan bahawa senapang yang dibuat oleh orang Minang hampir serupa dengan senapang yang dibuat oleh Belanda tetapi cuma ketinggalan setahun atau dua tahun sahaja daripada sudut teknologinya. Selain daripada daerah Selimpau yang disebutkan di atas, daerah Sg Yani dan juga Sg. Puar turut terkenal dengan industri pembuatan senapang secara kecil-kecilan (Minangkabau Eksportir Senapan 2014).

Selain membuat sendiri senapang yang digunakan, masyarakat Minang juga membuat peluru senapang sendiri. Kelainan yang terdapat pada peluru buatan masyarakat Minang ini adalah ianya diperbuat daripada timah dan dicampur dengan pecahan porselin, besi dan juga beras (Muhamad Shafiq 2015; Minangkabau Eksportir Senapan 2014). Pecahan bahan tersebut sengaja dimasukkan supaya apabila tembakan dilakukan, peluru akan pecah dan mudah tersebar dalam badan musuh. Apa yang lebih menarik adalah kebiasaan peluru akan dibuat oleh orang perempuan yang tidak terlibat dengan perang. Apabila orang lelaki pergi berperang, orang perempuan akan duduk di rumah dan memasak bahan yang akan digunakan untuk membuat peluru tersebut (Minangkabau Eksportir Senapan 2014). Bahan untuk membuat peluru ini akan di masak diatas wajan dengan suhu yang sangat tinggi. Reid (2004) ada menyatakan bahawa kaedah ini merupakan suatu kaedah yang sangat mudah tetapi sangat merbahaya kerana selalu menyebabkan kemalangan jika salah adunannya. Reid juga sangat hairan

kerana jarang mendapat laporan tentang kemalangan yang berlaku semasa proses pembuatan peluru ini. Mereka hanya membuat di dapur rumah mereka dan pastinya bukan kilang yang mempunyai sistem keselamatan yang tinggi. Di sini sangat jelas tentang ketelitian masyarakat Minang terutama kaum Padri dalam proses pembuatan peluru dan sangat berjaga-jaga dalam pembuatannya supaya tidak terdapat kemalangan yang berlaku.

Selain daripada peluru senapang, orang Minang juga membuat sendiri bahan letupan yang digunakan untuk meledakkan peluru senapang dan juga meriam. Bahan letupan ini dipanggil serbuk hitam yang digunakan sebagai peledak oleh pihak Padri. Bahan peledak ini merupakan bahan campuran daripada belerang, arang dan kalium nitrat yang digunakan sebagai bahan letupan lemah. Belerang boleh diambil dengan mudahnya di kawasan Sumatera Barat kerana ianya banyak terdapat di kawasan gunung berapi dan juga kawasan air panas. Kalium Nitrat atau lebih dikenali sebagai *salt peter* di Eropah (Spencer 2013) merupakan bahan utama dalam penghasilan serbuk letupan (Lauer 1991). Pada asasnya, bahan ini lebih dikenali sebagai garam Cina atau salji Cina (Jack 2005; Eli 1957; Oliver 1963). Sen (2019) menyatakan bahawa pada zaman Tamadun Awal India, bahan *salt peter* awalnya telah dikeluarkan oleh kaum Nuniya yang digunakan sebagai senjata asap beracun dalam perperangan seperti yang telah disebut dalam *Arthashastra* tulisan Kautilya (Roy 2014). Proses penulenan kalium nitrat pada awalnya telah ditulis oleh seorang ahli kimia Syria iaitu Hassan al-Rammah pada 1270 tetapi beliau menyatakan kaedah ini beliau telah ambil dari Cina (Jack Kelly 2005). Secara tradisinya, bahan ini akan diekstrak daripada tahi kelawar yang didapati di lantai-lantai gua. Kaedah ini digunakan untuk membakar roket bagi perayaan Bang Fai yang kini dirayakan di kawasan berhampiran Laos. Namun apa yang menjadi perbezaan dan kearifan masyarakat Minang sendiri adalah, mereka tidak mengekstrak kalium nitrat daripada tahi kelawar, tetapi orang Minang mengesktrak kalium nitrat daripada tahi lembu dan kerbau yang terdapat banyak di ranah Minang.

Tidak terdapat bukti yang kukuh berkenaan dari mana orang Minangkabau belajar membuat meriam, senapang, peluru dan juga serbuk letupan. Terdapat tiga pendapat yang boleh diambil perhatian berkenaan kemasukan teknologi pembuatan

senjata ke tanah Minang. Yang pertamanya adalah daripada Cina pada era Ming antara 1390 hingga 1527. Ini adalah kerana pada akhir abad ke-14 hingga awal abad ke-15, teknologi pembuatan senapang dan peluru dari Cina telah tersebar ke Semenanjung Tanah Melayu hingga Sumatera. Penyebaran ini berlaku sebelum Eropah datang ke timur dan memperkenalkan senjata-senjata milik mereka (Laicen 2003). Kemungkinan kedua adalah daripada kerajaan Turki Uthmaniyyah yang membantu Aceh dalam pencerobohan Portugis ke Lautan Hindi untuk menguasai jalur perdagangan lada pada 1489. Selain daripada membawa senapang, meriam dan pedang, kerajaan Turki membawa bersama armada laut dan juga tukang-tukang yang berpengalaman bagi membuat senapang dan juga meriam untuk kegunaan Aceh (Marsden 1784). Tukang-tukang ini diperlukan untuk mengajar penduduk tempatan sehingga mereka boleh untuk membuatnya sendiri. Pendapat ketiga pula adalah penyebaran tukang-tukang pembuat meriam daripada kerajaan Majapahit yang telah jatuh dan menyebabkan kurangnya permintaan kepada pembuatan meriam *Cetbang* (Hidayat 2013). Ini menyebabkan tersebarnya para pembuat meriam ke kawasan Brunei, Sumatera, Semenanjung Melayu dan juga kepulauan Filipina kerana di sini masih terdapat permintaan terhadap penggunaannya (Raffles 1978).

Tetapi jika dilihat kepada beberapa teknik dalam pembuatan peluru dan bahan peledak, kemungkinan besar ilmu untuk membuat meriam, senapang dan juga peluru diperoleh daripada Cina. Seperti yang telah dinyatakan, teknologi pembuatan peluru dan bahan peledak yang hampir sama dengan teknologi yang digunakan oleh masyarakat di Laos untuk membuat roket bagi perayaan Bang Fei untuk melancarkan roket tersebut (Gunpowder in Ancient China 2014). Walaubagaimana pun kita tidak boleh menafikan sumbangan kerajaan Turki yang menghantar wakil atau tukang yang mahir untuk mengajar masyarakat tempatan membuat senjata. Secara amnya, orang Minang telah mengambil daripada kedua-dua pihak dan mengubah senjata yang telah dipelajari mengikut kemampuan mereka sendiri.

KESIMPULAN

Walaupun tidak terdapat pembinaan atau pembuatan sebuah alatan yang berteknologi tinggi, tetapi dengan beberapa bukti pembuatan yang dilakukan oleh penduduk Minang

terutama pihak Padri yang berjuang menentang pihak Adat serta dibantu oleh Belanda, dapat dilihat betapa tingginya pemikiran berteknologi pejuang Padri yang terutamanya Tunku Imam. Strategi peperangan yang menggunakan sepenuhnya kelebihan alam dan kelebihan semangat pada para pejuang menunjukkan bahawa mereka bukanlah sebuah bangsa yang mudah untuk dikalahkan sehingga pihak Belanda menulis tentang strategi yang digunakan oleh mereka untuk menentang Belanda. Walaupun benteng pertahanannya dibuat dengan menggunakan pasir, tanah dan batu serta dibantu dengan ranjau buluh, tetapi Belanda terpaksa mengakui bahawa inilah benteng pertahanan yang paling sukar untuk direbut walaupun Belanda telah menggasak benteng ini dengan menggunakan meriam dengan kuat. Selain itu, pembuatan senapang, serbuk letupan dan juga peluru-peluru menunjukkan bahawa pejuang Padri ini sudah mempunyai teknologinya tersendiri tanpa perlu bergantung kepada bekalan daripada luar. Walaupun pembuatannya nampak mudah tetapi jika tidak ada ilmu tentang bagaimana pembuatan bahan-bahan ini dengan betul, tidak akan menghasilkan senjata yang dapat menahan atau menyerang balas setiap serangan daripada pihak Belanda. Oleh yang demikian, kajian tentang bagaimana masyarakat Minang terutama pejuang Padri membuat senjatanya sendiri haruslah dikaji dengan lebih mendalam supaya kita dapat mengetahui dengan lebih lanjut berkenaan perkembangan teknologi persenjataan di alam Melayu. Tidaklah hanya dikatakan orang Melayu hanya berperang dengan menggunakan keris.

RUJUKAN

- Azyumardi Azra. 2004. *The Origins of Islamic Reformism in Southeast Asia*. Honolulu: Allen & Unwin and University of Hawai'i Press.
- Boelhower, J.C. 2009. *Kenang-kenangan Sewaktu di Sumatera Barat Tahun 1831-1834*. (Sultan Sjahrial, Terj.). Padang: Kharisma Offset.
- Eli S. Freeman. 1957. The kinetics of the thermal decomposition of potassium nitrate and of the reaction between potassium nitrite and oxygen. *J. Am. Chem. Soc.* 79(4): 838–842.
- Gunpowder in Ancient China. 2014. Diperoleh daripada <http://www.historyforkids.org/learn/war/gunpowder.htm#> [7 April 2020]
- Hendriks. 1881. *Oorlogvoeren op Sumatera, Indische Militair Tijdschrift*. Terjemahan Internet.
- Hidayat, Mansur. 2013. *Arya Wiraraja dan Lamajang Tigang Juru: Menafsir Ulang Sejarah Majapahit Timur*. Denpasar: Pustaka Larasan.
- Jack Kelly. 2005. *Gunpowder: Alchemy, Bombsards, and Pyrotechnics: The History of the Explosive that Changed the World*. Basic Books.

- Laicen, S. 2003. Military technology transfers from Ming China and the emergence of Northern Mainland Southeast Asia (1390-1527). *Journal of Southeast Asian Studies* 34(3): 497-517.
- Lauer, Klaus. 1991. The history of nitrite in human nutrition: A contribution from German cookery books. *Journal of Clinical Epidemiology* 44(3): 261–264.
- Marsden, W. 1783. *History of Sumatera*. London: Oxford University Press.
- Minangkabau Eksportir Senapang Abad 18. 2014. Diperoleh daripada <http://www.pelaminanminang.com/fakta-menarik/minangkabau-ekportir-senapang-abad-18.html>. [12 Mac 2020].
- Muhamad Radjab. 2019. *Perang Padri di Sumatra Barat*. Jakarta: Balai Pustaka dan Kepustakaan Populer Gramedia.
- Muhamad Shafiq Mohd Ali & Zuliskandar Ramli. 2015. Teknologi persenjataan Minangkabau. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Teknologi Melayu. Anjuran Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI) di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 10 Januari.
- Muhamad Shafiq Mohd Ali. 2014a. Teknologi peperangan orang Minang. *Prosiding Simposium Antarabangsa Muafakat Minang*, hlm. 196-205. Johor: Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu (KALAM), UTM.
- Muhamad Shafiq Mohd Ali. 2014b. Pendidikan sejarah membentuk kareter anak muda. Kertas kerja dibentangkan di Sumatera Art Festival. Kota Sawahlunto, Sumatera Barat. Anjuran Institut Seni Indonesia Padang Panjang, 22-23 Februari.
- Muhamad Shafiq Mohd Ali. 2015. Teknologi dan strategi peperangan orang Minang. *Jurnal Peradaban* 8: 69-82.
- Oliver Frederick Gillilan Hogg. 1963. English artillery, 1326–1716: being the history of artillery in this country prior to the formation of the Royal Regiment of Artillery.
- Prawoto. 2006. *Seri IPS Sejarah 2 (SMP Kelas VIII)*. Jakarta: Yudhistira Ghalia Indonesia.
- Raffles, Thomas Stamford. 1978. *The History of Java*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Reid, Anthony. 2004. *An Indonesian Frontier: Acehnese and other Histories of Sumatra*. Singapore: University of Singapore Press.
- Roy, Kaushik. 2014. *Military Transition in Early Modern Asia, 1400-1750*. London: Bloomsbury Academic.
- Rusli, A. 1981. *Sumatera Barat hingga Plakat Panjang, Perang Saudara yang Ditunggangi Belanda, Orang Padri sebagai Pejuang*. Jakarta: Penerbit Sinar Harapan.
- Sen, Sudipta. 2019. *Ganges: The Many Pasts of an Indian River*. New Haven: Yale University Press.
- Seni Perang Minangkabau. 2014. Diperoleh daripada <http://mozaikminang.wordpress.com/2009/10/18/seni-perang-minangkabau/> [10 April 2020].
- Sjafnir Abu Naim. 2004. *Naskhah Tuanku Imam Bonjol*. Sumatra Barat: Pusat Pengkajian Islam dan Minangkabau.
- Spencer, Dan. 2013. *Saltpeter: The Mother of Gunpowder*. Oxford, UK: Oxford University Press.
- Tweede Jaargang. 1839. *Tijdschrift voor Nederlandsch Indie*. Batavia: Ter Lands-Drukkeris.

PENGARUH MINANGKABAU DALAM KEARIFAN TEMPATAN DI ALAM MELAYU: APA ASASNYA KALAU BUKAN AKAL BUDI MELAYU?

SUPYAN HUSSIN

Persatuan Ekskavasi dan Akreditasi Warisan Malaysia (PEDAWAM)

PENGENALAN

Masyarakat Minangkabau sudah termaktub sebagai satu kelompok manusia yang berasal dari Sumatera dan kelompok ini amat berpengaruh di Alam Melayu. Minangkabau mempunyai sejarah kepimpinannya yang hebat dan dikagumi. Ia pernah memerintah sebahagian besar Nusantara ini termasuk sebahagian pulau Sumatera dan sebahagian Tanah Melayu. Minangkabau mempunyai tokoh-tokoh pemikir, pemimpin, ulamak, pahlawan, penyair, dan sasterawan yang ulung dan amat dihormati. Minangkabau memiliki jati diri bangsa yang kuat dan teguh melalui bahasa Minang, busana, makanan, seni bela diri, senibina, budaya kehidupan bermasyarakat yang unik dan yang paling utama ialah adat perpatih dan adat temenggong yang membentuk ekosistem dalam urus tadbir atau governan masyarakat menurut kearifan tempatan yang dijunjung dan dihayatinya. Jatidiri ini adalah lambang warisan budaya dan peradaban Minangkabau yang rapi dan jitu.

Di dalam jati diri Minang ini pasti terkandung nilai-nilai Akal Budi Melayu yang menjadi teras kepada setiap tindakan dan rutin kehidupan orang Minangkabau. Supyan Hussin (2018) menonjolkan kerangka Akal Budi Melayu dalam bentuk model piramid di mana ada 7 elemen utama yang membentuk Akal Budi Melayu, dan terdapat 14 nilai utama yang menjadi nilai dan norma teras kepada pembinaan negara bangsa termasuklah kelompok Minangkabau. Pengaruhnya dalam kearifan tempatan amat terserlah di Alam Melayu, termasuk di Indonesia, Brunei, Singapura, Brunei dan Malaysia.

ISTILAH MELAYU DAN MINANGKABAU

Bagi tujuan perbincangan kertas ini, istilah “Melayu” ini dilihat secara makro iaitu bangsa (nation) dan bukan dilihat secara mikro iaitu kaum atau etnik atau ras (race). Istilah “Melayu” ini merujuk kepada rumpun Melayu dan bukan etnik kecil Melayu di Palembang atau Jambi atau Riau. Orang-orang dari Rumpun Melayu di Pentas Sunda ini pada umumnya mempunyai ciri-ciri kulit warna sawo matang, memiliki ketinggian 160-170 cm, bertutur dalam bahasa lingua franca berdasarkan bahasa Melayu, serta mempunyai banyak persamaan dari sudut makanan, adat resam, busana, senibina, motif reka bantuk, dan perubatan. Ciri-ciri orang Rumpun Melayu tidak sama dengan orang-orang dari Pentas Yangtze yang terdapat negara China, Jepun, dan Korea yang mana penduduknya kulit putih kuning, bermata sepet, berambut lurus. Manakala orang-orang dari Pentas Dekka dari benua Indo-Pakistan pula umumnya berkulit gelap atau hitam dan hidung mancung, dan tidak sama seperti orang ciri orang Melayu Nusantara.

Bahasa Minangkabau boleh dianggap sebagai dialek atau variasi dalam dalam bahasa Melayu. Sebutan dan ejaannya agak unik dan mempunyai variasi dalam sub-dialek. Empat disebut ampek dan ompek mengikut lokaliti tapi masih difahami di Sumatera dan Tanah Melayu. Berbeza dengan bahasa Jawa, empat disebut “papat” atau dalam bahasa Bugis berbunyi “e’ppa”, dan ia juga masih mempunyai fonem dan morfem “pat” dalam angka empat menurut bahasa Melayu. Biar pun ada variasi dalam bahasa ini,

bahasa tempatan adalah salah satu lambang jati diri seperti dalam kelompok Minangkabau. Jika jati diri ini hilang kerana bahasa ini tidak lagi ditutur atau tidak digunakan oleh sesuatu kelompok itu maka hilanglah satu jati diri kelomponya. Ia boleh melemahkan kekuatan dan semangat ahli dalam kelompok itu kerana sudah pupus kebanggaan dan maruah warisan dan peradabannya. Sesuatu bahasa itu dianggap relevan apabila ia ada nilai ekonomi, nilai sosial, nilai governan, dan nilai politik Dengan itu, jelas bahawa bahasa Minangkabau masih segar bugar dan relevan dengan perkembangan dan peredaran zaman serta kemajuan dunia. Bahasa Minangkabau tersebar melalui amalan budaya yang dipulihara di luar ranah asal Minang, samada di Alam Melayu mahupun di negara atas angin. Misalnya Silek Minang yang diperkenalkan di barat masih menggunakan kosakata Minang, dan makanan yang disaji dan diperkenalkan di China, Jepun atau Rusia juga masih kekal menggunakan kosakata makanan Minang. Bersama seni silat dan makanan Minang dikekalkan ilmu kearifan tempatan (lokal) yang disandarkan kepada khazanah korpus ilmu yang berasal dari masyarakat Minang. Dengan adanya kearifan tempatan itu, barulah dapat dihayati erti Minangkabau yang sebenar melalui deria lihat, deria sentuh, deria dengar, deria bau, dan deria rasa. Kalau tiada elemen kearifan tempatan itu pada amalan dalam gaya hidup itu, maka tiadalah roh dan hayat masyarakat Minangkabau itu.


KERANGKA AKAL BUDI MELAYU DAN KEARIFAN TEMPATAN MINANGKABAU

Sesuatu masyarakat tidak wujud tanpa ada falsafah, sistem kepercayaan, dan sejarahnya yang menjadi akar tunjang, paksi dan dasar dalam pembangunan dan kemajuan sesuatu masyarakat itu. Tiga elemen ini amat penting dalam mencorakkan cara manusia dalam masyarakatnya berfikir, beremosi dan berkelakuan, dan dari tiga elemen ini pula mencorakkan gaya hidup dan sosialisasi masyarakatnya. Inilah yang disebut sebagai Akal Budi Melayu yang menjadi asas dalam memahami masyarakat Minangkabau, kehidupan orang Minangkabau, dan kehebatan orang Minangkabau. Di dalam kerangka Akal Budi Melayu yang dipaparkan dalam bentuk model piramid, bulatan yang mengelilingi piramid ini ialah persekitaran Alam Melayu yang menjadikannya satu acuan watan atau asli tempatan atau lokal).



Rajah 1: Kerangka Akal Budi Melayu

Elemen falsafah orang Minang adalah unik, bersandarkan kepada latarbelakang dan persekitaran serta lanskap muka bumi di kawasan Minangkabau, dan interaksi antara manusia dengan alam, flora dan fauna di ranah Minang. Elemen sistem kepercayaan yang dianuti iaitu Islam sebagai ad-din masyarakat Minang menjadikan orang Minang lebih hebat dari keadaan dan status sebelumnya. Islam adalah lambang jati diri masyarakat Minang. Ia telah mengangkat peradaban Minang ke peringkat yang dihormati oleh dunia. Meskipun masyarakat Minang amat kuat budaya adatnya, kehadiran Islam di Nusantara ini telah memurnikan adab dan adat Minang. Almarhum Hamka (Haji Abdul Malik Karim Amrullah), seorang tokoh pemikir, ulamak, dan pemimpin tersohor dari keturunan darah Minangkabau memperkenalkan ungkapan luhur “Adat bersendirikan syarak, syarak bersendikan kitabullah, syarak mengata, adat memakai.” Islam tidak datang untuk menggantikan busana lelaki Minang dengan jubah budaya Arab. Islam tidak menolak adab dan adat yang baik dalam mana-mana kaum atau etnik, asalkan ianya tidak melanggar syarak. Islam tidak menolak bentuk tanduk kerbau di atas atap rumah Minangkabau. Elemen sejarah dalam kerangka Akal Budi Melayu menyumbang kepada pembentukan masyarakat Minangkabau dan membina persepsi serta imej orang Minangkabau di mata dunia. Masyarakat Minangkabau mempunyai sejarah yang panjang. Melalui sejarahnya, masyarakat Minang belajar dari kekuatan dan kelemahannya untuk terus maju dalam kehidupan yang lebih baik hingga hari ini. Ketiga-tiga elemen ini sudah pasti menjadi sumber utama dalam mempengaruhi cara orang Minang berfikir (kognitif), beremosi (afektif) dan berbudaya (psiko-motor), dan sekaligus dimanifestasikan dalam gaya, cara dan rutin kehidupan orang Minang.



Rajah 2: Komponen Akal Budi Melayu

Apa yang kita dilihat dengan mata kasar tentang gaya, cara dan rutin kehidupan orang Minang di atas puncak piramid itu sebenarnya mempunyai asas yang kukuh. Apa yang kita nampak ialah yang ketara, tetapi kita tidak harus lupa bahawa yang ketara itu ada akarnya, ada dasarnya, dan ada yang menampungnya seperti yang digambarkan dalam Rajah berikut.



Rajah 3: Elemen ketara dan tidak ketara dalam Akal Budi Melayu

Di laut yang dalam, kita boleh lihat ketulan ais seperti bukit atau gunung terapung di atas air. Ini yang ketara yang dapat dilihat. Tetapi di bawah permukaan air terdapat ketulan yang lebih besar dari ketulan air di atas permukaan air. Inilah yang tersirat yang menampung dan mendukung ketulan ais yang berada di atas permukaan air. Dalam erti kata lain, apa yang kita lihat dalam gaya hidup dan rutin kehidupan orang Minangkabau, pasti ada pengaruh kearifan tempatan yang kukuh mencorakkan apa yang ketara.

Apabila kita melihat orang Minangkabau di Malaysia misalnya kita akan dapati mereka pandai membawa diri. Ramai dari mereka terlibat dalam perniagaan dan menjadi usahawan kecil-kecilan hingga kepada menjadi tokoh koprорat di Malaysia. Ramai dari mereka terdiri dari ‘alim ulamak dan imam. Masakan mereka digemari ramai khususnya “masakan padang”. Bibir mereka tidak putus dengan petatah petitih seperti mana teromba dan berbicara dengan sopan santun serta berbudi bahasa. Busana harian mereka dan busana budaya mereka memang terserlah akan identiti dan jati diri mereka. Kesemua ini menggambarkan pengaruh kearifan tempatan yang kuat dan sebatи dalam diri mereka dan dimanifestasikan dalam gaya hidup (di puncak piramid itu). Sebagai bukti sokongan, penulis sendiri menyaksikan ciri-ciri pengaruh ini berlaku di sekitar Malaysia serta Singapura dan kawasan yang pernah dilawati oleh penulis di sekitar Indonesia seperti di Bandung, Ciamis, Tasik Malaya, Pekan Baru, Kalimantan, Jakarta, dan Lampung. “Nasi

Padang” adalah satu jenama yang unik menggambarkan imej jati diri Minangkabau yang ada di banyak tempat di Alam Melayu.

Dalam penelitian penulis terhadap Akal Budi Melayu ini, penulis menghimpunkan 14 nilai dan norma utama yang terdapat pada orang Melayu termasuk orang Minangkabau. Nilai-nilai dan norma ini tersirat dalam amalan, tingkah laku, percakapan, budaya, bahasa, dan rutin kehidupan orang Melayu-Minangkabau dalam masyarakat. Nilai dan norma Melayu dalam Akal Budi Melayu ini ialah 1. Akomodatif 2. Asimilatif, 3. Toleransi, 4. Berkerjasama, 5. Berorientasikan kumpulan dan keluarga, 6. Adaptif, 7. Luwes, 8. Beragama, 9. Menghormati, 10. Berlapik kata, 11. Senang berunding, 12. Sederhana, 13. Kasih sayang, dan 14. Lemah lembut. Kesemua nilai dan norma ini saling bertaut antara satu sama lain dan sesama mereka dan tidak ada nilai dan norma yang tegak bersendirian. Oleh itu, jika kita meneliti gaya hidup dan rutin budaya orang Melayu-Minangkabau, kita akan dapat melihat nilai dan norma ini tersulam indah dalam dalam diri orang Minang dan masyarakat mereka.



Rajah 4: Nilai dan norma kerangka Akal Budi Melayu

PENGALAMAN PERIBADI

Sebelum orang barat, Portugis, Belanda dan Inggeris, datang ke Nusantara, tidak ada istilah Indonesia dan Malaysia, tapi yang ada ialah Malay Archipelago, Malay World, Golden Peninsular (Chersonesus Aurea), dan Sunda Plate oleh para sarjana barat seperti Ptolemy dan Alfred Wallace. Dahulunya tidak ada sempadan dua negara. Penduduk Rumpun Melayu menganggap “tanah dan air” sekitar Nusantara ini adalah milik orang Rumpun Melayu di Pentas Sunda ini. Maka pergerakan orang-orang Banjar dari

Kalimantan, orang Bugis dari pulau Makasar, orang Jawa dari Pulau Jawa, Minang, Mendeling, Kerinchi, Kampar, Aceh, Madura, Bawean dan lain-lain etnik dan sub-etnik dari Pulau Sumatera ke Tanah Melayu adalah sebahagian dari pergerakan dalam rantau yang sama. Mereka tidak disebut sebagai pendatang asing kerana mereka bukan dari benua lain dan bukan pentas lain tetapi dari Pentas Sunda. Seperti disebutkan di awal tadi, penduduk di rantau mempunyai banyak persamaan dalam aspek bahasa, makanan, adab, adat, senibina, perubatan, busana dan pelbagai lagi.

Sekitar tahun 1920an, sepasang suami isteri, iaitu Baginda Musa dan Siti Aisyah, moyang kepada penulis telah berhijrah dari Danau Singkarak ke Kelantan, di sebelah pantai timur Tanah Melayu. Maka lahirlah Zainab nenek kepada penulis. Perkahwinan Zainab dan Husain dari Banjarmasin telah melahirkan Raunah, ibu kepada penulis. Hubungan moyang penulis di Kelantan dengan keluarga di Danau Singkarak terputus puluhan tahun kerana kedaifah hidup dan kesukaran perjalanan dari Tanah Melayu ke Sumatera. Tetapi air dicincang tidak akan putus apabila ada ahli keluarga dari Kelantan mula menjelaki saudara mara di Danau Singkarak mulai tahun 1980an. Seterusnya ahli keluarga dari Danau Singkarak mula berkunjung ke Kelantan bagi menyambung silaturrahim di pertengahan tahun 1990an. Hubungan menjadi lebih rapat apabila ada kemudahan telefon, dan kini teknologi internet menjadi rahmat dalam memantapkan silaturaahim ahli keluarga berketurunan Minang ini.

Bahasa Kelantan adalah dialek bahasa Melayu yang banyak persamaan dengan bahasa Minang. Misalnya dua disebut “duo”, tiga disebut “tigo”, dan merasa disebut “meraso”. Masakan ibu penulis juga dipengaruhi oleh masakan Minang dan Kelantan. Darah Minang yang mengalir dalam tubuh penulis telah mendorong penulis untuk menziarahi keluarga di Danau Singkarak pada tahun 2018. Penulis sempat tinggal di rumah moyangnya dan tidor di kamar moyangnya yang masih kekal seperti dahulu di rumah gadang milik keluarga moyang. Melihat kepada keuzuran wajah rumah gadang tersebut, penulis tekad membantu untuk baik pulih rumah gadang tersebut dengan mengubah wajah luaran dan dalamannya pada tahun 2019. Seterusnya pada tahun 2021, atap zing yang sudah uzur di rumah gadang telah digantikan dengan atap yang lebih baik dan cantik. Hari ini penulis boleh berbangga dengan rumah gadang milik keluarga moyang penulis yang sudah kelihatan sedap mata memandang.



Foto 1: Wajah Rumah Gadang keluarga penulis, 2018



Foto 2: Wajah Rumah Gadang keluarga penulis, 2019



Foto 3: Wajah Rumah Gadang keluarga penulis, 2021

Bagi meneruskan legasi darah Minangkabau, penulis telah membuat keputusan bagi membina sebuah rumah gadang di tempat tinggalnya di Sg Merab Kajang, Selangor. Rumah gadang ini masih dalam pembinaan dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2022 ini. Kajang adalah salah satu tempat paling ramai orang Minangkabau menetap selain daripada Semenyih dan Gombak di Selangor serta Karak, Mengkarak dan Janda Baik di Pahang.



Foto 4: Penulis berfoto di hadapan rumah gadang yang sedang alam pembinaan

Rumah gadang ini adalah salah satu manifestasi pengaruh Minangkabau dalam kearifan tempatan di Malaysia khususnya dan Alam Melayu amnya. Ada beberapa bangunan dan rumah di Negeri Sembilan yang memiliki wajah atap Minangkabau begini, manakala banyak rumah dan bangunan di Negeri Sembilan yang mempunyai atap mirip atap Minangkabau walaupun tidak serupa seperti ini.

Tanpa hubungan kekeluargaan dan komunikasi berterusan ahli-ahli keluarga Minangkabau di perantauan di Alam Melayu, mustahil jati diri dan identiti darah Minangkabau keluarga dapat dikenalpasti. Orang Minangkabau memang dikenali sebagai masyarakat yang memuliha silaturrahim dan peka terhadap salsilah keluarga dan keturunan. Ini ialah kerana dorongan dari amalan Adat Perpatih dan Adat Temenggong yang hidup subur dalam masyarakat Minangkabau. Kedua-dua adat governan ini saling lengkap melengkapkan dan mencantikkan urusan kekeluargaan, perkahwinan, tanah, harta pusaka, kedudukan atau status seseorang dalam masyarakat Minangkabau yang harus berada betul pada tempatnya.


Sebagai bukti sokongan kepada kepedulian orang Minangkabau terhadap salsilah keluarga, salah seorang saudara mara keluarga penulis di Malaysia telah menghimpunkan nama-nama ahli keluarga bermula dari ibu dan bapa kepada moyang penulis dalam satu buku salsilah keluarga penulis. Terdapat lebih 3000 nama wanita yang berperanan sebagai “ibu” dalam Adat Perpatih di senaraikan dalam buku ini. Rajah-rajab utama keluarga dan sub-rajab serta sub-sub rajah ahli-ahli keluarga dari salsilah keturunan disusun rapi untuk menjadi rujukan ahli keluarga seterusnya.




Foto 5: Buku Salsilah Keluarga Penulis (Ikatan Keluarga Singkarak)

Dengan adanya senarai nama ahli-ahli keluarga dan lokasi di mana mereka bermastautin, maka ia memudahkan hubungan komunikasi antara satu sama lain dalam rangkaian keluarga masing-masing. Ikatan silaturrahim keluarga akan terus diperkuuhkan dengan saling ziarah menziarahi. Hasil dari usaha ini akan turut

mengekalkan amalan budaya Minangkabau, ilmu kearifan tempatan Minangkabau dalam kehidupan ahli keluarga samada dari sudut masakan makanan Minangkabau, serta ilmu dan petua amalan perubatan Melayu, seni bela diri orang Minangkabau misalnya silek tuo, busana orang Minangkabau, petatath petitih dan bahasa adat orang Minangkabau dan adat adab dalam gaya hidup dan rutih kehidupan orang Minangkabau. Penulis percaya ada juga orang-orang Minangkabau lain yang turut sama membuat dokumentasi salsilah keluarga seperti ini sebagai satu usaha kelestarian maklumat keluarga dan keturunan, bukan sahaja untuk rujukan tetapi bagi mengelakkan ahli suku berkahwin dengan ahli suku yang sama.



Rajah 5: Carta Asal dari buku Salsilah Keluarga Penulis Keturunan Minangkabau bermula dari Siti Tjari Bulih



Rajah 6: Carta Baru Keluarga Penulis Keturunan Minangkabau bermula dari Siti Rakiah yang DiSunting oleh Penulis

KESIMPULAN

Masyarakat Minangkabau adalah antara kelompok yang paling berjaya menempah nama dalam peta dunia. Ia pernah memiliki empayar dan ia pernah menggegarkan dunia dengan revolusi di Alam Melayu. Ia kaya dengan adab dan adat dan governan masyarakatnya sentiasa dinamis, aktif dan segar dek kerana wujudnya Adat Perpatih dan Adat Temenggong yang menjadikan orang Minang dalam keadaan sedar dan hati-hati dalam sosialisasi. Ia peka kepada perlambangan jati diri Minangkabau dari semua aspek dalam meniti kehidupan. Kesemua ini harus berakar umbi dari sesuatu yang kuat iaitu Akal Budi Melayu yang berpaksikan falsafah, sistem kepercayaan dan sejarah Minangkabau. Elemen inilah yang mempengaruhi kearifan tempatan orang Minangkabau dalam pemikiran, emosi, dan budaya, dan sekaligus mengolah dan membentuk gaya hidup dan rutin kehidupan orang Minangkabau. Kata pepatah Minangkabau, “alam takambang jadi guru” yang menjadi petunjuk, pembimbing, pengolah, pendidik, penasihat, dan penolong dalam memahami erti hidup dan kelangsungan bermasyarakat di peringkat lokal mahupun di persada antarabangsa. Kearifan tempatan Minangkabau terus hidup subur di bawa oleh orang Minangkabau yang kuat berpegang kepada jati dirinya ke mana sahaja mereka pergi, biarpun diaspora ke tujuh benua dunia.

BIBLIOGRAFI

Institut Alam dan Tamadun Melayu. 2021. PROSIDING Seminar Antarabangsa Kebudayaan Adat Minangkabau Negeri Kembar 50 Koto & Negeri Sembilan 30 Jun 2021. Bangi: ATMA UKM

Lembaga Kerapatan Adat Alam Minangkabau. 1987. *Adat Minangkabau: Sejarah dan Budaya*. Sumatera Barat: LKAAM.

Sidek Baba. (Pnyt.)2008. *Pemikiran Hamka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Supyan Hussin. Keynote Address. Malay Values and Norms in Establishing Peace and Harmony in the Community of the Sunda Plataeu. Paper presented at 1 st International Conference on Local Wisdom (INCOLWIS) Yogyakarta, Indonesia, 9-10 August 2018.

Supyan Hussin. 2018. Inclusiveness of Malay, Islam and its Contribution to Modern Civilization Development. Plenary paper. Batu Sangkar International Conference III, 15 October 2018. Institut Agama Islam Negeri Batusangkar, Sumatera Barat, Indonesia.

Supyan Hussin. 2018. Kelangsungan Pemikiran, Jati Diri, dan Budaya Melayu: Akal Budi Melayu. Kertas dibentangkan di Seminar Kumpulan Penyelidikan Cabaran Perdana Akal Budi Melayu UKM GIP-2017-009. 18 Disember 2018. Hotel Tenera, Bangi Selangor

UNSUR-UNSUR TASAWUF DALAM ADAT PERPATIH NEGERI SEMBILAN DAN ADAT MINANGKABAU

ABDUL KARIM MANSOR & SURIYANI OTHMAN
Intsitut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar
70400 Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia

ABSTRAK

Tasawuf merupakan satu disiplin ilmu Islam yang unggul dan tarekat ialah aplikasi kepada penghayatan tasawuf. Namun dalam masyarakat Adat Perpatih secara khusus perbincangan mengenai tasawuf masih kabur. Oleh itu kajian ini cuba untuk menyerlahkan pengertian tasawuf dan prinsip-prinsipnya melalui pengertian adat yang sebenar-benar adat, adat yang diadatkan, adat yang teradat dan adat istiadat. Metode kajian analisis dokumen telah digunakan untuk mengumpul data dan menganalisis isu-isu yang berkaitan. Hasil kajian menunjukkan bahawa konsep tasawuf dan tarekat merupakan intipati kepada pelaksanaan aturan Adat Perpatih dan Minangkabau

Kata kunci: Tasawuf, Tarekat, Ahli Sunnah, Adat Perpatih, Adat Minangkabau

PENGENALAN

Apabila kita membicarakan tentang tasawuf, adalah tidak sah kiranya tidak dimulai dengan perkataan tariq atau pun tarekat kerana hubungannya begitu rapat dan ampuh. Menurut Zulkifli Mohamad al-Bakri (2015), asal perkataan tarekat bermaksud jalan. Ada juga menyebut dengan perjalanan menuju kepada Allah, ia merupakan sama seperti dengan nama sirah dan mazhab. Tarekat juga datang dengan makna hal seperti dikatakan dia dalam keadaan baik atau sebaliknya.

Dalam kitab Lisan al-Arab dan al-Sihah, ada juga menyebut tarekat kaum dengan maksud yang terbaik dan terpilih dalam kalangan mereka. Ia lebih kepada perjalanan hati dalam menuju ma'rifatullah dan mardhatillah. Dinyatakan di sini beberapa takrif berkenaan dengan tarekat:

Al-Kasyi berkata: Tarekat ialah perjalanan yang khusus bagi ahli suluk menuju kepada Allah dengan memutukan segala manzilah dan naik hingga mencapai kepada beberapa maqam.

Al-Jurjani berkata: Tarekat ialah perjalanan yang khusus oleh ahlinya dalam menuju kepada Allah dengan menghapuskan segala halangan dan menaiki kepada maqam . Lihat al-Takrifat (hal. 160)

Imam al-Qusyairi berkata: Tarekat ialah jalan atau suluk syariah, iaitu beramal dengan segala tuntutannya. Lihat Syarh al-Risalah al-Qusyairiah (hal. 43).

Al-Tahanawi pula berkata: Ia merupakan jalan menyampaikan ke syurga. Ia adalah lebih khusus daripada syariah kerana terangkum padanya hukum-hukum syariat daripada amalan soleh yang bersifat jasadi dan mengelakkan daripada semua yang

haram dan makruh. begitulah juga hukum-hukum yang khusus daripada amalan hati dan puncaknya berlepas diri selain Allah.

Kebanyakan para ulama tasawuf apabila mentakrifkan tarekat menyebut apa yang dinyatakan oleh Imam al-Ghazali dalam merumuskan tarekat dan tujuannya, antaranya kata beliau dalam Ihya' Ulum al-Din, "Tarekat ialah jalan atau cara yang mendahulukan mujahadah, menghapuskan sifat mazmumah, memutus segala hubung kait dengan makhluk dan menghadap dengan penuh hikmah kepada Allah. Sejauh mana pencapaian natijahnya, maka Allah lah yang menguasai hati hamba-Nya dan menanggung dalam memberi cahaya dengan cahaya-cahaya ilmu. Lihat al-Fatawa oleh Syeikh Abdul Halim Mahmud (2/236)

PENGERTIAN TASAWUF

Oleh sebab hubung kait tasawuf dengan tarekat begitu rapat dan ampuh, maka pengkaji mengemukakan di sini beberapa pengertian tasawuf pada istilah yang menggambarkan hubung kait yang cukup mendalam yang akan membawa kepada wasilah Adat Perpatih:

Ma'ruf al-Karkhi mengatakan bahawa: Tasawuf ialah pergantungan harap kepada Allah SWT dan tidak kepada makhluk.

Sahl bin Abdullah al-Tustari berkata: "Sufi itu ialah seseorang yang bersih daripada maksiat, sentiasa berfikir dan berpegang teguh dengan Allah SWT dan tidak dengan manusia . oleh yang demikian, disisinya tidak ada apa-apa perbezaan antara emas dan lumpur."

Al-Juraiiri pula menyatakan bahawa: Tasawuf ialah perlakuan akhlak yang tinggi dan meninggalkan perlakuan yang keji.

Al-Kattani menegaskan bahawa: "Sesiapa yang membekalkan kamu akhlaknya yang terpuji maka dia telah menambahkan kebersihan jiwa mu."

Abu al-Wafa' al-Taftazani berkata: "Oleh itu, tasawuf pada dasarnya ialah akhlak, dengan pengertian ini tasawuf merupakan roh Islam kerana seluruh rukun Islam diasaskan kepada akhlak."

Al-Nuri berkata: "Tasawuf itu bukan tulisan atau ilmu tetapi ia merupakan akhlak. Jika tasawuf itu tulisan, ia boleh diperoleh dengan latihan dan jika ilmu, ia boleh diperoleh dengan belajar. Tetapi sebenarnya maksud tasawuf itu berakhlek dengan akhlak Allah SWT (akhlek terpuji). Seseorang itu sama sekali tidak dapat berakhlek dengan akhlak Ilahi hanya melalui ilmu dan tulisan.

Samnun berkata: "Tasawuf ialah kamu berasa tidak memiliki sesuatu pun di dunia ini, dan juga tidak dimiliki oleh sesiapapun di kalangan makhluk di dunia ini."

Al-Syibli pula berkata: "Tasawuf ialah pengabdian diri kepada Allah SWT tanpa rasa keluh kesah." Ketika ditanya sebab dinamakan dengan nama ini? Jawabnya: "Kerana

baki kesan yang masih tinggal pada jiwa mereka. Kalau tidak nescaya tiada lagi nama ini bagi mereka.”

Tasawuf daripada peringkat awal hingga akhirnya tidak boleh terlepas daripada syariat. Oleh yang demikian al-Junaid berkata: “Zikir dengan ijtima’, tawajud dengan istima’ (seni pendengaran) dan beramal dengan ittiba’.”

Sariy al-Saqaty berkata: “Tasawuf ialah kata nama untuk tiga perkara iaitu cahaya ma’rifah seseorang tidak menghilangkan cahaya waraknya, tidak berbicara tentang ilmu yang batin dan disanggah oleh al-Quran dan al-Sunnah, karamahnya tidak mendorong dia melanggar perkara yang diharamkan oleh Allah SWT.

Syeikh Abdul Wahab al-Sya’rani berkata: “Tasawuf Islam memancar di hati para wali ketika beramal dengan al-Quran dan al-Sunnah. Taswuf juga merupakan intipati dari seseorang hamba yang beramal dengan hukum-hukum syariah.”

TAREKAT DAN TASAWUF SERTA HUBUNGAN DENGAN AGAMA ISLAM

Sebelum dibincangkan hal ini, dinyatakan di sini bahawa tarekat sufiah apabila dilihat kepada mafhumnya secara taqlid, ia merupakan ibarat daripada tarekat yang berjalan dengan berpegang atau bersumberkan segala prinsipnya dan pengajarannya daripada al-Quran dan Sunnah secara langsung. Ia membentuk gambaran imam, ilmu dan amalan soleh, tetapi tanpa sebarang perantaraan organisasi bagi jamaah tasawuf yang tunduk di bawah seseorang. Ia berlainan dengan mafhum tarekat sufiah yang berbentuk tanzimi seperti tarekat al-Naqsyabandi, al-Syazili, al-Qadiri, al-Ahmadi dan lain-lain. Lihat al-Turuq al-Sufiah fi Malizia oleh Sulaiman bin Ibrahim al-Baruhi (hal. 129-130).

Adakah tasawuf dan tarekat mempunyai hubungan dengan agama? Hal ini telah dijawab oleh Syeikh Abdul Halim Mahmud bahawa tiada seorang sufi pun yang tidak beriman dengan Allah dan hari akhirat. Justeru, matlamatnya mencapai mardhatillah, kasih sayangnya dan sentiasa berhubung hingga menjadi benar-benar ma’rifah. Lihat al-Fatawa (2/344)

HUKUM MEMPELAJARI TASAWWUF

Imam al-Ghazali berkata: “Hukumnya fardhu ain kerana manusia tidak sunyi daripada aib atau sakit kecuali para anbiya’.” Syeikh al-Syazili berkata: Siapa yang tidak menceburi ilmu kita ini, nescaya dia mati dalam dosa besar yang tidak disedarnya.” Syeikh Dahlan al-Kadiri di dalam kitabnya Siraj al-Talibin menyatakan bahawa hukum belajar tasawuf adalah wajib pada setiap orang mukallaf. Hal ini kerana sebagaimana wajib islah yang zahir, begitu juga islah yang batin.

HUKUM BERTAREKAT

Penulis melihat pelbagai pendapat ulama berkenaan dengan hukum bertarekat. Sebelum menjawab persoalan ini, suka dinyatakan pendapat sebahagian ulama tasawuf. Kata

mereka: Tauhid adalah satu, sedangkan jalan-jalan-Nya kepada Allah seperti nafas-nafas anak Adam.

Kenyataan ini diulas oleh Syeikh Abdul Halim Mahmud dengan maksud: “Natijah suluk sufiah tiada berbeza dari tempat dengan tempat yang lain, zaman dengan zaman yang lain, dan orang dengan orang yang lain. Ia adalah tauhid di mana tauhid Allah pada zat-Nya dan tauhid-Nya pada penciptaan-Nya dan pada tasawuf-Nya hingga akhirnya. Adapun sebab berlainan tarekat kerana tabiat manusia dan fitrah mereka berlainan yang serasi dengan sebahagian dan tidak dengan yang lain. Orang ramai pada hakikatnya sentiasa berusaha mendekatkan diri kepada Allah.

Berkenaan dengan tarekat sufiah, pada hakikatnya merupakan jalan untuk tazkiyatun nafs, mengelokkan akhlak serta mengikut secara amali sunnah Rasulullah hingga jadilah ia orang yang beriman dengan sebenar dan Islam hakiki.

Syeikh Abdul Halim Mahmud menjawab persoalan hukum menyertai tarekat sufiah, adakah halal atau haram? Jawapannya: Tarekat-tarekat sufiah pada maknanya yang sebenar merupakan pelbagai wasilah dalam menggapai hidayah kepada Allah swt. Ia bermatlamatkan mencapai hidayah untuk orang perseorangan, jemaah dan masyarakat hingga menjadi masyarakat rabbani dan syeikh tarekat sentiasa mengharapkan Allah supaya termasuk dalam sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Bahawa Allah memberi hidayah dengan sebabmu kepada seorang lelaki , maka ia adalah lebih baik daripada unta merah.” Lihat al-Fatawa (2/387-388)

Antara hujah lain ialah :

Ada juga yang berhujah dengan hujah yang lain seperti tidak sempurna sesuatu yang wajib kecuali dengannya, maka hal tersebut juga menjadi wajib. Kaedah seperti ini sebagaimana sesuai dalam hukum feqah juga sesuai dalam hukum tarekat dan tasawuf. Begitu juga ada yang berhujah dengan keperluan mujahadah nafsu.

TAREKAT YANG SEBENARNYA

Syeikh Abdul Halim Mahmud dalam **Fatwanya** (2/391) menyebut: *Sesungguhnya berpegang dengan kitab Allah dan sunnah Rasulullah merupakan jalan mustaqim yang Allah perintahkan kita mengikutinya. Ini membawa kejayaan di dunia dan di akhirat. Setiap tarekat sufiah yang sejahtera hanya menyeru kepada beriltizam dengan kitab dan sunnah, sedangkan tarekat yang menyeleweng daripada itu akan membawa kepada kerosakan, sesat lagi menyesatkan.*

Imam al-Ghazali dalam kitabnya, *Al-Munqiz Min Al-Dhalal* menyebut berkenaan dengan tarekat yang sebenarnya ialah penyuciannya sebagai awal syarat, iaitu penyucian hati kesemuanya selain daripada Allah dan pembukaannya seiring perjalanananya dengan takbiratul ihram dalam solat yang hati diselubungi keseluruhannya dengan zikrullah. Ia berakhir dengan keseluruhannya pada Allah. Inilah kesudahannya di samping tidak termasuk di bawahnya sebarang ikhtiar dan usaha daripada awalannya

atas mentahqiqkan permulaan tarekat ini. Lihat *Al-Munqiz Min Al-Dhalal* (hal. 62).

SIFAT TAREKAT DALAM ISLAM

Dalam menjawab persoalan ini, penulis menukilkan nasihat yang diberi oleh Syeikh Abdul Qadir al-Jailani kepada anaknya:

Adalah menjadi suatu kewajipan ke atas kamu bertakwa kepada Allah dan mentaati-Nya, kamu sekali-kali tidak boleh takut dan mengharapkan kepada orang lain, semua keperluan hendaklah ditujukan kepada Allah sahaja: berimanlah dengan tauhid (Al-Jailani: 302).

Dalam kitabnya ***Futuh al-Ghayb*** banyak sekali pengajaran tasawuf yang diutarakan oleh Syeikh dalam bentuk yang lebih terperinci seperti:

- Gesaan supaya berpegang dengan syariah.
- Aqidah dan pegangan orang-orang mukmin.
- Gesaan supaya selalu berdoa kepada Allah.
- Fana’.
- Taqarrub kepada Allah SWT.
- Pertalian antara dunia dan akhirat.
- Jiwa dan hal-halnya.
- Ujian dan cubaan.
- Wali dan jalannya.
- Akhlak yang luhur.

Kitab ***Futuh al-Ghayb*** merupakan himpunan syarahan yang disampaikan oleh Syeikh dalam majlis-majlis yang berbeza daripada segi masa dan tempat. Berhubung dengan aqidah pula, Syeikh menegaskan dengan jelas pegangan aqidahnya: Aqidah kita ialah aqidah para salaf dan para sahabat.

Menurut Syeikh, seorang sufí itu dapat ditakrifkan seperti berikut: *Sufi ialah orang yang telah menamatkan perjalanan dan telah sampai ke destinasi tarekatnya* (al-Jailani 2/60). Selanjutnya beliau menerangkan titik permulaan dan garis penamat bagi seorang sufí.

Permulaan kehidupan kerohanian (pengembalaan kerohanian) ialah keluar dari kehendak-kehendak hawa nafsu (ma’hud) dan masuk ke dalam jalan hukum (masyru) dan kemudian masuk ke dalam takdir (maqdur), selepas itu kembali semula ke dalam kehendak nafsu (ma’hud), tetapi dengan syarat hendaklah menjaga hudud (hukum-hukum syariah), (al-Jailani: 138).

Beliau juga menasihatkan anaknya dengan berkata: Wahai anak ku, aku menasihati kamu supaya bertakwa kepada Allah, mentaati-Nya, melaksanakan syariah dan menjaga hudud Allah, iaitu menjauhi semua larangan Allah walaupun kecil. Sebagaimana kamu mengetahui wahai anak ku, bahawa tarekat kita (tarekat Qadariyyah) ini didirikan berdasarkan al-

Quran dan al-Sunnah, kesejahteraan jiwa, murah hati, terbuka, menahan daripada kekerasan, menanggung kesulitan dan kemaafan.

KEMASUKAN ISLAM KE MINANGKABAU DAN NEGERI SEMBILAN

Menurut Nor Hasiah Harun dari Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dalam kajiannya yang bertajuk Nilai Etika dalam Perbilangan Adat Perpatih Menurut Pandangan Islam (1990/91:1), persejarahan Newbolt menganggarkan ia bermula dalam pertengahan kurun ke-14. Jika anggaran tarikh itu diterima nyatalah bahawa ketika itu sezaman dengan kerajaan Melayu Melaka mula dibuka, Menurut J. M. Gullick dalam Nor Hasiah Harun (1990/91: 2), pada zaman Kesultanan Melaka (T.M. 1400-1511) telah bertapak segolongan kecil kelas pemerintahan yang bergantung ke Melaka.

Pemerintah dari Melaka ini membawa masuk peneroka-peneroka Melayu untuk membuka Sungai Ujung. Kedatangan mereka adalah secara berkumpulan dan telah berkahwin dengan masyarakat tempatan lalu membentuk masyarakat campur yang dipanggil beduanda atau pun dipanggil sakai. Pada tahun 1773, apabila rombongan pembesar dari negeri Sembilan pergi ke Minangkabau (Pagar Ruyong) untuk mendapatkan seorang anak raja untuk ditabalkan di Sungai Ujung, sekali lagi proses penghijrahan menjadi rancak. Pada tahun yang sama Raja Melewar ditabalkan menjadi Yamtuhan. Apabila Raja Melewar mangkal, Raja Hitam dibawa masuk dari Sumatera. Sekali lagi Negeri Sembilan menjadi tumpuan. Keadaan ini berlaku kerana telah menjadi tradisi orang Melayu taat dan patuh kepada raja. Maka setiap kali raja berpindah ke tempat lain, ia akan tetap disertai oleh rakyatnya. Penghijrahan orang-orang

Minangkabau berterusan hingga kini sehingga batas-balas tertentu terpaksa dilakukan oleh pihak-pihak berkenaan. Walaupun kedatangan masyarakat Minangkabau didorong oleh pelbagai sebab termasuk untuk mencari penempatan baru dan untuk mengumpulkan kekayaan, tetapi apa yang nyata ialah kedatangan masyarakat Minangkabau ini membawa satu tradisi Adat Perpatih yang menjadi amalan sebahagian besar masyarakat Negeri Sembilan. Kemudianya susur galur nisab sebelah ibu pula satu ciri penting dalam menentukan jurai keturunan. Tradisi yang dibawa dari Sumatera ini masih lagi dikekalkan hingga kini, malah menjadi kebanggaan bagi masyarakat pengamal Adat Perpatih di Negeri Sembilan.

Selain itu, Islam masuk ke Minangkabau pada abad ke-7, melalui rantau Minangkabau Timur iaitu daerah aliran sungai Kampar Kanan dan Kampar Kiri dan lembah aliran Sungai Batanghari dan Sungaidreh. Islam dibawa oleh saudagar-saudagar Arab yang bertindak juga sebagai mubaligh Islam (M.D.Mansoer). Menurut Amir M.S. (1999: 122), gelombang pertama ini berlangsung sejak tahun 670-730 Masihi. Namun ia terhenti seketika sehingga mengakibatkan perkembangan Islam di Minangkabau khususnya terhenti selama hampir 1000 M. Bermula tahun 1258 sehingga 1522, agama Islam mazhab Shafie mula kembali dan berkembang di Minangkabau Timur, setelah daerah itu ditakluki di bawah kekuasaan Samudera Pasai.

Kemasukan Islam ke Minangkabau secara bergelombang sejak abad ke-7 sehingga akhir abad ke-17 dilakukan melalui proses integrasi damai, yang juga boleh disebut dengan istilah Islamisasi kultural. Islam diterima dalam masyarakat dengan tidak perlu membuang adat. Proses Islamisasi sebegini jclns menyebabkan berlakunya percampuran antara ajaran Islam dengan aturan adat. Tanpa disedari, proses ini telah berada dalam masyarakat selama 10 abad atau 1000 tahun lamanya. Ini bererti, dalam tempoh lebih kurang 1000 tahun tersebut, antara adat dan agama Islam telah terjadi satu hubungan yang saling melindungi (simbiosis-mutualis) yang dapat dilihat dengan adanya teromba adat yang berbunyi:

*Adat bersendi syarak,
Syarak bersendi Kitabullah* (AmirM.S., 1999: 122)

PENYATAAN MASALAH

Terdapat masyarakat yang mengatakan bahawa Adat Perpatih dan Minangkabau ini tidak mengikut landasan Islam serta melanggar nas-nas yang telah ditentukan sebagaimana yang terdapat dalam al-Quran. Mereka seolah-olah tidak yakin dengan adat ini serta bimbang sekiranya akan melanggar kehendak Islam yang sebenarnya. Masyarakat tidak sedar, malah ada yang tidak mengetahui bahawa adat itu sebenarnya sebagai wasilah dan bertadabbur dengan al-Quran serta sunnah yang merangkumi semua aspek kehidupan termasuk politik, ekonomi dan sosial.

KEPENTINGAN KAJIAN

Pengkajian ini penting bagi mengelakkan pandangan serong masyarakat yang sering menganggap Adat Perpatih ini menyeleweng daripada landasan syarak dan hukum Islam secara keseluruhannya. Ramai yang salah faham tentang perkara ini, malah ada yang berdebat sehingga makin menimbulkan keraguan di hati masyarakat. Ini menyebabkan pewaris adat ini berasa waswas untuk terus mengamalkan Adat Perpatih ini. Pengkajian ini mungkin sedikit sebanyak dapat menghuraikan permasalahan serta keraguan yang timbul berhubung isu ini. Melalui pengkajian ini, diharap dapat menerangkan beberapa perkara kepada masyarakat berhubung dakwaan dan keraguan tersebut dengan menyentuh kepada aturan adat yang sebenar-benar adat-adat, yang diadatkan, adat yang teradat dan adat istiadat berserta dengan penjelasannya.

Seterusnya, pengkajian ini amatlah penting bagi membolehkan kefahaman terhadap Adat Perpatih ini kepada pewaris adat ini khususnya dan masyarakat luar amnya. Apabila masyarakat telah memahami tentang konsep, fungsi serta keunikan adat ini, ini tentunya sedikit sebanyak menaikkan lagi martabat Adat Perpatih di mata masyarakat. Ini tentunya sekali gus mengekalkan pengamalan adat ini serta tidak luput

ditelan zaman. Secara tidak langsung, Adat Perpatih ini akan teras diwarisi daripada generasi kepada generasi yang lain dan tidak terhenti setakat ini sahaja.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Menjelaskan kepada masyarakat tentang Adat Perpatih yang berhubung kait dengan syarak berpandukan kepada kitabullah.
2. Membongkar kemosykilan masyarakat yang beranggapan bahawa Adat Perpatih ini salah di sisi Islam kerana dianggap melanggar peraturan Islam.
3. Memartabatkan kembali Adat Perpatih yang semakin luput ditelan zaman.

BATASAN KAJIAN

Aspek yang diteliti adalah berkaitan dengan mendalami dan memperhalus teromba, “*adat bersendikan hukum, hukum bersendikan kitabullah, syarak mengata adat memakai, kuat adat tak gaduh hukum, kuat hukum tidak gaduh adat, adat ke hukum mati hukum, hukum adat mati adat*” yang terangkum di dalamnya adat yang sebenar-benar adat, adat yang diadatkan, adat yang teradat dan adat istiadat.

KAEDAH KAJIAN

Dalam memastikan kajian yang dibuat oleh pengkaji berjalan lancar, pengkaji telah menggunakan kaedah penyelidikan kepustakaan. Kaedah kepustakaan ini dijalankan untuk mendapat maklumat yang berkaitan dan tetap. Bahan-bahan rujukan yang diperoleh seperti buku rujukan dan rujukan daripada sumber lain. Kajian ini adalah terbatas dan ia hanyalah berbentuk kepustakaan. Kajian kepustakaan dilakukan untuk membuat rujukan termasuk definisi istilah yang terdapat dalam tajuk yang dikaji dan mencari kajian masa lepas oleh tokoh-tokoh yang berkaitan dengan tajuk, untuk dimasukkan dalam bab sorotan literatur. Antara perpustakaan yang dilawati adalah Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus dan Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan. Sumber-sumber yang dirujuk termasuklah buku, jurnal-jurnal penerbitan berkala, artikel, kertas kerja dan penulisan akademik yang berkaitan.

Kajian ini akan menggunakan prinsip ketujuh Teori Takmilah Shafie Abu Bakar iaitu prinsip khalayak yang bertujuan untuk memupuk ke arah insan Kamil. Tujuh prinsip yang dikemukakan oleh beliau ini dilihat lebih menyeluruh kerana ia melibatkan ketuhanan, kenabian, keislaman, keilmuan, pengkarya, karya dan khalayak (Shafie Abu Bakar, 1996: 27). Khalayak merupakan sasaran bagi penghasilan karya sastera. Ahli-ahli sufi yang berwawasan menggunakan karyanya untuk menyampaikan aspek-aspek positif kepada audiensnya. Dalam Konteks teromba Adat Perpatih, ia bersifat dakwah, pendidikan akhlak dan sebagainya yang dapat mentakmilahkan insan. Shafie Abu Bakar

turut menerangkan tentang aspek bahasa, diksi, terminologi, nada, stalistik dan estetika aspek simile, metafora, alegori dan konayah yang dikaitkan dengan ilmu al-bayan daripada segi bahasanya bererti penerangan, nyata dan zahir. Semua aspek yang dilihat ini adalah untuk memperhalus, memperdalam dan memperindah bahasa itu sendiri. Ia juga adalah untuk mentakmilahkan bahasa daripada segi lahiriah dan maknawi.

Teori ini dilihat berperanan sebagai kayu pengukur nilai iaitu nilai-nilai keislaman. Secara keseluruhannya, takmilah melihat aspek dalaman sesebuah cabang keilmuan itu daripada pelbagai aspek yang dapat menjadikan sesebuah karya itu dinilai, dilihat, dianalisis dan sebagainya dengan sebaik mungkin. Penilaian yang dilakukan akan dapat memastikan dan menjadikan karya diangkat dan dianggap hasil Islam yang sebenar atau sebaliknya (Shafie Abu Bakar, 1994: 57).

ADAT BERSENDIKAN HUKUM, HUKUM BERSENDIKAN KITABULLAH

Untuk menelusuri pengertian dan pemahaman asas kepada unsur-unsur tasawuf dalam Adat Perpatih, ia perlu difahami dengan empat teras adat berikut iaitu;

Adat Yang Sebenar-benar adat

Aturan hukum kehidupan, pegangan dan amalan masyarakat. Kenyataan ini boleh dibuktikan melalui falsafah Adat Perpatih yang ditunjangi iaitu “adat bersendikan hukum, hukum bersendikan kitabullah, syarak mengata, adat memakai”. Falsafah ini wajib difahami secara mendalam, apakah sebenarnya Adat Perpatih? Oleh yang demikian, sebarang perlakuan dalam Adat Perpatih dan Adat Minangkabau berkaitan dengan adat, adab, muafakat dan budi yang “bergeseng” atau bertentangan dengan syariat, itu bukanlah ajaran adat yang sebenar.

*Kata adat banyak kiasan
Ditunjuk ia tetapi bukan
Digulung pendek
Panjang direntang
Walau sebesar biji labu
Langit dan bumi ada di dalam*

*kalau digali dalam-dalam
jumpa akar dan tunjangnya
kalau dipanjat tinggi-tinggi
jumpa pucuk dan selara
bertunggul berpenebangan
berbatang berpengabungan*

*tiap-tiap kulit ada isinya
tiap-tiap lafaz, ada maknanya.*

(Kata Warisan Adat, n.d)

Menurut Al-Syahid Hasan al-Banna berkata: “Al-Quran al-Karim ialah sebuah perlombagaan yang lengkap merangkumi seluruh hukum Islam. Al-Quran ialah sumber yang mencurahkan segala kebaikan dan ilmu ke dalam hati yang beriman. Al-Quran ialah alat yang terbaik untuk para ahli ibadat mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan cara membacanya. (Portal Rasmi, Mufti Wilayah Persekutuan)

Adat yang diadatkan

Aturan undang-undang atau hukum yang diguna pakai oleh pemimpin seperti kata adat, “adat bersendikan hukum, hukum bersendikan kitabullah”, syarak mengata adat memakai. Dalam konteks ini, ilmu usul fiqh adalah sebuah ilmu yang membicarakan berkenaan kaedah-kaedah dan dalil-dalil *ijmali* (menyeluruh) yang digunakan dengannya untuk sampai kepada proses *istinbat* (mengeluarkan) hukum di bawah kata adat tungku tiga sejerangan, tali tiga sepilinan.(pengeluaran hukum oleh alim-ulama, cerdik pandai dan pemimpin)

Sumber-Sumber Hukum Yang Disepakati:

Al- Quran

Definisi al-Quran

Hujjatul Islam al-Ghazali ketika mendefinisikan al-Quran berkata: Ia ialah kitab yang diturunkan ke atas Rasulullah Muhammad S.A.W, yang tertulis di dalam mushaf-mushaf, dinukilkan kepada kita daripada baginda secara mutawatir tanpa sebarang keraguan. Lihat al-Mustasfa Min Ilm al-Usul (1/65).

Hukum-Hakam al-Quran

Al-Quran merangkumi hukum-hakam dan bahagikannya kepada tiga bahagian yang utama iaitu:

- i. Hukum-hakam yang berkaitan dengan Aqidah seperti rukun-rukun iman yang enam.
- ii. Hukum-hakam yang berkaitan dengan penyucian jiwa yang mana ia merupakan akhlak.
- iii. Hukum-hakam amali yang berkaitan dengan ucapan dan perbuatan mukallaf dan inilah yang disebutkan sebagai fekah. Ia terbahagi kepada dua iaitu yang

berkaitan dengan ibadah dan juga muamalat.

Al- Sunnah

Definisi al-Sunnah

Daripada segi istilah para Usuliyuun, al-Sunnah adalah: Apa-apa yang terbit daripada Nabi selain daripada al-Quran daripada segi perkataan, perbuatan, ataupun pengakuan. Lihat al-Ihkam fi Usul al-Ahkam, al-Aaamidi (1/231).

Jenis-jenis Sunnah terbahagi kepada tiga:

- i. Sunnah al-Qauliyah (perkataan): Iaitu kesemua ucapan Nabi S.A.W yang diucapkan oleh baginda di tempat-tempat yang berbeza dan tujuan yang pelbagai. Ia juga turut disebut sebagai hadis secara adatnya.
- ii. Sunnah al-Fi'liyyah (perbuatan): Apa-apa yang dilakukan oleh baginda S.A.W seperti menunaikan solat dengan tatacara dan rukun-rukunnya, dan seumpamanya.
- iii. Sunnah Taqririyyah (pengakuan): Diamnya Nabi S.A.W daripada mengingkari sesuatu ucapan atau perbuatan yang terjadi dengan keberadaan baginda ataupun ketika ketiadaan baginda dan baginda mengetahuinya.

Al- Ijmak

Takrif al-Ijmak

Di sisi istilah para usuliyun, ijmak adalah: Kesepakatan para mujtahid dari kalangan umat Islam pada suatu zaman tertentu terhadap suatu hukum syar'ie selepas kewafatan Nabi S.A.W. Lihat al-Ihkam fi Usul al-Ahkam (4/115).

Keautoritian Ijmak

Apabila sesuatu ijmak itu berlaku dengan menepati syarat-syaratnya maka ia menjadi suatu dalil yang qath'ie ke atas hukum permasalahan yang disepakati ke atasnya tersebut. Tidak boleh diperselisihkan dan dibantahi kerana ia hujah yang qath'ie serta menjadi kelaziman buat orang Islam.

Antara dalil yang menunjukkan kepada keautoritian ijmak ialah sabda Nabi S.A.W yang bermaksud: Umat ku tidak akan berhimpun atas kesesatan.

Jenis-jenis Ijmak

Ijmak terbahagi kepada dua:

- i. Ijmak Soreh (jelas): Iaitu para mujtahid membentangkan pendapat-pendapat mereka secara jelas, kemudian mereka bersepakat ke atas suatu pendapat tanpa ada sebarang bantahan. Maka ijmak seperti ini merupakan hujah yang qath'ie. Tidak boleh dibantahi dan diperselisihkan.
- ii. Ijmak Sukuti: Iaitu seorang mujtahid mengeluarkan pendapatnya berkenaan sesuatu permasalahan. Pendapat ini diketahui, tersebar luas, dan sampai kepada mujtahidin yang lain. Kemudian mereka diam dan tidak mengingkari pendapat ini secara jelas dan tidak pula mereka menyetujuinya secara jelas.

Al-Qiyas

Definisi al-Qiyas dari sudut istilah sebagaimana yang disebutkan oleh para usuliyuun adalah: Menghubungkan apa-apa yang tidak warid padanya nas atas hukumnya dengan apa-apa yang telah warid ke atasnya nas hukum disebabkan persamaan illah di antara keduanya. Lihat Syarah al-Waraqat Fil Usul. Hlm. 197-198.

Adat yang teradat

Melaksanakan sesuatu perkara atau aturan mengikut ketetapan yang telah dibuat dalam adat yang diadatkan. Walau bagaimana pun aturan adat tersebut ini boleh diubah atas nama muafakat dengan syarat tidak melanggar aturan al-Quran dan sunnah. Adat Perpatih menekankan musyawarah sebagai dasar membuat keputusan sejajar dengan ayat al-Quran surah

Adat Istiadat

Pemaknaan ilmu

Melaksanakan aturan atau acara adat istiadat adat seperti yang terlingkung dalam adat dan budayanya. Semua pelaksanaan aturan adat istiadat mesti mencerminkan fahaman masyarakat pengamal akan kebesaran Allah. “Dari pada Allah ia datang, kepada Allah juga kita mohon pertolongan”. Kata adat menyatakan

*penakik pisau siraut
ambil galah batang lintabung
seludang jadikan nyiru
air nan setitik jadikan laut
tanah nan sekepal jadikan gunung
alam terkembang jadikan guru*

(Kata Warisan Adat, n.d)

KESIMPULAN

Berdasarkan pengkajian yang telah dijalankan ini, dapatlah disimpulkan bahawa kata adat, adat bersendikan hukum, hukum bersendikan kitabullah, syarak mengata adat memakai harus telusur dengan penuh berhemah agar pengertian sebenar amalan Adat Perpatih mahupun Adat Minangkabau dapat difahami dengan erti kata sebenar. Walau bagaimanapun, pelanggaran adat terhadap aturan Islam ini berlaku mungkin tanpa disedari dan berkemungkinan juga kerana pengamalan adat itu telah diwarisi dari turun-temurun. Oleh itu, pengubahsuaian tidak dilakukan kerana bimbang akan melanggar atau mengubah adat tersebut. Oleh itu, semua pihak perlu berganding bahu dalam menjayakan serta memperkasa adat ini agar dapat mengikuti atau memenuhi kehendak syariat Islam. Melalui keseimbangan antara pengamalan adat dan ajaran Islam ini, tentunya dapat memperteguh lagi Adat Perpatih ini di mata masyarakat. Kesatuan antara adat dan syariat Islam ini tentunya dapat mengukuhkan lagi pegangan dalam diri setiap pengamal adat ini dalam menghadapi cabaran mendatang.

RUJUKAN

- Bukhari, Muhammad ibn Isma`il. 1987/1407. Al-Jami` al-Sahih al-Mukhtasar. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Naysaburi, Muslim ibn al-Hajjaj al-Qushayri. 1954 M/ 1374 H. Sahih Muslim. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Tirmidhi, Muhammad ibn `Isa. t.th. Al-Jami` al-Sahih Sunan al-Tirmidhi. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Ibn Hanbal, Ahmad al-Shaybani. t.th. Musnad al-Imam Ahmad ibn Hanbal. Jil.1,2,3, & 4. Misr: Muassasah Qurtubah.
- Madani, Mustafa. 1316. Al-Nusrah al-Nabawiyyah. Misr: al-Matba`ah al-Amiriyyah.
- Sulami, Abu `Abd al-Rahman. 1372. Tabaqat al-Sufiyyah. Misr: Matba`ah Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Ibn `Ajibah, Ahmad. 1331 H. al-Futuhat al-Ilahiyyah fi Sharh al-Mabahith al-Asliyyah.t.tp: al-Matba`ah al-Jamaliyyah.
- Rosni Wazir (2016) Sorotan Perkembangan Tasawuf Di Alam Melayu, Tokoh-Tokoh Dan Karyanya, Jurnal Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KKolej Universiti Islam, Selangor
- Zulkifli bin Mohamad al-Bakri, Tarekat Mengikut Sunnah Rasulullah SAW: Sejarah, Pandangan Ulama dan Menjawab Sebarang Tohmahan Mufti Wilayah Persekutuan, 26 Mei 2015 bersamaan 7 Syaaban 1436H



**PENGARUH
DATO' TUMENGGUNG
DAN DATO' PERPATIH
DI ALAM MELAYU
(ALAM MINANGKABAU)**

BERASA:
YULFIAN AZRIAL
KEPALA BKKP NAGARI ADAT
ALAM MINANGKABAU

**UNIVERSITI
KERANGGAWAN
MELAKA**
Malacca Islamic University



PENGARUH DATO' TUMENGGUNG & DATO' PERPATIH

Pengertian Alam Minangkabau Dan Pesan Moralnya

Alam Minangkabau adalah mensunjukkan letak geografis tempat bermukimnya orang Minangkabau di muka bumi, serta juga mencakup cakrawala berpikir, serta paham yang dianut masyarakatnya tentang berbagai persoalan, termasuk cara pandang terhadap berbagai dimensi kehidupan

Pesan moral kata Alam Minangkabau > secara eksplisit untuk mengugah kearifan setiap pribadi di muka bumi ini, pada seluruh ummat manusia bahwa pada prinsipnya seluruh manusia yang ada di bumi ini adalah satu ; berada dalam satu kesatuan dari sistem alam semesta ciptaan Allah SWT ; meliputi alam makrokosmos dan mikrokosmos.

**BERASA:
YULFIAN AZRIAL
KEPALA BKKP NAGARI ADAT
ALAM MINANGKABAU**



PENGARUH DATO' TUMENGGUNG & DATO' PERPATIH

Untuk Apa Manusia diciptakan Allah Swt

Konsep Kepemimpinan di Alam Minangkabau

Surat Al-Baqarah Ayat 30
"Wa idz qaala rabbuka il malaa-ikati,
"Innii jaa'ilun fil ardii khalifata,"
(Dan Ingatlah ketika Rabbmu berfirman kepada para malaikat:
"Seungguhnya Aku hendak menjadikan seorang Khalifah di bumi").

Surat QS. Adz Dzaariyaat ayat 56,
"Wamaa khalaqtul jinna wal-inса
ilaa liya'buduun(i)
(Tidak Aku jadikan jin dan manusia kecuali untuk beribadah kepadaKu)".

**BERASA:
YULFIAN AZRIAL
KEPALA BKKP NAGARI ADAT
ALAM MINANGKABAU**

PENGARUH DATO' TUMENGGUNG & DATO' PERPATIH



Alam Minangkabau dan Falsafah ABS-SBK

Adat Basandi Syarak Syarak Basandi Kitabullah (ABS-SBK)

Alam bagi orang Minangkabau bukan hanya dimaknai sebagai tempat lahir dan wafat, serta tempat hidup dan berkembang. Namun alam bagi orang Minangkabau bukan punya makna filosofis, seperti yang tertuang dalam rumusan-rumusan falsafah Adat Basandi Syarak, Syarak Basenoi Kitabullah / syarak mangoto, adat memekok, alam tokonongan jadi guru.

Bilah landasan pemikiran dalam berkehidupan bagi orang Minangkabau, selain bersumber dari firman Allah dan hadits Rasulullah, juga bersumber dari fenomena di alam semesta.

Artinya, bahwa bagi orang Minangkabau negala yang terjadi di alam merupakan atau dipandang sebagai sunnahallah, yakni ayat-ayat Allah yang bersifat mutuusabilitas (di luar firman pada resolusi) atau ayat-ayat kiasan yang melengkapi ayat-ayat muhkamah (firman Allah SWT) melalui akhlak-harakat ghoiru-nasriyah (jalan tidak resmi) seperti melalui ilham berupa tanda-tanda petunjuk (husolimah) kepada makhluk-Nya di alam semesta ini. Terutama tentu saja kepada manusia selaku inisiator/fitrah (pemimpang mandat kepemimpinan dari Allah di muka bumi).

**YULFIAN AZRIAL
KOPALA BIRU PRAHARA ADAT
ALAM MINANGKABAU**

PENGARUH DATO' TUMENGGUNG & DATO' PERPATIH



Adat → Al adah > Al Adab (Arab)
 kebiasaan, prilaku atau pola tingkah laku.
 Atau sesuatu yang dilakukan berulang-ulang.

Adat → A dato (Bahasa Nagori/Sanskerta)
 Al berarti tidak, dato berarti benda. Jadi sesuatu yang tidak bersifat benda atau kebendaan.

Adat Alam Minangkabau

Aturan adab atau norma-norma yang dirumuskan berdasarkan mutuakat para pemimpin masyarakat Minangkabau sejak zaman dahulu hingga zaman sekarang, yang didasarkan pada mungkin dan pantas, serta bertujuan untuk mewujudkan kesejahteraan, kemakmuran dan kenyamanan hidup masyarakatnya secara lahir maupun batin, dan telah diwariskan dari generasi ke generasi, yang dikenal dan dipatuhi oleh setiap anggota masyarakatnya.

**YULFIAN AZRIAL
KOPALA BIRU PRAHARA ADAT
ALAM MINANGKABAU**

PENGARUH DATO' TUMENGGUNG & DATO' PERPATIH



Adat Tumennggung & Adat Perpatih

Adat Tumenggung (Adat Datuak Katumanguungan) Adat Perpatih (Adat Datuak Parpatiah Nan Sabatang)

```

graph TD
    AT[Adat Tumenggung  
(Adat Datuak Katumanguungan)] --> LK[Lareh Koto Piliang]
    AP[Adat Perpatih  
(Adat Datuak Parpatiah Nan Sabatang)] --> LB[Lareh Bodi Caniago]
    LK --> LN[LAREH NAN DUO  
(Adat Alam Minangkabau/ABS-SBK)]
    LB --> LN
  
```

**LAREH NAN DUO
(Adat Alam Minangkabau/ABS-SBK)**

**YULFIAN AZRIAL
KOPALA BIRU PRAHARA ADAT
ALAM MINANGKABAU**

PENGARUH DATO' TUMENGGUNG & DATO' PERPATIH



Pengertian Lareh atau Kelarasan

Kelarasan → Laras (Melayu), Lareh (Minang/Bahasa Asal)
Lareh, laras, → selaras → Kesesuaian, Kesepakatan
Di dalam ilmu-ilmu sosial → Aliran Paham (adat)

LAREH NAN DUO

Aliran Paham (adat)
Tumenggung
(Datuak Katumanggungan)

Aliran Paham (adat)
Perpatih
(Datuak Perpatih Nan Sabatang)

 **YULFIAN AZRIAL**
KETUA BERSAMA ADAT
ALAM MINANGKABAU

PENGARUH DATO' TUMENGGUNG & DATO' PERPATIH



Terbentuknya Kelarasan Menurut Tambo

Aliran Paham (adat)
Tumenggung
(Datuak Katumanggungan)

Dirumuskan oleh pemimpin Minangkabau pada zaman dahulu berdasarkan pandangan-pandangan pandangan-pandangan dan masukan yang mendukung paham atau gagasan tentang konsep kemasyarakatan yang bersumber dari Datuak Katumanggungan untuk mempertahankan sistem adat yang telah lazim di Minangkabau pada masa itu yang mengikuti Aturan Tuhan (Allah SWT). Karena itulah aliran atau paham ini sering juga disebut dengan aliran adat Koto Piliang, atau Adat Datuak Katumanggungan (Adat Tumenggung).

 **YULFIAN AZRIAL**
KETUA BERSAMA ADAT
ALAM MINANGKABAU

PENGARUH DATO' TUMENGGUNG & DATO' PERPATIH



Terbentuknya Kelarasan Menurut Tambo

Aliran Paham (adat)
Perpatih
(Datuak Perpatih Nan Sabatang)

Dirumuskan oleh pemimpin Minangkabau pada zaman dahulu berdasarkan pandangan-pandangan pandangan-pandangan dan masukan yang mendukung paham atau gagasan tentang konsep kemasyarakatan yang bersumber dari Datuak Perpatih Nan Sabatang dirumuskan pemimpin Minangkabau zaman dahulu berdasarkan pandangan dan masukan yang mendukung gagasan Datuak Perpatih Nan Sabatang agar aturan, ketentuan atau undang yang berlaku hendaklah berdasarkan hasil pemikiran yang cerdas/matang. Karena itulah aliran atau paham ini sering juga disebut dengan aliran adat Koto Piliang, atau Adat Datuak Perpatih Nan Sabatang (Adat Perpatih).

 **YULFIAN AZRIAL**
KETUA BERSAMA ADAT
ALAM MINANGKABAU

PENGARUH DATO' TUMENGGUNG & DATO' PERPATIH



KOTO PILIANG
(Bahasa Nagari / Sanskerta)

Kato - Phile - Hyang
↓ ↓ ↓
Aturan (Adat) Pilihan (disukai) Tuhan (Allah Swt)

Adat pilihan Tuhan (firman)

Moto Adat : TITIAK DARI ATEH
; Nan babarit nan bapahet nan baikua nan bakabuang.
Bajanjang naik, batanggo turun.

 **YULFIAN AZRIAL**
Kepala BKBP Negeri Adat
Alam Minangkabau

PENGARUH DATO' TUMENGGUNG & DATO' PERPATIH



Moto Adat : TITIAK DARI ATEH
; Nan babarit nan bapahet nan baikua nan bakabuang.
Bajanjang naik, batanggo turun.

Menurut paham ini adat harus berpedoman pada aturan dan atas, yaitu dari Allah SWT. Tuhan yang menjadi pencipta dan pemilik alam ini. Baik pangulu atau raja di Minangkabau tidak dapat berindikasi sewenang-wenang. Karena kebenaran manusia di muka bumi hanyalah sebagai khalifah, yaitu wakil Allah SWT di muka bumi yang melaksanakan kelangsungan aktivitas kehidupannya berdasarkan aturan Allah-Nya.

Maknudnya bahwa sistem Adat Kelarasan Koto Piliang sifatnya adalah memplakkan segala peraturan yang telah ada. Baik peraturan yang turun dari Allah SWT yang bersumber dari Al-Qur'an, Al-Hadits, dan Al-Sunnah (Sahihuloh), ataupun peraturan-peraturan yang telah dirumuskan oleh ulama atau para pemimpin masyarakat (sjihud).

 **YULFIAN AZRIAL**
Kepala BKBP Negeri Adat
Alam Minangkabau

PENGARUH DATO' TUMENGGUNG & DATO' PERPATIH



Moto Adat : TITIAK DARI ATEH
; Nan babarit nan bapahet nan baikua nan bakabuang.
Bajanjang naik, batanggo turun.

Berulok dari kesadaran ini, segala urusan dan aktivitas kehidupan harus sesuai aturan, bujanjang naik, batanggo turun, non bapahet non bapok, non baikua non bakabuang (berjanjang naik, bertangan turun, yang telak digulat yang dipahat, yang total diukur yang dikaleng).

Artinya, berbagai urusan, aktivitas dan zuriy (masyarakat) dilakukan dengan mengacu pada aturan yang telah ditetapkan Allah SWT, selaku pemilik dan pengawas tanggul alam semesta ini.

Semua inilah yang dirumuskan menjadi format sistem kepemimpinan di seluruh Alam Minangkabau :

Amanatkan baraja ke mamak, mamak baraja ke pengulu,
pengulu baraja ke mufakat, mufakat baraja ke non bapok, non bapok
tagok santriyyo (kemenakan baraja (merujuk) ke mamak,
mamak baraja (merujuk) ke pengulu, pengulu baraja (merujuk) pada
mufakat, mufakat baraja (merujuk) pada kebenaran (Allah SWT),
kebenaran (Allah SWT) bentiri sendirian).

 **YULFIAN AZRIAL**
Kepala BKBP Negeri Adat
Alam Minangkabau

PENGARUH DATO' TUMENGGUNG & DATO' PERPATIH



Bodi Caniago
(Bahasa Nagari / Sanskerta)

Bodhi — Catni — Arga

Pemikiran (Akal) Gemilang (cerdas) Puncak

**Puncak Pemikiran yang Gemilang
(Pemikiran yg Sangat Cerdas/Mendalam)**

Moto Adat : MAMBASUIK DARI BUMI
; Duduk sahamparan, tagok sapamatang, barojo ka mupakalk,
tuah di sakalo

 **YULFIAN AZRIAL**
KOHILA BUDAYA NAGARI ANAK
ALAM MUSI KERINCI

PENGARUH DATO' TUMENGGUNG & DATO' PERPATIH



Moto Adat : MAMBASUIK DARI BUMI
; Duduk sahamparan, tagok sapamatang, barojo ka mupakalk,
tuah di sakalo

Mambasuk dari bumi (membersit dari bumi) maksudnya,
muncul dari pikiran atau kecerdasan manusia.
Artinya, segala aturan atau ketentuan dalam kehidupan
masyarakat harus mencol dan hasil rumusan pemikiran cedas
manusia atau dari pemikiran yang mendalam

Maksudnya, sebelum menjadi sebuah aturan atau ketentuan, maka
adat yang hendak diterapkan itu harus dimusyawarahkan,
hingga mendapatkan kata sepakat (tuah disekoto).
Jadi adat Lareh Bodi Caniago lebih mengutamakan musyawarah
dalam menyiapkan berbagai urusan.

 **YULFIAN AZRIAL**
KOHILA BUDAYA NAGARI ANAK
ALAM MUSI KERINCI

PENGARUH DATO' TUMENGGUNG & DATO' PERPATIH



Moto Adat : MAMBASUIK DARI BUMI
; Duduk sahamparan, tagok sapamatang, barojo ka mupakalk,
tuah di sakalo

Sejua moto Duduk sahamparan, tagok sapamatang, maka Lareh Bodi
Caniago sangat menjaga tinggi persamaan.
Adat Bodi Caniago menganjurkan agar aturan yang berlaku
hendaklah limbul atau cenderung keadilan dan pemikiran matang.

segala aturan dan keputusan yang akan diambil, terlebih dahulu harus
melalui proses musafakat. Inilah yang disebut sebagai *barojo ka mupakalk*,
tuah di sakalo (merujuk ke musafakat, tuah di sekota).

Hal ini seperti yang tertuang dalam kata-kata adat berikut ini :

putuh ruudhang di sakato, rancok randhang dipokot;
di iohlo alih seno ayote, di kotic seno dilohet;
telotek suatu di tempekye, di dalam cipuk jo pantang;
di angking baroh jo balibeh, eae d'makot murpkin jo potak,
dalam kundungan adat jo plastik;

 **YULFIAN AZRIAL**
KOHILA BUDAYA NAGARI ANAK
ALAM MUSI KERINCI

PENGARUH DATO' TUMENGGUNG & DATO' PERPATIH



Adat Basandi Syarak Syarak Basandi Kitabullah

Pemahaman Adat Alam Minangkabau (ABS-SBK)

Adat Basandi Syarak, Syarak Basandi Kitabullah merupakan filosofi hidup yang dipegang dalam masyarakat Minangkabau, yang menjadikan ajaran Islam sebagai satu-satunya landasan dan atau pedoman tata pola perilaku dalam berkehidupan.

Dengan kata lain, Adat Basandi Syarak, Syarak Basandi Kitabullah merupakan kerangka atau pola berkehidupan bagi orang Minangkabau baik secara horizontal – vertikal dengan sang maha pencipta maupun horizontal – horizontal antar sesama manusia, ataupun dengan makhluk lain di alam semesta (mikrokosmos dan makrokosmos)

**YULFIAN AZRIAL
KOPILAH BERSAMA PADA
ALAM MINANGKABAU**

PENGARUH DATO' TUMENGGUNG & DATO' PERPATIH



Distribusi Kekhalifahan Menurut ABS-SBK

Konsep Kepemimpinan di Alam Minangkabau

Manusia itu Khalifah di Muka Bumi



Kuasa Peruntukan
perempuan

Kuasa Kepemimpinan & Pengelolaan
laki-laki

Segala Kainan dan rizqat yang dibentuk Allah SWT kepada manusia yang dapat menyari bekar dalam kehidupan sejaka krishtalah

akan dipertanggungjawabkan kepada Allah SWT di hari berhisab

**YULFIAN AZRIAL
KOPILAH BERSAMA PADA
ALAM MINANGKABAU**

PENGARUH DATO' TUMENGGUNG & DATO' PERPATIH



- Dasar Filosofis :
kamanakan barajo ka mamak, mamak barajo ka pangulu, pangulu barajo ka mupakalik, mupakalik barajo kenen bana, nan bana tegak ka nae sandirinyo.
- > Ummul Kitabullah > Al-Qur'an > Allah SWT
- > Rajo Alam > Penguasa Durbalang
- > Rajo Ibadat > Mella jo Jilith Nan Ompek
- > Rajo Adat > Mantu jo Pagewai

Jadi Rajo = Raja = Rujukan = MUPAKAIK (Buek)
Urang Minang adalah : Urang Barajo ka Mupakalik

PANGULU = PAMAGANG BUEK

**YULFIAN AZRIAL
KOPILAH BERSAMA PADA
ALAM MINANGKABAU**



PENGARUH DATO' TUMENGGUNG & DATO' PERPATIH

UNDANG LUHAK JO RANTAU

Luhak Bapangulu, Rantau Diaglah Barajo

Berdasarkan Undang Luhak jo Rantau, kesatuun negari-negari (konogenit) ada yang dipimpin Paganlu Pusuk Kangenita dan atau Kangenlu Solo Kangenita bererta perangkatnya. Selanjutnya ada Baterya yang dipimpin Paganlu Batu dan perangkatnya, lalu Anggela Luhak dan perangkatnya, Paganlu Teguhwarta Paganlu Teguh Alor Minangkabau beserta perangkatnya. Setiap pagulu di setiap tingkatan, sesuai luangg wilayah adat, bekerja dibantu perangkatnya serta pegawai³ sesuai kebutuhan.

Kemudian untuk menjaga pertahanan keamanan ke arah luar, Alam Minangkabau diberi pagar pula ; pagar non kokoh (pagar yang kuat) yang dikenal dengan istilah atau symbol pagar ruywong. Jadi sejak waktu itu dan atau mula-mula ruywong dipancangkan di sembilan tempat strategis yang kemudian disebut Rantau Paganuyuang.

YULFIAN AZRIAL
REPUBLIK INDONESIA ADAT
ALAM MINANGKABAUAU

PENGARUH DATO' TUMENGGUNG & DATO' PERPATIH

UNDANG NAGARI

Anggerti bakenek kula, pangorokkayo pisay sirokki,
kopansukk batueng tuo, zwendo elok ka austu,
Nagord bu Kompeti Saku, Sokunyu bakenek pusu,
Kompuang bu tuo, zwendo bu Tonggawa.

SUKU NAN IV DI NAGARI

<ul style="list-style-type: none"> Suku Nan IX Tanjung - Pimbaha, Silombong - Pluncang, Simabau - Sijamang, Astu - Pilang, Jo Gied Brudi Cinahegi Bareng - Sipat-Peuge Binggang, Lubuk Batang Reil - Cinahegi, Sutanjang, Mardibba, Peuley, Sutan Manorang 	<ul style="list-style-type: none"> Suku V Nan VII Melayu - Bendang, Kempol - Mansallang, Penai/Demo Suku IV Nimirik Amarak, Pintang, Iwu, Rattengele, Iwu Ratu Kosek, Belakawang
--	--

YULFIAN AZRIAL
REPUBLIK INDONESIA ADAT
ALAM MINANGKABAUAU

PENGARUH DATO' TUMENGGUNG & DATO' PERPATIH



Rantau Nan Sambilan Paga Ruyuang

- 1. Alam Silauk Indrapuro (Silauk, Indrapuro dan sekitarnya)
- 2. Alam Surambi Sungai Pogu (Surambi, Sungai Pogu dan sekitarnya)
- 3. Alam Situang Kota Besa (Situang, Kota Besa dan sekitarnya)
- 4. Alam Ceti Nan Batigo (Palau Punjung dan sekitarnya)
- 5. Alam Kurang Aso Despaluah (Kuantan Singingi dan sekitarnya)
- 6. Alam Andiko Ampuk-ompek (Kamper dan sekitarnya)
- 7. Alam Santang Padang Nunung (Santang, P. Nunung sekitarnya)
- 8. Alam Kindi Parik Batu (Kindi, Parik Batu dan sekitarnya)
- 9. Alam Tiku Pariaman (Tiku, Pariaman dan sekitarnya)

YULFIAN AZRIAL
KETUA DPD PRAMANA ALAM MINANGKABAU

PENGARUH DATO' TUMENGGUNG & DATO' PERPATIH



Rantau Nan Sambilan Paga Ruyuang

Adanya setak kepentingan pertahanan keamanan Minangkabau, terutama Lubuk Nan Tigo sebagai tawaf alam, diberi wewenang (mandat atau doulet) pada pemimpin Adityawarman sebagai koordinator wilayah rantau yang telah ditetapkan menjadi pao-pes keamanan atau Minangkabau, dengan berpedoman pada ketertuan adat yang lazim sejak lama, esof datoeng jasuk rawawn [doulet datang pasuk menant].

Yata dalam bertugas sebagai wakil doulet, tetap harus bekerjasama dan berkoordinasi dengan pemimpin (pengasuh pasuk atau slayat) di wilayah rantau tersebut. Itulah sebabnya di wilayah odah rantau itu umumnya ada dua jabatan. Pertama Doulet [doulet yang datang], Kedua Key Diputuec [pasuk yang menant] atau dengan nama lain.

Untuk operasional, mereka diberi hak mengangkat asosi-asosi (pajak) di desa-desa itu. Pemimpin Lubuk Nan Tigo juga mempunyai reja-reja dan perangkatnya untuk membantu tugas Doulet Pegaryung. Misalnya seperti Raio Di Rossah, Raio Di Lubuk, Raio di Loreh, di Lubuk Limpaolah untuk bertugas di wilayah rantau mereka masing-masing.

YULFIAN AZRIAL
KETUA DPD PRAMANA ALAM MINANGKABAU

PENGARUH DATO' TUMENGGUNG & DATO' PERPATIH



Sejarah Penguatan Sistem Pertahanan Keamanan Alam Minangkabau (Alam Melayu)

Sekali itu pertahaman keamanan Alam Minangkabau dengan Pegaryungnya bukan hanya elektif. Keluarga Pertagis yang bahkan tidak membangun bentengnya di pantai berbatu Semerak dibebat habis nyaris tak bersisa. Hanya sebagian batu yang berhasil menyelamatkan diri ke wilayah pedalaman untuk bersentuhan.

Berita ini menyebab keberbagai rantau dari wilayah Malayapura hilangnya. Apalagi seiring berjalannya waktu, orang-orang gagguan keamanan dari Bengsa penjihir Engku kian meningkat. Sehingga berjiksi para pemimpin rantau dan wilayah Alam Melayu lain melarap pada para pemimpin Alam Minangkabau, mereka berharap dan itulah mengikuti untuk bantuan-some menghadapi musuh.

Karena keseksian Doulet Pegaryung sebagai Pagar Nus Kalob, maka pemimpin Alam Minangkabau memperluas wewenang Doulet Pegaryung. Pada tahun 1636 M bekas Doulet Pegaryung diberi pulu kewenangan untuk mengelakkan dan mengkoordinir Sultan Kesultanan [Sultan yang dilapas]

YULFIAN AZRIAL
KETUA DPD PRAMANA ALAM MINANGKABAU

ABS-SBK SEBAGAI BENTENG KEHIDUPAN



**Sultan
Nan Salapan
Alam
Minangkabau
(Alam Melayu)**

Dalam Pagaruyung dibentuk wewenang kias, sepanjang masa keturunan adat dan resto Pagaruyung Alam Minangkabau atau Pemimpin Lubuk Nan Tigo. Adapun 8 (delapan) zulmi yang diberlakukan pemerintah oleh raja Alam Pagaruyung adalah sebagai berikut :

1. Sultan Seripeda (untuk Aceh sekitarnya)
Kelingkeran dan Kedekutan Batu dan Batuari dan sekitarnya.
2. Sultan Mahonjak (untuk Pelimbang dan sekitarnya)
Kelingkeran dan Kedekunya Lubuk Bolong Pasak Jenki sekitaran Luncur dan sekitarnya.
3. Sultan Muhammad Arain (Untuk Rambutan Tambesi sekitarnya)
Kelingkeran dan Kedekunya Rokan Kiri dan Rokan Kanan.
4. Sultan Muhsapdin (Untuk Riau, Nusantara Sungai Tebo dan sekitarnya)
jajak-jajak berbelik ke Riau Ampera.
5. Sultan Berongos (Untuk Ronda Sepuloh sekitarnya)
Kelingkeran dan Kedekunya Pelimbang, Pelengi Braying, Noko-moko.
6. Sultan Gombak (untuk Sungai Pagu sekitarnya)
Kelingkeran dan Kedekunya Gunung Kerinci dan sekitarnya.
7. Sultan Panji Alam (untuk Situ Indragiri sekitarnya)
Kelingkeran dan Kedekunya Kedua Kampar dan sekitarnya
8. Sultan Leunggong Alam (untuk Rambutan Jaber, Ujung dan sekitarnya)
Kelingkeran dan Kedekunya Negeri Jaber, Ujung dan sekitarnya.

**YULFIAN AZRIAL
REPUKA BESIP NAMAH RAJA
ALAM MINANGKABAU**

PENGARUH DATO' TUMENGGUNG & DATO' PERPATIH



**Lubuk Nan Tigo
Jo Rantau Nan
Salapan
(Alam Melayu)**

*Dibelah-balah dipartito
Sirauik pembalih rotan
Luhak dibagi tigo
Rantau dibagi Salapan*




TAMRAPARNA
(Bersama-sama menciptakan masa depan)

**YULFIAN AZRIAL
REPUKA BESIP NAMAH RAJA
ALAM MINANGKABAU**



**YULFIAN AZRIAL
REPUKA BESIP NAMAH RAJA
ALAM MINANGKABAU**



PENGARUH DATO' TUMENGGUNG & DATO' PERPATIH



*Tambilang dibaliak lansek
Tasisik dilambai-lambai
Dibilang sado nan dapek
Nan Tingga untukan nan pandai*

Ingin kajian dan diskusi lebih lanjut
hubungi : 0752-93735, HP.08126782339
(Pusat Kajian Adat Alam Minangkabau)

Yulfian Azrial

Terimakasih !

a



TATA CARA/PROSESI PERNIKAHAN DI LUAK LIMO PULUAH (NAGARI PAYOBASUNG)




Ir. H. Yunirwan Khatib
Dt. Siri Mudo

PETA LUAK LIMO PULUAH



PENDAHULUAN



Data jekel/03/2022



DALIL PERNIKAHAN

وَأَنْكِحُوا الْأَيَامِي مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ إِنْ يَكُونُوا فَقَرَاءٌ يُغْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِ 32.

Qasidah al-Khalil menyatakan bahwa menikah adalah amanah dan membawa kebaikan bagi diri sendiri, keluarga, dan masyarakat

orang-orang yang layak (menikah) dari hamba-hamba sahayamu yang laki-laki dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan memberi kemampuan kepada mereka dengan karunia-Nya. Dan Allah Mahaluas (pemberian-Nya), Maha Mengetahui.

(Surat An-Nur, ayat 32)

HADITS

SIAPA YANG INGIN BERTEMU DENGAN ALLAH DALAM KEADAAN SUCI DAN DISUCIKAN, MAKA MENIKAHLAH DENGAN PEREMPUAN MERDEKA
(HR IBNU MAJJA)



DARI WAHYU DAN HADITS TERSEBUT,
MENUNJUKKAN BAHWA MENIKAH ADALAH
PERINTAH ALLAH SWT, DAN MERUPAKAN
SALAH SATU BENTUK IBADAH



TATA CARA PERNIKAHAN DI LUAK LIMO PULUAH (NAGARI PAYOBASUNG)

TATA CARA PERNIKAHAN TERMASUK DALAM ADAT ISTIADAT



PROSESI YANG DILAKSANAKAN DI NAGARI PAYOBASUNG SEBELUM DAN SESUDAH PERNIKAHAN

1. SEBELUM PERNIKAHAN

PERKENALAN

- PERKENALAN ANTAR CALON PENGANTEN

RESTU

- CALON PENGANTEN PRIA MENDATANGI ORANG TUA PIHK PEREMPUAN

SILAHTURRAHMI

- PIHAK ORANG TUA LAKI2 MENGUNJUNGI ORANG TUA CALON PEREMPUAN

KUNJUNGAN BALASAN

- KUNJUNGAN ORANG TUA PR KE ORANG TUA PIHK LAKI2

ACARA MANDOBIAK BONDUA

- KUNJUNGAN NENIAK MAMAK PIHK LAKI2 KE NINIAK MAMAK PIHK PEREMPUAN UNTUK MEMINANG

ACARA BAIOIO/BAADOK2

- SETELAH PINANOAN DITERIMA, PIHK PR MENGHIMBAU MENGUNDANG MAKAN NENIAK MAMAK, IBU BPK BAKO YANG INTINYA ANAK GADIS KITA TELAH DIPINANG

ACARA MANCARI

- PIHK PR, TERUTAMA BUNDOL/ISTERI MAMAK, ISTERI KAKAK/ADIK PERGI MENDATANGI KAMPUNG CALON MINANTU UNTUK MEMASTIKAN DAN MEMINANGNYA (MENGGUNAKAN PAKAIAN TALUKUAK & BAJU BASIBA)

POI BALANJO

- PARA IBU2 DARI PIHK LAKI2 BERBELANJA KEPERLUAN PENGANTEN YANG JUOA DIKUTI OLEH CALON PENGANTIN PR (ACARA INI SEBAHAGIAN ORANG DIGANTI DENGAN UANG)

MAANTA PAMBOLIAN/MAANTA SASUDUK

- PIHAK LAKI2 DATANG MENGANTAR PAMBOLIAN ATAU DISEDERHANAKAN DENGAN UANG
- PADA WAKTU INTI JUGA DIPUTUSKAN KAPAN DAN DIMANA WAKTU MENIKAH/PESTA, CARA MENIKAH, SURAT2 YANG HARUS DIPERSIAPKAN, DAN JUGA PEMBICARAAN MENGENAI KEWAJIBAN LAIN, SEPERTI ULAK SELO DAN LOMPEK PAGA

BAIOIO/BAADOK2 KA 2X

- PIHAK PR MENGUNDANG NINEAK MAMAK BUNDO, IBU BAPO, TETANGGA DLL UNTUK MENYampaIKAN WAKTU MENIKAH DAN PESTA, BAGAIMANA BENTUK PESTA, KAPAN MANOGAK DANGAU2, DSB

PENGURUSAN SURAT2

- PENGURUSAN SURAT2 NIKAH OLEH KELUARGA PR KE KANTOR KUA.
- SCREENING KEDUA CALON OLEH PETUGAS KUA.

2. HARI PERNIKAHAN

SEBELUM MENIKAH

CALON MEMPELAI LAKI2 DIJOPUIK
OLEH BUNDO DAN ANAK MUDO DARI
PIHAK PEREMPUAN

TEMPAT MENIKAH:

1. DI RUMAH
2. DI MESJID
3. DI KANTOR KUA

NIKAH DI MESJID BAITURRAHMAN

a. ACARA SEREMONIAL

- MC MEMPERSILAHKAN KEDUA KELUARGA PENGANTEN DAN PENGANTEN MEMASUKI MESJID
- PEMBACAAN AYAT SUCI AL-QUR'AN
- KEDUA PENGANTEN DIPERSILAHKAN MENEMPATI TEMPAT YG TELAH DISEDIAKAN, SAMBIL MEMBACAKAN BIOGRAFI KEDUA MEMPELAI
- PERMOHONAN MAAF DAN MINTA RESTU KEPADA ORANG TUA DAN KELUARGA

b. ACARA INTI

- DIPIMPIN OLEH ONGKU KADI/KUA
- DIPANGGIL WALI PR, CALON PENGANTEN LAKI2, DAN KEDUA SAKSI
- WALI MELAFASKAN IJAB
“FULAN! AKU NIKAHKAN ENGKAU DENGAN ANAK KANDUNGKU (SITI)
DENGAN MAHAR TUNAI”

CALON PENGANTEN LAKI2 MENJAWAB, “SAYA TERIMA NIKAHNYA ANAK KANDUNG BAPAK SITI DENGAN MAHAR TUNAI”

KEDUA SAKSI MENYATAKAN “SAH”, MAKA SAHLAH PERNIKAHAN TERSEBUT JIKA SAKSI MENYATAKAN “BELUM”, MAKA IJAB KABUL DIULANGI KEMBALI

- KHATBAH NIKAH
- SAMBUTAN KELUARGA KEDUA MEMPELAI (SEMENTARA ADM PERNIKAHAN BERLANGSUNG)
- PENYERAHAN KARTU NIKAH OLEH ONGKU KADI/KUA KEDAPA KEDUA MEMPELAI
- DOKUMENTASI

3. SETELAH MENIKAH

ADA 2 BENTUK PROSES

1. LANGSUNG PESTA (DIHARI YANG SAMA)

2. PESTA ESOK HARINYA (DIHARI BERBEDA)

- KELUARGA PIHAK LAKI2 DIBAO SINGGAH MAKAN KE RUMAH PIHAK PEREMPUAN
- PENGANTEN LAKI2 KEMBALI KERUMAH DAN KEMBALI ESOK HARINYA KE TEMPAT PESTA

HARI PESTA/KENDURI

MAMBANTAI

- PAGI HARI PARA NINIAK MAMAK HADIR PADA TEMPAT KENDURI UNTUK MAKAN BERSAMA PERTANDA PESTA AKAN DIMULAI

PENYERAHAN PENGANTIN LAKI2

- PENGANTEN LAKI2 DATANG DENGAN DIURNGI OLEH KELUARGA DAN NINIAK MAMAK PIHAK LAKI2
- SETELAH MAKAN MINUM SELESAI PIHAK NINIAK MAMAK LAKI2 DENGAN BAALUA MENYAMPAIKAN/MENITIPKAN ANAK (PENGANTEN LAKI2) AGAR DITERIMA DISINI DAN TERJADILAH DIALOG ADAT YANG ISINYA PIHAK LAKI2 MENYERAHKAN ANAKNYA, DAN PIHAK PEREMPUAN MENERIMA DENGAN SENANG HATI

SEBAHAGIAN DARI PROSESI TERSEBUT ADA YANG TELAH DISEDERHANAKAN

WASALLAM



SUMBER WAWANCARA DENGAN TOKOH ADAT

WAWANCARA DENGAN BUNDO KANDUANG

PENGALAMAN WAKTU PERNIKAHAN ANAK



PROSESI BATAGAK PANGULU ATAU ...TATACARA LANTIKAN KEPEMIMPINAN ADAT... DI MINANGKABAU



Disampaikan Oleh
ZULHIKMI,M.MPd. DT.RAJO SUARO.
KETUA LKAAM KABUPATEN LIMA PULUH KOTA

PENGERTIAN PANGULU

**PANGULU atau PENGHULU
PIMPINAN/PEMIMPIN KAUM/SUKU
DI RANAH MINANGKABAU
SUMATERA BARAT
DIKENAL DENGAN GELAR
DATUAK**

GAMBARAN/LUKISAN/POTRET/ ILUSTRASI/ KONSEPSI/SIMBOL
KEBERADAAN NINIK MAMAK

NAN GADANG BASA BATUAH, NAN TINGGI NAMPAK JAUH,
NAN GODANG JOLONG BASUO.

BAK KAYU GODANG DITONGAH KOTO

UREKNYO TOMPEK BASELO MANCARI NAN BONA
BATANGNYO TOMPEK BASANDA DEK ANAK JO KAMANAKAN
DAHANYO TOMPEK BAGANTUANG
DAUNNYO UNTUAK BALINDUANG

- KA-POI TOMPEK BATANYO, KAPULANG TOMPEK BABARITO,
- DIDAHULUKAN SALANGKAH, DITINGGIKAN SARANTIANG,
- TUMBUAHNYO DEK DITANAM, TINGGINYO DEK DIANJUANG,
GODANGNYO DEK DIAMBA,
- SIANG NAN KA MANCOLIAK-COLIAKAN,
- KOK MALAM NAN KAMANDONGA-DONGAKAN,
- KORUAH NAN KAMANJONIAHKAN, KUSUIK NAN KAMANYALOSAI
- ANYUIK NAN KAMAMINTEH, TAKALIMUN DAN KAMANGOKEH DST

PERSYARATAN PENGHULU

- LAKI-LAKI DEWASA.
- MEWARISI.
- SIDIQ
- TABLIG
- AMANAH
- FATANAH

RANCAK TAPIAN DEK RANG MUDO ELOK NAGARI DEK PANGULU

KALUAK PAKU KACANG BALIMBIANG
TAMPURUANG LENGGANG LENGGOKAN
ANAK DIPANGKU KEMENAKAN DIBIMBIANG
URANG KAMPUANG DIPATENGGANGKAN

BALAKU ADAT JO BIMBINGAN PANGULU
BAAMALAN SYARAK JO AJARAN ULAMA
BAJALAN HUKUM JO HAKIM NAN ADIL
RUKUNNYO ANAK KAMANAKAN JO PIAWAINYO
BUNDO KANDUANG

Syarat mendirikan Soko / Penghulu :

1. Ranji / Silsilah kaum nan sapayuang sapatogak
2. Kebulatan kaum yg sudah dewasa sesuai ranji
3. Mewarisi.
4. Disepakati oleh Kampuang (Tuo Kampuang)
5. Disetujui oleh Suku (Ka Ompek Suku)
6. Dipocik oleh Nagari (Pucuak atau nama lain).

Baru Adat diisi Limbago Dituang

SIFAT MAMBANGUN SOKO PADA PRINSIPNYA ADA 5

S
I
F
A
T

1. Mati Batungkek Budi
2. Hiduk Bakarelahan
3. Mangombang nan Talipek
4. Mambangkik batang tarondam
5. Mambuek koto nan baru *)

SIFAT MAMBANGUN SOKO

SIFAT	SEBAB
▪ MATI BATUNGKEK BUDI	MENGGANTIKAN PANGULU YANG BARU SAJA MENINGGAL.
▪ HIDUIK BAKARELAHAN /MANGALIPAH.	MENGGANTIKAN PANGULU YANG MASIH HIDUP, TAPI TIDAK MAMPU LAGI MELAKSANAKAN TUGAS DG BERBAGAI SEBAB.
▪ MAMBANGKIK BATANG TARANDAM.	MENGGANTIKAN PANGULU YANG SUDAH LAMA TIDAK DIPAKAI, KARENA BELUM ADA KETURUNAN LAKI-LAKI.
▪ MANGAMBANG NAN TALIPEK.	MENGGANTIKAN PANGULU YANG SUDAH LAMA TIDAK DIPAKAI, KARENA BELUM ATAU TIDAK SEPAKAT KAUM.
▪ MAMBUEK KOTO NAN BARU.	MANAGAKAN/MAMBANGUN SOKO BARU DARI BERBAGAI SEBAB, SESUAI KEBUTUHAN.

MAMBUEK KOTO NAN BARU ...**contoh :**

- | | |
|-------------------------------|--|
| ▪ MANGGUNTIANG
SIBA BAJU | JUMLAH KAUM BATAMBAH BANYAK,
DITAMBAH PANGULU ,
<u>GELAR BAUJUANG.</u> |
| ▪ PINANG DIBOLAH
DUO | TIDAK SEPAKAT LAGI KAUM TERHADAP
PENGHULU YG SUDAH ADA, INGIN DITAMBAH,
<u>GELARNYA SAMA.</u> |
| ▪ MANGGUNGGUANG
BAO TOBANG | MAMBANGUN SOKO DI TEMPAT LAIN, DENGAN
<u>GELAR YANG SAMA DI TEMPAT ASAL.</u> |
| ▪ BUNGO BAKARANG | MAMBONTUAK PANGULU BARU DENGAN
<u>GELAR BARU.</u> |
| ▪ GODANG
MANYIMPANG | JUMLAH KAUM BATAMBAH BANYAK DI TEMPAT
PEMUKIMAN BARU. <u>GELAR BISA SAMA & BISA BERBEDA KESEPAKATAN.</u> |



TAHAPAN PROSES/KEGIATAN



- MUSYAWARAH MANCARI KESEPAKATAN/ KEBULATAN, KESESUAIAN & PERSETUJUAN .**
- MEMBENTUK PANITIA, SILANG NAN BAPANGKA, KARAO NAN BAPOKOK.**
- MERANCANG BENTUK ACARA, WAKTU ALEK.**
- MEMBICARAKAN SUMBER BIAYA. DLL.**

PROSES KESEPAKATAN

SYARAT UTAMA	BENTUK & CARANYA
SAKATO SELURUH ANGGOTA KAUM	MUSYAWARAH SEMUA ANGGOTA KAUM DIBUKTIKAN SECARA TERTULIS.
SAPOKAT / SASUAI SUKU	MUSYAWARAH SEMUA ANGGOTA KAUM + PANGULU SE SUKU + KA AMPEK SUKU.
SASUKO NAGARI	MUSYAWARAH SEMUA ANGGOTA KAUM + PANGULU SE SUKU + KA AMPEK SUKU DI NAGARI + PUCUAK ADAT . (+ BAKO BAKI + IPAR BISAN + SUMANDO.)

PROSES INI TERDAPAT PERBEDAAN DI BEBERAPA NAGARI, SESUAI DENGAN CARA-CARA YANG SUDAH DIBIASAKAN/DILAKUKAN OLEH GENERASI SEBELUMNYA



KEGIATAN PENDUKUNG



- MAMANGGIA/MAAGIA TAU/MENGUNDANG.
- MAMASANG GABA-GABA,TONGGO, MARAWA DAN MAMBUEK DANGAU/DAPUA/PALANTA.
- MAMBALI JO MAMBANTAI KABAU.
- MAMASAK /MANGGULAI/ BAGARAK.
- PENAMPILAN KESENIAN ANAK NAGARI.
- BARARAK / BAARAK IRIANG MAMBORI TAU.
- MANGGUGUAH AGUANG/ LATUIH BADIA. DLL.



Pelantikan / Patiambalau :

- 
1. Di Medan nan Bapaneh
 2. Penobatan / Pelewahan
 3. Sumpah / Janji Setia
 4. Pengukuhan.
 5. Pemasangan Atribut Kebesaran
 6. Danging Dilapah (Makan Bersama)
- 

**“ ADAT DIISI, LIMBAGO DITUANG,
TANDUAK DITANAM, DARAH
DIKACAU, DAGING DILAPAH ”**



PROSESI DI HARI BATAGAK PANGULU

- DIHARI YANG SUDAH DISEPAKATI, UNDANGAN, PANGGIA.
- DI RUMAH GADANG KEBESARAN PANGULU ATAU DI BALAI ADAT. ATAU BISA JUGA DIAWALI DI RUMAH GADANG , SESUDAH ITU KE BALAI ADAT....
SEMUANYA DENGAN PROSES ADAT.
- TEMPAT DUDUK, SEMUA YANG HADIR DAN UNDANGAN, DI ATUR SESUAI DENGAN KEDUDUKAN DAN FUNGSINYA DI DALAM ADAT DAN PEMERINTAH.
TANPA PROTOKOLER KHUSUS.
- DIMULAI DENGAN PENYAMBUTAN TERHADAP PEJABAT TERTINGGI ,DENGAN TARIAN KESENIAN DAERAH DIIRINGI DENGAN PETATAH PETITIH ATAU PASAMBAHAN ADAT.

**“ WAKTU : DUDUAK, MALEWAKEAN GALA SOKO,
JAMUAN MAKAN MINUM SERTA URAK SELO ”**

**(SEMUANYA DILAKUKAN DENGAN PASAMBAHAN ATAU
PIDATO ADAT.)**

ISI PIDATO ADAT BATAGAK PANGULU

- PENGHORMATAN KEPADA UNDANGAN/HADIRIN.
- UCAPAN SELAMAT KEPADA YANG DI LEWAKAN.
- PERINGATAN KEPADA YANG DILEWAKAN :
STATUSNYA, TUGAS, KEWAJIBAN, PERILAKU, KEMEMIMPINAN, SANGSI ADAT, HUTANG DLL.
- HIMBAUAN KEPADA SELURUH NINIK MAMAK DI NAGARI, ANAK KAMANAKAN, ANAK NAGARI/ URANG KAMPUANG.

MAMASANGKAN SALUAK / DETA, KERIS

JABATAN ADAT	PEJABAT YG MEMASANGKAN
▪ ANDIKO	PANGULU / TUO KAMPUANG
▪ PANGULU / TUO KAMPUANG	KA AMPEK SUKU
▪ KA AMPEK SUKU	PUCUANG ADAT
▪ PUCUAK ADAT	DIPASANG SENDIRI / RAJO / INYIAK.

DAPAT PULA DIPASANGKAN OLEH PEJABAT PEMERINTAH/
UNDANGAN YANG HADIR PADA ACARA TERSEBUT.....
SEBAGAI PENGHARGAAN.



**BAARAK IRIANG/
BARARAK DI JALAN
KAMPUNG/NAGARI**



ASAL USUL NAMA SUKU DI NEGERI IV DAN KAITANNYA DENGAN LIMA PULUH KOTA



OLEH : ZULKIFLI SPd. MM Dt. Rajo Mangkuto
Wakil Ketua LKAAM Lima Puluh Kota

Disampaikan Dalam Seminar Internasional
5 April 2022

PENDAHULUAN

- Sebagaimana telah disampaikan dalam seminar tanggal 30 Juni 2021 yang lalu, dengan judul “Kekerabatan Lima Puluh Kota/Negeri Sembilan Fakta atau Legenda”, disimpulkan bahwa hubungan limapuluh kota dengan negeri sembilan telah terjalin sejak lama sesuai dengan bukti-bukti yang ada.
- Namun demikian jauh sebelum kedatangan perantau yang berasal dari limapuluh kota ke negeri sembilan, migrasi suku Minangkabau sudah berlangsung sejak abad ke 11/12 masehi, tapi kedatangan mereka belum teridentifikasi dengan jelas.

- Baru pada abad ke 15 dan 16 masehi perpindahan orang minang ke semenanjung semakin pesat, hal ini terjadi bersamaan dengan jalulintas perdagangan emas Minangkabau ke Malaka (Dobbin 1977).
- Menurut catatan sumber lokal sebagaimana dipaparkan oleh Abdul Somad Idris (1970) dan juga oleh Moh. Zain dalam website perpustakaan awam Negeri Sembilan (2008). Ada beberapa gelombang perpindahan orang Minang ke pemukiman baru di Negeri Sembilan:
 - Rombongan pertama di bawah pimpinan Dt. Raja bersama istrinya Tuk Sri (Tuo Seri) yang berasal dari Sungai Naning Koto Laweh Limapuluh Kota, rombongan ini singgah di Siak menyebrang ke selat malaka menuju Johor, terus ke Naning dan Rembau dan akhirnya menetap di Landar Naga yang kemudian bernama Kampung Galau.
 - Rombongan Kedua dipimpin oleh Dt. Bandaro Penghulu Alam yang berasal dari Sungai Tarab dan akhirnya menetap di Kampung Sungai Loyang.

- Rombongan ketiga dibawah pimpinan Dt. Mahudum Sati yang berasal dari Sumania, ikut bersama rombongan ini dua orang bersaudara yakni, Sutan Sumania dan Johan Kebesaran. Rombongan ini juga melalui Siak, Malaka, dan Rembau, mereka membuat perkampungan Tanjuang Alam yang akhirnya berganti nama dengan Gunung Pasir.
- Rombongan keempat yang dipimpin oleh Dt. Putiah yang berasal dari Sarilamak Limapuluh Kota, Dt. Putiah inilah yang memberi nama Istana Raja dengan sebutan Seri Menanti
- Rombongan berikutnya dipimpin oleh Dt. Lelo Balang dari Batuhampar Limapuluh Kota, ikut bersama rombongan ini pedagang dari Mungka, Simalanggang, dan Payakumbuh mereka membuka perkampungan di Rembau.

- Rombongan berikutnya di bawah pimpinan Dt. Laut Dalam (Adik Dt. Lelo Balang), rombongan ini mendirikan pemukiman di Kampung Tiga Nenek.
- Sumber ini juga menyebutkan bahwa orang Minangkabau yang pertama tiba di Negeri Sembilan adalah Dt. Lelo Balang yang menetap di Rembau
- Dengan semakin banyaknya perantau minang yang menetap di Naning, Rembau, Tanjung Alam dan Gunung Pasir akhirnya mereka berkelompok ke dalam suku-suku yang ada. Khusus bagi perantau minang yang berasal dari Limapuluh Kota mereka bergabung ke dalam suku sesuai dengan nama nagari dimana mereka berasal seperti Suku Batuhampar, Suku Mungkal, Suku Tiga Nenek, Suku Seri Malenggang, Suku Seri Lemak, Suku Batu Belang dan Suku Tigo Batur.

- Dari sumber di atas jelaslah bahwa suku-suku yang ada di Negeri Sembilan, Tujuh suku berasal dari Kab. Limapuluh Kota, oleh sebab itu tidaklah mengherankan jika kedua daerah ini ingin membina hubungan kekeluargaan yang telah lama terputus. Sekalipun begitu sejak Indonesia merdeka beberapa suku yang berasal dari Kab. Limapuluh Kota masih saling kunjung mengunjungi sampai saat ini, misalnya yang Penulis tahu suku Serilamak dan suku Batubelang.

APAKAH KEDUA DAERAH SALING MEMPENGARUHI

- Untuk menjawab pertanyaan tersebut adabaihnya kita camkan pesan orangtua “Hati-hati memilih teman, pengaruh lingkungan itu luarbiasa”.
- Hal ini juga sesuai dengan pakar pendidikan, betapapun baiknya pendidikan seseorang di dalam keluarga dan dididik dengan baik pada jenjang pendidikan tertentu, namun jika orang itu bergaul kemudian dengan lingkungan yang tidak baik maka lambat laun orang itu akan menjadi jahat atau sebaliknya. Artinya semakin tinggi kedekatan seseorang dengan orang lain maka semakin besar pula kemungkinan keduanya untuk saling mempengaruhi.

- Secara umum kekerabatan antara Kab. Limapuluh Kota dengan Negeri Sembilan akan mempengaruhi budaya, kebiasaan serta gaya hidup masyarakat kedua daerah itu, misalnya penulis pergi ke Negeri Sembilan dan menetap agak seminggu saja dalam komunitas Suku Batubelang seakan akan Penulis berada di kampung halaman Batubelang Kab. Limapuluh Kota, atau sebaliknya. Hal itu penulis rasakan ketika berjumpa dengan dunsanak suku Batubelang yang tinggal di Negeri Sembilan November 2019 yang lalu, ketika itu penulis bersama dengan rombongan LKAAM Kab. Limapuluh Kota.

- Walau demikian ada yang belum penulis tanyakan kepada dunsanak suku Batubelang yang ada di Negeri Sembilan yaitu mengenai budaya Sunat Rasul atau sunatan. Dibatubalang anak laki-laki yang telah berumur 10/11 tahun jika melaksanakan sunatan maka harus dijemput oleh Bako/Keluarga sang ayah, setelah berpakaian sunatan (mirip dengan pakaian penghulu) maka anak laki-laki itu dinaikkan ke atas kuda yang telah disiapkan dan diarak bersama-sama ke rumah ibunya untuk disunat, arakan itu biasanya diiringi oleh pihak bako yang membawa nasi kunyit dan diiringi musuk gamat minang khas batubalang, sedangkan malamnya dilaksanakan hiburan biasanya “Saluang”. Apakah budaya sunatan ini ada di Negeri Sembilan khususnya dalam suku batubelang ?

MENDALAMI ADAT PERPATIH BERDASARKAN TAMBO ALAM MINANGKABAU

AHMAD BAZRI MOKHTAR & MOHD ROSLI SALUDIN

Institut Alam & Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini adalah tentang Mendalami Adat Perpatih Berdasarkan Manuskrip Tambo Minangkabau (Koleksi Peribadi Khairuddin Haji Khudri) dan yang dilihat ialah sejarah munculnya Adat Perpatih di Minangkabau serta dikaitkan dengan Negeri Sembilan. Pengkaji telah membuat analisis teks tambo dan kemudian dibandingkan dengan Adat Perpatih yang sedang diamalkan di Negeri Sembilan. Pengkaji juga telah menggunakan kaedah mengalami dan juga menghayati dan didapati Adat Perpatih di Negeri Sembilan memang ada kaitan dengan adat yang ada di Minangkabau terutama di Kawasan 50 Koto dan juga Tanah Datar tempat datangnya mereka dan mengadakan suku di Negeri Sembilan mengikut nama asal tempat masing-masing. Adat Perpatih dan Adat Temenggung adalah dalam satu rumpun dan ada di Negeri Sembilan dan Naning Melaka sahaja. Adat negeri lain di Malaysia adalah Adat Melayu mengikut negeri masing-masing. Adat yang ini adalah Adat Temenggung yang berasal dari Palembang. Ditemui juga Undang-Undang Sembilan Pucuk yang diamalkan sejak dari dahulu hingga sekarang ini yang boleh menjadikan masyarakat hidup aman dan damai. Keakraban Dato' Perpatih dengan Dato' Ketemenggungan dalam perlaksanaan adat telah menjadi panduan dalam menjalankan Adat Perpatih dan Adat Temenggung dan banyak nasihat mereka yang boleh dijadikan sebagai nilai pendidikan dalam membentuk masyarakat. Kajian Undang-Undang Adat Perpatih dalam Tambo Minangkabau ini telah menjadikan panduan yang terbaik kepada penganut dua adat tersebut untuk dibudayakan secara terbaik.

Kata Kunci: Mendalami, Adat Perpatih, Tambo Alam Minangkabau

PENGENALAN

Kajian ini adalah tentang undang-undang Adat Perpatih yang terdapat dalam Tambo Alam Minangkabau yang manuskripnya bertarikh 1822 berdasarkan watermarknya. Naskhah manuskrip ini adalah kepunyaan dan koleksi warisan keluarga Encik Khairuddin Haji Khudri. Ia mempunyai 18 lembaran (bergulung) yang bersambung. Tiap-tiap lembaran 18 inci panjangnya dan panjang keseluruhannya naskhah ini ialah 252 inci bersamaan 21 kaki. Pada asalnya naskhah manuskrip ini disimpan dengan keadaan bergulung dalam sebatang buluh. Kemudiannya ia disimpan di dalam sebuah bekas kedap udara. Bersamaan manuskrip ini diletakkan surat pengenalannya sekali. Surat ini sangat penting sebagai langkah pengenalan nya. Jika mengikut kertas ini banyak

penulisan bawah daripada tahun 1830 masih yang menggunakan kertas seperti naskhah manuskrip ini. Ia juga ada menyebut beberapa kerajaan yang terpenting di Alam Melayu.

Manuskrip Tambo Alam Minangkabau ini dipunyai oleh Encik Khairuddin Haji Khudri yang pengkaji kenali dalam emel. Emelnya telah pengkaji jawab dan menghubunginya melalui panggilan telefon dan sempat berbincang sepintas lalu tentang manuskrip tersebut. Pengkaji telah bertemu dengan Encik Khairuddin Haji Khudri di Pejabat Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pertemuan ini telah mewujudkan perbincangan yang lanjut untuk memeriksa manuskrip ini dan akhirnya berlaku soal jawab untuk mengenali manuskrip ini dengan lebih lanjut lagi.

Manuskrip Tambo Alam Minangkabau ini adalah berasal dari Haji Khudri Haji Tahir iaitu ayah kepada Encik Khairuddin yang semasa kecilnya telah dihantar ke Madrasah Al Junaid, Singapura untuk menyelamatkan diri dari pada ancaman Belanda pada masa tersebut. Kampung asalnya adalah di Sibolga dan keturunannya ada yang berasal dari Pariaman dan Bangkahulu dan dalam kiraan manuskrip ini asalnya daripada keturunannya sendiri. Dato Hitam yang dari keturunannya pernah menjadi penguasa di Sibolga dan bernama Abdul Mutualib. Penyalin manuskrip ini berada di Padang dan jelas adalah asal Minangkabau. Dato Hitam berkahwin dengan orang Minangkabau dan sering berulang alik dari Padang Pariaman. Haji Khudri ketika berumur 18 tahun telah dicari oleh Belanda untuk menjadi penguasa di suatu jabatan di Sibolga. Demi keselamatan beliau mengikut Syeikh Ibrahim Samanhudi ke Pahang atas jemputan Sultan Abu Bakar.



Sumber: <https://indonesia.go.id/kategori/komoditas/718/menyusuri-jejak-datuk-itam-di-sorkam-tapanuli-tengah>

Syeikh Saman telah dilantik menjadi Pengetua Kuliyyah Abu Bakar dan Haji Khudri menjadi guru kanan serta penterjemahnya. Syeikh Ibrahim kemudiannya telah dilantik menjadi mufti Pahang atas kepakaran dan ilmu dalam bidangnya. Haji Khudri pula telah berkahwin dan telah menjadi kesayangan kepada Tengku Sulaiman. Tambo seperti ini turut ada di Naning, Melaka bertarikh 1897. Ada juga digunakan tambo 1824 sebagai perbandingan dengan tambo asal yang dibuat kajian. Perbandingan itu supaya dapatan tersebut boleh menjadi mantap. Jadi nampak jelas asal-usulnya manuskrip tambo ini dan diketahui akan salasilahnya sejak asalnya lagi dan memang layak untuk dijadikan rujukan terutama dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan untuk menjelaki asal adatnya. Kita perlu lihat dan analisis yang tersirat di sebalik tambo, maka kita akan dapat jumpa kekuatan adat dan sejarah Adat Perpatih tersebut. Jangan kita lihat selapis kerana kita tidak akan Nampak akan kebenarannya.

ASAL-USUL ADAT PERPATIH NEGERI SEMBILAN YANG ADA DALAM TAMBO

Menurut manuskrip ini Raja Iskandar Zulkarnain telah berkahwin dengan Puteri Raja Rom dan telah melahirkan tiga orang putera. Maharaja Dipang telah bergerak dan menjadi raja di negara China. Maharaja Alif menjadi raja di Eropah terutama di Rom dan Maharaja Diraja pula menjadi raja di Tanah Jawi iaitu belah Alam Melayu. Di Tanah Jawi kapalnya terdampar berdekatan gunung Merapi dan dititahkan sesiapa yang dapat baiki kapal ini ia akan berkahwin dengan puterinya. Pengikutnya yang setia seperti Anjing Mualim, Harimau Champa, Kambing Hutan, Kucing Siam sentiasa mendampingi baginda. Pengiring tadi nama sahaja binatang tetapi kerana kehebatannya maka gelarannya seperti itu. Bagi yang ke Luak Agam berteraskan anak harimau, manakala yang ke 50 Koto pula ialah anak kambing dan yang ke Candung Lasi anak kucing. Melalui keadaan ini berkembang luas keturunan ini (Manuskrip, 1822: 5-8).

Berdasarkan nama-nama di atas kita akan dapat lihat bahawa Adat Perpatih ini datangnya dari keturunan yang hebat. Anjing Mualim ini adalah seorang pahlawan yang warak yang datangnya dari Han jiang, China iaitu kerajaan yang besar pada ketika itu. Manakala Harimau Champa, Kambing Hutan dan Kucing Siam adalah pahlawan dan orang hebat yang datang dari Champa dan sebelah Siam yang dahulunya adalah

kepunyaan negeri Melayu asal. Melalui kawasan ini jugalah lahirnya Kanturah iaitu isteri Nabi Allah Ibrahim yang ketiga.



Foto 1: Halaman awal manuskrip tambo
Sumber: Mohd Rosli Saludin (2021)

Jadi perkembangan nama-nama tempat banyak berdasarkan dari cerita Tambo Alam Minangkabau di atas. Mereka berkembang dari dahulu lagi sehingga ke anak cucu cicit sekarang ini. Membentuk masyarakat dan adatnya sediri dalam masyarakat Alam Minangkabau itu sendiri. Sampai suatu tahap mereka merantau hingga ke Negeri Sembilan terutama dalam adad ke 14 Masihi. Kesampaian mereka terus ke Naning terutama kawasan Melekek dan di sini jugalah sampainya Dato' Perpatih Sebatang dan kemudiannya Dato Perpatih Nan Sebatang dan mereka berpecah ke Rembau, Johol, Ulu Muar, Gunung Pasir, Terachi dan ke Jempol. Ketika di Negeri Sembilan mereka menamakan suku yang dianuti berdasarkan dari tempat mereka datang. Merantaunya mereka ini berdasarkan teromba yang mengatakan:

*Keretau medang di hulu
Berbuah berbunga belum
Merantaulah bujang dahulu
Di kampung berguna belum*

Berdasarkan teromba di atas didapati bahawa orang Minangkabau akan sentiasa keluar merantau untuk mencari rezeki dan juga pengalaman di rantau. Setelah cukup semuanya mereka akan kembali ke tempat asal untuk berbakti dan ini menunjukkan

hebatnya orang minang yang sentiasa berpegang kepada adab, budi, sopan dan juga santun. Kehebatan yang seperti inilah yang tiada pada etnik yang lain.

Masyarakat Minangkabau yang menganut Adat Perpatih di Negeri Sembilan melazimkan hidup bersuku-suku dan perkataan suku itu bermakna keluarga atau kaum. Dahulukala apabila Adat Perpatih mula disusun dan dikuatkuasakan di Minangkabau penduduk negeri itu terpaksa di bahagikan kepada empat pecahan iaitu Bodi, Caniago, Koto dan Piliang. Tiap-tiap satu daripada pecahan-pecahan yang empat itu di panggil suku atau seperempat dari yang seluruhnya. Jadi ke empat-empat Suku Bodi, Caniago, Koto dan Piliang itu merupakan suku-suku asal Minangkabau. Suku Bodi dan Caniago cenderung kepada Adat Perpatih dan Suku Koto dan Piliang cenderung kepada Adat Temenggung. Semua orang yang sesuku hidup sebagai adik beradik, anak beranak dan bersanak saudara belaka antara satu dengan yang lain (Abdul Rahman Hj Mohammad, 1964: 27-28).

Sebelum menjalani Luak-Luak Nan Tigo Dato' Perpatih sudah memperluaskan daerah pusat kerajaan Dusun Tuo dengan membentuk persukuan-persukuan baru arah ke timur Dusun Tuo serta melantik penghulunya. Di antara suku yang diwujudkan ialah Suku Sungai Napar, Suku Jambah, Suku Sumagek, Suku Mandaliko, Suku Bodi Supanjang, Suku Kampai, Suku Balai Gamba, Suku Singkuang, Suku Sumpu, Suku Kutti Anyie (Himpunan Tambo Minangkabau dan Bukti Sejarah, 1978: 24-25)

Jelaslah menunjukkan bahawa suku di Minangkabau ini cukup banyak dan tumbuh mengikut keadaan dan masanya. Bukan semua suku di Minangkabau ini ada di Negeri Sembilan kerana sebahagian sahaja yang merantau sampai di Negeri Sembilan membentuk suku-suku yang ada seperti hari ini., suku-suku itu juga sentiasa berkembang hingga ke hari ini dan bukannya tertakluk kepada empat suku yang dijelaskan pada peringkat awalnya.

UNDANG-UNDANG ADAT PERPATIH DALAM TAMBO

Undang-undang Adat Perpatih dalam manuskrip tambo ini ada menceritakan tentang penghulu iaitu seperti sabda Nabi Muhammad S.A.W pada segala umatnya barangsiapa memerintah segala kaumnya maka ia adalah penghulu. Jadi pesanan ini ditujukan kepada semua yang dikatakan pemimpin dan apatahlagi yang menjawat jawatan penghulu.

Adapun penghulu ada empat perkara:

1. Pertama Penghulu Namanya
2. Kedua Pengalah Namanya
3. Ketiga Penguluh Namanya
4. Keempat Pengalih Namanya

Sebagai perbandingan tambo berikut juga mempunyai penekanan yang sama tentang peranan pemimpin seperti penghulu. Seorang pemimpin mempunyai tanggungjawab yang berat untuk kepentingan orang bawahannya. Pemimpin yang baik itulah yang akan menjadi ikutan dalam Adat Perpatih dan bukannya pemimpin yang tangkap muat dan untuk memenuhi tempat. Mereka juga dipilih atas dasar muafakat, musyawarah dan sudah diteliti kebolehannya serta bersifat amanah. Jelaslah setiap tambo mempunyai dasar cerita yang sama dan yang agak berbeza adalah olahannya sahaja.

Siapa melantik kaumnya maka ia tulah penghulu namanya. Adapun Penghulu itu empat bagi pertama penghulu namanya, kedua pengalah namanya, Ketiga penguluh namanya keempat pengalih namanya bermula erti penghulu. Itu melantik ia akan segala kaumnya seperti nabi melantik umatnya. Bermula erti pengalah itu jikalau kata benar sekalipun disalahinya juga. Adapun erti penguluh itu mengikut kata orang saja. Adapun erti pengalih itu tiada ia takut akan janji sema Islam. Adapun yang sebenar-benar penghulu itu barangsiapa kuat ia menyuruhkan orang berbuat baik dan kuat ia menegahkan orang berbuat jahat dan wajib pula atas Penghulu itu berbuat gantang kurang dua lima puluh tahil,dengan bungkal yang betul dan cupak dua belas tahil berertinya diagihkan sebuah sekoto maka diperbuat lembaga alam ia, tertib tiap-tiap negeri dan kelakuan tiap-tiap negeri itulah yang dipakai oleh alam semahunnya daripada tanah maka lalu ketanah Rom lalu pula. (Tambo 1824: 20)

Dalam hal harta adat pusaka Dato' Perpatih telah meletakkan ianya kepada anak buah dan bukannya kepada anak sendiri. Hal ini berdasarkan kepada jasa anak buah kepada Dato' Perpatih yang sanggup menjadi landasan kapal sebelum kapalnya diluncurkan. Tanpa ada landasannya seperti itu maka kapal Dato' Perpatih tidak boleh meluncur dengan baik. Cerita ini sangat jelas dalam tambo 1824 dan hal inilah yang dijadikan asas hukum kepada Adat Perpatih sehingga kini dan ianya perlu dijelaskan kepada semua anak buah.

Surut maka berkatalah datuk nan bedua itu kepada segala anak cucu. Hai kamu segala anak cucu kami marilah kamu akan jadi gelipan perahu kerana perahulah sudah terkarang ditepi pasir. Maka menyahut segala anak cucu taklah kami akan jadi gelipan perahu itu. Maka berkatalah pula datuk keduanya itu kepada segala kemenakan lelaki dan perempuan. Hai segala kemenakan kami lelaki dan perempuan mahulah kamu akan jadi gelipan perahu kami. Maka menyahut segala kemenakan itu jikalau demikian kata nenek emak kami baik segala kamu akan jadi gelipan perahu nenek mamak kamu. Maka berjalanlah segala kemenakan itu ketepi pasir maka didapatinya, perahu itu sudah lah bangunlah penankunya. Maka berkatalah cati bilang pandai. Hai segala Datuk orang besar-besar kamu segala, janganlah dipulangkan pusaka kepada anak cucu semahunnya. Melainkan kembalikan kepada kemenakan jua semahunnya. Maka berkatalah datuk perpatih sebatang, hai Cati bilang pandai apa sebabnya maka demikian katamu. Maka sahut cati bilang pandai, ampun saya kepada datuk segala kawal beribu kali ampun kerana saya jua sayu segala anak tiada ia mahukan jadi gelipam perahu itulah. Sianya maka baik datuk kembalikan pusaka sawah, ladang, emas, perak, kerbau binatang kepada kemenakan kerana baik sahaja nan disukakan pada anak jahat tiada disukakannya, sebab itulah pusaka pulang kepada kemenakan (Tambo 1824: 41-42).

Ungkapan tambo di atas menunjukkan bahawa adat yang teradat iaitu sumber adat yang kedua dijadikan panduan tentang adat harta adat dan pusaka. Hal ini menjelaskan peristiwa sejarah peluncuran perahu Dato Perpatih dijadikan sebagai bukti ketaatan anak buah terhadap Dato Perpatih. Taatnya sebagai landasan perahu maka segala harta adat pusaka adalah diwarisi oleh mereka nanti. Harta tersebut berupa sawah, ladang, emas, perak dan kerbau binatang. Pengorbanan segala anak buah tetap dihargai. Secara tersirat anak buah akan sentiasa menjaga bapa saudaranya pada bila-bila masa. Maruah bapa saudaranya tetap diutamakan dan tidak akan diberi malu. Dalam hukum adat yang ketika iaitu adat yang teradat maka telah diperbincangkan dalam adat perpatih dan telah mendapat kata muafakat yang terdahulu bahawa anak lelaki mempunyai kuasa yang besar juga terhadap harta adat pusaka. Anak lelaki adalah sebagai pelindung, pembimbing dan penasihatnya. Anak buah perempuan sebagai pewaris sahaja. Perjalanan dalam hal harta adat pusaka itu perlu dibuat secara musyawarah dan muafakat. Setiap pemimpin haruslah menjalankan amanahnya dengan baik kerana setiap apa yang dibuat akan tetap di Nilai oleh Allah nanti. Pemimpin yang terbaik adalah pemimpin yang elok dan juga pandai ke arah kebaikan. Pemimpin yang baik juga adalah datangnya dari benih dan keturunan yang baik. Pemimpin yang datangnya dari keturunan toman (hamba) dan juga anak yang tidak sah taraf juga akan ditolak. Jelaslah bahawa Adat Perpatih mahukan pemimpin yang cukup baik dan bukannya tangkap muat sahaja.




Foto 2: Halaman Manuskip yang menyatakan pasal Penghulu
Sumber: Mohd Rosli Saludin (2021)

Jadi seseorang pemimpin wajiblah memiliki ‘pakaian’, iaitu ‘pakaian batin’, yang lazim disebut sifat dan kepribadian terpuji, yang sentiasa melekat dalam dirinya. ‘Pakaian’ ini secara cermat dan indah dikenalkan. Pakaian pemimpin ini juga harus bersandarkan juga kepada syarak, adat dan juga budi. Ketiga-tiga ini akan saling bergandingan dan akan disebut sebagai tungku tiga sejерangan atau tali tiga sepilinan. Dalam teromba adat yang berbunyi:

*Memakai syarak lahir dan batin
Imannya tebal adat pun kental
Taqwanya nampak ilmu pun banyak
Berdada lapang berfikiran Panjang
Bermuka jernih berlidah fasih
Berpendirian teguh berakal senonoh
Berpijak tidak berkisar
Bercakap tidak beralih.*
(Tenas Effendy, 2000: 11)

Jadi erti penghulu memerintah segala kaumnya seperti nabi kasih kepada umatnya, pengaluh jikalau kata nabi sekalipun disalahi juga, pengalah mengikut atau mengikat kata sahaja dan pengalih tiada teguh akan janji sesama Islam. Maka adapun sebenar-benar penghulu menyuruhkan berbuat baik dan menegahkan berbuat jahat.

Penghulu yang benar-benar memegang fungsi dan tugasnya akan menyelamatkan negeri dan membuat keamanan dalam negeri. Keamanan ini sangat penting. Zaman dahulu para penghulu benar-benar memegang tugasnya dengan taatnya sehingga

keamanan dapat diwujudkan. Maka pada zaman dahulu tidak diperlukan polis untuk menjaga keamanan.tidak juga diperlukan tentera (H. Datoek Toeah, 1976: 63).

Dalam manuskrip ini juga ada di ceritakan perkahwinan Iskandar Zulkarnain dengan Puter Raja Rom dan akhirnya melahirkan Maharaja Dipang, Maharaja Alif dan Sutan Seri Maharaja Diraja. Maharaja Dipang telah mentadbir di negara China, Maharaja Alif di Eropah terutama di Rom dan Sutan Seri Maharaja Diraja telah sampai ke Pulau Jawi iaitu tanah yang kita duduk sekarang ini. Baginda telah diiringi oleh 16 orang pengiring antaranya ialah Anjing Mualim, Kucing Siam, Harimau Campa dan Kambing Hutan. Dalam pelayaran kapal baginda telah terdampar di Gunung Merapi dan dengan kuasa Allah binatang tersebut jadi manusia dan telah membantu dan me merintah ditempat masing-masing. Paling menarik Kambing Hitam dan pengikutnya telah membuka 50 Koto dan dari 50 Koto inilah mereka dating meneroka di Negeri Sembilan pula mewujudkan Adat Perpatih dengan nama suku mengikut tempat mereka dating. Wujudlah Suku Seri Melanggang, Suku Paya Kumboh, Suku Tiga Batu, Suku Batu Belang, Suku Batu Hampar, Suku Tiga Nenek, Suku Seri Lemak, Suku Mung kal dan Suku Tanah Datar dari Tanah Datar, Suku Anak Aceh dari Aceh, Suku Anak Melaka dari Melaka dan Suku Biduanda asal dari Negeri Sembilan.

Duli Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan juga iaitu Raja Melewar, Raja Hitam dan Raja Lenggang adalah dijemput dari tanah Minangkabu. Undang-undang Adat yang diamalkan di Negeri Sembilan adalah Undang-Undang Adat Perpatih dan Adat Temenggung yang dibawa dari Minanangkabau dan undang-undang ini juga ada di Naning Melaka. Negeri-negeri lain di Malaysia adalah mengamalkan Adat Melayu mengikut negeri dan Adat Temenggung yang berasal dari Palembang. Paling menarik dalam tambo ini ada ditunjukkan cop mohor yang mempunyai lapan kelopak dan itu adalah gambaran Pagar Ruyong. Yang menariknya ada tanda rubu'hizb dan rupanya pun sama lapan kelopak tapi berbucu lapan. Jelas nama dalam cop tersebut adalah Sultan Maharaja Diraja Sultan Abdul Jalil.




Foto 3: Halaman manusrip yang menyatakan cop mohor yang mempunyai lapan kelopak
Sumber: Mohd Rosli Saludin (2021)

Dalam manuskrip tambo ini juga ada diceritakan bahawa setiap pemimpin menerima amanah Allah sebagai pemimpin ialah dari Nabi Allah Adam yang merupakan wakil Allah di muka bumi ini. Raja yang baik dan amanah adalah wakil Allah di muka bumi ini. Inilah sebenarnya Daulat yang dipikul oleh raja yang baik dan amanah.

Rata-rata dalam manuskrip tambo ini menggelarkan pembina Undang-Undang Adat Perpatih ialah Dato Perpatih Sebatang dan inilah yang bergabung dengan Dato Ketemenggungan. Adat Perpatih berjinjang naik dan Adat Temenggung bertangga turun. Adat Perpatih ini bersifat matrilineal dan adat yang diamalkannya bermaksud tatacara kehidupan yang berbentuk perlombongan yang nampak dan tidak nampak. Dato Perpatih sebatang ini bermaksud ia seorang sahaja dan bila ia berkata sudah pasti akan diterima oleh semua orang. Dato Perpatih Nan Sebatang pula wujud ramai dan timbul dalam abad selepasnya. Adat yang diamalkan adalah adat yang sebenar adat, adat yang diadatkan,

adat yang teradat dan adat istiadat. Semuanya adalah berpaksi kepada Adat bersendi syarak dan syarak bersendi kitabullah.




Foto 4: Halaman manuskrip yang menyatakan Adat perpatih adalah pusaka yang diperturunkan kepada kemanakan. Sumber: Mohd Rosli Saludin (2021)

Dato Ketemenggungan yang berasal dari Minangkabau bukan pengasas undang-undang adat bagi masyarakat Melayu, Aceh, Bugis dan sebagainya. Beliau hanya pengasas undang-undang adat masyarakat Minangkabau dan seterusnya dikenali sebagai Adat Temenggung. Undang-Undang Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka adalah contoh undang-undang Melayu itu sendiri. Undang-undang Melayu terbahagi dua iaitu:

1. Undang-undang adat Melayu iaitu semua naskhah yang lahir daripada adat budaya hidup masyarakat Melayu di alam Melayu termasuk Aceh, Bugis dan lain-lain lagi yang diamalkan adat Melayu.
2. Undang-Undang Adat Minangkabau, iaitu semua naskhah yang berdasarkan adat budaya hidup masyarakat alam Minangkabau yang diasaskan Dato' Perpatih (Adat Perpatih) dan Dato' Ketemenggungan (Adat Temenggung), sama ada ditulis di Minangkabau atau di luar Minangkabau. Termasuk dalam kumpulan ini adalah Adat Perpatih dan Adat Temenggung yang menjadi amalan masyarakat di Negeri Sembilan dan lain-lain daerah yang mengamalkan adat Minangkabau di Sumatera (Jelani Harun, 2008).

Dalam tambo ini juga terdapat Undang-Undang Sembilan Pucuk yang menjadi panduan dalam Adat Perpatih dan elok dihayati secara tersurat dan tersirat untuk dijadikan sebagai panduan.

1. Pertama undang-undang takluk kepada raja
2. Kedua undang-undang takluk kepada kepala atau penghulu
3. Ketiga undang-undang takluk kepada sekelian alim dan ulama yang bertugas sebagai hakim dan kadhi
4. Keempat undang-undang takluk kepada segala jenis permainan atau disiplin olahraga
5. Kelima undang-undang takluk kepada bunyi-bunyian
6. Keenam undang-undang takluk kepada sekelian keramaian
7. Ketujuh undang-undang takluk kepada yang bertugas dalam bidang apapun di bawah kolong langit ini
8. Kelapan undang-undang takluk kepada kebesaran
9. Kesembilan undang-undang takluk kepada segala manusia




Foto 5: Halaman manuskrip tentang Undang-undang 9 Pucuk
Sumber: Mohd Rosli Saludin (2021)

Sekelian peraturan dan undang-undang dalam segala bidang apapun sudah termasuk dalam pembahagian yang sembilan itu. Bila manusia mematuhi yang sembilan ini akan

damailah masyarakat dan tenteram dalam masalah apapun juga. Undang-Undang Sembilan Pucuk ini setiap undang-undangnya mengandungi 500 pula anaknya. Setiap undang-undang ini sangat berguna dalam Adat Perpatih kerana ia boleh membentuk masyarakat Adat Perpatih menjadi beradab, berbudi, bersopan dan juga bersantun.

Tegasnya Undang-Undang Sembilan Pucuk ialah:

1. Takluk kepada raja dinamai tambo
2. Takluk kepada alim dinamakan suluh bendang
3. Takluk kepada orang banyak dinamakan pusaka
4. Takluk kepada penghulu dinamakan adat lembaga
5. Takluk kepada hakim dikatakan cupak gantang
6. Takluk kepada wanita dinamakan cupak yang tidak boleh penuh, gantang yang tidak boleh luak

Segala peraturan itu tidak disuratkan hanya diturunkan sahaja kepada anak cucu sampai ke akhir zaman tetapi sepatah tidak boleh berubah, setitik tidak boleh bertukar (H. Datoek Toeah, 1976: 89).

Dalam manuskrip tambo ini juga ada dijelaskan tentang Dato' Perpatih dan Dato' Ketemenggungan yang banyak mendidik anak buah dan orang yang dipimpinnya secara bersama. Misalnya suatu ketika Dato' Ketemenggungan dan Dato' Perpatih telah melawat ke daerah-daerahnya. Sebagaimana kebiasaan pemimpin bila singgah di tempat lawatannya telah memberi amanat kepada rakyat. Di Koto Anau dan di Selayo mereka memberi amanat. Petaruh yang harus dipegangkan oleh penghulu dalam tiap-tiap negeri dan rakyat harus menanamkan perasaan kasih sayang di dalam hatinya. Kasih itu ada bermacam pula ragamnya, iaitu:

1. Pertama kasih kepada isi negeri. Maksudnya ialah supaya hidup dalam rukun dan damai, tidak berselisih dan turut menurut
2. Kedua kasih kepada negeri. Maksudnya ialah cinta kepada tanah air. Tanah air kampung halaman wajib dibela bermati-matian bila keadaan meminta dan dipelihara kampung halaman itu menurut, adat, syarak dan undang-undang
3. Ketiga kasih sayang kepada orang kaya-kaya. Ertinya orang kaya-kaya itu bukannya untuk dibenci dan dijauhi tetapi harus dirapati dan dijadikan sahabat

- supaya dapat terbuka hatinya sehingga mereka mahu memberikan bantuan dan sumbangannya untuk kemakmuran dalam negeri.
4. Keempat kasih kepada orang tua-tua. Maksudnya orang tua-tua itu sudah banyak memberikan jasa baktinya kepada negeri dan rakyat, mereka sudah lama hidup, banyak pengalaman dan pengetahuannya. Petua-petua mereka berharga dan mereka tidak boleh disingkirkan begitu sahaja. Mana yang tidak mampu wajib diberikan bantuan seperlunya.
 5. Kelima kasih kepada orang alim. Maksudnya kita harus cinta kepada ilmu pengetahuan dunia dan akhirat.
 6. Keenam kasih kepada orang besar-besar. Ertinya rakyat harus mematuhi perintah orang besar-besar bilamana mereka memberi perintah atas jalan yang lurus dan benar.
 7. Ketujuh kasih kepada penghulu yang benar, ertinya harus mematuhi perintah penghulu dalam semua kaum
 8. Kelapan kasih kepada orang yang berbicara. Maksudnya nasihat-nasihat orang yang baik harus disimpan dan dilakukan sebaik-baiknya.




Foto 6: halaman manuskrip yang membicarakan tentang amanah seorang pemimpin.

Sumber: Mohd Rosli Saludin (2021)

Bagaimana pula supaya rakyat malu kepada kita. Hendaklah dipegang enam perkara iaitu:

1. Pertama kuat berpegang atas kebenaran dengan jalan memberikan pelajaran dan nasihat-nasihat yang berguna bagi masyarakat
2. Kedua kuat berbelanja atas jalan kebaikan bukannya berfoya-foya atas biaya negara atau mengeluarkan biaya-biaya yang kurang perlu untuk pekerjaan yang sebenarnya tidak berharga atau membazir.
3. Ketiga memperbaiki parit dan pagar dalam negeri.
4. Keempat kuat mengusahakan pekerjaan sosial dalam kampung.
5. Kelima tahu akan benar dan salah
6. Keenam kuat menyelesaikan yang kusut dalam negeri.




Foto 7: Halaman manusrip yang menyatakan untuk orang malu kepada kita

Sumber: Mohd Rosli Saludin (2021)

Amanat yang harus dipegangkan oleh orang yang memegang bicara dalam negeri ada pula empat perkara iaitu:

1. Pertama janganlah berdengki-dengkian
2. Kedua jangan hina menghinakan
3. Ketiga jangan bertolong-tolongan atas kerja maksiat
4. Keempat jangan jadi batu api orang berkelahi dan berbantah




Foto 8: Halaman Manuscrip tambo yang menyatakan empat amanat/pesanan untuk rakyat

Sumber: Mohd Rosli Saludin (2021)

Seseorang yang ingin menjadi manusia yang terpandang dan terhormat dalam masyarakat lebih banyak lagi syarat-syaratnya iaitu dua belas macam:

1. Pertama suka memberi makan isi kampung, maksudnya tangan terbuka untuk menolong supaya rakyat mendapat pekerjaan dan membantu mereka ketika kesusahan
2. Kedua kuat mengerjakan kerja kebajikan dan meninggalkan kejahatan
3. Ketiga banyak harta, tetapi banyak harta ini bukan didapati dari hasil rasuah, penyeludupan, penganiayaan, penipuan dan sejenisnya, melainkan dari hasil keringat sendiri secara baik
4. Keempat banyak memberi pengajaran yang baik-baik
5. Kelima berhati suka kepada orang banyak atau bersifat ramah tamah, kaya senyum dan pintar bergaul
6. Keenam lebihkan membuat pekerjaan yang mendatangkan kebaikan
7. Ketujuh semuanya lebih, ertinya terkemuka dalam segala hal pengalaman dan pengetahuan
8. Kelapan belanjanya lebih, maksudnya bukan hidup mewah melainkan menolong orang
9. Kesembilan tidak suka dipuji orang dan tidak marah diumpat orang
10. Kesepuluh kasih sayang kepada rakyat dalam negeri
11. Kesebelas pandai berbicara
12. Keduabelas fasih berbicara

Semua bentuk peringatan di atas patut kita jadikan peraturan dan undang-undang yang perlu dihayati dalam Adat Perpatih kerana semuanya adalah untuk membawa masyarakat ke arah kebaikan dan cemerlang dunia dan akhiratnya. Jika kita menjadi rakyat atau pemimpin maka peringatan inilah yang perlu dikuasai dan diamalkan secara ikhlas dan beramanah. Kekuatan Adat Perpatih nayak menerima pengaruh daripada dua naskhah induk Adat Perpatih iaitu Undang-Undang Minangkabau dan Tambo Minangkabau. Kedua-dua mengandungi pelbagai aspek amalan, kepercayaan dan falsafah hidup masyarakat Adat Perpatih termasuk dalam hal pemerintahan dan penentuan hukum (Edwar Djamaris, 1981).

Pada suatu ketika pula melalui manuskrip tambo Minangkabau ini Dato' Ketemenggungan teclah mengadakan rapat yang besar dengan dihadiri oleh semua rakyat dari berbagai lapisan. Sudah tentu lengkap dengan malim, manti dan dubalang dari kedua kelarasen Koto Piliang dan Bodi Cianiago. Paling menarik pesannya bahawa jangan bermusuh dengan Bodi Cianiago kerana mereka sudah mengisi cukai menurut adat lembaganya. Mereka sudah banyak mendirikan kerajaan, membangunkan balairung adat tempat raja dan rakyatnya bermuafakat. Yang mendirikan dan mengembangkan payung di atas Koto Piliang ialah Bodi Cianiago. Jasa Bodi Cianiago ini terlalu banyak untuk disebut satu persatu.

Terhadap undang-undang Minangkabau ini menyatakan amalan hukum berasaskan dua sumber utama iaitu hukum adat dan hukum syarak. Hukum syarak bersumberkan Al Quran dan Hadis, sementara hukum adat adalah warisan daripada Dato' Ketemenggungan dan Dato' Perpatih Sebatang. Sekiranya disusun semula sejarah awal undang-undang adat ini dari Mercu Gunung Merapi dapat diandaikan undang-undang tersebut sudah bermula sejak sebelum kedatangan Islam. Ciri-ciri keaslian undang-undang begitu ketara melalui pepatah -petitih adat yang diungkapkan, tersusun dalam aturan cupak, gantang, kata pusaka dan sebagainya. Hal tersebut tersurat dalam Edwar Djamaris (1981: 46), "Adapun hukum dua perkara pertama hukum adat, kedua hukum syarak. Adapun hukum pada adat itulah nan kita terima daripada nenek kita Dato' Ketemenggungan dan Dato' Perpatih Sebatang ialah enam perkara satu cupak yang asli,

kedua cupak buatan, ketiga kata pusaka, keempat kata muafakat, kelima kata dahulu ditepati, keenam kata kemudian kata bercari.”

Di ceritakan juga dalam manuskrip tambo ini bila mana anak tidak mahu menjadi landasan perahu maka anak buah yang mahu berkorban supaya perahu Dato’ Perpatih sebatang boleh belayar maka setelah belayar diputuskan bahawa yang bakal menerima harta pusaka nanti adalah anak buah yang sanggup berkorban. Anak sendiri menganggap perkara ini tidak penting maka tiada pengorbanannya, jadi ia tidak layak mendapat harta pusaka dan keputusan yang diambil ini juga setelah diminta pendapat cerdik pandai iaitu Cati Bilang Pandai dan bukan keputusan sendiri sahaja. Ertinya ada muafakat untuk mencari suatu keputusan yang terbaik dan inilah yang menjadi panduan dalam membahagikan harta pusaka kemudiannya.

PANDANGAN DAN CADANGAN

Kajian ini mendapati bahawa banyak yang perlu dibuat perubahan dalam Adat Perpatih supaya boleh dirujuk kepada sumber bertulis dan bukan kepada sumber lisan sahaja. Dapatan tentang Undang-Undang Sembilan Pucuk haruslah digunakan dengan sebaiknya dalam Adat Perpatih selepas ini. Semuanya sangat berkait rapat untuk pemurnian adat tersebut bila hendak dibudayakan. Dapatan seterusnya ialah tentang gelaran tokoh adat sebenarnya adalah Dato’ Perpatih Sebatang yang lagi awal lahir dan kemudiannya baharulah Dato’ Perpatih Nan Sebatang. Hal ini haruslah diambil berat dan dibetulkan. Pesanan dan amanat Dato’ Perpatih dan Dato’ Ketemenggungan juga patut dijadikan panduan kerana di dalamnya banyak terdapat nilai-nilai Pendidikan yang boleh dijadikan panduan dalam sebagai pemimpin dan juga rakyat. Menjadi pemimpin adalah yang menjunjung amanah dan menjalankan amanah. Dalam menjadi rakyat perlu berpegang kepada budi, adab, sopan dan juga santun supaya tidak beraja di mata dan juga bersultan di hati.

Pembahagian undang-undang adat juga telah ditemui di mana wujud undang-undang adat Melayu dan juga undang-undang adat Minangkabau. Undang-undang adat

Melayu adalah adat yang dijana oleh orang Melayu sendiri termasuk Aceh, Bugis dan sebagainya. Undang-undang adat berikutnya adalah undang-undang adat Minangkabau yang terangkum di dalamnya Adat Perpatih dan juga Adat Temenggung. Pembetulan harus dibuat segera supaya negeri Melayu lain tidak disebut mengamalkan Adat Temenggung tetapi disebut mengamalkan adat Melayu negeri tersebut.

Perlu juga dijelaskan bahawa Adat Perpatih dan Adat Temenggung selalu bertolong bantu dan bukannya bermusuhan dan mereka juga sering memerlukan walaupun Adat Perpatih berjenjang naik dan Adat Temenggung bertangga turun. Jadi manuskrip tambo Minangkabau yang dikaji ini sungguh bermanfaat sekali dan ini adalah usaha awalan pengkaji untuk menganalisis Undang-Undang Adat Perpatih yang terdapat di dalamnya. Tidak rugi kajian ini kerana banyak perkara besar telah ditemui yang patut dipaparkan terhadap khalayak dan juga pengamal adat itu sendiri. Cadangannya kajian lanjut haruslah dijalani dalam manuskrip tambo ini termasuk dibuat bandingan dengan tambo-tambo yang lain dan dilihat dari segi falsafah dan makna tersirat yang terdapat di dalamnya.

Dalam setiap Tambo Alam Minangkabau kita akan dapati cerita asalnya akan tetap sama iaitu perkaitannya dengan Iskandar Zulkarkain yang berkahwin dengan Puteri Raja Ruhum dan memperolehi anak Maharaja Alif, Maharaja Dipang dan juga Seri Maharaja Diraja. Terdapat juga penceritaan tentang nabi Adam dan juga zaman pemerintahannya. Tidak lari juga dengan penggunaan teromba dan juga undang-undang adat. Jika tambo ini sampai ke tempat lain ia akan disalin semula oleh penyalin dan akan dikaitkan dengan suasana dan keadaan di tempat baru. Namun begitu matlamatnya tetap sama untuk ke arah kebaikan dalam mendidik masyarakat. Malahan tidak keterlaluan juga zaman penjajahan Belanda di Minangkabau terdapat peranan penjajah membuat tokok tambah. Kita harus pandai menilai dan melihat makna dan falsafah di sebaliknya untuk dijadikan panduan.

KESIMPULAN

Manuskrip yang dikaji ini adalah yang bernilai tinggi kerana banyak fakta-fakta terbaik dalam Adat Perpatih yang boleh dijadikan panduan. Di samping itu boleh dibahaskan lagi sehingga banyak falsafah dan makna yang tersirat boleh dibudayakan dalam masyarakat adat dan juga masyarakat kita agar boleh melahirkan masyarakat yang beradab, berbudi, bersopan dan juga bersantun. Manuskrip tambo ini juga membuktikan bahawa hubungan adat di antara Minangkabau dan Negeri Sembilan memang tidak dapat dipisahkan. Di samping itu juga kita dapat gambaran bahawa Minangkabau sudah ada Tamadun dan peradaban yang begitu tinggi sejak lama lagi terutama semenjak zaman kerajaan Dahamasraya sehingga kepada kerajaan Pagar Ruyong dan juga mempunyai rantau yang terbaik sekali seperti Negeri Sembilan yang maju sehingga sekarang.

Sudah sampai masanya kita menjadikan tambo ini sebagai rujukan penting dalam Adat Perpatih. Apa yang perlu kita lihat dan analisis falsafah dan juga makna serta nilai yang tersirat yang ada di sebaliknya. Walaupun ia tidak meletakkan tahun melalui bantuan penyelidik yang pakar dan berpengalaman kita akan dapat jawapan segalanya tentang Adat Perpatih. Setiap perkara yang disampaikannya cukup bernilai dan sepatutnya kita hargai dan janganlah kita pinggirkan. Jika kita pinggirkan dapatan kajian kita akan jadi tidak berapa mantap. Perlulah kita bandingkan juga dengan bahan-bahan yang lain. Usaha-usaha mengumpulkan segala Tambo Alam Minangkabau dan Tambo Adat Minangkabau harus kita buat secara besar-besaran dan perlu kita analisis serta terjemahkan untuk rujukan ramai. Pengamal adat juga boleh jadikan ianya sebagai rujukan penting.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Hj Mohammad. 1964. *Dasar-Dasar Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
Edwar Djamaris. 1981. *Tambo Minangkabau*. Indonesia: Balai Pustaka
H. Datoek Toeah. 1985. *Tambo Alam Minangkabau*. Bukittinggi: Pustaka Indonesia
Himpunan Tambo Minangkabau dan Bukti Sejarah. (1978). Citra: Limakaum

- Jelani Harun. 2008. Kajian Naskhah Undang-Undang Adat Melayu di London. *Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, hlm 134-135.
- Manuskrip. 1822. *Tambo Alam Minangkabau*. Aceh: Sibolga. (Koleksi Peribadi Khairuddin Haji Khudri)
- Tambo, 1824.
- Tenas Effendy. 2000. *Pemimpin Dalam Ungkapan Melayu*. Pekanbaru: Lembaga Adat Melayu Riau.
- <https://indonesia.go.id/kategori/komoditas/718/menyusuri-jejak-datuk-itam-di-sorkam-tapanuli-tengah> (4 November 2021).

PENGARUH KEPIMPINAN RAJA-RAJA DI MINANGKABAU

YULIZAL YUNUS
UIN Imam Bonjol

Minangkabau selain sudah dikenal Negeri 1000 ulama, juga boleh disebut negeri 1000 rajaⁱⁱ (bahasa Minang, Rajo). Terakhir penulis menghitung raja-raja tempatan (di nagari-nagari dan rantau non diaspora) terdapat 200 raja dan atau kerajaan. Raja yang memimpin itu ada yang wilayahnya bernama kerajaan dan ada yang tidak. Raja (rajo) itu terdapat pula beberapa sebutan seperti rajo, sultan (sutan), Daulat, Yang DiPertuan (YDP) dan ada disebut Tuanku seperti Tuankuⁱⁱⁱ Bosa Kebuntaran Talu lainnya. Fungsinya sesuai dengan kedudukan (status) dalam berperan pada Masyarakat Hukum Adat (MHA) di Minangkabau adalah sebagai pucuak adat di kerajaan atau di nagari-nagari berajo-rajo, sama dengan kedudukan Datuk/ Penghulu pada 544 nagari induak di luak dan rantau (non diaspora) yakni sebagai pucuak adat di nagari-nagari itu.

RAJO BERKERAJAAN DAN RAJO DI NAGARI BERAO

Wilayah kepemimpinan raja Minangkabau ada dua bentuk. Di antaranya ada bentuk yang disebut Kerajaan dan ada bentuk yang disebut Kesultanan. Yang berbentuk kerajaan seperti Kerajaan Alam Surambi Sungai Pagu, Kerajaan Siguntur, Kerajaan Sitiung, Kerajaan Padang Laweh, Kerajaan Pulau Punjung serta 3 kerajaan perempuan yakni Kerajaan Koto Besar, Kerajaan Sungai Dareh (Tiang Panjang/ VIP Rajo Pagaruyung) dan Kerajaan Sungai Kambuik di Dharmasraya sekarang.



Inset: Putri Mirahabu Bikanah Rajo Tiong (Raja Perempuan) Kerajaan Sungai Dareh Tiang Panjang Pagaruyung
Gantebor bahwa dia angkat putri yang memulihkan tinggalan istana kepadanya untuk selanjutnya dilakukan sebagai kerajaan orang putri sendiri di Kerajaan Sungai Dareh, berlokasi dengan pemerintah Yusuf Yusup yang dibangun dari Kerajaan Skendo Kanduang Dharmasraya. Putri Hegarit Rosyayati juga putri pewaris Kerajaan Sungai Dareh Dharmasraya.

Yang berbentuk “kesultanan” adalah seperti Kesultanan Minangkabau Darulqadar di Pagaruyung (disingkat Kesultanan Pagaruyung, 1403 M) integrasi Kerajaan Swarnabhumi Dharmasraya (berdiri abad ke-4 M cikal bakal Kerajaan Sriwijaya sekaligus pelanjutnya setelah abad ke-12. Juga ada Kesultanan Inderapura^{iv}, berasal dari Kerajaan Inderapura dan Kerajaan Airpura (berdiri abad ke-4 SM di nagari asal Airpura) berlokasi di wilayah Inderapura Pesisir Selatan, Sumatera Barat sekarang.

Sedangkan wilayah kepemimpinan raja yang tidak berbentuk kerajaan, masih tetap disebut nagari. Nagari-nagari itu, berajara-raja. Spesifiknya, ada terdapat banyak rajo di satu nagari. Seperti di Nagari Koto XI Tarusan, di satu nagari itu terdapat beberapa raja di antaranya, Raja Teratak, Raja Siguntur, Raja Kerajaan Sungai Nyalo, Kerajaan Tarusan lainnya.

Beda di Pasaman, di satu nagari satu raja dengan sebutan berbeda, di antaranya di Nagari Kinali tidak disebut raja/ kerajaan tetapi dalam Tambonya tetap disebut Nagari, pimpinannya disebut “Yang DiPertuan Kinali”; Di Nagari Parik Batu pimpinannya

disebut Daulat Parik Batu; Nagari Kumpulan pimpinannya disebut Bagindo Kali, Nagari Talu pimpinannya disebut Tunaku Bosa Kebuntaran Talu lainnya. Sedangkan yang disebut rajo di Pasaman itu di antaranya rajo Nagari Sasak rajo nagari Air Bangis, rajo nagari Katigan lainnya. Nagari beraja-raja dan Nagari penghulu dulu itu dilihat dari perspektif pemerintahan, karena tata kelolanya sedemikian baik, maka kolonial menyebut nagari sebagai kliene repbuliken (republik kecil). Nagari beraja-raja kerabat, pusatnya di Pagaruyung^v.

Penyebutan nama wilayah rajo dan atau sultan itu sampai sekarang tidak berubah.



Sultan Dr. M Farid Thaib & Istri, dilaksanakan 29 Sept 2018 sebagai Tuanku Abdul Fattah Daulat Yang DiPertuan (DYD) Rajo Alam Kesultanan Minangkabau Darulqadar di Pagaruyung, ia menggantikan Daulat Yang DiPertuan Rajo Alam Minangkabau Sultan H. Mahmud Taufiq Thaib, SH Tuanku Mahaputo Salik (wafat 1 Februari 2018) ia dipilih dalam musyawarah kaum, sepadan calon alam Minangkabau, dihadiri Datuk-nan? Pagaruyung, Bata Ampek Balai, wakil dari daerah istimewa Kerajaan Kotot Pihang Langgaun nara-7 dan wakil Kerajaan kerajaan kerabat ik. 186 kerajaan serta utusan unsur Lubuk Nan Tigo dan Torjuang Nan Ampek dari daerah istimewa Kelerasan Bodil Cengko.

Yakni kerajaan tetap kerajaan, kesultanan tetap kesultanan dan nagari itu tetap nagari. Juga sebutan rajonya tidak berubah. Kalau berubah akan dipandang sebagai mengacaukan tatanan adat Minangkabau. Demikian pula Sultan tetap sultan (sutan) walai disebut lengkapnya pada raja sekarang Sultan M Farid Thaib Tuanku Abdul Fattah sebagai Daulat Yang DiPertuan Rajo Alam Minangkabau Pagaruyung (ganti rajo sebelumnya, Sultan Muhammad Taufiq Thaib yang mangkat sebelumnya). Demikian pula tetap pada nomenklatur sebutan rajo dan wilayahnya seperti “Yang DiPertuan”, “Daulat”, “Tuanku Bosa/ Kebuntaran”, “Bagindo Kali”, “Raja/ Kerajaan”, “Sultan/ Kesultanan” dan sebagainya.

Kesultanan Pagaruyung Darulqadar berpangkal dari Kerajaan Minangkabau berdiri abad ke-14, pernah menjadi imperium. Karena melanjutkan Swarnabhumi pelanjut Sriwijaya setelah runtuhan dipindahkan ke Dharmasraya. Swarnabhumi berdiri di rantau hilir Minangkabau Dharmasraya, Jambi dan Palembang, Ibu Kota di Muara Jambi. Ketika berdiri Sriwijaya di Daerah Palembang dipimpin Raja Islam Sri Indrawarman, mengintegrasikan (bukan menaklukan, karena kerabat matrilineal)

Swarnabhumi Dharmasraya dan Jambi. Dalam Tambo Sriwijaya disebut ketika Sriwijaya lemah diserang Raja Cola dari India sejak 1017 (-1025) sampai runtuhan semua perlengkapan istana dan mahkota raja dipindahkan ke Dharmasraya, membuktikan Swarnabhumi Dahramasraya adalah kerajaan kerabat. Sejak itu Dharmasraya melanjutkan Sriwijaya memayungi semua kerajaan kerabat/ 15 kerabat di Asia^{vi}. Tahun 1347 dipimpin Adityawarman (nama lengkap Srīmat Srī Udayādityawarma Pratāpaparākrama Rājendra Maulimāli Warmadewa, turunan traveling perkawinan dan diplomatik raja Minang - Jawa: ibu Dara Jigga dari Minangkabau, ayah Adwayawarman dari majapahit.

Kerajaan Swarnabhumi di



Dharmasraya tadi dilikwidasi dan dibawa Adityawarman ke Saruaso, diganti nama menjadi Malayapura (integrasi kerajaan lama abad ke-4, yakni Kerajaan Pasumayam Parikbatu di Pariyangan, plus mekaran Pasumayam itu kepada dua kerajaan yakni Kerajaan Bunga Setangkai di Sungai Tarab/

Kerlarasan Koto Piliang Datuk Katumanggungan dan Kerajaan Dusun Tuo Limo Kaum/ Kelarasan Bodi Caniago Datuk Perpatih NanSabatang.

Kerajaan Malayapura kemudian menjadi Kerajaan Minangkabau di Pagaruyung dipimpin Adityawarman (memerintah 1347–1375 M), akhirnya menjadi Kesultanan Pagaruyung Darulqarar tahun 1403 M dipimpin cucu kamanakan Adityawarman (Sutan Bakilap Alam). Dasar pemerintahan adat di kesultanan menjadikan Undang Adat Minangkabau (UAM) berisi 15 pasal 90 ayat (disebut Asbir Dt. Rajo Mangkuto, 2012) sebagai dasar konstitusional kesultanan Pagaruyung Darulqarar. Wujud UAM itu adalah ABS-SBK (Adat Basandi Syara' Sayara' Basandi Kitabullah, hasil perjanjian/ sumpah satia Bukit Marapalam di Puncak Pato Mei 1403 diprakarsai Sultan Bakilap Alam/ Pagaruyung dan Datuk Bandaro Putiah/ Sungai Tarab). Artinya ABS - SBK, bukan adagium, bukan istilah, tetapi adalah sumpah sati (sumpah setia, sumpah sakti) yang kemudian menjadi filosofi MHA di Minangkabau.

ABS-SBK IDENTITAS MINANGKABAU DAN UPDATING

Sumpah Satia Bukit Marapalam itu diperkuat ulang, diupdate dan dire aktualisasi sepanjang sejarahnya. Di antaranya tahun 1837 diakhir Perang Paderi pati sarinya ditulis Syeikh Sulain al-Rasuli dalam tulisan ejaan Arab Melayu (tulisan Jawi). Terakhir Sumpah Sati Bukit Marapalam diperkuat lagi 18 Desember 2018 diprakarsai MUI Sumatera Barat bekerjasama dengan Pemerintahan Kabupaten Tanah Datar. Event itu dilaksanakan setelah seminar ABS-SBK Sumpah Sati Bukit Marapalam di Hotel Emersia Batusangkar.

Di Puncak Pato Bukit Marapalam Tanah Datar dalam waktu yang sama, sore saya (Yulizal Yunus Datuk Rajo Bagindo) didaulat (berorasi tanpa teks - spontan) menyampaikan orasi mewakili Ninik Mamak Pemangku Adat Datuk Penghulu Minangkabau. Secara singkat saya menegaskan pelaksanaan ABS-SBK dengan peranan yang harus dimainkan sesuai kedudukan dan fungsi “tungku tigo sajarangan” (fungsionaris ulama, penghulu dan cadiak pandai) yang bertanggung jawab di garda terdepan dalam pelaksanaan ABS-SBK itu. Ketiga fungsionaris itu dalam berperanan manajemen sharing dalam pelaksanaan ABS-SBK.

Peranan dan sharing fungsi tiga fungsionaris itu, adalah fatwa pada ulama, perintah pada penghulu dan teliti (penelitian) pada cadiak pandai. Prakteknya, ketika melaksanakan adat dirasakan ada bersentuhan dengan syara' (Islam), maka dikeluarkan oleh ulama “fatwa sebagai kebijakan”. Fatwa itu disampaikan kepada penghulu, untuk diperintahkan fatwa itu agar diksanakan oleh masyarakat adat (cucu kamanakan Minangkabau). Setelah lama fatwa sebagai kebijakan adat dan syara' itu, lalu diteliti cadik pandai (kaum intelektual), apalagi ada fenomena masyarakat yang dirugikan dan atau merasa dirugikan dan atau jika ada masyarakat sepihak diuntungkan dan atau merasa diuntungkan, direkomendasi kaum intelektual itu dilakukan revisi fatwa sebagai


kebijakan itu. Rekomendasi dari hasil penelitian itu disampaikan oleh cadiak pandai yang meneliti, kepada penghulu dan ulama, untuk dilakukan advokasi dan revisi. Kalau ketiga unsur fungsionaris “tungku tigo sajarangan” itu bersinerji dalam manajerial sharing pelaksanaan ABS-SBK, pasti kuat pelaksanaan “adat” sebagai bahasa/ kata ganti “kebudayaan” bagi orang Minangkabau dalam keseluruhan sistemnya.

Dalam penguatan dan reaktualisasi serta upadating Sumpah Sati Bukit Marapalam, 18 Desember 2018 itu, pidato utamanya tentang syara’ adalah dari pihak ulama. Ketika itu didaulat (tanpa teks), berpidato langsung, Ketua Umum MUI Sumatera Barat al-Ustadz Gusrizal Gazahar. Saya ingat intinya ia memberi penegasan dalam penguatan “adat disandi syara’ (Islam)” itu, tidak saja hubungannya ibarat aur dan tebing, saling menguatkan keduanya penangkal banjir, tetapi lebih dari itu ibarat hubungan badan dan roh dalam perspektif pelaksanaan ABS-SBK sebagai identitas final Minangkabau. Kaedah itu sejalan dengan petiti: syara’ nan balindung, adat nan bapaneh. Ibarat satu tubuh, Islam itu roh (dalam tubuh) maka adat Minangkabau itu adalah badan (di luar, bisa berhujan berpanas). Tidak “adat Minangkabau” namanya, kalau tanpa rohnya Islam, karenanya dikatakan, “Islam dilaksanakan oleh adat”. Adat Minangkabau itu pengatur prilaku dalam pelaksanaan Islam itu sendiri. Pilosofi petiti Adat Basandi Syara’ - Sayara’ Basandi Kitabullah (ABS-SBK) - di penghulu bersinerji, “Syara’ mangato Adat Memakai (SM-AM)” - di ulama bersinerji dan “Alam Takambang Jadi Guru (ATJG)” - di cadiak pandai, kaum intelektual bersinerji. Karenanya tidak mungkin adat bertentangan dengan Islam. Kalau ada yang sepintas terlihat dan terkesan seperti bertentangan praktek orang dalam pelaksanaan adat dengan Islam, maka itu adalah prilaku, dan bukan adat. Prilaku, pastilah ada prilaku berubah, di mana saja dalam menganut dan memakai nilai, sedangkan nilai Islam dan nilai adat itu tidak akan pernah berubah, tetap dan tidak bergeser. Karena itu dalam mengawal pelaksanaan ABS-SBK itu ditegaskan adalah ketiga unsur fungsionaris “tungku tigo sajarangan” tadi (ulama, penghulu dan cadiak pandai) bersinerji, tidak jalan sendiri-sendiri dalam melaksanakan ABS-SBK sebagai filosofi masyarakat Minangkabau.

Demikian pula mewakili Cadiak Pandai pada acara penguatan ulang Sumpah Satia Bukit Marapalan 18 Desember 2018 itu ialah sejarawan besar Prof. Dr. Mestika Zed didaulat (tanpa teks) berorasi. Singkatnya saya ingat, ia mengeluarkan pemikiran penegas, penting penelitian pelaksanaan ABS-SBK sebagai identitas final orang Minangkabau dan berfungsi sebagai pedoman dalam beradat ber-sandi syara’. ABS-SBK sudah final, tetapi yang belum final itu adalah pelaksanaan ABS-SBK itu berhadapan dengan tantangan global perubahan prilaku menganut dan memakai nilai adat dan Islam. Saya sendiri kata Mestika, insya Allah akan meneliti secara konprehensip bagaimana pelaksanaan ABS-SBK ini dulu, kini dan dalam perspektif ke depan. Namun sejarawan ini sudah wafat, janjinya ini adalah bagian tugas kita sekarang terutama kaum intelektual (cadiak pandai) sejarawan dan pemangku adat, melanjutkan janji itu sebagai bantuan yang dapat diberikan untuk penolong teman yang almarhum. Wallahu a’lam bishshawab!

KERAJAAN KONFEDERASI KERABAT DAN ABS-SBK


Selain ABS-SBK dulu dijadikan sebagai dasar konstitusional Kesultanan Konfederasi Pagaruyung itu juga sumpah, disumpah berat anak cucuk orang Minangkabau. Sumpahnya berat, “siapa saja cucuk kamanakan Minangkabau yang tidak mewariskan dan tidak melaksanakannya ABS-SBK, dimakan bisa kewi (qawi, kekuatan Tuhan), ke atas tidak berpucuk, ke bawah tidak berurat, di tengah digiriak kumbang, dimakan kutuk al-Qur'an 30 Juz”. Artinya dalam pespektif hukum adat “tali tigo sapilin” di Minangkabau (mengikuti Syekh Sulaiman al-Rasuli dalam Yulizal Yunus, 2018) ditegaskan, siapa yang melanggar hukum adat (tali adat: bahukum ka raso jo pareso) sanksinya “punah” keturunannya. Siapa melanggar hukum Islam (tali syara’: basadar ke anggo tanggo yakni sumber dasar Kitabullah) adalah “kafir” baik secara akidah Islam sebagai sandi adat juga kafir dalam adat Minangkabau. Kafir di Minangkabau adalah “kaparat”, prakteknya dalam masyarakat tak menerima kebenaran, tinggi ruok pada galeh (buih di digelas), “galeh penuh” tidak bisa diisi, tidak bejalan pada alur yang lurus, dalam persepsi MHA Nagari-nagari Minangkabau, “kaparat” itu dipandang sebagai “sampah masyarakat”. Demikian pula siapa yang melanggar hukun akal (tali undang: berundang ke alur patut, yakni semua regulasi dan atau peraturan perundang-undangan negara), dihukum sebagai “gila”. Artinya hukum yang dijalankan tidak memberikan rasa adil/ tak pada alur patut, maka dihukumkan sebagai “gila”.



PENTADBIRAN KERAJAAN DAN NEGARA DALAM KESATUAN POLITIK DAN WILAYAH

Kepemimpinan Raja Kerajaan/ Sultan Kesultanan dalam pentadbirannya kasus Kesultanan Pagaruyung kombinasi monarki mutlak dan monarki terpimpin (lihat juga Yulizal Yunus, Makalah Seminar- Panelis Panel Forum KUIM, Malaka 16 Desember 2020). Status itu, terkesan dalam kesatuan politik rayanya. Pemerintahannya otomop dalam sistem konfederasi 186 terakhir penulis catat lebih dari 200 kerajaan dipimpin raja-raja dalam 4 kluster kerabat di ranah dan dirantau.

Kabinetnya memakai sistem perdana menteri (PM) dulu sebelum NKRI mengurus hal ehwal politik dan pemerintahan. PM dijabat Pamuncak Alam merangkap Rajo Sungai Tarab Datuk Bandaro Putih. PM dibantu Menko sebagai Suluh Bendang yakni Tuan Kadhi di Padang Gantiang, , sedangkan raja/ sultan mengurus hal ehwal agama dan adat serta menegakkan hukum untuk memberi keadilan. Karena filosofinya dalam petiti: raja adil raja disembah/ raja zalim raja disanggah. Pimpinan ialah Sri Maharaja Diraja (abad ke-14) dan atau Sultan (abad ke-15) kemudian disebut kepemimpinan Rajo Tigo Selo (3 ber/sila) yakni Rajo Alam (di Pagaruyung), Rajo Adat (di Lintau Buo) dan Rajo Ibadat (di Sumpur Kudus). Membantu pemahaman dapat diskema sebagai bagian informasi dalam body text ini.



Terlihat raja dalam kesatuan politik rayanya spesifiknya tidak menguasai dan tidak menganut teori ekspansionisme, tetapi orbitasi wilayah geografinya sejalan dengan luas genealogis kerabat matrilineal 4 kluster kerabat di ranah - rantau non diaspora. Artinya wilayah kultur dan kerabat, sifat kerajaan konfederasi memayungi kerabat dan tidak struktur. Karenanya luas wilayah tidak diukur dengan kilometer bujur sangkar, tetapi diukur, dengan/ di mana saja ada kerabat (dalam/luar negeri) di situ wilayah kulturnya (suku dan atau bangsa). Lebih tegas lagi, batas wilayah kerajaan dan kesultanan, tidak dibatasi papan nama batas, tetapi adalah diukur dengan di mana tinggal 4 kluster kerabat matrilineal Minangkabau.

KERAJAAN PADA 4 KLUSTER KERABAT MATRILINEAL

Contoh Kerajaan/ Rajo kerabat pada 4 kluster kerabat, yakni (1) kerabat sapih balahan, (2) kerabat kapak radai, (3) kerabat kuduang karatan dan (4) kerabat timbang pacahan) itu yang berada di dalam/ luar negeri:

(1) Kerajaan kerabat Sapih Balahan contohnya Kerajaan Alam Surambi Sungai Pagu^{vii}. Sapih balahan itu ialah keturunan ibu 60 kurang aso (59 niniak) asal usul dari Pagaruyung pindah ke rantau Muara Labuh, wilayah Solok Raya Sumatera Barat juga. Ninik 60 kurang aso itu, berkembang dan memiliki raja dalam kaumnya dan seperti kerajaan kerbat lainnya penobatan/ pengukuhan raja^{viii} dibawa ke Pagaruyung.

(2) Kerajaan kerabat kapak radai, contohnya Kerajaan Banda 10 (Banda-10, kota pantai based pelabuhan), wilayah ini tidak lazim disebut kerajaan, tetapi 10 nagari itu dipimpin rajo kerabat kapak radai Pagaruyung. Sepuluh nagari pada Bandar 10 itu adalah: Nagari Batangkapas, Nagari Taluk, Nagari Taratak, Nagari Surantih, Nagari

Ampiang Parak, Nagari Kambang, Nagai Lakitan, Nagari Palangai, Nagari Sungai Tunu dan Nagari Punggasan. Kerabat kapak radai dimaksud pada Banda-10 itu adalah limpahan keturunan ibu (dari ibu/ ninik 60 kurang aso Alam Surambi Sungai Pagu) yang melimpah (mekar ketunannya) ke Banda-10 dalam wilayah Pesisir Selatan Sekarang. Karenanya kedudukan Alam Surambi Sungai Pagu adalah pucuk rantau. Sedangkan di Banda-10 tuo kerapatannya adalah di Banda Nagai Ampiang Parak, karena dahlu rajo pertama Alam Surambi Sungai Pagu dulu pernah berkedudukan di Ambacang Manih di Banda Ampiang Parak itu.

(3) Kerajaan kerabat kuduang karatan contohnya Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus, semula dipimpin raja Malewar (memerintah 1773-1795) dijemput dari Kesultanan Pagaruyung. Kuduang karatan dimaksud adalah turunan saudara ibu laki-laki yang memerintah dan berkembang di ranatu yakni Negeri Sembilan Darul Khusus. Karena tidak dapat dimungkiri, hubungan Minangkabau satu nasab dua bangsa - negara.

(4) Kerajaan kerabat timbang pacahan, contohnya Buansa dan Kerajaan Sulu di Philipina Selatan, awalnya Buansa dipimpin Rajo Bagindo (Ali Raja Baguinda, dari Minangkabau) kemudian anak minantunya melimpah (mekar, berkembang) ke Sulu dan mendirikan kerajaan Sulu pertengahan abad ke-15. Timbang Pacahan yang dimaksud adalah kerabat mekar dari keturunan saudara laki-laki (Raja Baguinda) melimpah (mekar) ke negeri sebelah (Buansa ke Sulu). Buansa dan Sulu bahkan Manila dengan Raja Sulemannya adalah juga satu nasab dua bangsa - negara.

RAJA TANPA SINGGASANA, YANG ADA KEDUDUKAN

Raja Kerajaan dan atau Sultan Kesultanan di Minangkabau, tidak sama dengan kerajaan-kerajaan lain di dunia. Kalau raja-raja di dunia memiliki singgasana dan istana, maka raja-raja Minangkabau tidak punya Singgasana dan istana secara fisik. Tetapi dalam menjalankan fungsinya untuk berperan raja dan atau sultan hanya mempunyai kedudukan^{ix} di Balairung (tempat kerapatan/ persidangan raja).

Dalam kerapatan raja duduk bersila, bermusyawarah mengambil mufakat (keputusan) di balairung itu dan atau di tempat tinggal pribadinya. Justru kekuatan raja bukan pada singgasana, tetapi berada kedudukan dalam kerapatan 4 kluster kerabatnya di ranah dan di rantau (non diaspora) dalam perspektif asal usul orang Minang.

Raja berfungsi sebagai pucuk adat sesuai kedudukannya “gandang basa batuah”. Secara historis dan prakteknya, fungsi raja ada dua bentuk: (a) rajo sebagai nomenklatur dan atau penamaan gelar adat dengan fungsi pucuk adat pada suku yang berbasis pada kampung dan atau di nagari, yang dalam tataran ini “rajo tidak mempunyai kerajaan”; (2) rajo adalah posisinya sebagai pimpinan kerajaan (atau sultan di kesultanan) dan fungsinya tetap pucuk adat. Dalam tataran ini, rajo punya kerajaan dan memimpin kerajaan itu.

Spesifik rajo-rajo di Minangkabau seperti tadi disebut: (1) raja tidak mempunyai singgasana yang rajo duduk menjuntaikan kaki, seolah rakyat di bawah kaus kakinya, (2) karenanya tidak ada persembahan kepadanya “di bawah duli yang maha mulia”, karena rakyat tidak di bawah kaus kakinya, (3) yang ada pada rajo Minangkabau hanya kedudukan, yang duduknya sesuai struktur sosial adat (preseance protokol adat), duduk bersila, boleh sedikit ditinggikan seperti di anjung balairung/ rumah gadang, atau ditinggi dengan kasur atau bantal, itu dalam kelarasan koto piliang, (4) raja duduk bersila itu, telapak kakinya ke belakang, tak boleh rakyat/ cucu kamanakan di bawah telapak/ kaus kakinya, (5) Raja mengambil mufakat (keputusan) dengan musyawarah mirip dengan demokrasi “deliberatif” (norman: pisang sikalek hutan, integrasi antara dua kelarasan: koto piliang dan bodi caniago), proses rapat/ musyawarah, masalah diketengahkan, ditimbang-timbang, ditimbang di atas yang ada, dalam forum musyawarah itu, artinya raja tidak dengan sendiri menghitam memutihkan, tetapi menurunkan kesepakatan hasil musyawarah untuk dilaksanakan masyarakat adat/ cucu kamanakan, (6) Quorum musyawarah adalah perwakilan yakni penghulu dari masing-masing suku, (7) mufakat (keputusan) diambil secara bulat (bulat segolong, pipiah/picak selayang) tidak bulat bersanding seperti demokrasi ala barat “one man one vote”, (8) hasil mufakat itu diperintahkan rajo kepada rakyat (cucu kamanakan/ anak nagari ranah - rantau), dan kalau ada kesepakatan adat itu bersentuhan dengan syara’, penghulu bermufti (minta fatwa ulama) lalu diperintahkan untuk dilaksanakan, (9) pelaksanaan kesepakatan kerapatan dan fatwa ulama sebagai kebijakan dilaksanakan anak nagari/ rakyat: cucu kamanakan, setelah cukup lama, maka diteliti oleh cadiak pandai untuk selanjut direvisi kalau kemungkinan ada kekeliruan hasil mufakat yang dilaksanakan itu dan atau yang (merasa) dirugikan dan atau (merasa) diuntungkan.

Meski raja tidak memiliki Singgasana, kedudukan raja (pewaris) masih kuat didukung 4 kluster kerabatnya di ranah dan rantau (non diaspora). Dahulu dan sekarang secara ideal dalam perinsip-perinsip adat, kekuatannya sama. Artinya kedudukan raja diakui atau tidak oleh organisasi adat di nagari tempatan, tidak masalah, karena yang mengakui raja adalah 4 kluster kerabatnya, diakuinya sebagai raja/ pucuk adat mereka. Yakni legitimasi raja diberikan oleh 4 kluster kerabat matrilineal di ranah dan di rantau, meskipun pemerintahan raja tidak eksis lagi setelah kemerdekaan Indonesia (NKRI).

Artinya kedudukan raja pada aspek pemerintahan NKRI, sudah tidak adalagi sejak Kemerdekaan RI, karena kekuasaan pemerintahan raja sudah diserahkan kepada pemerintahan NKRI. Sekaligus menyerahkan aset tanah, air dan udara untuk mendapat perlindungan kepada kedaulatan NKRI, tetapi bukan melepaskan hak milik. Artinya ulayat rajo tetap dimiliki rajo (milik rajo) untuk dimanfaatkan sebesar-sebesarnya sejalan dengan perlindungan yang diberikan NKRI adalah untuk kesejahteraan dan kemakmuran cucu kamanakan (rakyat) di nagari / wilayah kerajaan.



Casp; al-Watsiq bi
Imayatullah al-Azhim
Sultan Sri Maharaja Dimpa
Ibn al-Jallal Imayatayah al-
Marhum,

Maknanya, kedudukan raja dari perspektif adat masih kuat dalam masyarakat adat dan dalam perspektif pengakuan asal usul oleh 4 kluster kerabat ranah dan rantau. Raja masih penting dalam pentadbiran aspek pelaksanaan adat, agama dan pemberian keadilan. Raja, justru punya tagline dan atau theme line tertera sebagai bagian text stempel raja-raja itu. Taglinenya itu “al-watsiq bi ‘inayatillah al-‘azhim” (raja senantiasa di bawah pengawasan Allah Yang Maha Agung).

Dengan tagline termaktub pada stempel raja itu, maka raja dalam memerintah secara adat diakui sampai sekarang, raja, tidak bisa tanpa musyawarah dalam mengambil mufakat (memutuskan), dan musyawarah itu adalah amanat syara’ (agama, sandi adat) sebagai sumber dan sandinya, “wa syawirhum fi l-amri/ bermusyawarahlan dalam segala hal”. Artinya raja tidak boleh berbuat zhalim karena diawasi Allah, tetapi menjadi sumber keadilan. Norma adat: “Raja adil raja disembah/ raja zhalim raja disanggah”. Karenanya pula, raja sumber kebenaran. Raja mesti berjalan (memerintah) pada jalan (aturan) yang lurus (bajalan di nan luruih) dan berkata pada yang benar (bakato di nan bana). Raja sumber keindahan sikap dan perlakunya, karena yang mengajarkan Allah Yang Maha Indah (Jamil) dan “suka kepada yang indah” itu .

Sekarang, karena pengaruh fenomena populer yang senang serba siap saji dan pengaruh negatif globalisasi plus kemajuan informasi dan iptek canggih, maka kharisma (pewaris) raja tidak lagi seperti dahulu kuat wibawanya. Malah raja sekarang di kalangan awam (umum yang tak paham adat dan asal usul) sering meniadakan pewaris raja, dan kerajaan di Minangkabau disebut tidak ada. Saya kira ini a-histori, tidak boleh dipegang, karena dokumen banyak dan pengakuan dunia, besar.

Peranan raja dan institusinya dalam politik hampir tidak ada kewajiban, sejak kekuasaan raja Minangkabau seperti juga raja dan sultan di nusantara diserahkan kepada NKRI sejak proklamasi 17 Agustus 1945. Hanya saja ada hak pilih dan memilih dalam pemilu, baik pemilihan Wali Nagari, Bupati/ Wali Kota, Gubernur, Presiden dan calon legislatif mulai dari Bamus, DPRD Kaupaten/ Kota dan Pusat DPR RI - MPR RI dan DPD - MPR RI.

Kadang sistem demokrasi barat yang dipakai dalam pemilu “one man one vote” itu, membuat peranan mereka “tagaduhan”, tanpa disadari mereka diseret-seret untuk mendukung para calon secara sepihak, dan berpihak-pihak. Situasi keberpihakan itu melemahkan peranan mereka bahkan kadang membuka peluang cucu kamanakan mereka “mandago” (melawan)



mamak datuk penghulunya karena tergoda iming-iming dari para calon yang berbeda dalam pemberian dukungan dan atau pilihan. Apalagi demokrasi ala barat seperti ini berbeda jauh dengan sistem suksesi kepemimpinan ninik mamak datuk penghulu yang diselenggarakan dengan sistem forum “musyawarah”, dengan quorum “perwakilan” kaum adat/ suku dalam mengambil mufakat (keputusan). Dalam mengambil mufakat itu senantiasa dipimpin oleh hikmah (nilai dasar) dan kebijaksanaan (nilai instrumental dan praksis) seperti diamanahkan sila ke-4 Pancasila sebagai Dasar Negara Republik Indonesia.

Sungguhpun peranan raja dalam pentadbiran negara di bidang politik tidak ada kewajiban, namun peranan mereka penting sebagai partisipan menyukseskan pemiluk sebagai pendidikan politik rakyat dan mengawal kerukunan hal ehwal pemerintah dalam pembangunan seluruh aspek kehidupan bermasyarakat, berbangsa dan bernegara bahkan memelihara agama sebagai sandi adat. Fenomena peranan raja sesuai fungsinya itu, menginspirasi sebagai peluang strategis dalam memajukan dunia melayu dunia Islam (DMDI) dan pembelajaran bagi nagari-nagari termasuk di 50 Kota dalam pemilu sebagai pendidikan politik masyarakat tempatan.

Pentingnya peranan rajo sebagai pucuk adat itu disebabkan tiga hal mendasar. Pertama status mereka sebagai pucuk adat di nagarinya, yang rakyat itu semua adalah cucu kemenakan mereka; Kedua, mereka punya kharisma (diohormati, disegani sebagai nan gadang basa batuah, yakni gadang di kaumnya, basa di sukunya dan batuah di nagari sebagai pucuk adat) dan Ketiga aktifitas^x sesuai dengan status dan kharismanya sebagai pemangku adat pemimpin cucu kamanakan, berpeluang memperkuat kesejahteraan mereka. Malah kadang “stutus”, “kharisma” serta “aktifitas” raja bersama 4 kluster kerabatanya di ranah rantau, maka sering raja dibujuk dan dimanfaatkan untuk mendukung secara sepihak dan berpihak-pihak oleh calon kepala daerah/ pemerintah dan calon legislatif untuk meningkatkan elektabilitas mereka, bahkan dimanfaatkan pemerintah sebagai partisipan mendorong lajunya pembangunan.

Terlebih dalam mendorong masuknya investor oleh pemerintah, banyak peran rajo “tagaduh” dan “ulayat rajo” pun tagaduah. Ulayat rajo, semula adalah perlindungan raja terhadap ulayat rajo, yang penggunaannya dimanfaatkan sebesar-besarnya untuk peningkatan kesejahteraan cucu kamanakan mereka. Namun tiba-tiba investor masuk, pemerintah kadang lebih mementingkan investor dibanding rajo dan atau penghulu sebagai pucuk adat di kaumnya. Muncul strategi politik belah betung, yang satu diangkat/ dihargai dan yang satu dipijak/ tidak “dipandang”. Rajo tidak dipandang sebagai investor. Sebenarnya kalau investor yang datang dari luar adalah membawa dana tunai, sedangkan rajo adalah juga investor dengan modal menyediakan ulayat rajo dan atau ulayat penghulu.

Karena pemerintah mementingkan investor yang datang, rajo dirayu-rayu untuk menjual/ melepaskan hak milik ulayatnya, bahkan dipaksa untuk memberikannya sebagai “hak guna”. Sialnya hak guna itu, setelah habis masa perjanjian, tanah itu pun tak kembali

kepada rajo sebagai ulayat yang dikuasainya, tetapi menjadi milik negara. Padahal negara dalam Undang-undang tidak memiliki, tapi memberi “perlindungan”. Akhirnya lahan rajo dan atau penghulu sebagai investasi lenyap lenyap beralih kepada investor dan pemerintah. Investor mendapat tanah rajo dibeli murah dan atau memiliki hak guna, dipasilitasi pemerintah dan menjadi agunannya ke bank untuk mendapat dana pinjaman, lalu lahan digarap dengan dana pinjaman bank oleh investor, yang seperti investor yang datang tidak memiliki modal, hanya bergantung kepada ulayat rajo yang dipaksa tergadai itu. Faktanya investor menjadi kaya, pemerintah beruntung, sedangkan rakyat rajo gigit jari, tak mendapat apa-apa selain ganti rugi (walau diganti tetap rugi), malah banyak fakta rakyat raja pemilik lahan, menjadi kuli di tanah sendiri.

Padahal kalau disadari, pemerintah bisa berpihak kepada rakyat sekaligus investor, yakni dengan memfasilitasi dengan regulasi “manajemen sharing” dan “sharing keuntungan”, dalam usaha mengelolaan investasi dari investor yang datang dengan membawa modal uang tunai, dan rajo dan atau datuk penghulu sebagai investor menanti dengan investasinya menyediakan lahan rajo dan atau lahan penghulu pucuk adat itu. Namun strategi sharing keuntungan ini benar, yang tidak dilakukan. Saya kira fenomena ini menginspirasi, untuk mengambil pemikiran dan perencanaan strategis dan mengubah tantangan menjadi peluang, yakni bagaimana mengelola lahan rakyat yang dilindungi rajo dan datuk penghulu sebagai pucuk adat secara adil berbasis adat dan agama serta regulasi hukum formal dipasilitasi pemerintah dengan regulasi “manajemen sharing” dan “sharing keuntungan”. Justru nagari barajo-barajo juga ada di 50 Kota (tetapi pakah pewarisnya masih eksis, belum teramat). Nagari barajo-rajo itu^{xi}, seperti Rajo Luak 50 di Air Tabik Payakumbuh, Rajo Ulu Situjuah Banda Gadang, Rajo Lareh Sitanang Muaro Lakin, Rajo Sandi Koto Nan Gadang lainnya.

Sebagai bagian pentadbiran rajo dan atau penghulu sebagai pucuk adat, boleh manajemen sharing dan sharing keuntungan ini, dikembangkan. Kita turut merekomendasikannya dalam pengembangan ekonomi rakyat dan ekonomi kreatif di nagari-nagari termasuk di nagari-nagari 50 Kota yang nomenklaturnya sama dengan nama suku di Negeri Sembilan Darul Khusus itu. Pemikiran ini bagian yang boleh kita sumbang kembangkan sebagai berbagi wawasan dalam kerangka perwujudan Negeri Kembar 50 Kota Sumatera Barat, Indonesia dan Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia.

Pemikiran dan berbagi wawasan ini sudah terpikirkan datuk penghulu dan rajo sebagai pucuk adat di 50 Kota serta pendamping dan konsultan oleh Pusat Kajian Adat Syara’ (PUKAS) yang dipayungi STAI YASTIS PADANG dipimpin Ketua Dr. Abdurrahman, MA sebagai salah satu perguruan tinggi Islam binaan UIN Imam Bonjol Padang melalui KOPERTAIS Wilayah VI yang dipimpin/ koordinator Rektor Prof. Dr. Martin Kustati, M.Pd. Forum berbagi wawasan itu yang digagas itu didukung DPD RI - MPR RI dalam wujud forum “Sosialisasi Empat Pilar MPR RI” di pertengahan Ramadhan ini, diikuti pertemuan datuk penghulu 50 Kota dalam event yang sama. Tentu saja forum pemikiran tadi akan diperkuat dan terumus dalam “Seminar Antara Bangsa

Kebudayaan dan Adat Minangkabau Negeri Kembar 50 Koto dan Negeri Sembilan”, dengan thema “Pegaruh Kepimpinan Adat Minangkabau di Alam Melayu”, tarikh 5 April 2022 ini, tempat dalam talian (link Zoom). Seminar adalah atas anjuran Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), bekerjasama dengan Lembaga Kerapatan Adat Alam Minangkabau (LKAAM) Kabupaten 50 Koto Sumatera Barat, Indonesia.***

Endnote

ⁱYulizal Yunus Dt. Rajo Bagindo (UIN Imam Bonjol), “Pengaruh Kepemimpinan Raja-raja di Minangkabau”, Makalah Seminar Antara Bangsa Kebudayaan dan Adat Minangkabau Negeri Kembar 50 Koto dan Negeri Sembilan, thema “Pegaruh Kepimpinan Adat Minangkabau di Alam Melayu”, 5 April 2022. (Zoom: ATMA - UKM dan LKAAM 50 Kota).

ⁱⁱBaca lebih lanjut, Yulizal Yunus, Sejarah Kerajaan-kerajaan Lama di Pesisir Selatan. (Painan: Pemkab Pesisir Selatan, 2018).

ⁱⁱⁱTuanku juga gelar diberikan kepada ulama di samping sebagai sebutan untuk fungsi raja di Minangkabau. Tentang Tuanku ini lihat juga Jeffrey Hadler, Sengketa Tiada Putus, Matriarkat, Reformisme Agama dan Kolonialisme di Minangkabau. (Jakarta: Freedom Institute, 2010), h.29. Mengenai Tuanku Bosa, lihat lebih jauh Yulizal Yunus, Talu Pangkal Tali, Indonesia Ujung Kata, 70 Tahun Fadlan Maalip Tuanku Bosa XIV. (Padang: IRSECD, 2012).

^{iv}Yulizal, Yunus, Pesisir Selatan dalam Dasawarsa 1995-2005 di Bawah Kepemimpinan Bupati . H. Darizal Basir. (Padang: IAIN-IB Press - Pemkab Pesisir Selatan, 2004), h.33. Lihat juga lebih jauh Yulizal, Yunus: Kesultanan Indrapura, dan Mandeh Rubiyah di Lunang, Spririt Sejarah dan Kerajaan Bahari hingga Semangat Melayu Dunia. (Padang: IAIN-IB Press - Pemkab Pesisir Selatan, 2004)

^v Lihat juga, Elizabet E.Graves, Asal Usul Elite Minangkabau Modern, Respon terhadap Kolonial Belanda Abad XIX/XX. (Jakarta: YOI, 2017), h.35

^{vi}Lihat lebih jauh, Yulizal, Yunus, Kesultanan Pagaruyung, Jejak Islam pada Kerajaan-kerajaan di dharmasraya. (Puslitbang Lekur, Khazanah Keagamaan dan Manajemen Organisasi Badan Litbang dan Diklat Kementerian Agama RI, 2017).

^{vii}Baca lebih banyak Yulizal, Yunus, Sejarah Kebudayaan Masyarakat Solok Selatan. (Padang Aro: Pemda kab Solok Selatan, 2010).

^{viii}Rusli Amran, Sumatera Barat hingga Plakat Panjang. (Jakarta: Sinar Harapan, 1981),h.13

^{ix}Yulizal, Yunus, “Peranan Institusi Raja dalam Memelihara Kedaulatan Bangsa Melayu dan Agama Islam”, Makalah Seminar- Panelis Panel Forum KUIM 16 Desember 2020. (Malaka: KUIM, 2020), h.12

^xPenunjukan peranan sesuai status dan fungsi, ada bagian kegiatan yang dimainkan. Lihat juga pemaknaan role dari perspektif sosiologis, dalam Soerjono Soekanto, Kamus Sosiologi. (Jakarta: Rajawali1983), h.308 ^{xi}Yulizal, Yunus, Kesultanan Pagaruyung, Jejak Islam pada Kerajaan-kerajaan di dharmasraya. Loc.Cit, h.157. Lihat juga lebih luas Raudha, Thaib, ed. Direktori Minangkabau, Padang: BPAAM, 2012